

BELAHAN JIWA

WANITA

DALAM NOVEL

A. SAMAD SAID

NASKHAH CONTOH

BELAHAN JIWA

WANITA
DALAM NOVEL
A. SAMAD SAID

ROSNAH BAHARUDIN

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2000

NOVEL
A. SAMAD SAID
WANITA
ROSNAH BAHARUDIN

UNIVERSITI
MALAYA
KUALA LUMPUR

Cetakan Pertama 2000
© Rosnah Baharudin 2000

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-
Penerbitan

Rosnah Baharudin

Belahan jiwa: wanita dalam novel A. Samad Said / Rosnah Baharudin.

Bibliografi: hlm. 333

Mengandungi indeks

ISBN 983-62-6729-8

1. A. Samad Said (Abdul Samad Said), 1935 -- Authorship.

2. Malay fiction--History and criticism. 3. Women in literature.

I. Judul.

899.2309

M

899.2309

ROS

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS
Ampang/Hulu Kelang
Selangor Darul Ehsan

M1041172
Hadiah

23 AUG 2001
PERPUSTAKAAN NEGARA
MALAYSIA

Kandungan

<i>Penghargaan</i>	vii
PENDAHULUAN	1
1 RIWAYAT HIDUP A. SAMAD SAID	16
2 WANITA DALAM MASYARAKAT	67
3 KONTEKS ZAMAN DAN MASYARAKAT MANUSIA DALAM NOVEL A. SAMAD SAID	111
4 WANITA DALAM NOVEL	208
5 KESIMPULAN	305
<i>Nota</i>	309
<i>Bibliografi</i>	333
<i>Indeks</i>	355

Penghargaan

SYUKUR ke hadrat Allah Subhanahu wa-Ta'ala kerana dengan taufik dan inayat-Nya akhirnya buku ini dapat diterbitkan. Dalam menyelesaikannya saya banyak menerima bantuan yang sangat bermakna. Pertama dan terpenting, diucapkan terima kasih kepada Prof. Dr. A. Wahab Ali atas bimbingan dan kritikan membina. Juga tidak lupa kalungan terima kasih kepada teman-teman di Jabatan Persuratan Melayu yang sentiasa memberikan galakan, rangsangan dan cabaran. Antaranya ialah Prof. Madya Dr. Ungku Maimunah Mohd. Tahir, yang sentiasa sudi diajak berbincang dan banyak membenihkan idea yang bernas.

Terima kasih yang tidak terhingga untuk Sasterawan Negara Datuk A. Samad Said atas kesudiannya ditemuramah. Begitu juga Puan Salmi Manja.

Saya juga merakamkan terima kasih kepada Universiti Kebangsaan Malaysia yang mengizinkan saya bercuti sabatikal bermula pada Julai 1993 hingga April 1994 yang membolehkan saya menyelesaikan penulisan buku ini.

Tidak dilupakan juga Tuan Haji Hamzah Hamdani dan Puan Nor Azmah Shehidan dari Dewan Bahasa dan Pustaka yang menyunting buku ini, terima kasih diucapkan.

Akhir sekali terima kasih kepada ayahanda, kanda

PENGHARGAAN

dan anakanda yang sentiasa bersikap memahami, memberi galakan dan ruang untuk saya menyelesaikan penulisan buku ini dan mencapai cita-cita. Percayalah, bagi seorang wanita selain keinginan yang tidak kunjung padam untuk mencapai kejayaan, sokongan seperti inilah yang memungkinkan impian menjadi kenyataan.

Bunga selasih di rimbun padi,
Melati tumbuh di tepi taman;
Terima kasih daun keladi,
Budi kalian jadi kenangan.

Rosnah Baharudin
Jabatan Persuratan Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
Disember 1999

Pendahuluan

A. SAMAD SAID adalah antara pengarang terpenting dalam dunia kesusasteraan Malaysia. Kepentingannya berdasarkan iltizamnya yang kental dalam menghasilkan karya, dan juga pengiktirafan yang diberikan oleh kerajaan Malaysia, para sarjana dan pada peringkat ASEAN. Beliau telah dua kali memenangi anugerah tertinggi daripada kerajaan Malaysia: pada 2 Mei 1976 beliau diiktiraf sebagai Pejuang Sastera dan pada 25 Februari 1986 beliau dikurniakan Anugerah Sastera Negara. Pada tahun 1976, beliau dianugerahkan S.E.A. Writes Award oleh kerajaan Thailand. Pada 10 Oktober 1993 beliau menerima anugerah ASEAN bagi kategori sastera di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, kerana sumbangannya yang besar dalam bidang sastera. Pada Pertemuan Nusantara ke-X pada 19 April 1999 beliau telah menerima Anugerah Sastera Nusantara.

Dari sudut pengiktirafan sarjana pula, novel sulungnya, *Salina*, yang diterbitkan pertama kalinya pada tahun 1961, dianggap mencapai taraf antarabangsa.¹ Novel itu juga menjadi titik pemisah yang penting antara hasil-hasil karya angkatan penulis sebelumnya seperti Ishak Haji Muhammad, Harun Aminurrashid, Abdullah Sidek dan lain-lain.² Dua buah novelnya iaitu *Daerah Zeni* dan *Hujan Pagi* memenangi Hadiah Sastera Malaysia bagi kategori novel untuk tahun 1984/85

dan 1986/87. Beliau merupakan pengarang yang menulis pelbagai genre seperti, sajak, drama, esei, autobiografi, terjemahan, kritikan, novel remaja dan novel dewasa. Semenjak mula berkarya pada tahun 1953, beliau terus berkarya hingga kini. Ketekunannya menghasilkan karya yang sentiasa membawa pembaharuan teknik – khususnya novel – sekali gus mengiktiraf A. Samad Said sebagai pengarang yang konsisten, serius dan gigih berkarya.

Namun demikian, sehingga tahun 1995 kajian yang mendalam tentang A. Samad Said dan karya-karyanya agak kurang. Jika ada pun dikaji, novel-novelnya dilihat dalam skop perkembangan kesusasteraan secara umum dan bersama pengarang lain. Antaranya ialah kajian Abdullah Tahir yang diterbitkan berjudul *Proses Penciptaan Novel: Ishak Haji Muhammad, A. Samad Said dan Shahnnon Ahmad* (1989), kajian A. Wahab Ali yang diterbitkan berjudul *Imej Manusia dalam Sastera* (1988), dan kajian S. Othman Kelantan yang juga diterbitkan berjudul *Kecenderungan Baru dalam Novel Melayu: Satu Kajian Struktur* (1987).

Dalam buku yang pertama itu, sesuai dengan kajiannya tentang tiga orang pengarang, Abdullah Tahir membahagikan kajiannya kepada tiga bahagian. Dalam bahagian mengenai A. Samad Said, beliau membincangkan proses penciptaan novel-novelnya bermula daripada *Salina* yang ditulis ketika berumur 23 tahun dan baru bekerja di Utusan Melayu. Novel itu ditulis untuk menyertai peraduan menulis novel anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1958. Tema *Salina* berkisar pada kehidupan sekumpulan manusia kecil (se-tinggan) yang tinggal di Kampung Kambing di pinggir kota Singapura pada sekitar tahun 1950-an. Suka-duka hidup watak lelaki dan wanitanya, yang sebahagiannya dipetik daripada pengalaman sendiri, disorot dengan mendalam oleh pengarang. Teknik penulisan yang diterapkan dalam novel ini merupakan sesuatu yang baru

pada zamannya. Kajian ini juga menyentuh proses penciptaan novel A. Samad Said yang berjudul *Sungai Mengalir Lesu* yang merupakan kisah nostalgia yang dipetik daripada pengalaman kehidupan remaja pengarangnya ketika Perang Dunia Kedua.

Dalam kajian A. Wahab Ali pula, fokus perbincangan tertumpu pada imej manusia dalam sastera Melayu. Imej itu dibahagikan kepada imej pemimpin, imej wanita, imej petani dan nelayan, imej manusia bukan Melayu dan imej manusia kerdil. Watak-watak novel A. Samad Said dibincangkan berdasarkan kategori imej yang disebutkan di atas. Kajian terhadap watak-watak dalam novel *Salina* dan *Sungai Mengalir Lesu* itu dilakukan secara terperinci dalam Bab VII di bawah judul "Imej Manusia Kerdil".

Watak-watak dalam dua buah novel itu dimasukkan ke dalam kategori manusia kerdil kerana novel-novel itu menyorot kehidupan orang miskin yang melarat, sengsara dan terbiar di kawasan sesak di pinggir kota Singapura. Novel *Salina* mengambil latar masa selepas Perang Dunia Kedua dan *Sungai Mengalir Lesu* pula menggunakan latar zaman pemerintahan Jepun. Dalam buku itu ditunjukkan keadaan dan situasi masyarakat dan latar belakang nasib sosial watak-watak sangat mempengaruhi cara berfikir dan bertindak mereka dalam kehidupan sehari-hari. Kekurangan pendidikan formal dan agama menyebabkan ramai watak terjebak dalam kehidupan mungkar.

Kajian S. Othman Kelantan pula mengupas sudut struktur, iaitu kecenderungan baru yang diutarakan oleh beberapa pengarang dalam novel mereka. Kecenderungan baru A. Samad Said dilihat dalam novel *Salina*. Kelainan dan penyimpangan yang amat ketara adalah dalam bahagian pembinaan watak, jalinan plot, pengemukaan tema, pemilihan latar, pemilihan sudut pandangan, teknik penceritaan dan stail. Pembaharuan dalam bahagian-bahagian yang disebut itu terserlah

jika dibandingkan dengan novel-novel Melayu yang lahir sebelumnya.

Secara umum, kajian-kajian itu sekadar mengkaji proses penciptaan novel serta menganalisis dua buah novelnya yang terawal dari sudut imej watak dan pembaharuan dari sudut struktur.

A. Samad Said banyak dan luas sumbangannya kepada sastera Malaysia menerusi karya-karya yang dihasilkannya: novel, cerpen, sajak, esei dan drama. Tidak ketinggalan juga sumbangannya sebagai editor sastera terutama ketika bekerja di akhbar *Berita Harian* (1959–1987). Namun adalah sukar untuk mengkaji semua aspek mengenai A. Samad Said secara mendalam. Aspek yang ingin diteliti dalam buku ini ialah aspek wanita dalam novel A. Samad Said.

Genre novel diberikan perhatian selaras dengan pengakuan A. Samad Said sendiri bahawa “novel memberikan satu kemungkinan dunia kerana apabila menulis novel, kita seperti dianugerahkan dunia”.³ Ini adalah kerana dalam novel juga boleh disisipkan esei, dialog, deskripsi, puisi dan lain-lain lagi. Genre novel dengan sifatnya sebagai cereka panjang membolehkan plot dan watak berkembang. Malah wataknya sering banyak pula bilangannya. Bagi novel yang menggunakan latar belakang sejarah sosial, kemungkinan untuk memperjelas tema yang digarap lebih ketara. Novel juga berkemampuan menjadi media untuk pengarang menyampaikan konsep, falsafah atau pendirian terhadap sesuatu perkara. Selain itu, novel dapat melukiskan kehidupan watak dalam sesuatu latar masa dan tempat yang tertentu.

Aspek tumpuan kajian ini adalah pada perubahan kedudukan dan peranan sosial watak wanita, dalam novel⁴ A. Samad Said, khususnya pada era yang diangkat oleh pengarangnya. Ini adalah kerana dalam novelnya A. Samad Said, secara sedar mengangkat era sejarah tanah air iaitu sebelum Perang Dunia Kedua,

zaman Perang Dunia Kedua, selepas Perang Dunia Kedua dan selepas merdeka. Secara tidak langsung dengan berasaskan zaman itu, perubahan kedudukan dan peranan sosial wanita akan lebih mudah dikesan.

Dalam novel-novel seperti *Sungai Mengalir Lesu* dan *Di Hadapan Pulau*, watak wanitanya yang digambarkan sama seperti anggota masyarakat lain turut menerima akibat perang. Sebaliknya, dalam novel-novel yang mengambil latar belakang zaman selepas merdeka seperti *Langit Petang*, *Daerah Zeni* dan *Hujan Pagi*, perubahan kedudukan dan peranan watak wanita dalam masyarakat jelas kelihatan. Dari segi sosialnya mereka lebih bebas bergerak dalam masyarakat seperti keluar bekerja, dan bergiat dalam kegiatan persatuan, selain bebas bersuara. Kebebasan ini sejajar dengan bertambah ramai pula wanita yang berpeluang mendapat pendidikan hingga ke peringkat pengajian tinggi di dalam atau di luar negara. Perubahan itu sekali gus dapat mengubah cara berfikir dan sikap mereka dalam kehidupan. Di samping itu, mereka lebih yakin pada diri sendiri dalam menghadapi hidup apabila mempunyai pendapatan sendiri.

Wanita juga memainkan peranan penting dalam jalinan plot cerita. Sebagai contohnya, Suhaidah seorang janda muda dalam novel *Adik Datang*, Hendon dalam *Keledang*, Joyah dalam *Di Hadapan Pulau*, Tuminah dan Mak Buruk dalam *Sungai Mengalir Lesu*, dan Salina dan Nahidah dalam *Salina*. Apa yang menarik sebagai perbandingannya, dalam novel-novel itu peranan watak lelaki sebagai ketua rumah tangga yang berfungsi sepenuh masa sangat kurang dipaparkan malah ada kalanya tidak hadir dalam plot cerita. Ramai di antara mereka digambarkan tidak mampu menjadi ketua rumah tangga yang baik seperti Budin, suami Joyah dalam *Di Hadapan Pulau*, dan Rashidi dalam *Adik Datang* yang tidak pulang-pulang dari pelayaran malah tidak muncul dalam plot cerita. Rashidi dikenali

oleh pembaca hanya melalui kenangan anak dan cucunya yang sangat merindui kehadirannya. Watak Hamid, suami Suhaidah pula, sudah meninggal dunia ketika plot cerita bermula. Omar, suami Hendon, digambarkan hilang tiada khabar beritanya semasa bermulanya plot cerita novel *Keledang*. Malah watak Abdul Fakar, lelaki perlente dalam *Salina*, dilukiskan mempunyai sifat tidak bertanggungjawab dan hidup atas hasil perempuan! Watak lelaki digambarkan "rendah" kedudukannya jika dibandingkan dengan watak wanita dalam novel-novel yang disebutkan di atas. Perlukisan begini sedikit banyak merupakan kesan psikologi dan pengalaman yang dialami pengarangnya terutama ketika beliau dalam proses pertumbuhan (*formative years*), iaitu ketika berada pada zaman Perang Dunia Kedua.

Suatu faktor menarik yang terdapat dalam novel-novel A. Samad Said adalah, ramai watak wanitanya yang diberikan kesempatan bersuara, bertindak serta mengambil sikap positif terhadap hidup. Dalam mencorakkan watak-wataknya, pengarang pernah menyatakan "mencampurkan reaksi hati nurani saya".⁵ Reaksi hati nurani ini sesuatu yang abstrak dan sukar ditafsirkan secara konkrit. Namun demikian kita dapat mempertimbangkannya daripada cara bagaimana dan di mana pengarang ini meletakkan kedudukan, status dan nasib watak-watak wanita di dalam novel-novelnya.

Kajian ini dilihat dalam hubungannya dengan kepekaan A. Samad Said sebagai pengarang yang melandaskan karya kepada pengalamannya. Sebagai pengarang yang membesar pada zaman Perang Dunia Kedua, beliau amat peka akan perubahan yang berlaku di sekelilingnya. Semenjak mula menulis pada tahun 1953, beliau terus berkarya hingga sekarang. Sebagai pengarang beliau terlibat terus dalam kegiatan masyarakat dan peka akan perubahan kedudukan dan peranan wanita. Perubahan itu meliputi ciri watak wanita yang ditampilkan sejajar dengan perkembangan

masa. Dari zaman sebelum perang, wanita dibelenggu oleh kebiasaan adat dan pemahaman agama yang sempit. Keadaan ini menyebabkan pergerakan wanita terhadap di sekitar rumah tangga sahaja. Perubahan kedudukan dan peranan wanita dalam masyarakat, terutama selepas merdeka, turut digambarkan oleh A. Samad Said dalam novel-novelnya yang berlatarbelakangkan zaman selepas merdeka itu.

Tetapi sebagai pengarang beliau turut dipengaruhi oleh ideologi gender yang difahaminya terutamanya dalam soal kedudukan dan peranan wanita dalam masyarakat. Dalam hubungan ini, setakat mana watak wanitanya menggambarkan perubahan wanita dalam masyarakat sangat menarik untuk dikaji. Ini adalah kerana faktor-faktor dalaman dan luaran diri pengarang sangat mempengaruhi penciptaan watak wanitanya.

Di samping itu latar belakang, pengalaman dan sejarah tanah air turut diberi tumpuan. Hubungan kait ini sengaja dilakukan kerana hubungan antara pengalaman, realiti dengan karya sangat rapat bagi pembentukan novel-novel A. Samad Said. Konteks zaman yang diangkat oleh pengarang itu menjadi latar tempat dan masa novel-novelnya. Gambaran perjuangan hidup masyarakat daripada strata sosial bawahan menjadi fokus kebanyakan novelnya. Wanita daripada golongan inilah yang paling banyak disorot dan dibincangkan. Penekanan pada golongan ini ada kaitannya dengan latar belakang sosial pengarangnya sendiri yang datang daripada golongan bawahan di kota Singapura. Golongan ini sangat dikenalnya.

Dalam konteks kajian ini, kepentingan mengkaji latar belakang hidup pengarangnya dapat dilihat. Antaranya latar belakang diri dan lingkungan beliau dibesarkan seperti di kawasan sesak di kota. Selain itu hubungannya dengan anggota keluarga termasuk ibu bapa dan adik-beradik perlu dikaji. Keperluan ini ada-

lah kerana keluarga merupakan kelompok sosial yang dinamik dan kompleks yang memberi kesan terhadap pertumbuhan peribadinya. Seterusnya dalam hubungan yang lebih luas akan mencakupi kekasih dan wanita yang kemudian menjadi isteri-isterinya. Pengalaman itu sedikit banyak terserlah di dalam novel-novelnya sesuai dengan konsepsinya dalam berkarya iaitu menulis karya kreatif (tidak kira genre: novel, cerpen atau sajak) berlandaskan pengalaman. Pada beliau pengalaman dapat mempertajam malah merealisasikan karyanya.⁶ Secara kebetulan pula inti gagasan penulisan-nya adalah, "tanpa pengalaman seseorang penulis tidak dapat menghidupkan sepenuhnya watak-watak yang ditampilkan".⁷ Gagasan ini telah diterapkan sejak penulisan novel sulungnya, *Salina*. Dalam novel ini pengarang menjalin dan merangkai pengalaman sendiri sebagai dasar cerita. Menurut A. Samad Said sendiri, "segala [isi cerita *Salina*] ini diterek (*sic*) dari pengalaman sendiri".⁸

Antara pengalaman yang sukar dilupakannya ialah pengalaman hidup pada zaman Perang Dunia Kedua yang bermula ketika usianya baru enam tahun. Kesan terhadap kekejaman dan kesengsaraan yang dihadapinya pada zaman itu turut membentuk nostalgia diri yang mempengaruhi tema dan latar novel-novel yang dihasilkan dari tahun 1960-an hingga 1980-an, khususnya. Hampir keseluruhan novel yang dihasilkan sebelum tahun 1980 itu mengutarakan kesengsaraan hidup disebabkan masalah yang timbul akibat perang. Pengalaman itu ternyata begitu sukar dikikis daripada ingatannya. Novel *Langit Petang* (1980) ialah novelnya yang mula meninggalkan kisah/perang. Namun demikian menerusi novel ini, A. Samad Said masih lagi menyisipkannya melalui kenangan watak yang terlibat. Ditinjau dari segi hubungan pengarang dengan pengalaman, zaman, dan masyarakat dengan karyanya, ternyata hubungannya sangat rapat.

Oleh sebab sumber utama novel-novel A. Samad Said adalah pengalamannya, maka seyogialah norma, jangkauan budaya dan agama terhadap lelaki dan wanita turut diberi perhatian dalam kajian ini. Peranan lelaki dan wanita dalam masyarakat Melayu khususnya telah ditentukan semenjak mereka masih kecil lagi. Anak perempuan lebih banyak berada di dalam rumah membantu ibu mengurus rumah tangga seperti memasak, dan menjaga adik-adik. Semua aktiviti ini juga dapat dianggap sebagai latihan untuk mengendalikan rumah tangga sendiri kelak. Selain itu peranan demikian ditekankan kepada mereka sesuai dengan anggapan sebahagian besar masyarakat bahawa wanita itu lebih lemah fizikalnya maka lebih sesuai melakukan kerja-kerja di dalam rumah. Anak lelaki pula lebih banyak membuat kerja-kerja di luar rumah. Namun demikian pembahagian tugas sedemikian tidak mutlak bagi mereka yang datang daripada golongan kelas buruh di kota di mana tenaga anak-anak lelaki dan perempuan malah para isteri sangat diperlukan bagi membantu menambahkan pendapatan keluarga. Dalam konteks inilah akan dikaji watak wanita dalam novel A. Samad Said kerana hampir keseluruhan novelnya menyorot masyarakat golongan bawahan yang tinggal di kota. Pembahagian peranan dan kerja yang ketat digambarkan tidak berlaku di kalangan mereka. Wanita sama ada sebagai isteri, ibu, nenek atau anak perempuan turut mencurahkan keringat mencari nafkah, terutama pada zaman perang seperti digambarkan pada watak Mak Buruk yang menjual kuih dalam *Sungai Mengalir Lesu* atau Joyah dan Taksiah bekerja di kem askar dalam *Di Hadapan Pulau*. Malah dalam novel *Salina*, watak Katijah yang bekerja sebagai pembasuh kain itu modelnya merupakan ibu kandung A. Samad Said sendiri.⁹

Hubungan yang dekat dengan ibunya seperti tergambar dalam autobiografinya dan beberapa rencana-

nya yang lain¹⁰ ternyata membentuk kecenderungan A. Samad Said untuk meletakkan wanita dalam kedudukan yang menarik. Pelukisan lebih simpatik dan menyenangi wanita yang mempunyai ciri-ciri tradisional tergambar pada kebanyakan watak wanitanya. Di samping itu wanita ditanggapnya sebagai makhluk yang mempunyai individualiti dan keinginan untuk berbahagia seperti insan lain.

Penciptaan watak wanita novel-novelnya berdasarkan pada pengalamannya turut dipengaruhi oleh ideologi gender dan pemahaman pengarang terhadap peranan, kedudukan dan perubahan sosial yang dilalui oleh wanita dalam masyarakat. Ideologi ini terserlah dalam pelukisan watak-watak yang diciptanya seperti yang terungkai dalam karya itu sendiri. Mengenai ideologi, Olga Kenyon berpendapat bahawa:

*Ideology is inscribed often unconsciously in discourses, myths, presentation of 'how things are.' It is no free-floating but embodied in words in thinking and experiencing - the realm on the novel.*¹¹

Daripada petikan itu, ternyata pelukisan watak dipengaruhi oleh pemikiran dan pengalaman pengarangnya. Pengalaman dalam kehidupan nyata itu dijalin dengan imaginasi dan diadun sehingga mempunyai susunan dan kesatuan makna. Oleh sebab itu apa yang dipaparkan oleh pengarang dalam karyanya bukan sepenuhnya suatu gambaran realiti semata-mata, sebaliknya ialah sebuah interpretasi pengalaman kehidupan sosial yang terhasil melalui kesedaran dan kepekaannya sendiri.

Pendekatan feminis akan digunakan untuk menganalisis watak. Namun seperti yang dinyatakan di atas, hubungan antara pengalaman pengarang dengan karyanya sangat rapat. Malah dasar novel-novelnya adalah nostalgia dan pengalamannya sendiri. Hubungan antara realiti dengan novel tidak dapat dihindari kerana sastera itu tidak lahir daripada ruang kosong.

Oleh itu hubungan A. Samad Said dengan keluarganya, seperti ibu bapa dan adik-beradiknya sangat dititikberatkan kerana memberi kesan terhadap pelukisan watak lelaki dan wanita dalam novel-novelnya. Begitu juga hubungannya dengan wanita, masyarakat dan cip-taannya turut mewarnai pelukisan watak wanita yang menjadi tumpuan kajian ini.

Mengkaji wanita dalam novel dengan menggunakan teori feminis masih kurang diterapkan oleh para pengkaji sastera Malaysia. Pendekatan feminis berkembang di Barat. Menurut Kathleen Morner dan Ralph Rausch:

*Such studies are aimed at recovering and reassessing works by woman authors, evaluating the female image as portrayed by male authors, analyzing sexism and gender privilege in language, evaluating critical methods devised by males, and developing a body of literary criticism from the point of view of feminine consciousness.*¹²

Pendekatan feminis ini memberi penekanan pada karya wanita dan imej wanita yang digambarkan oleh pengarang lelaki dalam karya mereka. Mengkaji imej wanita dalam karya lelaki adalah relevan dengan kajian ini. Pendekatan ini akan menganalisis kecenderungan sikap sexisme (hubungan sosial di mana lelaki merendahkan wanita) dan membentuk kritikan sastera yang dibangunkan daripada kesedaran dan perspektif wanita. Secara jelas penekanan pendekatan ini bertumpu pada hal-hal yang berkaitan dengan wanita, yang merupakan subjek utamanya.

Kajian Mary Ellman dalam bukunya *Thinking about Woman*, mendapati wujudnya gambaran stereotaip watak wanita dalam novel-novel pengarang lelaki. Gambaran watak wanita disimpulkannya sebagai *formless, passivity, instability, confinement, piety, materiality, spirituality, irrationality, compliancy*.¹³

Pelukisan begini ada hubungannya dengan keduduk-

an wanita dalam masyarakat dan sikap pengarang itu sendiri. Keadaan ini lebih jelas jika dibuat perbandingan antara gambaran watak wanita dalam novel pengarang wanita dan lelaki. Gambaran yang lebih positif dapat dilihat dengan mudah dalam karya pengarang wanita.¹⁴ Bagi gambaran watak wanita dalam karya pengarang lelaki, ia didorong oleh tiga perkara iaitu:

1. watak berlandaskan model atau contoh umum yang pernah dilihat atau dikenali,
2. watak berdasarkan produk keadaan sosial wanita dalam masyarakat itu sendiri,
3. pelukisan watak sebagai simbol keinginan pengarang terhadap wanita yang dapat menghibur.¹⁵

Petikan tersebut merumuskan beberapa faktor yang mendorong pengarang lelaki melukiskan watak wanita dalam karya mereka. Gambaran atau penciptaan watak wanita juga sangat berkaitan dengan tujuan dan keadaan psikologi pengarang ketika berkarya.¹⁶

Dalam kajian watak wanita dalam novel-novel A. Samad Said ini, penilaian akan diberikan terhadap faktor yang mendorong pelukisan watak berdasarkan tiga pendorong di atas.

Antara faktor utama yang ditekankan oleh pendekatan feminis ialah individualiti seseorang wanita. Golongan feminis tidak menolak hakikat bahawa wanita mempunyai atau berkongsi sifat umum terutama jika ditinjau dari segi pengalaman biologi seperti proses reproduksinya. Namun feminis menekankan setiap wanita mempunyai sesuatu keistimewaan atau individualiti yang tersendiri yang membezakannya dengan teman sejenisnya.

Kajian ini akan menggunakan pendekatan feminis sebagai kajian budaya yang dianggap paling relevan. Ini

adalah kerana memahami kerangka budaya masyarakat Malaysia sangat penting untuk menghubungkannya dengan perubahan kedudukan wanita dalam masyarakat. Pemahaman ini bertambah perlu jika dihubungkan dengan hakikat bahawa pengarang ialah ahli masyarakatnya. Sebagai ahli masyarakat, A. Samad Said menulis tentang masyarakatnya. Pada waktu yang sama, sebagai orang Melayu yang dibesarkan dalam budaya Melayu, beliau menyerlahkan pemahaman, dan interpretasinya terhadap kedudukan dan peranan wanita dalam masyarakat melalui pelukisan watak wanita dalam novel-novelnya.

Seperti yang telah disebutkan sebelum ini, kehidupan lelaki dan wanita dalam masyarakat Melayu dibentuk, dibina dan dilingkungi oleh norma adat, budaya dan agama Islam. Agama Islam menjadi ad-din dan rujukan dalam kehidupan seharian. Ditinjau dari sudut agama, Islam menggariskan tanggungjawab lelaki dan wanita dengan jelas. Lelaki bertanggungjawab memberi nafkah, perlindungan, perhatian dan kasih sayang kepada isteri dan anak-anaknya di samping menjadi ketua rumah tangga.¹⁷ Wanita pula perlu mentaati suami dan perintahnya selagi tidak menyalahi hukum Islam. Namun demikian peranan wanita tidak pula dihadkan di rumah semata-mata selagi wanita itu menjaga akhlak dan tidak melanggar batas agama. Penetapan begini terutama dari segi tanggungjawab secara tidak langsung menyebabkan kedudukan lelaki lebih tinggi setingkat daripada wanita. Konsep kekeluargaan Islam ini menjadi garis panduan dan membentuk cara menunjukkan sikap dalam hubungan antara lelaki dengan wanita dalam masyarakat yang sering terjelma dalam karya sastera, amnya dan novel A. Samad Said, khususnya. Secara tidak langsung bentuk keluarga mencerminkan dan membentuk cara perhubungan yang lebih luas antara anggota masyarakat.

Sesuai dengan skop buku ini, iaitu aspek wanita,

maka beberapa aspek yang berkaitan dengan wanita akan dikaji. Antaranya, kedudukan dan peranan wanita dalam sejarah sosial sebelum perang, dalam zaman pemerintahan Jepun hingga selepas merdeka, wanita dalam sosiobudayanya dan wanita dalam Islam. Perkara-perkara di atas akan menyerlahkan perubahan kedudukan yang dialami oleh wanita dalam sejarah tanah air. Dengan mengetahui kedudukan wanita, kenyataan bahawa perubahan kedudukan wanita dipengaruhi oleh perkembangan kedudukan ekonomi, politik dan sosial negara akan terserlah. Pengetahuan ini ada kaitannya dengan gambaran watak wanita yang dipaparkan dalam novel-novel A. Samad Said.

Perubahan kedudukan yang dialami wanita akan cuba ditonjolkan dengan perubahan nasib dan masalah yang dialami oleh watak wanita sepanjang era sejarah itu. Perubahan itu akan lebih jelas dengan melihat nasib wanita dalam rumah tangga seperti menghadapi masalah kahwin paksa, mengkaji imej mereka sebagai ibu dan janda. Masalah-masalah itu, terutama kahwin paksa, kemudiannya tidak terus dialami oleh wanita selepas merdeka. Peranan wanita dalam masyarakat berubah apabila bertambah ramai wanita mendapat pendidikan seterusnya bekerja di luar rumah. Mempunyai pendapatan sendiri membolehkan mereka bebas menentukan jodoh sendiri dan tidak dipaksa tunduk pada kehendak keluarga lagi.

Hanya dalam masalah wanita dan rumah tangga kelihatannya tidak banyak perubahan yang dihadapi wanita. Ini adalah kerana masalah isteri teraniaya di tangan suami terus disorot oleh pengarang sejak novelnya yang berlatar belakang zaman sebelum perang hingga zaman mencapai kemerdekaan.

Namun yang nyata, ciri wanita yang ditampilkan mengalami perubahan. Wanita yang mempunyai ciri wanita tradisional seperti tidak berpelajaran, kurang rasional, statis, terlalu menggantungkan kehidupan

PENDAHULUAN

pada adat, kekeluargaan dan nilai keagamaan secara dogma¹⁸ semakin kurang ditampilkan oleh pengarang sejajar dengan perubahan zaman. Wanita tradisional tidak ditemui lagi dalam novel berlatarbelakangkan zaman selepas merdeka. Sebaliknya pada zaman itu yang ramai ditonjolkan ialah wanita moden. Mereka dikategorikan moden kerana mempunyai ciri-ciri rasional, terpengaruh dengan kebudayaan barat kesan daripada kemajuan sains dan teknologi, menyeleweng daripada nilai dan ajaran Tuhan yang Maha Esa.¹⁹

Perubahan ciri wanita yang diutarakan dalam novel sangat penting dikaji. Perubahan bukan sahaja meliputi kedudukan sosial dalam masyarakat tetapi juga dinilai daripada perubahan ciri-ciri peribadi watak yang ditampilkan.

Kajian ini diharapkan dapat memperkenalkan suatu pendekatan feminis yang berlandaskan sosiobudaya masyarakat Malaysia. Pendekatan ini tidak mengetepikan peranan budaya dan agama dalam membentuk sikap dan pemikiran pengarang Malaysia, khususnya A. Samad Said. Buku ini juga diharapkan dapat memperlihatkan suatu pendekatan baru dalam meninjau watak wanita dalam novel-novel Malaysia.

Penggunaan pendekatan ini dihubungkan dengan tujuan buku ini sendiri iaitu untuk melihat perubahan kedudukan dan peranan watak-watak wanita yang dihasilkan oleh A. Samad Said. Perubahan itu hanya dapat diperlihatkan secara sistematik melalui hubungan wanita dalam novel A. Samad Said dengan latar zaman yang digambarkan dalam novel-novelnya. Juga hubungan latar diri A. Samad Said dengan wanita-wanita dalam hidupnya seperti ibu, adik, kawan-kawan dan isteri-isterinya. Hubungan-hubungan ini diharapkan memenuhi hipotesis kajian ini, iaitu pelukisan watak-watak wanitanya ada hubungan yang langsung dengan wanita-wanita yang pernah dikenalnya.

Riwayat Hidup A. Samad Said

UNTUK mengkaji wanita dalam novel-novel A. Samad Said, terlebih dahulu kita harus melihat dengan teliti beberapa faktor yang amat erat hubungannya dengan diri dan pengalaman beliau. Hubungan ini diberi penekanan kerana karya seseorang pengarang itu ditulis bersumberkan peribadi dan pengalamannya.

Pengalaman dan sosialisasi yang dilalui oleh seseorang penulis dalam proses pertumbuhan diri secara tidak langsung memberi kesan terhadap karya-karya yang dihasilkannya. Pertumbuhan ini, termasuklah ketika pada peringkat kanak-kanak dan remaja, berfungsi membentuk dan menentukan tingkah laku individu pada masa hadapan.¹ Di samping itu perhubungan awal dalam rumah tangga, pengaruh lingkungan, suasana tempat dibesarkan dan kelas sosial turut memainkan peranan, mempengaruhi pembentukan persepsinya terhadap peranan gender dalam masyarakat. Pertumbuhan personaliti bukan terbentuk secara biologikal semata-mata, tetapi sebaliknya melalui proses pembiasaan budaya, iaitu hasil daripada pemahaman hubungan sosial yang wujud antara individu dengan individu ataupun antara individu dengan kelompoknya.² Dalam konteks A. Samad Said, pengarang yang dikaji ini, ruang rumah, suasana keliling, peristiwa-peristiwa

yang dialami turut mempengaruhi dan memberi ilham kepada penulisan novelnya.

HUBUNGAN DENGAN KELUARGA

A. Samad Said semenjak berumur enam bulan, dibawa ke peringkat remaja, dewasa, bekerja dan bermah tangga terus-menerus tinggal di Singapura; sebuah kota perdagangan, kota pelabuhan yang strategik di kepulauan Melayu ini.³

A. Samad Said ialah anak ketiga daripada lima orang adik-beradik: seorang kakak, abang dan dua orang adik; seorang lelaki dan seorang perempuan. Ketika beliau dilahirkan, bapanya, Mohd. Said bin Mohd. Yusof, bekerja sebagai inspektor trem di Singapura. Mohd. Said, seperti ramai rakyat Tanah Melayu dan Indonesia, datang ke Singapura untuk mencari rezeki semenjak umurnya masih remaja. Setelah ekonominya agak stabil, beliau berkahwin dengan seorang gadis dari Belimbing Dalam, Melaka, bernama Aminah Mohd. Amin yang kemudian dibawanya ke Singapura untuk memulakan hidup baru. Hubungan mereka dengan kampung masih kuat dan berterusan walaupun ramai saudara-mara daripada kampung itu juga datang ke Singapura untuk mencari rezeki.

Aminah Mohd. Amin sengaja pulang ke kampung untuk melahirkan anak ketiganya, iaitu A. Samad Said. Dia pulang didorong oleh kuatnya hubungan dengan kampung halamannya. Di samping itu beliau mendapat bantuan moral dan fizikal daripada keluarga terdekat, terutama untuk menjaga bayi yang baharu lahir itu. Setelah berusia enam bulan, A. Samad Said, bayi kecil itu dibawa pulang oleh ibunya ke Singapura.

Bentuk keluarga asas yang mengandungi ibu, bapa dan anak-anak seperti keluarga Mohd. Said merupakan bentuk keluarga yang wujud bagi ramai perantau di Singapura. Suasana begini menggalakkan mereka men-

jalin hubungan yang baik dengan jiran-jiran sekeliling yang sekali gus merupakan budaya hidup orang Melayu secara turun-temurun.

Sejak kecil lagi A. Samad Said telah melihat praktis yang diamalkan dalam keluarganya iaitu bapa memegang kuasa sebagai ketua keluarga terhadap anggota keluarga lain yang tinggal dalam rumahnya. Bapa juga pencari rezeki tunggal dan ibunya tinggal di rumah untuk mengurus rumah tangga, seperti memasak, membasuh serta menjaga dan mengasuh anak-anak. Sebagai ibu dan pengurus rumah tangga, dia juga bertanggungjawab menjaga keharmonian keluarga. Sebagai seorang isteri, Aminah Mohd. Amin juga tabah menghadapi kerenah suaminya yang sering pulang ke rumah dalam keadaan mabuk malah jarang berada di rumah kerana berjudi dan bersifat agak romeo. Dalam meladeni kegemarannya itu, Mohd. Said kurang waras mengurus wangnya. Situasi ini menjejaskan perbelanjaan rumah tangga di samping menyebabkan tugas pengasuhan anak-anak banyak terpikul di atas bahu isteri yang memberikan perhatian dan kasih sayang yang tidak berbelah bahagi kepada anak-anaknya. Sebagai kesannya perasaan kasih sayang, simpati dan persefahaman di kalangan anak-anak terhadap ibu sangat jelas.

Kehidupan keluarga ini jika diukur dari sudut ekonomi hanya secukup hidup dan mereka hanya mampu menyewa rumah sewa yang murah sesuai dengan pendapatan ketua keluarganya. Rumah itu sering tiada kemudahan asas. Mereka juga selalu berpindah seperti yang dinyatakan oleh A. Samad Said dalam autobiografinya *Dari Salina ke Langit Petang* (1979):

Semasa kecil pernah tinggal di Serangoon Road. Semasa berumur kira-kira lima tahun, kami sekeluarga tinggal di Victoria Street, di rumah kedai Malbari. Di hadapannya Sekolah Melayu Kota Raja, dipisahkan oleh jalan yang boleh dikatakan sibuk, berhampiran dengan masjid yang di belakangnya

ada kawasan kubur. Kemudian pindah ke French Road, Lorong Lalat dan akhirnya di Rangoon Road sebelum berpindah ke Perkins Road, Kampung Baru, Kuala Lumpur.⁴

Perpindahan ke Kuala Lumpur itu terjadi pada tahun 1959 berikutan perpindahan Syarikat Utusan Melayu tempat beliau bekerja. Pada masa itu, A. Samad Said telah pun berumah tangga dengan Salmi Manja.⁵

Perpindahan kerap terjadi, antara lain, kerana rumah mereka pernah dibom semasa Jepun menggugurkan bom ke atas Singapura pada awal penaklukannya di Tanah Melayu dan Singapura. Juga kerana perpindahan kerja yang dialami oleh bapanya. Apabila perkhidmatan trem itu ditamatkan, Mohd. Said bekerja pula sebagai pemandu bas.

Kebanyakan rumah sewa mereka terletak di kawasan bandar yang sesak dengan rumah tetapi berdekatan dengan jalan raya. Mereka pernah tinggal di sebuah rumah panjang yang mempunyai beberapa buah bilik yang turut dihuni oleh berbagai-bagai bangsa, terutama India, Serani dan Benggali dari strata bawahan.⁶ Penghuni rumah itu ada yang bekerja sebagai buruh PWD (*Public Works Department*), buruh binaan, penjual kuih dan pelayan. Anggota masyarakat kota yang berbilang bangsa itu merupakan ciri umum masyarakat kota yang turut dirakamkan dalam novel sulungnya, *Salina*.

Suasana keliling tempat tinggal yang sesak, tiada peluang bersendirian dan jauh daripada kemudahan asas, menyebabkan pergaduhan sengit sering terjadi terutamanya di kalangan suri-suri rumah yang mempunyai anak-anak yang masih kecil. Pertengkaran mulut sering terjadi berpunca daripada perangai anak-anak. Di samping itu tekanan hidup yang dihadapi cepat memarakkan api kemarahan orang yang terlibat.⁷

Pada tahun 1958, ketika A Samad Said turut serta dalam peraduan menulis novel yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, beliau telah pun bekerja di

Utusan Melayu dan masih tinggal bersama-sama keluarganya. Rumah mereka terletak di sebuah kawasan rumah yang mempunyai tujuh pintu yang dihuni oleh 25 orang yang terpaksa menggunakan satu jamban dan satu bilik mandi. Bilik-bilik kecil itu tidak mempunyai bilik tidur yang khusus sebaliknya sebuah ruang yang dijadikan tempat menerima tamu, tempat tidur dan satu sudut digunakan untuk memasak. Menurut A. Samad Said, "saya sendiri enam orang sekeluarga. Sebagai anak muda yang bekerja saya terpaksa tidur di beranda berdekatan dengan kandang lembu."⁸

Dari segi yang lain, pengalaman membesar di kota Singapura memberikan peluang yang lebih besar kepada A. Samad Said dalam bidang pelajaran. Beliau seorang sahaja daripada adik-beradiknya yang melanjutkan pelajaran ke sekolah Inggeris setelah mendapat pendidikan di Sekolah Melayu Kota Raya sehingga darjah empat. Keputusan pun diambil oleh ibu bapanya untuk menghantarnya ke Special Malay Class di Monk's Hill pada tahun 1948. Peluang menyambung pelajaran ke sekolah Inggeris itu juga diperolehi kerana kesedaran kedua-dua ibu bapanya terhadap nilai ekonomi sijil sekolah Inggeris. Keputusan ini sangat penting kerana mereka menyedari persekolahan Inggeris memerlukan perbelanjaan besar jika dibandingkan dengan pendapatan bapanya setiap bulan. Bagi membolehkan A. Samad Said terus bersekolah, pendapatan tambahan diperlukan untuk menampung perbelanjaan persekolahannya itu. Oleh sebab itu ibunya bekerja sebagai pencuci kain untuk menambah pendapatan keluarga.⁹ Pengorbanan ibunya itu dilakukan semata-mata untuk melihat anak lelakinya itu meneruskan persekolahan Inggerisnya. Bagi si anak pula, pengorbanan itu sangat penting dalam sejarah hidupnya dan memberikan kesan terhadap pelukisan beberapa watak wanita, antaranya watak Katijah, ibu Hilmi dalam novel *Salina* yang akan dibincangkan dalam Bab Empat.

Hubungan A. Samad Said dengan ibunya begitu mesra jika dibandingkan hubungan dengan bapanya yang kurang baik. Hubungan dengan bapanya agak tegang kerana sikap bapanya yang pemabuk, penjudi, romeo dan sentiasa sibuk dengan pekerjaan sebagai pemandu bas. Keadaan ini menyebabkan "ayah lebih banyak bertemu dengan basnya daripada dengan kami".¹⁰

Akibat daripada sikap bapanya yang lebih banyak memberikan perhatian pada hobinya menjejaskan komunikasi antara bapa dengan anak. Bapa A. Samad Said jarang berada di rumah untuk melayan keperluan emosi anak-anak, malah anak-anak sering melihat ibu mereka dilayan dengan kasar, terutamanya jika bapanya pulang ke rumah dalam keadaan mabuk. Perasaan simpati terhadap penderitaan ibu tumbuh tanpa disadari. Dalam menanggapi situasi hubungan ibu bapanya sebagai suami isteri ketika itu, menurut A. Samad Said, "saya kira ibu lebih melayan dan mengasihi saya, sementara ayah lebih memelihara dirinya sendiri sahaja."¹¹

Sikap "bermusuhan" dan kurang menyenangkan sikap dan layanan bapanya terhadap ibunya ditunjukkan dengan jelas oleh A. Samad Said sebagai anak setelah beliau bekerja. Antara contohnya, semasa beliau bekerja di Utusan Melayu bermula pada tahun 1957, beliau memberi wang gaji bulanan kepada ibunya dalam jumlah yang besar iaitu \$200.00 sedangkan hanya \$5.00 sahaja kepada ayahnya.¹²

Kemelut jiwa dan rasa tidak puas hati terhadap hubungan antara kedua-dua ibu bapanya itu memberi kesan terhadap jiwanya yang akan dilihat dalam novelnya seperti yang akan dibincangkan dalam Bab Empat.

Bapanya juga tidak menggalakkannya menceburkan diri dalam bidang penulisan. Minat anak lelaki ini dianggap tidak berfaedah. Menurut A. Samad Said, "ayah kata orang gila saja yang menulis."¹³ Pernyataan

ini sekaligus menunjukkan kurang perhatian yang diberikan oleh bapanya terhadap keinginan yang bergelora dalam jiwa anak lelakinya itu untuk berkarya seterusnya mencipta nama dalam bidang penulisan.

Antara faktor yang menyebabkan tiadanya galakan daripada bapanya mungkin kerana kurang pemahaman akibat daripada hubungan yang formal dan renggang antara bapa dengan anak. Pekerjaan dan hobi bapanya di luar rumah menyebabkan masa untuk bersantai dan bermesra dengan anak-anak sangat kurang. Bapa A. Samad Said juga jarang berada di rumah untuk melihat kegiatan dan hobi anaknya dalam bidang pembacaan. Bapanya sukar menerima hakikat bahawa A. Samad Said banyak menghabiskan masa untuk menaip dan menyelesaikan manuskrip novel *Salina* hingga larut malam.¹⁴ Bagi bapanya, kegiatan anaknya itu hanya membuang waktu.

Namun, walaupun kurang mendapat dorongan moral daripada bapanya, semangat A. Samad Said untuk menghasilkan novel *Salina* tidak terbantut begitu sahaja. Ini adalah kerana dorongan semangat yang kuat dalam jiwanya ketika itu untuk menyelesaikan penulisan novel *Salina* dan ikut menyertai peraduan yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Juga kerana adanya minat semula jadi untuk menjadi penulis. Di samping itu walaupun tidak mendapat galakan yang kuat daripada bapanya untuk bergiat dalam lapangan penulisan, A. Samad Said dapat berbincang tentang isu-isu sastera bersama-sama beberapa teman penulis yang memahami sedikit sebanyak keinginan jiwanya. Antaranya adalah seperti A.S. Amin, yang juga jirannya, dan Noor S.I., sahabatnya yang merupakan peminat sastera dan seorang penyair.

Hubungan A. Samad Said dengan adik-beradiknya bersahaja kerana kesempatan bermesra dalam erti kata yang sebenarnya agak kurang akibat daripada dibesarkan pada zaman perang yang serba sulit dan menderi-

ta.¹⁵ Kemelut suasana perang yang mengelilingi mereka, seperti kesukaran mendapatkan bahan makanan, rumah kediaman mereka dibom dan mereka terpaksa mencari tempat yang lebih selamat, telah meninggalkan kesan yang mendalam dalam jiwa muda A. Samad Said, yang ketika itu berumur tujuh tahun, dan adik-beradiknya. Keperluan untuk melanjutkan hidup menjadi agenda yang utama seperti mencari peluang mendapatkan makanan. Antaranya termasuklah pergi menyerbu tempat simpanan makanan Jepun walaupun nyawa terancam di hujung senjata askar Jepun. Keadaan tegang dan penuh penderitaan ini tidak banyak memberikan peluang bagi A. Samad Said dan adik-beradiknya memupuk kemesraan yang mendalam ketika itu.

Adik lelakinya lahir ke dunia pada zaman perang, katanya:

Di antara terjahan bom, adik saya lahir. Hingga sekarang adik ini kurang waras otaknya. Sudah berusia 35 tahun, bekerja sebagai buruh dan hingga sekarang belum berkahwin. Setiap kali saya kembali ke Singapura melihat wajah adik saya ini, saya teringat segala penderitaan batin lama, dan penderitaan itu berlanjutan.¹⁶

Seperti yang disebutkan terdahulu, A. Samad Said begitu rapat dengan ibunya yang merupakan suri rumah tangga sepenuh masa. Aminah Mohd. Amin berasal dari Kampung Belimbing Dalam, Melaka, yang setelah berumah tangga dengan Mohd. Said mengikut suaminya itu ke Singapura.

Walaupun Aminah Mohd. Amin seorang yang buta huruf,¹⁷ dia turut memahami minat, kekurangan dan keperluan pelajaran anak-anaknya, khususnya anak lelakinya yang ketiga ini, iaitu A. Samad Said.

Dalam peranannya sebagai ibu, dia bertanggungjawab mengurus rumah tangga sepenuhnya dan menjaga anak-anaknya. Semenjak kecil lagi hubungan A.

Samad Said dengan ibunya sangat rapat kerana ibunya sentiasa berada di rumah apabila diperlukan. Malah antara orang yang memupuk bakatnya sebagai penulis dan pemberi semangat ialah ibunya sendiri. Berbanding dengan bapanya, ibunya itu bersifat penyayang dan sangat rajin melayani pertanyaan dan sering bergurau dengan anaknya itu.¹⁸ Semenjak kecil lagi emosi anak ini terpelihara dengan baik dalam asuhan ibunya yang membolehkan keyakinan dirinya terbina apabila sifat ingin tahunya tidak dibentak dan diputuskan begitu sahaja. Ibunya sangat rajin bercerita, malah mengupah anaknya itu dengan cerita jika melakukan sesuatu perkara yang disuruhnya. Taktik ini secara tidak langsung, menurut A. Samad Said, mendekatkan beliau kepada suatu kecenderungan yang rupa-rupanya menumbuhkan bakatnya sebagai penulis. Ibunya sendiri tidak sedar akan hal itu.¹⁹

Proses itu bermula dan dipupuk tanpa dirancang atau disedari oleh ibunya sejak A. Samad Said berumur kira-kira enam tahun. Antara proses itu ialah ibunya selalu memancing selera anaknya untuk makan dengan cerita lisan yang menarik. Ibunya juga kerap bercerita sebelum anaknya tidur. Ibunya menjaga suspens ceritanya dengan baik sehingga menggalakkan si anak untuk mengikuti terus cerita yang dituturkan keesokan harinya. Jika ditinjau daripada konteks pembelajaran moden, rangsangan positif begini merupakan salah satu cara yang dapat memupuk minat anak-anak prasekolah untuk mempunyai sifat ingin tahu dan rajin membaca.²⁰

Galakan ibunya itu tidak berhenti setakat itu sahaja, malah berterusan hingga anaknya itu mula mencipta nama dalam bidang penulisan. Oleh kerana sentiasa berada di rumah, Aminah sangat memahami minat membaca pada anaknya, terutamanya setelah anaknya itu bersekolah Inggeris di Monk's Hill kerana di sekolah itulah A. Samad Said mula belajar sastera Inggeris. Di

samping itu Aminah juga sedar bahawa anaknya ini banyak menghabiskan wang untuk membeli majalah Melayu yang memuatkan ruang sastera seperti *Hiboran* dan *Mutiara*, dua buah majalah ringan yang penting pada tahun 1940-an dan 1950-an. Anak lelaki itu juga banyak membeli buku-buku murah yang dijual di Sungai Road, Bras Basah Road atau Joo Chiat Road.²¹

A. Samad Said juga gemar meminjam buku di perpustakaan sekolah dan Raffles Library, dan seterusnya banyak menghabiskan masa membaca di rumah. Melihatkan anaknya itu banyak menghabiskan masa untuk membaca dan mencatat, pernah si ibu mencabarnya, "Takkan baca cerita orang saja. Cuba karang-karang sendiri. Macam aku ini jangan difikirkan sangat. Aku buta huruf."²²

Galakan sedemikian bukan sahaja bercorak cabaran sebaliknya berupa sokongan moral. Begitu juga ketika A. Samad Said sedang bertungkus-lumus menyiapkan novel "Salina" untuk menyertai peraduan anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1958 itu. Masa yang tinggal lebih kurang dua bulan sahaja untuk menyelesaikan manuskrip itu. Oleh sebab dalam masa yang sama beliau juga belajar menaip maka proses menyelesaikan penulisan skrip dirasakan sangat perit. Tambahan pula, ketika itu A. Samad Said baru sahaja bekerja di Syarikat Utusan Melayu. Rutin hidupnya selama dua bulan itu dinyatakan oleh A. Samad Said, "Saya mula setiap pagi kira-kira jam 5.00 atau 5.30 dan berhenti kira-kira jam 8.00 atau 8.30 kerana terpaksa bekerja di Utusan Melayu. Jam 6.30 atau 7.00 petang saya menyambunginya sehinggalah jam 12.00 atau 1.00 malam."²³

Pada masa itu, keadaan begitu terdesak dan A. Samad Said menghadapi tekanan perasaan untuk menyelesaikan manuskrip itu sambil merancang perjalanan plot cerita dan menaip hingga larut malam. Ketika inilah ibunya menunjukkan sifat memahami

perasaan dan situasi yang dihadapi anaknya itu. Ibunya memberi sokongan moral dengan menyediakan makanan dan minumannya seperti yang tercatat dalam autobiografinya, "Air dan makanan lain sampai juga diambil ketika saya menaip".²⁴

Selain itu "ibu sentiasa menyertai saya dalam susah senang." Jasa ibunya sebagai pemupuk minat menulis sangat besar. Ini termasuklah peranan ibunya dalam membantunya mengatasi masalah peribadi yang dihadapi sejak berumur enam tahun, iaitu gagap.

Kekurangan ini memberi kesan yang besar kepada sifatnya. Beliau mula gagap ketika berusia enam tahun kerana terkejut mendengar bunyi letupan bom yang dijatuhkan Jepun berhampiran sekolahnya.²⁵ Oleh sebab terlalu gagap untuk berkomunikasi, A. Samad Said menjadi pendiam dan malu untuk bercakap. Persona yang sentiasa memberi galakan dan perangsang untuknya mengatasi gagap itu ialah ibunya. Beliau mencuba membantu kekurangan anaknya itu dengan memberi galakan supaya si anak terus berani berkomunikasi dengan orang di sekitarnya. Malah kadangkadangkang sengaja dirancangkan supaya anaknya dapat berkomunikasi dengan cara menyuruhnya ke kedai membeli barang-barang keperluan harian. Namun demikian kerap pula kerana terlalu gagap dan malu untuk bersuara, anaknya itu gagal mendapatkan barang yang diperlukan. Ibunya memahami masalah yang dihadapi oleh anaknya itu dan mencuba memberikan beberapa petua untuk memudahkan anaknya mengeluarkan perkataan yang dihasratkan, antaranya cuba bercakap dengan menyentakkan baju sambil menghentakkan kaki. Cara itu ternyata kurang berkesan namun sekurang-kurangnya menunjukkan usaha ibunya memberi bantuan moral yang diperlukan.

Apa yang cuba ditonjolkan di sini ialah sokongan moral dan sikap ibunya yang memahami masalah beliau itu meninggalkan kesan kepada A. Samad Said.

Oleh sebab itulah A. Samad Said sangat menyayangi ibunya. Beliau juga sangat bersimpati dengan ibunya yang selalu menerima layanan kasar suaminya (ayah A. Samad Said), terutama ketika suaminya pulang ke rumah dalam keadaan mabuk. Kesan masalah rumah tangga itu begitu membekas dalam jiwanya yang secara tidak sedar diturunkan dalam novel-novelnya yang akan dibincangkan dalam bab ini.

Salah satu peristiwa yang tidak dapat dilupakannya ialah peristiwa membantu ibunya melahirkan adiknya di tengah ledakan bom yang dijatuhkan Jepun. Ketika itu A. Samad Said masih kanak-kanak dan bapanya tidak ada di rumah. A. Samad Said mengatakan, ketika itu "saya berlari mencari bidan di tengah jengahan perang, sayalah kemudian mencari sisa makanan di longkang".²⁶

Pengalaman membantu ibunya melepasi saat yang sangat genting itu meninggalkan kesan yang tidak mungkin terpadam di jiwanya. Melalui peristiwa itu beliau memahami keburukan perang yang menyulitkan urusan keluarga dan menumbuhkan perasaan tanggungjawab anak terhadap ibunya. Sekali gus juga dapat membayangkan kesulitan rumah tangga jika tiada ketua keluarga di saat yang begitu kritikal terhadap ibu dan anak juga.

HUBUNGAN DENGAN WANITA

Hubungan antara wanita dalam realiti hidup A. Samad Said dengan wanita dalam novel-novelnya saling berkaitan. Gambaran watak wanita yang ditampilkan merupakan hasil bauran antara imajinasinya dengan persona yang ditemui, pernah didampingi atau dikenalnya dalam alam realiti. Tanggapan ini tidak meleset berdasarkan pengakuan A. Samad Said sendiri bahawa dalam berkarya beliau banyak berdasarkan pengalaman sendiri.²⁷

Pada zaman selepas perang jumlah pemuda Melayu yang bersekolah menengah Inggeris sangat kecil. Begitu juga dalam kawasan sekitar tempat tinggal A. Samad Said di kalangan kelas bawahan itu. Di kawasan perumahan itu hanya beliau sahaja yang bersekolah Inggeris. Kedudukan ini menjadikannya seorang pemuda yang mempunyai ramai peminat daripada kalangan gadis remaja. Selain itu beliau memang mempunyai kawan perempuan yang pelbagai kaum sejak bersekolah menengah hingga lulus dengan mendapat gred tiga dalam Senior Cambridge tahun 1956 setelah gagal pada tahun 1955. Faktor tempat tinggal di kawasan pelbagai kaum seperti yang dinyatakan di atas, memungkinkan beliau menjalin persahabatan dengan ramai gadis remaja pelbagai kaum. Beliau pernah "bercinta" dengan gadis serani, gadis Arab, dan setelah dewasa dengan gadis Malbari dan gadis Eropah sehingga hampir mendirikan rumah tangga. Tetapi apabila ditanya siapa yang istimewa atau paling rapat, beliau enggan menyatakannya kerana orangnya masih hidup.²⁸

Tetapi akhirnya beliau bertemu jodoh dengan Saleha Abdul Rashid, seorang wartawan di akhbar *Semenanjung*, juga seorang penyajak dan penulis cerpen yang berbakat yang menggunakan nama pena Salmi Manja. Pertemuan dalam suatu majlis pertandingan debat telah memulakan perhubungan mereka.²⁹ Mereka berdua berkongsi minat yang sama dalam bidang penulisan walaupun Salmi Manja lebih dahulu bergiat cergas dan mendapat bimbingan dan galakan daripada beberapa orang penulis terkenal seperti Harun Aminurrashid, Pak Sako dan Usman Awang.

Pada peringkat awal perhubungan mereka, A. Samad Said sangat memahami kedudukan Salmi sebagai seorang lulusan sekolah agama yang pernah menjadi ustazah yang dilingkungi kebiasaan adat dan agama. Sebagai contohnya jika mereka ingin keluar bersama seperti pergi bersiar-siar atau menonton filem

di panggung Al-Hambra, Salmi sering membawa bersama beberapa orang adiknya (Salmi Manja mempunyai 12 orang adik-beradik). Tambahan pula pada tahun 1950-an pergaulan bebas di luar rumah antara pemuda dengan gadis bukanlah sesuatu yang lumrah, malah tidak digalakkan. Kerana memahami kebiasaan adat dan agama, mereka sering bertemu di rumah keluarga, sama ada A. Samad Said ke rumah Salmi atau sebaliknya seperti digambarkan dalam novel semi-autobiografi Salmi Manja, *Hari Mana Bulan Mana*.

Salmi Manja merupakan orang yang bertanggungjawab mencipta nama watak dalam novel *Salina* yang pada awalnya berjudul "Gerhana", seperti nama Helmi, Nahidah, Siti Salina, Zarina, Katijah dan lain-lain.

A. Samad Said dan Salmi Manja mendirikan rumah tangga pada 9 April 1959³⁰ ketika itu A. Samad Said bekerja di Utusan Melayu. Apabila seluruh operasi Utusan Melayu pindah ke Kuala Lumpur pada tahun 1959, A. Samad Said dan isterinya turut berpindah. Mereka tinggal di Perkins Road, Kampung Baru. Bersama-sama Salmi Manja beliau memperoleh empat orang anak: tiga perempuan, Siti Senja, Sita Dini, Sina Raihan, dan seorang lelaki, Helmi (anak kedua).

Selepas berumah tangga, A. Samad Said lebih suka isterinya menumpukan sepenuh perhatian pada urusan rumah tangga dan anak-anak. Dalam hal ini mungkin beliau berasakan bahawa dengan kehadiran seorang ibu sepenuh masa di rumah, perkembangan emosi, fizikal dan kejiwaan anak-anak akan lebih terjamin seperti yang pernah dialaminya sendiri. Beliau dapat memahami betapa pentingnya kehadiran seorang ibu di rumah bagi anak-anak. Juga sebagai seorang suri rumah tangga sepenuh masa, tumpuan fikiran tidak berbelah bahagi kepada hal-hal lain sebaliknya akan terarah kepada rumah tangga, suami dan anak-anak sahaja. Mungkin pada beliau seorang isteri dan ibu yang unggul ialah yang sentiasa hadir di rumah untuk

memenuhi segala keperluan ahli keluarga.

Walaupun demikian keputusan yang diambil untuk isterinya, A. Samad Said tetap mendorong Salmi Manja menulis dan menghasilkan novel. Menurut Salmi Manja, setiap kali pulang daripada kerja suaminya akan bertanya tentang perkembangan penulisannya pada hari itu.³¹ Beliau turut menyemak manuskrip dan memberi pendapat yang kritis terhadap skrip novel-novel yang dihasilkan isterinya itu. Malah A. Samad Said juga menguruskan hal berkaitan dengan percetakan novel-novel yang dihasilkan oleh Salmi Manja.

Dalam soal berumah tangga, A. Samad Said yakin bahawa perhubungan harus bermula dengan cinta. Padanya perasaan bahagia berumah tangga tidak dapat dicapai tanpa perasaan cinta terlebih dahulu. Cinta dapat dianggap sebagai faktor penting untuk membina rumah tangga. Namun demikian bagi A. Samad Said perasaan cinta hanya perlu pada peringkat permulaan iaitu kerana perasaan cinta itu wujud lantaran ada keinginan untuk memperoleh. Perasaan cinta itu boleh berulang-ulang.³² Ini adalah kerana padanya setelah berjaya memperoleh atau memiliki wanita yang dicintai sebagai isteri, perasaan cinta seperti sebelum berkahwin hadir dalam bentuk yang lain seperti kasih mesra dalam rumah tangga itu. Keadaan ini berlaku kerana padanya cinta kepada manusia itu terlalu singkat usianya dibandingkan cinta yang lain seperti cinta kepada Tuhan, cinta kepada tanah air dan sebagainya.

Setelah berumah tangga, perasaan cinta itu subur oleh sikap tolak ansur suami isteri. Bagi A. Samad Said sifat isteri yang disukainya ialah sikap memahami akan tugas suami. Isteri tidak harus bersikap mengongkong pergerakan suami dalam dunia pekerjaannya. Selain itu seorang isteri harus menerima suaminya dalam bentuk sempurna dan tidak sempurna. Ertinya kalau seorang suami itu suka menonton bola, seorang isteri harus merasikan diri atau menyesuaikan dirinya sehingga

apabila ada musim bola, isteri akan sanggup membenarkan suaminya menonton bola tanpa banyak "berdehem". Kalau pula suaminya seorang wartawan yang perlu bergaul dan menghadiri *dinner* umpamanya, si isteri harus pula bersedia menerima keadaan itu tanpa banyak "berdehem" juga.³³

Mengenai soal kebolehan isteri menyesuaikan diri dengan kegemaran suami ini pernah diceritakan oleh Salmi Manja dalam konteks kegemaran A. Samad Said menonton filem. A. Samad Said gemar menonton filem semenjak remaja lagi. Pernah dalam satu hari mereka menonton dua pertunjukan sekali gus. Malah kadangkadangkang mereka menonton filem Cina. Menurut Salmi Manja, "saya terpaksa mengikut."³⁴

Selain itu Salmi Manja sebagai isteri sangat memahami kegemaran suaminya membaca. Dia tidak hairan kalau suaminya itu membaca buku seharian tanpa melakukan pekerjaan lain. Malah dia tahu suaminya itu tidak suka dikongkong atau diikat oleh waktu.³⁵

Pada A. Samad Said sikap cemburu seorang isteri perlu ada, tetapi tidak dipertajam hingga boleh menda-tangkan keretakan rumah tangga. Ini adalah kerana beliau memahami perasaan cemburu itu tetap ada pada setiap manusia.

Namun demikian dalam menghadapi masalah rumah tangga, A. Samad Said berpendapat adalah wajar pada tempat atau keadaan yang sesuai, pihak suami mengalah pada isteri. Keadaan ini boleh menenangkan dan mewartaskan suasana atau keadaan. Baginya mengalah kepada seorang isteri bukan bererti suami itu akan jadi kalah ataupun hilang kuasa.³⁶

Bagi pihak isteri pula, ada tempat-tempatnya dia harus menang, tetapi ada juga tempat-tempatnya dia harus mengalah. Dia mengalah itu bukan bererti dia kalah, tetapi sebenarnya adalah untuk memberi hati kepada suaminya. Dengan cara bertolak ansur begini keharmonian rumah tangga akan wujud.

Walau bagaimanapun A. Samad Said tidak pula menyenangi wanita yang mempunyai sikap menurut dua puluh empat jam. Padanya wanita yang bersifat begitu amat menjemukan kerana dalam rumah tangga, yang diperlukan ialah seorang isteri yang boleh dilawan berbual, bukan bertengkar semata-mata tetapi untuk berbincang. Dengan berbincang, perselisihan pendapat dapat dielakkan dan sesuatu keadaan atau masalah yang timbul dapat dibetulkan.

Selain mempunyai sikap saling memahami dan bertolak ansur, bagi A. Samad Said seorang isteri mestilah mempunyai sifat keperempuanan (*womanly*). Antaranya wanita itu harus mempunyai sifat yang lemah lembut sesuai dengan sifat kewanitaan. Dalam hal ini A. Samad Said tidak tertarik dengan wanita yang tidak mempunyai sikap demikian malah serta-merta terkeluar atau tidak termasuk dalam senarai wanita pilihan walaupun wanita itu cantik orangnya. Mengenai sifat wanita yang dianggap tidak mempunyai sifat kewanitaan ialah "kalau dia gelak lebih tinggi daripada saya gelak, dia bercakap lebih tinggi daripada saya bercakap, dia automatik *out*. Dia tidak termasuk wanita yang saya idamkan."³⁷

Daripada penerangan di atas jelas kecenderungan A. Said Said menyenangi wanita yang mempunyai sifat yang penuh kewanitaan (*feminine*) seperti lemah lembut, berbudi bahasa dan menurut kata. Sifat-sifat wanita tradisional begini menguasai persepsinya terhadap penciptaan watak-watak novelnya seperti yang akan cuba ditunjukkan dalam Bab Empat kelak.

Dalam hidupnya A. Samad Said mengamalkan poligami. Tetapi perkahwinannya dengan isteri kedua, seorang wanita yang berasal dari Kelantan yang pertama kali ditemui di London, tidak kekal lama. Perkahwinan ketiga A. Samad Said adalah dengan Rashidah binti Mohd. Dahan, seorang wartawan majalah pada akhir tahun 1970-an dan mereka dikuniakan seorang

anak lelaki bernama Az. Mengenai hal ini A. Samad Said sangat terbuka dan tidak pernah berselindung. Tetapi tidak seperti Salmi Manja yang digalakkan oleh suaminya menumpukan sepenuh perhatian pada rumah tangga, Rashidah dibenarkan terus bekerja selepas berumah tangga. Keputusan ini diambil mungkin kerana A. Samad Said sedar perubahan yang dilalui oleh wanita terutama yang berpeluang mendapat pendidikan tinggi (Rashidah lulusan Institut Teknologi Mara) untuk terus bekerja selepas berumah tangga. Wanita juga perlu mempunyai dunia sendiri iaitu alam pekerjaan selain alam rumah tangganya. Secara tidak langsung juga beliau merasakan adanya perbezaan peluang yang dicapai di antara wanita yang menjadi suri rumah sepenuh masa dengan wanita yang bekerja. Berdasarkan pengalamannya bekerja dengan sebuah majalah tempatan, Rashidah banyak membantu A. Samad Said dalam kerjayanya sebagai pengarang.³⁸ Kedua-dua isterinya iaitu Salmi Manja dan Rashidah tinggal di rumah yang berasingan, yang pertama di Subang Jaya dan kedua di Ampang. Tetapi apa yang menarik perhatian ialah hampir keseluruhan koleksi bukunya terkumpul di rumah isteri kedua di Ampang. Begitu juga alamat surat-menyuratnya dan nombor telefon.

A. Samad Said juga kelihatan lebih banyak menghubungi isteri keduanya Rashidah semasa berada di luar kota.³⁹ Semasa A. Samad Said mengadakan lawatan ke England dan Perancis antara 4 April - 14 Mei 1989, beliau menulis 49 pucuk surat untuk keluarganya yang kemudian dikumpul dan diterbitkan dalam buku edisi mewah berjudul *Warkah Eropah*.⁴⁰ Dalam tempoh 42 hari pengembaraannya itu A. Samad Said menulis 19 pucuk surat kepada Rashidah, empat pucuk surat kepada Salmi Manja dan selebihnya kepada anak-anaknya.⁴¹

Sebagai kesimpulannya dapatlah dikatakan, sebagai seorang pengarang dan manusia, hubungan dengan

ibu dan isteri-isteri memberi kesan yang mendalam di jiwa A. Samad Said. Pengorbanan dan kasih sayang mereka dapat mengkayakan persepsinya tentang peranan seorang wanita dalam rumah tangga. Dari segi isteri pula ternyata kedua-dua isterinya banyak membantu, memberi sokongan moral dan berkorban bagi memberi ketenangan jiwa untuk A. Samad Said terus berkarya. Ini kerana mereka memahami sikap suami yang begitu berminat terhadap bidang penulisan. Secara tidak langsung juga persepsi A. Samad Said terhadap wanita yang disukai dan tidak disukai mempengaruhi pelukisan watak wanita dalam karyanya seperti yang akan dibicarakan dalam Bab Empat.

HUBUNGAN DENGAN MASYARAKAT

Hubungan A. Samad Said dengan masyarakat dapat dilihat dalam konteks masyarakat Melayu di kota Singapura pada tahun dekad 1940-an dan 1950-an, seterusnya hubungannya dengan masyarakat sekitar tempat tinggalnya dan hubungannya dengan masyarakat penulis. Hubungan ini saling berkaitan dalam membentuk persepsinya terhadap masalah masyarakat yang kemudian dicurahkan dalam karyanya.

A. Samad Said yang dibesarkan di kota Singapura sangat memahami masalah hidup orang Melayu di kota itu. Singapura ialah sebuah kota Cina seperti pendapat Sharom Ahmat:

*The city [Singapore] was eventually Chinese and below the level of government and the big trading house, all departments of life were dominated by Chinese.*⁴²

Sebahagian besar masyarakat Melayu yang berasal dari kota ini tinggal di kampung-kampung Melayu, terutamanya di kawasan berhampiran dengan pantai seperti Katong, Siglap, Beduk, Geylang Serai dan Changi di

bahagian timur; Telok Belangah, Pasir Panjang dan Jurong di bahagian barat.⁴³

Sebelum kedatangan Raffles ke Singapura pada tahun 1819, orang Melayu merupakan majoriti penduduk Singapura iaitu 60.2% berbanding dengan penduduk Cina, 31% dan India, 8.1%.⁴⁴ Tetapi berikutan dengan dasar Pintu Terbuka British, semenjak 1836 komposisi penduduk Singapura berubah apabila penduduk Cina menjadi majoriti dan Melayu pula menjadi minoriti. Dalam tahun 1947 pulau Singapura berpenduduk seramai 904 824, dan dari bilangan itu cuma 72 154 orang Melayu.⁴⁵

Bilangan penduduk yang tidak seimbang ini menyebabkan orang Melayu menjadi kaum minoriti di Singapura. Menurut *International Encyclopedia of Social Sciences*, minoriti ialah:

... suatu kumpulan manusia ... dibezakan daripada yang lain dalam masyarakat yang sama melalui bangsa, kerakyatan, agama atau bahasa ... yang menganggap diri mereka sebagai kumpulan yang berbeza, dengan konotasi-konotasi negatifnya. Selanjutnya, mereka secara relatif, tidak memiliki kuasa dan dengan demikian tertakluk kepada beberapa pengecualian, diskriminasi dan lain-lain perlakuan yang membezakan.⁴⁶

Sebagai golongan minoriti, orang Melayu mengamalkan cara hidup tradisi yang mempunyai kekuatan tersendiri, antaranya, melalui amalan bergotong-royong dan mempunyai hubungan rapat dengan orang sekampung yang lama dikenali oleh mereka. Tetapi bagi golongan orang Melayu yang datang berhijrah ke Singapura untuk mencari nafkah, kebanyakannya tinggal berselerak di seluruh Singapura. Hubungan golongan Melayu pendatang ini dengan komuniti mereka tidak serapat golongan Melayu di atas. Situasi begini terjadi kerana penempatan golongan Melayu pendatang ini

tidak tertumpu pada suatu kawasan khusus. Sebaliknya ramai di antara mereka tinggal bersama kaum-kaum lain seperti India dan Cina. Orang Melayu golongan ini kurang mempunyai kesetiaan pada daerah tempat tinggal mereka kerana majoriti mereka merupakan penyewa dan tidak tinggal lama di sesuatu tempat. Hubungan dengan anggota masyarakat sekeliling lebih dekat oleh dasar persamaan tempat kerja dan pekerjaan.

Namun demikian dalam sebuah pulau kecil dan padat seperti Singapura ini, pembahagian antara desa dan kota agak samar. Kesamaran ini kerana jarak geografi tidak sampai memisahkan anggota masyarakatnya. Perasaan kemasyarakatan orang Melayu secara umumnya dimanifestasikan melalui pelbagai cara. Antaranya semangat bangsa dan beragama berpusat di surau dan masjid. Institusi agama ini secara tidak langsung menjadi tempat bagi kegiatan yang bercorak kemasyarakatan yang sekali gus dapat mengukuhkan perpaduan ahli kampung.

Orang Melayu tahun 1940-an – 1950-an ramai yang hidup dalam keadaan terbiar, terumbang-ambing dan daif. Kemiskinan hidup menyebabkan tidak ramai yang menghantar anak ke sekolah Inggeris yang memerlukan lebih banyak belanja. Sebaliknya ramai yang menghantar anak-anak ke sekolah Melayu yang belum mempunyai sekolah menengah sehingga menjelang tahun 1960.⁴⁷

Sekolah Melayu sebelum tahun 1960 menghadapi masalah yang menjejaskan nilai ekonomi sijil para lulusannya. Kebanyakan sekolah Melayu tidak mempunyai kemudahan yang sempurna, seperti tidak mempunyai buku teks yang cukup, perpustakaan yang sesuai dan tidak mempunyai guru yang cukup serta berkelayakan. Tambahan pula ketika itu ramai ibu bapa dan masyarakat Melayu belum mempunyai kesedaran tinggi bagi menggalakkan anak-anak belajar.

Para lulusan sekolah Melayu menghadapi masalah besar dalam mencari pekerjaan. Mereka hanya berpeluang mendapat pekerjaan seperti polis, tentera, posmen, ahli bomba, peon, pemandu, penjaga kereta dan pegawai rendah di pejabat pemerintah. Pengangguran di kalangan lulusan Melayu merupakan antara masalah besar pada tahun 1940-an dan 1950-an. Pencapaian pendidikan rendah diikuti dengan pekerjaan yang terhad menyekat peluang orang Melayu untuk mencapai kedudukan yang baik dalam bidang pekerjaan. Keadaan ini menyebabkan mobiliti sosial orang Melayu sangat rendah.

Sebagai seorang ahli masyarakat dan seorang pengarang, A. Samad Said menyerlahkan sebahagian masalah hidup golongan minoriti ini yang berasa diri mereka terbiar dan terasing. Antaranya termasuklah soal pengangguran di kalangan para lulusan Melayu, kemiskinan hidup orang Melayu dan terhadapnya peluang untuk membaiki taraf sosial hidup mereka. Masalah ini menjadi fokus dalam cerpennya yang dihasilkan dalam tahun 1950-an dan awal 1960-an yang dikumpulkan dalam buku *Di Tepi Jalan, Daun-daun Berguguran* dan *Debar Pertama*. Antara cerpen yang menggarap persoalan di atas ialah "Dari Tingkap Sebuah Bangunan", "Sebuah Bangunan Tiga Tingkat" dan "Ke Daerah yang Lebih Kerdil".

Seterusnya kita akan melihat hubungan A. Samad Said dengan masyarakat sekitarnya, iaitu jiran tetangganya. Pengalaman langsung dengan kelompok manusia seperti jiran-jirannya memberi kesan kepada hasil karyanya, terutamanya jika ditinjau dari aspek tema, watak dan latar tempat yang ditampilkan.

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, A. Samad Said dibesarkan dalam keluarga miskin di kawasan sesak dan pelbagai kaum di kota Singapura. Beliau pernah tinggal di Rangoon Road yang merupakan sebuah kawasan tempat tinggal orang India.⁴⁸ Tinggal dalam

kawasan miskin di kalangan orang kelas bawahan dan tidak ada kemudahan asas memberi kesan kepada pelukisan tema dan watak-watak karyanya kelak. Pengalaman ini mempertajam kepekaan A. Samad Said terhadap masalah fizikal dan pemikiran orang di sekitarnya. Pemahaman ini terserlah dalam cerpennya yang termuat dalam tiga buah kumpulan cerpennya, iaitu *Di Tepi Jalan*, *Daun-daun Berguguran* dan *Debar Pertama*.

Kebanyakan cerpen yang dihasilkannya menyuarakan kisah hidup orang miskin di kota Singapura. Kemiskinan mereka itu meliputi kemiskinan material, pemikiran dan sekali gus cara hidup mereka. Kemiskinan material sangat jelas. Kebanyakan mereka bekerja pada peringkat bawahan seperti sebagai pemandu bas troli, pelayan pejabat, kerani rendah. Bagi wanita pula hampir kesemuanya suri rumah sepenuh masa atau pelayan. Mereka hanya berpendidikan rendah sekolah Melayu, malah ada juga yang tidak bersekolah langsung dan buta huruf. Kekurangan pendidikan digambarkan melalui sikap tidak mementingkan kesihatan terutama kebersihan diri, dan alam sekitar rumah mereka. Kemiskinan juga menyebabkan mereka hanya mampu tinggal di kawasan sesak dan tidak mempunyai kemudahan asas seperti air paip dan elektrik. Hal ini tergambar dalam cerpen "Pagi" dan "Longkang".

Hubungan A. Samad Said dengan masyarakat bertambah luas selepas beliau bekerja sebagai kerani di Hospital Besar Singapura. Kehidupan harian di hospital ini dengan pekerjaanya yang terdiri daripada pelbagai kaum digambarkan dalam beberapa cerpen seperti "Sehari", "Seminggu", "Gelap", "Hati Muda Bulan Muda". Walaupun pelukisan jiwa watak-watak kerani, pelayan pejabat, pemandu ambulans dan jurutaip itu tidak dikupas dengan mendalam tetapi cukup menggambarkan komposisi penduduk kota Singapura yang pelbagai kaum itu.

Walaupun budaya hidup orang miskin tidak diterokai dengan mendalam oleh A. Samad Said dalam cerpen-cerpennya, namun pemahamannya terhadap masalah hidup kelompok ini terserlah. Apabila ditanya mengapa beliau banyak menyorot kehidupan golongan bawahan dalam karyanya, beliau mengatakan "simpati saya [terhadap mereka] barangkali secara bawah sadar".

Pengupasan yang lebih mendalam terhadap masalah hidup orang miskin ini terpancar dalam, novel-novelnya, bermula dengan *Salina* diikuti dengan *Di Mana Terbangnya*. Golongan yang disorot dalam novel-novel di atas ialah golongan pelacur yang membolehkan pembaca merasakan betapa buruknya kesan kemiskinan kepada sebahagian manusia kecil itu. Kemiskinan material, moral dan tekanan keadaan menyebabkan mereka mudah terjerumus dalam lembah dosa.

Seterusnya hubungan A. Samad Said dengan masyarakat, khususnya golongan penulis, menjadi lebih luas dan rencam yang dimungkinkan oleh pekerjaannya sebagai pengarang mengendalikan bahagian sastera di akhbar-akhbar *Berita Harian* dan *Berita Minggu*. Dalam konteks tugas inilah hubungannya dengan golongan penulis menjadi rapat. Berdasarkan kedudukannya itu selain bertindak sebagai pengelola ruang sastera, beliau juga bertanggungjawab memilih cerpen yang akan disiarkan dalam akhbar berkenaan. Dalam proses pemilihan ini A. Samad Said mengambil pendekatan membimbing, terutamanya kepada penulis muda. Ini adalah kerana beliau memahami hasrat penulis ingin mencipta nama dalam bidang penulisan cerpen ini. Salah seorang pengarang Malaysia yang banyak mendapat bimbingan A. Samad Said ialah Malungun (nama pena Amir Hamzah Shamsudin).⁴⁹ Malungun secara terbuka mengakui jasa A. Samad Said membimbing, menggalakkan dan menumbuhkan minatnya yang lebih mendalam terhadap penulisan dan penghasilan karya

kreatifnya terutamanya ketika A. Samad Said bekerja di *Berita Harian*. Menurut Malungun:

A. Samad Said mengajar saya, malah secara tidak langsung dia menganjurkan saya membuat catatan tentang watak-watak yang sedang diperhatikan. A. Samad Said juga banyak memaksa saya membaca, dan antara faktor yang membolehkan saya berbahasa Inggeris adalah kerana paksaannya. Beliau juga memaksa saya ke rumahnya setiap hari dan berulang kali bercakap tentang sesuatu karya walaupun sehingga awal pagi.⁵⁰

Jasa A. Samad Said kepada pengarang muda seperti Malungun sangat menyerlah. Mengenai penulis wanita pula, antara yang paling banyak mendapat bimbingan daripada A. Samad Said ialah isterinya sendiri iaitu Salmi Manja seperti yang telah dibincangkan.

Mengenai peranan A. Samad Said sebagai penyunting pengelola ruangan sastera, khususnya pemilihan cerpen untuk disiarkan, menurut A. Samad Ismail, "Seingat saya, A. Samad Said seorang penyunting cerpen yang cekap sekali dalam bidang ini. Dia boleh *salvage* atau 'menyelamatkan' sebuah manuskrip cerpen yang begitu 'teruk'. Setelah diconteng, diolahnya kembali untuk menjadi sebuah cerpen yang enak dibaca."⁵¹ Selalunya cerpen yang disunting dan ditaip ber-sih itu akan disiarkan.

Sikap sabar A. Samad Said itu dapat dianggap tidak menganiaya, sebaliknya membimbing para penulis cerpen. Peranannya ini mendorong ke arah pembinaan tali persahabatan dengan golongan penulis.

Di samping itu, sebagai pengarang dalam tahun 1960-an, A. Samad Said juga bergiat dalam beberapa persatuan penulis termasuk PENA.⁵² Dari segi sejarahnya, kegiatan beliau berpersatuan itu telah pun bermula sejak di Singapura lagi dan berlanjutan hingga kini. Dalam jangka masa yang panjang itu peranannya dalam persatuan turut berubah. Dalam tahun 1950-an,

sejajar dengan kedudukannya sebagai penulis muda, penglibatannya dalam persatuan lebih banyak berupa menambah pengetahuan daripada para penceramah terutama tokoh-tokoh ASAS '50.

Seterusnya setelah sekian lama menjadi pendengar ceramah, beliau menjadi penceramah pula, terutamanya setelah berjaya melahirkan novel *Salina*. Sanjungan Prof. Teeuw terhadap novel sulungnya itu sebagai novel bertaraf antarabangsa menjadikan beliau lebih sibuk menerima undangan daripada persatuan penulis untuk berceramah.

Secara kebetulan pula tahun 1960-an merupakan dekad yang menyaksikan perkembangan pesat sastera Melayu, termasuklah penghasilan novel atau kegiatan berpersatuan. Dalam dekad itu kelahiran beberapa persatuan penulis baru di seluruh negara sangat pesat. Antara yang paling giat ialah PENA (Persatuan Penulis Nasional). Persatuan ini sangat giat menganjurkan pelbagai kegiatan penulisan sastera seperti kursus, bengkel, ceramah, forum dan sebagainya. Usaha pertama PENA ialah mengadakan kursus penulis yang disiarkan melalui Radio Malaya, akhbar-akhbar mingguan *Utusan Zaman* dan *Berita Minggu*. A. Samad Said turut berceramah dalam siri ini dengan judul "Teknik Novel".⁵³ Selain itu beliau sering diundang untuk memberi ceramah yang dianjurkan oleh beberapa persatuan penulis di seluruh Semenanjung.

Kegiatan ini secara tidak langsung memberi kesempatan kepada A. Samad Said berkenalan dan didekati ramai peminat sastera dan penulis muda khususnya. Ramai penulis muda menyenangnya seperti yang dilaporkan oleh Yahaya Ismail dalam sebuah rencananya mengenai A. Samad Said dan mencatatkan pendapat seorang peminat mengenai pengarang ini, "Ia senang bergaul dan baik hati. Mahu menolong dan tidak lokek mencurahkan apa yang ia tahu kepada orang lain".⁵⁴

Kegiatannya berceramah itu berterusan walaupun

setelah berhenti daripada tugasnya di *Berita Harian* pada April 1987 dan dianugerahi Anugerah Sastera Negara pada tahun 1985. Beliau terus diundang oleh sekolah, pusat pengajian tinggi, persatuan penulis peringkat daerah, negeri dan kebangsaan. Beliau juga sangat rajin menghadiri seminar dan diskusi sastera yang dianjurkan oleh persatuan penulis. Beliau pernah menjelajah Sabah untuk memberi ceramah dan bengkel drama di seluruh Sabah selama sebulan bermula 27 Februari - 27 Mac 1989.

Mengenai kegiatan kemasyarakatannya itu, A. Samad Said pernah mengatakan, "Saya ingin berehat. Saya terlampau letih. Banyak sangat undangan dan majlis sastera yang terpaksa ditunaikan hingga tidak sempat berkarya."⁵⁵

Di samping memberi ceramah sastera di beberapa tempat, A. Samad Said turut memberi perhatian dan bimbingan kepada ramai penulis muda yang berbakat. Bimbingan itu berupa kata-kata perangsang, menyemak manuskrip karya mereka atau membalas surat dan poskad mereka. Inisiatif ini diambil kerana menyedari bimbingan penulis veteran sepertinya sangat diperlukan oleh ramai penulis muda. Padanya "beberapa orang anak yang berbakat perlu dipelihara selembutnya agar mereka dapat berkembang sebagai penulis".⁵⁶

Oleh sebab itu ketika beliau melancarkan Mogok Seni selama lima tahun bermula 23 Julai 1989, ramai penulis mapan, persatuan penulis dan penulis muda berasa resah kerana A. Samad Said menghentikan sama sekali kegiatan sasteranya. Dari satu segi Mogok Seni yang dilancarkan itu menimbulkan pelbagai pendapat, ada yang kontra, menyalahkan A. Samad Said, tidak kurang yang bersimpati dan memahami situasi hingga terlancarnya Mogok Seni itu.⁵⁷ Tetapi perasaan golongan penulis muda yang sering didampinginya dapat disimpulkan daripada pendapat A. Ghani Abdullah, "Pak Samad sering mendampingi dan mengasuh

mereka supaya menulis karya besar dan bermutu. Pak Samad selalu berada di hati mereka kerana Pak Samad sering muncul di khalayak ramai."⁵⁸

A. Samad Said giat mendampingi penulis muda kerana beliau menyedari bahawa dunia sastera Malaysia memerlukan penulis muda yang merupakan penulis pelapis untuk menjalin kesinambungan pengkaryaan sastera Malaysia. Sumbangan buah fikiran dan idea A. Samad Said ke arah perkembangan bidang sastera di Malaysia ini berlandaskan visinya terhadap besarnya peranan golongan sasterawan bagi mencerminkan dan membentuk pemikiran masyarakat.

Begitulah hubungan A. Samad Said dengan masyarakatnya, bermula dari masyarakat di kota Singapura tempat beliau dibesarkan hingga kepada golongan penulis dan bidang penulisan sastera tanah air. Hubungan rapatnya dengan golongan itu memang tidak dapat diperkecil, dan terserlah dalam novel-novelnya yang akan dikaji dalam buku ini.

HUBUNGAN DENGAN ZAMAN

Penglibatan A. Samad Said dalam bidang penulisan bermula dengan menulis sajak pada tahun 1950-an, iaitu ketika beliau masih remaja dan masih menuntut di sekolah menengah. Sajak pertamanya itu berjudul "Untuk Angkatan '50" yang tersiar dalam *Utusan Zaman* (1 September 1953). Sajak itu mengambil persoalan tentang ASAS '50, iaitu sebuah pertubuhan pengarang Melayu yang bergerak aktif dalam kegiatan sastera serta banyak menghasilkan karya kreatif masa itu. Persoalan yang digarapnya dalam sajak itu sekali gus memperlihatkan beliau sebagai seorang peminat sastera yang sangat peka dengan perkembangan pertubuhan ASAS '50 khasnya dan sastera di Singapura amnya. Sajak itu menggambarkan pemahamannya terhadap konsep "Seni untuk Masyarakat" dan isu-isu yang di-

perjuangkan oleh ASAS '50 itu.

Sajak itu juga secara tidak langsung memperlihatkan harapan A. Samad Said terhadap ASAS '50 untuk membawa pembaharuan dan seterusnya mengembangkan sastra Melayu. Dalam hubungan dengan ASAS '50 ini, A. Samad Said walaupun dewasa dalam masyarakat dan persekitaran yang sama, tetapi beliau memiliki stail penulisan tersendiri yang menyebabkan beliau terpisah daripada sebahagian besar sasterawan yang hidup sezaman dengannya. Beliau diumpamakan "se-bentuk cincin daripada rantai kesusasteraan Melayu yang menyambungkan ASAS '50 dengan angkatan sesudahnya".⁵⁹ Namun demikian dari segi persoalan yang digarap dalam cereka, khususnya cerpen, A. Samad Said masih terikat dengan tema golongan miskin kota, termasuk wanita yang berjuang untuk hidup yang merupakan inti persoalan karya-karya pengarang ASAS '50. Persoalan ini akan dibincangkan secara lebih mendalam dalam Bab Tiga.

Dalam bidang cereka pula, cerpennya yang pertama tersiar di media massa berjudul "Hari Ini Hari Gembira" terbit dalam majalah *Suasana* (8 Oktober 1954). Setelah itu karya-karyanya terus mengalir hinggalah ke dekad 1990-an ini.

Karya-karya awalnya ini secara langsung memperlihatkan adanya hubungan kontekstual antara karya dengan era dan latar belakang sejarah yang cuba diserahkan dalam novel-novelnya. Antaranya pengalaman hidup pada zaman kanak-kanak dan remaja pada era pemerintahan Jepun di Singapura yang banyak memberi warna khas kepada novel yang digelarnya "Novel-novel Derita".

Pengalaman dan penderitaan hidup pada zaman pendudukan Jepun selama tiga tahun lapan bulan itu, yang berlaku pada keluarga, jiran dan orang di sekitarnya, tidak mudah terhakis daripada ingatan. Pengalaman itu meninggalkan kesan psikologi yang men-

dalam dan begitu lama menguasai fikirannya. Padanya hidup pada zaman pemerintahan Jepun itu merupakan suatu era di mana beliau mengenal erti hidup dalam keadaan seburuk-buruknya, tetapi dari satu segi menjadikan beliau cepat dewasa.⁶⁰ Dari segi pengkaryaan, pengalaman hidup di Singapura pada zaman pendudukan Jepun itu terus ditimba, dicerna dan dijelmakan dalam novel-novelnya meliputi hingga tahun 1980 iaitu dalam novel *Langit Petang*.

Menurut A. Samad Said, pengalamannya sebagai penulis dapat dibahagikan kepada tiga fasa⁶¹ yang dapat dikaitkan dengan zaman tertentu dalam putaran hidupnya.

Fasa pertama meliputi tahun 1960-an, iaitu dekad *Salina*, novel besar atau *masterpiecenya* dilahirkan. Menurut pengarang sendiri, fasa itu dinamakan fasa "luka lama dan ketakjuban". Fasa kedua bermula pada tahun 1970-an iaitu fasa "kesan dan keletihan" di mana beliau menghasilkan kumpulan puisi *Benih Semalu*, novel *Adik Datang* dan *Di Hadapan Pulau*. Kedua-dua fasa itu meliputi pengalaman hidup yang penuh penderitaan pada zaman Jepun iaitu ketika dia masih kanak-kanak. Pengalaman ini telah menimbulkan kesan psikologi yang mendalam di jiwa individunya. Kesan itu mempengaruhi tema karya-karya yang dihasilkan dalam dua fasa yang berkenaan. Dalam konteks sastera pula, sesebuah karya sastera lahir kerana kesan psikologi yang dialami pengarang. Di samping itu terdapat beberapa unsur lain yang turut mendorong kelahiran tersebut. Antaranya termasuklah persepsinya terhadap dunia sekitarnya dan persoalan sosial yang terjadi pada sesuatu zaman tertentu.

Dari segi peribadi, selain menderita akibat bahana perang seperti kekurangan makanan dan pakaian, perang meninggalkan kesan kepada dirinya. Antaranya dalam urusan keluarganya sendiri walaupun masih kanak-kanak, beliau telah "didera" untuk memikul

tanggungjawab sebagai orang dewasa. Pengalaman pahit ini mencengkam kenangan dan jiwanya sehingga novel-novel derita terus lahir setelah lebih 30 tahun Perang Dunia Kedua tamat.

Karya-karya yang lahir dalam dua fasa ini memberi lebih penekanan pada pengalaman kanak-kanaknya pada zaman perang. Secara tidak langsung penekanan itu memperlihatkan betapa dalamnya luka jiwa A. Samad Said akibat perang.

Karya yang dihasilkan dalam fasa satu dan fasa dua itu jelas memaparkan masalah keluarga A. Samad Said sendiri. Pertama sekali kita akan melihat pola keluarga kebanyakan novel yang berlatarkan zaman sebelum perang itu. Pola yang jelas ialah pola keluarga asas iaitu yang mengandungi ibu, bapa yang masih muda dan anak-anak yang sering diketuai oleh wanita. Keadaan ini terjadi kerana bapa sudah meninggal dunia, menghilangkan diri atau sangat jarang berada di rumah. Ketiadaan lelaki sebagai ketua keluarga menunjukkan berlakunya kekosongan kuasa patriarki dan wanita terutama ibu dalam keluarga itu terpaksa memikul tanggungjawab sepenuhnya terhadap anak-anak. Wanita dari satu segi sering mengetuai sebuah keluarga muda yang miskin tetapi tabah menghadapi hidup. Para isteri ini selalunya digambarkan tidak berpendidikan, kadang-kadang sedang mengandung. Contohnya terlihat pada watak Suhaidah dalam novel *Adik Datang*. Dia sedang mengandungkan anak kedua ketika plot novel ini bermula iaitu tiga bulan setelah Hamid, suaminya, meninggal dunia. Suhaidah yang menjadi janda itu tinggal bersama-sama Zalifah anak sulungnya yang masih kanak-kanak (tidak dinyatakan umurnya dengan tepat oleh pengarang). Suhaidah dibantu oleh abangnya, Mokhsen, seorang bekas pelaut yang menanggung pelayarannya kerana kesihatan Suhaidah terganggu selepas kematian Hamid. Tambahan pula keadaan negeri yang berada di ambang perang

menjadi latar masa novel ini.

Pola keluarga yang sama terdapat dalam novel *Keledang* yang diketuai oleh Hendon setelah suaminya, Omar, menghilangkan diri meninggalkan Hendon yang sedang mengandung dan dua orang anak iaitu Ehsan dan Rahimah yang masih awal remaja (tidak dinyatakan umurnya oleh pengarang). Novel ini pula mengambil latar zaman perang di sebuah kampung terpencil bernama Keledang. Kehilangan Omar tidak diketahui sebabnya oleh ahli keluarganya menyebabkan mereka begitu menderita. Penderitaan jiwa dan material keluarga malang ini diringankan sedikit oleh sikap simpati dan tolong-menolong orang kampung Keledang. Dalam novel *Sungai Mengalir Lesu* pula ditemui keluarga Tuminah seorang janda yang berumur 24 tahun yang tinggal berdua dengan adiknya Dalim yang berumur 12 tahun. Suaminya, Mansur, telah meninggal dunia dalam serangan bom Jepun ketika sedang memandu bas. Kehidupan pada zaman Jepun yang makin sulit di kampung tepi sungai itu sungguh menekan jiwa Tuminah yang tidak mempunyai pekerjaan dan sumber pendapatan tetap. Dalim bersama kawan-kawannya terpaksa mencari sumber rezeki dari sungai yang mengalir semakin lesu itu.

Jika dalam novel-novel yang tersebut di atas lelaki yang menjadi ketua keluarganya mati atau menghilangkan diri, tetapi dalam novel *Di Hadapan Pulau* pula kita menemui watak Aziz yang berumur 12 tahun baru dua bulan kematian ayahnya, Agil, seorang mekanik semasa plot novel bermula. Aziz terpaksa tinggal dengan Mak Cik Joyah. Walaupun Joyah tinggal bersama-sama Budin, suaminya, tetapi Budin digambarkan bukanlah seorang suami yang boleh diharap dan bertanggungjawab kerana jarang berada di rumah dan sering pula pulang ke rumah dalam keadaan mabuk. Menurut pengarang "Budin memang tidak pernah kenal orang. Dia lebih kenal botol atau tempayan tadi. Sepanjang-

panjang hidupnya arak menjadi minuman" (hlm. 19). Budin tidak pernah muncul dalam plot cerita. Kelakuan dan sikapnya diketahui melalui pendapat Aziz, Joyah dan pengarang sendiri. Dalam halaman 15 digambarkan "Budin sentiasa kurang ajar, sentiasa tidak bertimbang rasa, sentiasa tidak bertanggungjawab". Oleh sebab itulah dalam keadaan perang hampir meletus di pertengahan plot novel ini, Joyah terpaksa berusaha mencari pekerjaan di markas tentera Australia yang didirikan tidak jauh daripada kampung mereka. Ketika Jepun berkuasa dan mengambil alih markas itu, Joyah juga bekerja di situ untuk menampung kehidupan mereka sekeluarga. Memahami dan mengetahui kegigihan mak ciknya itulah "Aziz sedar bahawa yang menang-gungnya ialah mak ciknya sendiri bukan pak ciknya" (hlm. 20).

Pola keluarga asas yang diketuai oleh wanita turut diutarakan oleh A. Samad Said dalam novel sulungnya, *Salina*, yang mengambil latar belakang sesudah perang pula. Menurut A. Samad Said tentang novel ini "sebahagiannya adalah kisah keluarga dan masyarakat sekitar".⁶² Dalam realitinya ketika menulis novel itu A. Samad Said sekeluarga tinggal di Rangoon Road. Masa itu kehidupan mereka agak sempit. Mereka berenam iaitu ibu, ayah, abang, dirinya dan dua orang adiknya tinggal dalam rumah yang rata-ratanya bocor dan biliknya satu. "Maka apa yang saya tulis waktu itu ialah kehidupan saya sendiri. Saya cuba bersungguh-sungguh menulis secara *detail* segala *environment* dan pengalaman saya sendiri."⁶³ Pengalaman ini dijelmakan melalui Hilmy yang berumur 18 tahun. Pengalaman Katijah "ditiru" daripada ibunya sendiri. Memang dalam kehidupan realitinya masa novel itu ditulis pada tahun 1958, ibunya Aminah Mohd. Amin bekerja sebagai pembasuh kain demi menampung pendapatan keluarga. Dalam novel ini ayah Hilmy telah meninggal dunia semasa pengeboman tentera Jepun semasa

mereka berlindung dalam *shelter*.

Walaupun kebanyakan keluarga yang ditampilkan dalam novel-novel yang disebut di atas merupakan keluarga asas serta tidak mendapat perlindungan sepenuhnya daripada lelaki ketua keluarga kerana kematian, hilang diri atau bersifat tidak bertanggungjawab, ahli keluarga itu tetap tabah menghadapi hidup yang semakin sulit pada zaman perang atau selepas perang itu. Pengarang menimbulkan perasaan sedih anak-anak kerana kehilangan *father figure* dan pelindung dalam zaman serba sulit itu. Anak-anak itu digambarkan sedar bahawa sebagai wanita ibu mereka tidak mampu sepenuhnya memikul sendiri tanggungjawab terhadap keluarga, terutama dalam soal mencari nafkah.

Anak-anak seperti watak Ehsan dan Rahimah dalam *Keledang* dan Aziz dalam *Di Hadapan Pulau* sentiasa terkenangkan ayah mereka sehingga kerinduan itu memberi kesan psikologi kepada mereka. Malah hingga terbawa di dalam tidur dan mereka sering mengigau.

Tetapi secara perbandingan didapati kesan ketiadaan *father figure* ini lebih mendalam pada anak lelaki seperti Ehsan dan Aziz jika dibandingkan dengan anak perempuan. Anak perempuan seperti Zalifah dalam *Adik Datang* dan Afidah dalam *Di Hadapan Pulau* lebih dekat dengan datuk. Zalifah lebih dekat dengan datuknya, Rashidi, yang banyak memberi perhatian dan layanan dibandingkan Hamid, ayahnya sendiri. Keadaan ini kerana sebagai bapa, Hamid digambarkan kurang melayan Zalifah jika dibandingkan dengan Rashidi, datuknya. Kehilangan datuknya yang tidak pulang dari pelayarannya menyebabkan jiwa Zalifah terganggu.

Afidah pula memang tinggal dengan Marzuki, datuknya, setelah ibu bapanya bercerai. Kematian Marzuki dalam serangan bom Jepun ketika berada di dalam *shelter* menyebabkan Afidah hilang tempat mengadu dan hidup sebatang kara. Afidah terpaksa menumpang

hidup dengan Mak Ketong, jirannya. Walau bagaimanapun anak-anak itu seperti Dalim dalam *Sungai Mengalir Lesu* dan Aziz dalam *Di Hadapan Pulau* terpaksa mengharungi hidup yang penuh penderitaan pada zaman Jepun itu. Dari segi lain mereka itu perasa, cepat dewasa dan memahami fenomenon semasa yang memerlukan kecekapan. Mereka telah berusaha mencari kehidupan sendiri. Mereka lebih bebas bergerak dengan teman-teman sebaya apatah lagi orang yang menjaga mereka seperti Joyah dan Tuminah tidak mampu menampung keperluan makanan mereka.

Dalim tinggal bersama-sama Tuminah, kakaknya yang janda selepas ibunya meninggal kerana beri-beri. Dia mencari sumber makanannya di sungai yang mengalir lesu dekat rumah mereka itu. Dia berkawan dengan orang dewasa seperti Basir dan terlibat dalam pencurian barang makanan di sebuah gudang Jepun. Pengalaman Aziz dalam *Di Hadapan Pulau* dan Dalim adalah berdasarkan pengalaman sebenar pengarangnya sendiri seperti yang dikatakannya, "*Sungai Mengalir Lesu* ialah novel semisejarah, sedapat-dapatnya saya menimba segala yang berlaku itu dari pengalaman saya sendiri."⁶⁴

Watak kanak-kanak seperti Aziz, Dalim, Ehsan, Rahimah, Afidah, Zalifah atau remaja seperti Hilmy mendapat kasih sayang, pembelaan dan pengorbanan daripada ibu, mak cik atau kakak mereka. Namun sebagai kanak-kanak jiwa mereka digambarkan menghadapi kekurangan kasih sayang yang sempurna akibat daripada kehilangan *father figure*. Kasih sayang yang diterima mereka tidak seimbang apabila tidak diterima daripada ayah dan ibu seperti yang perlukan.

Tetapi daripada jiwa kanak-kanak ini tidak digambarkan perasaan marah atau dendam terhadap ayah. Sebaliknya mereka diharu oleh perasaan rindu dan kesepian terutama apabila mereka terkenangkan nasib malang tidak berayah. Keadaan itu menjadikan mereka

digambarkan sebagai anak yang agak murung, perasa, berfikir dan bertimbang rasa terhadap orang lain. Aziz, misalnya berasa sedih kerana layanan kasar pak cik-nya, Budin, kepada Joyah, mak ciknya. Dia pernah melihat pak ciknya memukul Joyah. Dalam persengketaan itu dia menyebelahi Joyah yang dianggapnya begitu sabar dan setia terhadap suaminya itu. Gambaran ini mungkin diangkat daripada pengalaman semasa kecil A. Samad Said sendiri seperti yang telah diceritakan sebelumnya.

Begitu juga watak kanak-kanak yang lain yang ditinggal ayah. Mereka juga tidak digambarkan marah terhadap ayah mereka, sebaliknya mereka digambarkan tidak faham mengapa hal itu boleh berlaku. Keadaan ini sangat sesuai dengan gambaran diri dan jiwa mereka sebagai kanak-kanak yang memang tidak memahami sepenuhnya masalah dan dunia orang dewasa. Perasaan tidak puas hati terhadap watak lelaki yang "hilang" hanya digambarkan berputar di kalangan watak wanita seperti Suhaidah, Hendon, Joyah, Tuminah dan Katijah yang akan diceritakan dengan lebih lanjut dalam Bab Empat yang akan datang.

Walaupun anak-anak itu menanggung kerinduan kepada ayah, mereka digambarkan mempunyai ibu, mak cik atau kakak yang penyayang dan penyabar. Hubungan anak-anak dengan ibu mereka sangat rapat malah mereka sangat bersimpati dengan penderitaan batin yang dihadapi oleh ibu mereka yang selalunya ditampikan sedang mengandung. Ehsan dan adiknya, Rahimah, dalam *Keledang* turut sama menderita dengan ibu mereka, Hendon, yang mengandung ketika ayah mereka tiba-tiba menghilang. Bagi Zalifah dalam *Adik Datang* pula kematian ayahnya menyedarkan dia betapa menderita ibunya yang sedang mengandung itu. Beberapa kali Zalifah melihat ibunya menangis setelah bapanya meninggal dunia. Kehilangan yang dihadapi oleh mereka itu telah merapatkan hubungan anak-anak

itu dengan ibu mereka.

Peristiwa yang dihadapi oleh anak-anak dan ibu mereka sedikit sebanyak ada hubungan antara pengalaman yang dialami oleh pengarang semasa remaja. Peristiwa ini dengan mudah mendorongnya melukis nasib watak anak yang ditampilkan dalam novel-novelnya. Hal ini mungkin digerakkan oleh "ketidaksedaran"-nya terhadap perulangan jenis watak yang diutarakan hasil daripada kesan psikologi yang dialaminya sendiri. Oleh sebab watak itu dipetik daripada dunia realiti, besar kemungkinan A. Samad Said mengambil model yang paling dekat dengan dirinya; iaitu dirinya dan ibunya sendiri.

Dalam fasa ini jelas terserlah nasib watak wanitanya yang dapat dikategorikan sebagai wanita tradisi. Kebanyakan mereka tidak berdaya untuk mengatasi masalah hidup selepas kehilangan tempat bergantung. Mereka iaitu Suhaidah, Hendon, Joyah, Tuminah, merupakan suri rumah sepenuh masa, digambarkan bersifat sabar, pengasuh kepada anak-anak. Mereka merupakan tipikal wanita tradisi yang bergantung ekonomi pada suami.

Hanya bermula pada tahun 1980-an yang dinamakannya sebagai fasa "renungan diri dan ghairah",⁶⁵ A. Samad Said mula meninggalkan fasa pertama dan kedua tadi. Dalam fasa ketiga inilah beliau melahirkan novel *Langit Petang* (1980), *Daerah Zeni* (1985), drama *Wira Bukit* (1986) dan novel *Hujan Pagi* (1987). Karya-karya yang dilahirkan dalam fasa ini memperlihatkan kematangan pemikiran yang sarat berisi renungan diri, lingkungan dan falsafah yang digarap dengan stail dan teknik penulisan yang terbaru (yang akan dibincangkan ketika menganalisis novel-novelnya dalam Bab Tiga).

Dalam fasa ketiga yang digelarnya sebagai fasa "renungan diri dan ghairah" itu A. Samad Said banyak terilham pula oleh novel-novel Amerika Latin, khususnya karya Gabriel Garcia Marquez seperti *Chronicle of*

a Death Foretold dan *The Death of Artemio Cruz* oleh Fuentes. Novel-novel mereka dibacanya kerana "mengikut perkembangan dan aliran zaman".⁶⁶ Sebagai hasilnya A. Samad Said cuba menerapkan beberapa teknik penulisan novel Latin Amerika itu dalam novelnya *Darah Zeni*. Menurut Lutfi Abas, novel ini telah menggunakan teknik *nouveau-roman* yang dipraktikkan oleh Marques, pengarang Latin Amerika itu.⁶⁷

Percubaan itu dibuatnya dengan hasrat dan kesedaran "untuk memulakan suatu tradisi baru dalam penulisan novel di Malaysia".⁶⁸ Walaupun didorong oleh hasrat menulis karya-karya yang dikategorikan sebagai sastera tulen (*pure literature*)⁶⁹ A. Samad Said sedar percubaan ini tidak mudah diterima oleh masyarakat sastera khususnya bagi mereka yang masih mesra dengan bentuk realisme. Namun demikian baginya sastera Malaysia harus diperkenalkan dengan unsur-unsur "baru" ini demi mempertingkat dunia sastera kita sendiri. Untuk mencapai tujuannya sebagai perintis tradisi baru ini beliau rela menjadi *an island in the stream*. Walau bagaimanapun baginya tradisi baru itu hanya berbeza dari sudut metode untuk menangani sahaja sedangkan persoalannya masih realiti Malaysia.⁷⁰

Selaras dengan perkembangan zaman jika ditinjau dari sudut watak wanita pula dalam fasa ketiga ini, wanitanya digambarkan sebagai semakin maju dan ramai terlibat dalam masyarakat. Kebanyakannya berpunca daripada peluang mendapat pendidikan hingga ke peringkat tinggi. Mereka digambarkan mempunyai peluang untuk membaiki keadaan hidup seperti mempunyai pendapatan sendiri dan memilih cara hidup sendiri. Perbincangan mendalam tentang wanita ini akan dibincangkan dengan lebih mendalam dalam Bab Empat kelak.

Memahami, mengkaji dan meneliti perkembangan tiga fasa pengalamannya sebagai sasterawan yang dibincangkan di atas menjelaskan hubungan konteks-

tual antara era atau zaman yang diangkatnya itu dengan karya-karyanya yang dihasilkan. Hubungan yang rapat antara karya dengan konteks sejarah menjadikan novel-novel A. Samad Said dapat dimanfaatkan sebagai penyingkap ufuk nurani dekad tertentu. Kemungkinan ini wujud kerana pengarang yang dikaji ini secara sedar cuba mengangkat seterusnya melukiskan era tertentu dalam sejarah negara untuk memberi *insight* tentang kehidupan manusia yang difokuskan dalam karya berkenaan. Kesedaran ini menjadi salah satu tujuan dan konsep yang dipegangnya ketika berkarya.

HUBUNGAN DENGAN CIPTAAN

Penglibatan A. Samad Said yang berterusan dan panjang dalam bidang penulisan – hingga kajian ini selama 40 tahun – adalah berlandaskan gagasannya terhadap definisi dan fungsi sastera itu sendiri. Baginya:

Kesusasteraan adalah laporan hidup daripada siri krisis yang dihadapi oleh manusia ini. Ia adalah sejarah jatuh bangunnya manusia, kepatahannya, sukanya yang sedetik dan dukanya yang berpanjangan, ketawanya yang pendek dan tangisnya yang berulang.⁷¹

“Laporan krisis manusia” ini diangkat daripada pengalaman dan kisah manusia yang diadun dengan imaginasi bagi membolehkan pembaca lain turut “mengalami” pengalaman yang dihidangkan dalam bentuk cereka. Pendapat di atas merupakan sintesis gagasannya dalam berkarya.

Dalam hubungan ini A. Samad Said berpegang pada gagasannya bahawa fungsi sastera itu “membimbing kita ke arah pengalaman baru, memberi kita peluang mengalami suka duka, rindu mesra dan segala inti rasa yang pernah dialami oleh manusia sejak zaman Nabi Adam dan Hawa lagi.”⁷²

Walaupun fungsi sastra itu dianggapnya “membimbing” pembaca memahami secebis pengalaman manusia tetapi novel-novelnya tidak cenderung menonjolkan “bimbingan” secara mudah atau dangkal seperti memberi hukuman atau mengenakan *poetic justice* kepada watak-watak yang menyeleweng daripada nilai murni masyarakat. Contoh yang jelas mengenai pendapat ini sudah mula diterapkan dalam novel sulungnya, *Salina*. Watak Siti Salina seorang pelacur profesional tidak diberi balasan setimpal dengan hidupnya yang bergelumang dosa itu. Sedangkan sewaktu novel ini ditulis, konvensi sastra Melayu “buat baik dibalas baik” masih kukuh menjadi pegangan ramai pengarang sezaman dengannya. Sebaliknya A. Samad Said secara sedar cuba menyimpang daripada konvensi ini dengan memberi “bimbingan” secara halus untuk difikir, ditimbang dan dirasionalisasikan sendiri oleh pembacanya. Untuk memberi “bimbingan” seperti ini A. Samad Said menyorot satu segi lain tentang pelacuran dengan menumpukan lebih perhatian pada pergolakan jiwa dan putaran nasib wataknya dalam menghadapi konflik hidup.

Salina merupakan novel Melayu yang paling tebal yang pernah ditulis masa itu, iaitu 450 halaman dan dihantar dalam dua jilid. Watak pentingnya, Siti Salina seorang pelacur bukanlah suatu yang “baru” dalam kesusasteraan Melayu kerana watak begini pernah digarap dalam beberapa buah novel sebelumnya seperti watak Maimunah dalam *Iblis Rumahtangga* (1939) karya Abdullah Sidik atau watak Sofiah dalam *Perangkap Hitam* atau *kelelawar P. Pinang* (1934) oleh Ahmad bin Muhammad Rashid Talu. Tetapi dalam novel *Salina*, A. Samad Said telah memberi *insight* baru terhadap gambaran watak pelacur, dan yang paling jelas telah jauh meninggalkan konvensi sastra Melayu yang masih sangat pekat unsur didaktiknya ketika itu.

Dalam kebanyakan novel Melayu sebelum ini

watak pelacur digambarkan mempunyai sikap dan perangai yang buruk. Selalunya watak-watak itu akan diberi "hukuman" yang setimpal oleh pengarangnya sebagai balasan terhadap cara hidupnya itu seperti dimatikan atau menjadi gila pada akhir cerita. Tetapi tidak demikian digambarkan pada watak Salina yang dianggap sebagai "permata dalam lumpur". Ini kerana di sebalik pekerjaannya itu dia mempunyai semangat kejiwaan yang baik malah turut membantu Hilmy, anak jirannya. Salina memberi perangsang untuk Hilmy belajar bersungguh-sungguh di samping membantu perbelanjaan sekolah Hilmy.

Oleh sebab itulah novel ini menimbulkan kontroversi yang hebat di kalangan para panel juri Peraduan Menulis Novel tahun 1958. Keberanian A. Samad Said membuat eksperimen dalam *Salina* tidak mudah diterima oleh panel juri. Tetapi dari satu segi yang lain novel ini menunjukkan sebagai seorang pengarang A. Samad Said mempunyai visi tersendiri dalam bidang penulisan. *Salina* terhasil sebagai kesan psikologi terhadap perang yang dialaminya, juga kepekaannya terhadap kondisi sosial dan alam sekitar yang ditemuinya.

Penumpuan cerita lebih kepada untuk memberi *insight* pergolakan jiwa watak novel-novelnya yang hampir keseluruhannya berbentuk realisme. Bentuk ini telah diterokai sejak novel sulungnya, *Salina*. Malah dalam memilih bentuk sastera ini beliau mengakui dipengaruhi oleh Maxim Gorky, pengarang realisme Rusia yang terkenal itu.⁷³

Tetapi bentuk realisme dalam karyanya jauh daripada pengertian teori imitasi yang dimaksudkan oleh Plato. Realisme yang dicernakan oleh A. Samad Said dalam novel-novelnya menjalani proses seleksi terhadap bahan yang ditanggung daripada realiti hidup sama ada pengalaman sendiri, atau orang lain yang ditambah dengan unsur imaginasi bagi mewujudkan unsur *plausibility* cereka tersebut. Di sinilah unsur ideologi (di sini

ideologi gender diberi penekanan) dan pengalaman "tidak sedarnya" memberi warna kepada cerita dan watak-watak khususnya watak wanita yang merupakan fokus kajian ini.

Pembentukan ideologi gender yang membentuk persepsi seseorang dipengaruhi juga oleh politik, ekonomi yang membentuk formasi sosial yang disalurkan melalui kurikulum pendidikan formal di sekolah atau norma-norma yang dipraktikkan dalam masyarakat. Namun demikian, suasana, kondisi dan hubungan dengan ahli keluarga merupakan pengalaman yang penting dalam proses membentuk ideologi gender ahli masyarakat. Ideologi yang terungkap dalam wacana tulisan dan lisan bukanlah sesuatu yang terpisah dalam dunia idea yang terangkai dalam perkataan tetapi adalah *a way of thinking, speaking, experiencing*.⁷⁴ Dalam hubungan inilah A. Samad Said secara sedar dan tidak sedar mengukir nasib watak-watak wanitanya berdasarkan ideologi gender yang telah dibentuk oleh pengalaman lahiriahnya pada zaman perang itu seterusnya dunia pekerjaan dan dunia sosial yang dihadapinya.

Masih dalam konteks inilah ideologi dapat mewujudkan suatu keadaan nasib yang "lain" daripada yang dijangka pada peringkat awal proses penciptaannya. Hasil transformasi ideologi ini akan terlihat dengan jelas jika ditinjau daripada perbezaan antara ideologi seseorang pengarang yang tergambar dalam teks dengan ideologi masyarakat umum.

Di sinilah teori penghasilan sastera oleh Macherey dapat dimanfaatkan. Inti pendapat Macherey, novelis sebagai "*the producer of the text*", "*a worker who transforms diverse raw materials (literary genres, language, conventions, ideologi experience*" etc.) *into an end-product; (the novel)*".⁷⁵ Proses ini akan cuba ditunjukkan dalam perbincangan seterusnya.

Gagasan peranan dan fungsi sastera yang menjadi pegangan A. Samad Said dimantapkan lagi dengan

pemupukan pengetahuan baru melalui pengaruh pembacaan yang luas daripada bahan sastera tanah air dan luar negara terutama karya-karya Barat. Pembacaan ini membentuk personaliti dan kecenderungan sasteranya (*literary interest*) yang jelas. Beliau mendalami dan mentelaah karya-karya sastera khususnya dan buku-buku lain umumnya untuk dijadikan cermin kepada karyanya sendiri. Di samping itu, tujuannya membaca adalah untuk meluaskan horizon pemikiran, pengetahuan, dan menyelami hati nurani masyarakat bangsa yang dibacanya itu. Secara tidak langsung pembacaan yang luas menambah pengetahuan beliau tentang perkembangan novel di Barat dan teknik-teknik penulisan yang baru. Hasilnya beliau dapat mengembangkan ideanya terhadap stail penulisan yang terkini seperti yang tergambar pada novel-novel *Daerah Zeni* dan *Hujan Pagi*.

Minat membaca karya-karya luar negara terutamanya dari Barat juga didorong oleh kebolehannya menguasai bahasa Inggeris yang jarang dimiliki oleh pengarang sezaman dengannya. Sebagai seorang yang pernah mendapat pendidikan di sekolah Inggeris, beliau memiliki kelebihan untuk menajamkan pengetahuan dan meninjau teknik penulisan yang baru, terutama daripada karya-karya pengarang Barat. Perkenalan dengan hasil karya tokoh besar realisme Barat seperti Steinbeck, Lawrence, Alberto Moravia dan lain-lain memberi kesan yang berterusan kepada novel-novelnya. Penelitian terhadap karya Barat tumbuh pada di peringkat usia remaja lagi.⁷⁶

Selain cerpen-cerpen Timur dan Barat yang dijadikan sumber ilham dan pengetahuan, A. Samad Said juga menimba idea daripada novel-novel besar Barat. Antaranya *Dr. Zhivago* karya Boris Pasternak (yang diulang baca hampir setiap tahun), novel *War and Peace* karya Leo Tolstoy, novel *The Snow of Kilimanjaro* karya Hemingway, dan novel *East of Eden*, *The Pastures of Heaven* karya Steinbeck yang memberi arah kepada

karya-karyanya sendiri. Novel-novel itu bukan sahaja mencetuskan ilham yang melimpah tetapi juga disenangi kerana nilai kemanusiaan, ketenangan dan kefalsafahan yang teradun di dalamnya.⁷⁷

Kisah perang yang terungkap dalam novel *Dr. Zhivago* dan *War and Peace* menjadi cermin perbandingan untuk novel-novel perangnya yang kebanyakannya dihasilkan dalam fasa pertama dan kedua dalam pengkaryanya. Padanya "perang sentiasa menjadi peristiwa yang besar mempengaruhi perjalanan hidup manusia kecil"⁷⁸ yang merupakan majoriti watak dalam novel-novelnya.

Pembacaan yang luas ini meninggalkan kesan kepada novel-novelnya dan merupakan dorongan kesadaran mencari pembaharuan dan peningkatan teknik penulisannya.

Sesuai dengan fokus kajian ini, iaitu membicarakan watak wanita dalam novel A. Samad Said, ternyata beliau tidak meniru atau terilham oleh watak wanita novel Barat yang dibacanya. Malah semasa membicarakan novel *East of Eden* karya Steinbeck yang merupakan antara novel yang sangat menarik perhatiannya, A. Samad Said menimbulkan pendapatnya tentang gambaran watak wanita yang keras hati dalam novel itu. Padanya "sesiapa yang pernah membaca *East of Eden* akan merasa benci dan tidak puas hati terhadap wanita keras hati yang dirakamnya itu. Manusia sedemikian itu ada tetapi tidak sanggup kita menerimanya".⁷⁹ Padanya sifat watak ini begitu bertentangan dengan mode yang dijelmakan oleh novel ini iaitu "tenang, penuh kemanusiaan dan falsafah". Secara tidak langsung dapat dilihat bahawa kesan pembacaan kepada karyanya hanyalah dari segi teknik penulisan. Sedangkan nilai masyarakat yang tercermin pada watak-wataknya dan persoalan yang dipaparkan masih kental dengan nilai hidup dunia Melayu yang amat dikenalnya itu.

Menurut A. Samad Said, antara latar hidup dan latar seninya itu tidak banyak yang terselindung.⁸⁰ Pengakuan inilah yang akan dibincangkan dengan lebih mendalam sekarang untuk melihat hubungan antara pengalaman A. Samad Said dengan ciptaannya.

Bagi A. Samad Said, sesuatu karya itu akan lebih kuat jika berlandaskan pengalamannya sendiri. Gagasan ini merupakan pegangannya, malah yang sering diulang dalam karyanya dan dinyatakan kepada penulis-penulis muda yang menghadiri majlis ceramah sastera yang diberinya.⁸¹

Gagasan penciptaan daripada pengalaman itu dimulakan sejak menghasilkan novel *Salina*. Menurutnya, watak Siti Salina mengambil model seorang yang pernah dikenalnya semasa dia masih kecil. Malah Hilmy itu ialah dirinya dan Katijah itu ialah model ibunya sendiri.⁸² Menurut A. Samad Said:

*I knew many women like Salina, I was living in a redlight district near the New World Amusement Park after the war. Thirty percent of the novel is true and the rest is fiction.*⁸³

Pengalaman sendiri tidak terpisah dalam proses penciptaan karya kreatif termasuklah karya sastera. Jika ditinjau dari sudut psikoanalisis, "*conscious and unconscious are asymmetrically co-present: the inner structure maps the outer conceptualizing.*"⁸⁴ Kutipan ini menjelaskan unsur dalaman termasuk pengalaman jiwa membentuk imaginasi seseorang pengarang. Kedua-dua unsur ini bekerjasama malah hasil struktur luar (hasil karya) memperjelas lagi pengalaman jiwa pengarang.

Setelah kita melihat beberapa faktor penting yang berhubung kait antara A. Samad Said dengan dunia ciptaannya, kita akan melihat pula bagaimana secara sedar dan tidak sedar A. Samad Said melandaskan karyanya pada pengalaman yang dilaluinya. Pengalaman itu diulang beberapa kali dalam novel-novelnya. Perulangan

ini dapat dilihat dengan jelas dalam pelukisan nasib dan sikap watak lelaki dan wanita yang ditampilkannya dalam novel-novel yang dilahirkan pada fasa satu dan fasa dua penciptaan karyanya.

Kebanyakan watak wanita yang ditampilkan merupakan wanita yang dianiaya oleh suami yang pemabuk, penjudi serta kurang bertanggungjawab dan kadangkadangkang kaki perempuan. Mereka juga sering dipukul atau sering ditinggalkan begitu sahaja dan dibiarkan meneruskan hidup sendirian. Jika ada anak-anak pula, isteri terpaksa memikul tanggungjawab seorang diri. Wanita yang dapat dimasukkan dalam kategori ini ialah Suhaidah dan Rasimah dalam *Adik Datang*, Joyah dalam *Di Hadapan Pulau* dan Hendon dalam *Keledang*. Wanita-wanita malang ini mengalami nasib yang sama. Namun mereka digambarkan sebagai wanita yang baik dari segi perangai, hanya kurang bernasib baik dalam hidup berumah tangga.

Watak lelaki pula tergolong dalam kategori yang sama dalam novel-novel itu seperti Hamid dan Sham-suri dalam *Adik Datang*, Budin dalam *Di Hadapan Pulau*, dan Omar dan Bidin, dalam *Keledang* tidak hadir dalam plot cerita. Mereka seolah-olah "dihilangkan" oleh pengarang yang memberi ruang yang luas untuk watak wanita menyatakan penderitaan mereka.

Sebagai tambahan, perulangan juga dapat dilihat pada keakraban hubungan antara pengarang dengan alam terutama sungai, tasik dan laut. Ketiga-tiga unsur alam ini kerap dijadikan latar tempat kepada novel-novelnya, sama ada novel yang mengambil latar sebelum perang, semasa perang, selepas perang atau selepas merdeka.

Apabila dihubungkan kecenderungan ini dengan pengalamannya, terdapat hubungan yang tidak dapat dipisahkan. A. Samad Said dibesarkan di pulau Singapura yang dikelilingi laut. Pengalaman itu telah meninggalkan kesan yang dalam pada jiwa dan novel-novelnya.

Menurutnya, antara pengalaman yang tidak dapat dilupakannya adalah apabila selepas Perang Dunia Kedua tamat, bapanya membawa dia berkeliling sebuah pulau dalam sampan.⁸⁵

A. Samad Said juga pernah tinggal berhampiran dengan Sungai Rochor yang dijadikan latar tempat dan peristiwa novel *Sungai Mengalir Lesu*. Sungai ini juga hadir dalam *Salina* di mana Hilmy dan kawan-kawan sekampungnya pergi mencungkil kulit balak di situ. Dalam *Salina* sungai itu dilukiskan berhampiran dengan Kampung Kambing.

Kebanyakan novel perangnya mengambil latar tempat di kampung tepi laut yang tidak dijelaskan tempatnya. Dalam novel *Adik Datang*, kampung itu disebut sebagai "kampung pantai" (hlm. 201, 210 dan 226) atau "kampung di tepi pantai" (hlm. 125). Apa yang pasti kampung itu dekat jaraknya dengan kota Singapura, ditafsir daripada mudahnya perhubungan geografi di antara watak-watak yang terlibat. Novel *Di Hadapan Pulau* juga berlatarbelakangkan kampung di tepi laut yang berhadapan dengan sebuah pulau kecil yang tidak berpenghuni. Bagi novel *Keledang* pula, digambarkan latar desa yang letaknya berhampiran dengan hutan tebal, jauh dari jalan raya tetapi berhampiran dengan tasik yang jernih airnya. Unsur-unsur alam ini bukan sahaja terakam dalam "novel deritanya" atau "novel perangnya", tetapi dapat ditemui juga dalam *Langit Petang*, *Daerah Zeni*, dan *Hujan Pagi*.

Unsur-unsur alam ini bukan sahaja dijadikan sebagai latar tempat bagi tiap-tiap novel, tetapi lebih berfungsi sebagai tempat untuk beberapa orang wataknya merenung diri, berfikir dan bersepi yang sering membangkitkan kenangan terhadap kisah silam mereka. Dalam erti kata lain, laut dan tasik sering digambarkan mampu membangkitkan kenangan dan tempat mencari ketenangan sama ada kepada watak lelaki atau perempuan bagi novel-novel A. Samad Said. Antara contohnya

seperti yang dilukiskan pada watak Aziz yang kegemarannya merenung laut seterusnya akan terkembanglah kisah keluarganya, khususnya kemesraan yang terjalin antara Aziz dengan Agil, ayahnya. Begitu juga dengan Zalifah. Ehsan juga sering bersepi di tepi tasik di samping memikirkan kehilangan ayahnya yang pergi tanpa khabar berita.

Bagi Hafiz yang lebih dewasa daripada Aziz dan Ehsan serta menghidap leukemia, laut menjadi bukti tentang kebesaran Allah pada saat kematian yang kian hampir itu. Malah dia banyak menghabiskan waktu di tepi laut merenung kebesaran Allah. Dalam *Hujan Pagi*, Lajis dan Norisah mengambil masa yang lama berada di tepi laut yang membangkitkan kenangan Lajis ketika kecil yang tidak mudah dihapuskan walaupun peristiwa itu telah lama berlalu. Kenangan itu dibandingkan sama kukuh dan tuanya dengan pokok dedap (semarak api) di tepi pantai itu (yang telah tumbuh di situ semenjak Lajis masih kanak-kanak, kini Lajis sudah berumur 30 tahun).

Selain unsur alam yang disebutkan di atas, kesan dan kenangan penderitaan pada zaman pemerintahan Jepun yang tertanam dalam jiwa pengarang juga tidak mudah luput. Hampir semua latar tempat novel berkenaan sangat dekat dengan kem tentera: sama ada kem tentera Australia sebelum perang meletus atau kem tentera Jepun sesudah Jepun memerintah. Walaupun kebanyakan kem itu dikawal rapi untuk mengelakkan daripada didatangi oleh orang awam, tetapi ada jua antara watak novel yang menjadikan kem itu tempat mencari rezeki. Hal ini tergambar pada watak Joyah dan kawan-kawannya seperti Taksiah dalam *Di Hada-pan Pulau* yang diterima bekerja dalam kem itu. Di tengah-tengah kesusahan mencari makanan, kem itu dijadikan salah satu sumber makanan walaupun menimbulkan kesusahan kepada rakyat kampung. Mereka ditembak kerana mencuri makanan seperti

yang tergambar dalam *Keledang*.

Satu perkara lagi yang sering diulang-ulang di dalam novel-novel A. Samad Said ini ialah golongan pelaut atau bekas pelaut yang dapat ditemui dalam *Adik Datang, Keledang, Di Hadapan Pulau, Salina* dan *Hujan Pagi*.

Dalam novel yang pertama itu digambarkan keluarga Suhaidah yang difokus dalam novel ini, iaitu keluarga pelaut. Semasa plot novel ini bermula, ayahnya, Rashidi, telah tiga tahun belayar dan tidak pulang ke rumah tanpa mengirimi walau secebis berita pun. Abangnya, Mokhsen, juga seorang pelaut yang menanggung pelayaran kerana rasa tanggungjawab terhadap adiknya, Suhaidah, yang kematian suami itu. Selain itu teman-teman Mokhsen dalam plot novel ini seperti Daim, Mokri, Azlam dan Sayuti ialah para pelaut yang terkandas akibat perang.

Dalam *Di Hadapan Pulau*, tokoh pelaut hanya disebut sepintas lalu malah tidak wujud dalam plot cerita seperti Ridhwan dan Rahim, tetapi tetap dijadikan perbandingan sebagai orang yang berjaya dalam hidup berbanding dengan Raihan, seorang nelayan. Raihan juga iri hati kepada mereka kerana pelaut-pelaut itu telah berkahwin dengan gadis Jepun yang ditemui ketika menjadi pelaut dan telah menetap di Yokohama.

Dalam *Salina* pula watak bekas pelaut ialah Abdul Fakar. Lelaki itu diajak tinggal bersama oleh Siti Salina selepas Abdul Fakar ditinggalkan kapal kerana mabuk. Sejak itu dia hidup atas peliharaan Siti Salina. Watak lelaki kasar dan tidak berperikemanusiaan ini telah dipertentangan dengan watak Razman yang juga pernah bekerja di laut. Tetapi Razman digambarkan seorang bekas pelaut yang kecewa kerana isterinya lari mengikut lelaki lain sepeninggalannya belayar. Dalam *Hujan Pagi*, watak pelaut, iaitu Haslam, tidak muncul dalam plot cerita, dia hanya dikenang oleh Basri, bapanya. Haslam telah bertahun-tahun tidak pulang, tidak

diketahui sama ada hidup atau mati.

Sekali lagi nasib watak lelaki seperti Razman, watak sampingan novel *Salina*, dapat ditemui dalam beberapa novel A. Samad Said. Razman lelaki yang kecewa hidupnya setelah ditinggalkan isteri. Tipa watak ini ditemui juga pada watak Abas dalam *Keledang*. Selepas isterinya yang cantik, Zaidah, lari membawa anak mereka, Abas merana dan tinggal sendirian di dalam hutan yang dianggapnya lebih aman dan memahami penderitaan hidupnya. Akhirnya Abas mati sendirian di dalam hutan akibat tertembak oleh Jepun ketika terlibat dalam peristiwa orang kampung mencuri makanan dari kereta api Jepun.

Lelaki merana yang ditinggalkan isteri juga ditemui pada watak Ahmad Jani dalam novel *Sungai Mengalir Lesu*. Ahmad Jani sangat kecewa dan jiwanya kosong dan hampa selepas Manisah isterinya meninggalkannya untuk mengikut lelaki lain. Akhirnya Ahmad Jani memilih hidup dalam *shelter* setelah menyerahkan biliknya kepada Tompang. Ahmad Jani juga terlalu mengikutkan rasa kecewa hatinya hingga tidak mempedulikan nasib anaknya, Sukun.

Kesengsaraan hidup lelaki yang merana kerana isteri mereka yang cantik mengikut lelaki lain digambarkan dengan jelas oleh pengarang. Kekecewaan itu telah menimbulkan dendam dan benci kepada kehidupan normal. Dua orang wanita yang menyebabkan suami mereka sengsara, iaitu Zaidah dan Manisah, tidak pula hadir dalam plot cerita. Dari aspek ini seolah-olah pengarang memberi ruang luas untuk menguji kesabaran lelaki yang merana itu sama seperti yang dialami oleh beberapa wanita teraniaya yang telah pun dibincangkan.

Walaupun unsur persamaan nasib yang dialami oleh beberapa watak dalam novel-novel A. Samad Said dapat dianggap sebagai sesuatu yang umum, tetapi ada kaitannya apabila dilihat dari sudut kejiwaan jika dihu-

bungkan dengan pengalamannya sendiri. Penampilan berulang watak yang mempunyai ciri-ciri nasib yang sama dalam novel tidak disadari oleh A. Samad Said sendiri.⁸⁶ Dari satu segi keadaan ini memperlihatkan bahawa semasa mencipta watak-watak novelnya beliau berlandaskan beberapa watak tertentu yang ditemui di alam realiti. Walaupun watak itu hanya merupakan watak sampingan, tetapi mereka memainkan peranan yang penting dalam plot cerita. Watak yang diciptanya banyak yang berasaskan manusia yang pernah dikenali dan didampinginya. Oleh sebab itulah secara tidak sedar beliau mengulang penciptaan watak-watak itu.

Berdasarkan keterangan di atas, dapatlah diperlihatkan betapa dalamnya kesan pengalaman yang menjadi landasan berkarya kepada A. Samad Said seperti yang terserlah dalam novel-novelnya. Novel juga memperlihatkan A. Samad Said sebagai seorang pengarang yang mempergunakan sebanyak mungkin kenangan yang nostalgik dalam mencipta karyanya. A. Samad Said, seperti kebanyakan watak penting dalam novelnya, merupakan seorang pemikir tentang nasib manusia yang ditemui di sekelilingnya. Watak-watak itu dapat dikesan sebagai mempunyai sifat yang sangat disenangi oleh watak lain seperti terlihat pada watak Ehsan dalam *Keledang*, Hilmy dalam *Salina*, Lazri Meon dalam *Daerah Zeni* dan Lajis dalam *Hujan Pagi* yang akan dibincangkan dengan mendalam dalam perbincangan pada bab-bab akan datang.

Dalam berkarya, A. Samad Said dibentuk oleh alam keliling di mana dia membesar. Suasana pertumbuhan awalnya memberi kesan yang mendalam pada gambaran personaliti beberapa watak penting, terutama wanita dalam novel-novel ciptaannya.

Wanita dalam Masyarakat

BAB ini akan menggalurkan kedudukan wanita dalam sejarah dan perubahan yang dialami oleh mereka. Pene-
katan diberikan terhadap perkembangan sejarah sosial
wanita Malaysia dan Singapura pada zaman sebelum
Perang Dunia Kedua, pemerintahan Jepun, selepas
kekalahan Jepun, dan selepas merdeka (1957-1980-an).
Perbincangan tahap-tahap ini bersesuaian dengan
tahap sejarah hidup yang dilalui oleh A. Samad Said
dan juga bersesuaian dengan latar zaman yang diang-
kat dalam novel-novel beliau. Di samping itu keduduk-
an wanita Melayu dari aspek sosiobudaya dan Islam
turut diperkatakan. Latar belakang sosiobudaya ini
perlu untuk memahami wanita, khususnya wanita
Melayu yang diketengahkan oleh A. Samad Said dalam
hasil karyanya.

WANITA DALAM SEJARAH SOSIAL SEBELUM PERANG DUNIA KEDUA

Ditinjau dari sudut sejarahnya, Singapura sebagai
salah sebuah negeri Selat telah muncul sebagai sebuah
kota pelabuhan dan perdagangan sejak awal abad
ke-20. Dasar pemerintahan Inggeris merupakan faktor
utama yang menentukan perjalanan sejarah pulau kecil
ini. Singapura mula muncul sebagai sebuah negeri ber-

masyarakat majmuk selepas Inggeris menguasai pulau itu pada tahun 1819 yang menggalakkan kedatangan buruh asing. Menurut Henry Betts:

*"A large movement of both Malays and Chinese from Malacca into Singapore occurred beginning almost immediately after the establishment of the trading post."*¹

Sebagai kota pelabuhan yang maju serta strategik kedudukannya, Singapura menarik ramai pedagang dan imigran dari daerah Nusantara seperti Tanah Melayu, Jawa, Sumatera, Sulawesi, China, India dan Arab untuk mencari nafkah. Pembinaan Tambak Johor yang menghubungkan Tanah Melayu dengan Singapura pada tahun 1923 telah memudahkan komunikasi dari Tanah Melayu yang turut mendorong kedatangan imigran ke Pulau Singapura.

Perkembangan sistem pengangkutan yang lebih baik di Singapura turut menjadi faktor yang menarik lebih ramai pendatang ke Singapura. Kereta kuda digantikan dengan kenderaan bermotor pada 1912. Pada tahun 1925, The Singapore Traction Company, iaitu syarikat pengangkutan awam yang pertama untuk perkhidmatan bas troli dan bas, telah ditubuhkan. Ini diikuti dengan penubuhan dua buah syarikat bas yang dimiliki oleh saudagar Cina pada tahun 1935.²

Dari segi imigran di Singapura terdapat ramai ejen pengambil buruh khususnya buruh Jawa yang datang ke Singapura. Mereka datang berikutan masalah sosial di pulau itu seperti kelebihan penduduk, tekanan pemerintahan Belanda, dan sebab-sebab peribadi. Selain itu ramai orang Jawa dan orang dari kepulauan lain di Indonesia datang ke Singapura kerana hendak menunaikan fardu haji ke Makkah dan terlibat dalam pergerakan politik.

Selain masalah kepadatan penduduk di pulau Jawa, tekanan hidup akibat polisi pemerintah kolonial

Belanda terutamanya Sistem Kultur, cukup membebankan ekonomi rakyat. Penderitaan dan kemiskinan di negeri sendiri telah mendorong ramai penduduk meninggalkan kampung halaman menuju ke Tanah Melayu dan Singapura. Tambahan pula kedua-dua tempat ini banyak menawarkan peluang pekerjaan di sektor pertanian dan perburuhan. Bagi yang ingin ke Tanah Melayu untuk membuka tanah baru, mereka akan singgah di Singapura terlebih dahulu.³ Ini adalah kerana satu-satunya cara untuk sampai di kedua-dua tempat itu adalah melalui laut.

Bagi bakal haji Indonesia, ramai yang singgah di Singapura bagi tujuan mengumpulkan perbelanjaan yang cukup untuk menunaikan fardu haji di Makkah.⁴ Tambahan pula di Singapura terdapat banyak syekh haji yang menjalankan perniagaan untuk menguruskan bakal haji belayar pergi dan pulang dari Makkah.

Di samping menjadi tumpuan penduduk Nusantara, China dan India, Singapura juga menjadi pusat perdagangan bagi golongan saudagar Arab yang berjaya. Dengan kekayaan, mereka menguasai banyak perdagangan di Singapura. Mereka turut membiayai beberapa kumpulan bangsawan.⁵ Malah golongan ini juga merupakan golongan intelek yang membiayai penerbitan akhbar berpengaruh seperti *Warta Malaya* yang terkenal di Singapura pada tahun 1930-an.⁶ Golongan saudagar Arab menguasai sebahagian besar ekonomi Singapura. Mereka menjalani hidup yang agak terpisah daripada orang Melayu. Mereka terkenal dengan penjagaan status yang sangat ketat demi menjaga ketulen darah daripada Nabi Muhammad s.a.w. Golongan ini menjaga kepekatan darah mereka melalui perkahwinan dengan pasangan yang sama taraf sahaja. Oleh sebab itu, golongan ini sangat terkenal dalam usaha penjagaan ketat terhadap kebebasan anak-anak gadis mereka. Kebanyakan gadis mereka dipingit dan tidak digalakkan bercampur gaul dengan bebas. Per-

kahwinan yang diatur oleh ibu bapa merupakan suatu praktis umum di kalangan mereka ketika itu.

Golongan syed dan sharifah ini mendapat kedudukan yang istimewa dalam masyarakat seperti pendapat Roff:

Possession of an Arabic honorific (usually sayiid or shaykh) denotes membership of the Arab community with all the advantages of respect, prestige, favour and influence that this status conferred.⁷

Mereka dihormati oleh orang Melayu kerana taraf mereka yang tinggi itu. Orang Arab umumnya dibahagi kepada dua, iaitu Arab Negeri, merujuk mereka yang dilahirkan di tanah Arab, dan Arab Peranakan merujuk mereka yang dilahirkan di rantau ini, terutama yang dilahirkan oleh ibu Melayu.

Namun demikian, pada umumnya orang Arab yang tinggal di Singapura mengikut cara hidup orang Melayu. Mereka bercakap Melayu, berpakaian Melayu dan memakan makanan Melayu, hanya sangat kuat mempertahankan adat terutama yang melibatkan kaum wanita mereka.

Selain itu, Singapura juga menjadi tempat perlawanan bagi ramai pejuang nasionalis Indonesia yang menjadi buruan penjajah Belanda. Mereka memilih Singapura kerana sifatnya sebagai kota kosmopolitan yang pada masa itu berada di bawah penguasaan Inggeris yang merupakan saingan Belanda, penjajah Indonesia itu.

Kedatangan kaum Cina dari Tanah Besar pula berlaku berikutan dasar Pintu Terbuka British. Tetapi kedatangan mereka mula disekat dengan memperkenalkan Aliens Ordinance pada tahun 1932 yang membuka kuota hanya 500 lelaki Cina sebulan. Ordinars ini diperkenalkan untuk mewujudkan keseimbangan antara lelaki dengan wanita Cina. Antara 1933 dan

1938 seramai 190 000 wanita Cina memasuki Singapura.⁸

Pada tahun 1930-an Singapura turut menerima kesan zaman kemelesetan yang berlaku di seluruh dunia, yang juga melibatkan ekonomi Tanah Melayu terutama apabila harga getah jatuh hingga 4.95 sen sekati pada tahun 1932. Semenjak itu Singapura menjadi tumpuan ramai penganggur dari Tanah Melayu sebagai tempat mencari rezeki, terutama bagi mereka yang pernah bekerja sebagai penoreh getah. Mereka datang ke Singapura dengan harapan dapat memulakan hidup baru di kota pelabuhan itu.

Namun demikian pada waktu itu sebahagian besar penduduk Singapura masih hidup dalam keadaan menyedihkan. Ramai kanak-kanak meninggal dunia akibat kekurangan zat makanan. Perumahan merupakan masalah besar kepada ramai penduduk.

Hanya pada pertengahan tahun 1930-an baharulah ekonomi Singapura semakin pulih. Kepulihan ekonomi ini menjadi katalis kepada perkembangan budaya popular kota seperti bangsawan, muzik, tarian dan filem. Dalam tahun 1930-an - 1940-an, Singapura menjadi tumpuan banyak kumpulan bangsawan dari Indonesia atau yang tumbuh di Singapura sendiri. Antaranya Kumpulan Tjah Din Bangsawan, Nooran Opera dan Dewi Dja Bangsawan. Kumpulan-kumpulan ini mengadakan pertunjukan di Singapura sebelum meneruskan pertunjukan di Semenanjung Tanah Melayu dan di kepulauan Indonesia yang lain seperti Sumatera, Sulawesi dan lain-lain.

Perkembangan budaya popular di Singapura menonjolkan dua perkara yang penting. Yang pertama, kemunculan Singapura sebagai kota yang dapat menampung kehidupan para seniman dan seniwati dan menawarkan hiburan baru kepada ramai penduduk pulau pelabuhan itu. Perkara kedua pula memperlihatkan penglibatan kaum wanita Melayu dalam

bidang budaya popular ini. Wanita Melayu ramai yang terlibat dalam bidang pentas terutama bangsawan sebagai pelakon profesional. Malah ada di antara mereka menjadi tauke bangsawan, terutama yang pernah menjadi seri panggung seperti Siti Hawa, Norlia dan Miss Tjah.⁹

Penglibatan wanita dalam bidang budaya hiburan ditonjolkan sebagai bukti bahawa wanita Melayu telah bergiat dalam masyarakat sebagai insan seni. Ketika bidang perfileman semakin mendapat tempat di Singapura pada akhir tahun 1930-an, beberapa syarikat filem ditubuhkan atas modal beberapa orang saudagar Cina yang kaya-raya. Orang Melayu di Singapura mula menikmati filem yang ditayangkan di beberapa buah panggung tertutup. Semenjak itu, Singapura menjadi pusat filem Melayu bagi ramai bakat baru lelaki dan wanita dari Tanah Melayu, atau dari dunia Nusantara umumnya.

Penonton tempatan bukan sahaja mengenal bintang filem seperti Roekiah, Raden Mokhtar atau filem popular seperti *Gagak Hitam*. Mereka juga mula mengenal bintang filem Barat seperti Loretta Young, Jean Harlow atau Bette Davis melalui filem Barat yang ditayangkan.

Dalam tahun 1930-an, melalui bidang budaya popular, wanita terlibat secara aktif dalam masyarakat. Hal ini memperlihatkan betapa kesedaran dan pergerakan ke arah kebebasan sosial dan mencari pekerjaan bagi wanita muncul semenjak sebelum Perang Dunia Kedua lagi. Gerakan ini datangnya daripada dua sumber iaitu golongan yang mendapat pendidikan Inggeris dan Melayu. Menurut Khoo Kay Kim:

The acceptance of modern education among the Malays, by the early twentieth century was itself a manifestation of the changing attitude. But more important still, education became the vital factor that turned the growing awareness into something

*more tangible which the Malays today prefer to call perjuangan, a term which is almost the equivalent of "struggle" but also connotes a commitment to or involvement in a noble cause.*¹⁰

Petikan di atas menunjukkan betapa pentingnya pendidikan formal untuk menimbulkan kesedaran orang Melayu terhadap kekurangan mereka dalam bidang sosial, ekonomi dan politik. Pendidikan yang diterima dapat menjadi alat penting untuk perkembangan diri dan mental individu. Pendidikan juga mempunyai nilai mobiliti ekonomi dan mampu membantu perkembangan sosial masyarakat.

Bilangan wanita yang mendapat pendidikan Inggeris terlalu kecil. Kebanyakan orang Melayu yang menghantar anak perempuan ke sekolah Inggeris datang dari latar belakang bandar dan keluarga yang senang, terutama daripada kalangan bapa yang berpelajaran dan memegang jawatan tinggi. Sebahagian besar mereka daripada keturunan India dan Arab. Antara faktor yang menggalakkan anak perempuan mendapat pendidikan Inggeris ini adalah kerana bapa mereka juga merupakan orang yang terdidik. Bagi golongan ini pencapaian anak perempuan dapat menaikkan taraf kedudukan keluarga mereka di mata masyarakat.

Di samping itu bagi golongan ini pendidikan yang baik juga sekali gus akan membolehkan mereka mendapat jodoh yang lebih baik.¹¹

Jika dilihat dari segi pendidikan formal untuk anak-anak perempuan, sebagai sebuah Negeri Selat, Singapura banyak mendapat kemudahan pendidikan. Sekolah untuk anak perempuan mula didirikan sejak tahun 1880. Kerajaan Negeri Selat memberi empat tahun pelajaran percuma pada peringkat sekolah rendah kepada anak-anak Melayu. Tetapi pada awal abad ke-20, sama seperti murid-murid di Semenanjung, anak Melayu tidak ramai yang belajar di sekolah. Pada tahun 1916 jumlah murid perempuan di Singapura tidak lebih

daripada 100 orang. Antara faktor yang menghalang mereka ke sekolah adalah kerana rendahnya kesedaran ibu bapa terhadap kepentingan pelajaran bagi anak perempuan. Kebanyakan ibu bapa berpendapat orang perempuan hanya layak menjadi isteri, menjaga anak dan menjadi penunggu rumah hingga ke akhir hayatnya. Ibu bapa masa itu masih berpegang kuat pada kepercayaan "setinggi mana pelajaran pun anak perempuan akan ke dapur jua". Tambahan pula orientasi pelajaran di sekolah ketika itu lebih kepada pengurusan rumah tangga seperti menjahit, membuat bakul dan bertani yang tidak banyak perbezaannya dengan apa yang diajar di rumah. Di samping itu anak perempuan kebanyakannya dihantar mengaji al-Qur'an.

Namun demikian mulai dekad 1920-an kesedaran terhadap kepentingan pelajaran untuk anak perempuan mula tumbuh. Kesedaran ini paling ketara di kalangan Kaum Muda yang menggalakkan malah menggesa supaya wanita diberi peluang yang lebih luas dalam bidang pelajaran. Kepentingan pelajaran ini ditekankan kerana wanita merupakan guru pertama kepada anak-anak. Peranan ini dianggap sangat penting bagi mewujudkan generasi baru yang lebih baik fizikal dan rohani-nya.

Selain itu kepentingan pelajaran dilihat daripada perlunya wanita mengetahui hak mereka yang digariskan dalam agama Islam seperti yang cuba diperlihatkan oleh Syed Sheikh Al-Hadi dalam novel *Hikayat Faridah Hanom* (1925).¹² Novel ini menjadi saluran yang ampuh bagi pengarangnya yang merupakan tokoh penting Kaum Muda, menyampaikan pendapatnya mengenai peri pentingnya pelajaran kepada kaum wanita. Lantaran berpelajaran Faridah Hanum digambarkan dapat mengetahui haknya sebagai wanita dan menuntutnya melalui saluran yang wajar. Malah pada tahun 1920-an – 1930-an isu pelajaran untuk wanita merupakan isu yang paling popular dalam majalah dan akhbar semasa.

Kepentingan pelajaran kepada wanita turut disokong teguh oleh golongan guru wanita khususnya dan penulis wanita amnya. Golongan ini menyampaikan pendapat tentang pentingnya anak-anak mendapat pendidikan formal di sekolah menerusi rencana mereka yang tersiar dalam beberapa majalah seperti *Majalah Guru*¹³ atau *Bulan Melayu*.¹⁴

Pada tahun 1928, Raffles College ditubuhkan di Singapura. Pada tahun 1931, sekolah menengah kerajaan kedua yang bahasa Inggeris dijadikan bahasa pengantarnya, didirikan, iaitu Victoria School. Hingga tahun 1939 terdapat 72 000 murid sekolah di Singapura yang dapat dibahagikan kepada empat bahasa pengantar: Cina - 38 000; Inggeris - 27 000; Melayu - 6000; dan Tamil - 1000. Sebahagian besarnya merupakan murid lelaki, manakala murid perempuan terlalu kecil bilangannya. Mengikut Turnbull, "kekurangan anak Melayu di sekolah Inggeris ialah kerana mereka dikenakan yuran".¹⁵

Selain itu ibu bapa berasa kluatir kerana kebanyakan sekolah itu didirikan dan dikendalikan oleh golongan pengembang agama Kristian. Ada juga sekolah yang diusahakan oleh individu daripada golongan gereja. Sekolah begini lebih banyak menarik perhatian anak perempuan kaum Cina, bangsa Eropah dan Serani.

Sebelum Perang Dunia Kedua, kebanyakan wanita yang mendapat pendidikan Inggeris dan Melayu diserap ke dalam bidang perguruan yang merupakan bidang yang terbuka untuk wanita. Sedikit sekali wanita yang menceburi bidang kejururawatan, kewartawanan atau perkhidmatan. Kaum wanita lebih cenderung memilih bidang perguruan kerana bidang ini dianggap sebagai bidang yang sesuai, mempunyai hubungan yang sangat dekat dengan naluri kewanitaan yang lembut dan sabar; juga kerana penggunaan masa di luar rumah yang relatif pendek dibandingkan dengan pekerjaan di

pejabat. Laporan dalam *Educational Statistics of Malaysia 1938 - 1967*, telah menyebut, bahawa pada tahun 1904, kelas latihan untuk *pupils teacher* telah diadakan di Raffles Institute dan Raffles Girls School di Singapura. Pada tahun 1905, kelas latihan normal mula didirikan di Kuala Lumpur, diikuti dengan di Pulau Pinang pada tahun 1907 dan di Melaka pada tahun 1913. Penuhuan kelas-kelas latihan ini penting bagi wanita Melayu untuk menceburkan diri dalam bidang perguruan.

Tetapi faktor yang menentukan arah bagi pemilihan pekerjaan ini, antara lain, ialah kurikulum sekolah yang ditentukan oleh kerajaan yang lebih berorientasikan rumah tangga. Ini dapat dilihat daripada perkara yang diajar di sekolah seperti membuat bakul dan berkebun terutama pada zaman sebelum Perang Dunia Kedua. Kurikulum begini membentuk kecenderungan wanita untuk menjadi guru.¹⁶

Namun demikian jika dibandingkan dengan golongan lelaki, wanita daripada aliran Melayu mendapat pendedahan pendidikan dalam bidang perguruan agak lewat. Maktab Perguruan Perempuan Melayu (MPPM) yang pertama di Durian Daun, Melaka, mula dibuka pada 1935, iaitu 13 tahun lebih lambat daripada penubuhan Maktab Perguruan Sultan Idris. Maktab di Melaka ini merupakan satu-satunya institusi pengajian bagi anak perempuan daripada aliran Melayu yang menawarkan pendidikan selepas tamat darjah lima atau sekolah rendah. Ada tiga sebab mengapa maktab itu didirikan di Melaka. Faktor yang pertama adalah kerana kedudukan geografi negeri Melaka yang berada di tengah-tengah Tanah Melayu dan Singapura. Faktor kedua kerana kedudukan Melaka sebagai sebuah negeri bersejarah dan ketiga kerana adanya sebuah bangunan bekas hospital yang tidak digunakan. Penggunaan semula bangunan ini setelah diperbaik bermakna mengurangkan belanja pembinaan maktab ini pada

peringkat awal operasinya.¹⁷

Pengambilan pelajar yang pertama berjumlah hanya seramai 24 orang dari seluruh Negeri Selat, Negeri Melayu Bersekutu, Negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Brunei. Mereka kebanyakannya murid yang mendapat keputusan cemerlang di sekolah masing-masing. Mereka akan mengajar di sekolah rendah setelah tamat pengajian di maktab selama dua tahun.

Jika dibandingkan dengan guru lelaki yang mendapat pendidikan di Maktab Perguruan Sultan Idris yang mula mengambil pelatih pada tahun 1922, guru-guru perempuan itu tidak mendapat pendedahan ke arah mengobarkan semangat kebangsaan yang kental.¹⁸ Mereka tidak mempunyai guru-guru yang dapat dikategorikan sebagai mempunyai semangat kebangsaan yang ketara seperti Haron Aminurrashid atau Cikgu Abdul Hadi dari Maktab Perguruan Sultan Idris. Selain itu, orientasi pembelajaran mereka sangat tertumpu pada pengurusan rumah tangga dan menjurus kepada peranan tradisi wanita sebagai suri rumah tangga.

Pembelajaran di MPPM lebih bertumpu pada hal ehwal menguruskan rumah tangga selain pelajaran kesusasteraan Melayu, tawarikh, bacaan (jawi dan rumi), sains umum, ilmu kira-kira dan ilmu alam. Teori dan latihan mengajar termasuklah latihan jasmani, kesihatan, rawatan di rumah (*home nursing*), pandu puteri, bola jaring, muzik dan menari. Latihan tambahan pula: dobi, masak-memasak, anyaman, jahitan dan perkebunan.¹⁹

Namun demikian guru-guru perempuan itu kemudiannya memainkan peranan penting dalam memujuk ibu bapa supaya bersikap terbuka terhadap kepentingan pendidikan untuk anak-anak perempuan mereka. Ini adalah kerana guru-guru itu, seperti guru perempuan yang terdahulu daripada mereka, berkeyakinan bahawa hanya melalui pelajaran sahajalah kedudukan dan peranan wanita dalam masyarakat akan bertambah

baik.²⁰ Rasional dan penekanan yang diberikan oleh mereka berdasarkan hakikat bahawa ibulah yang menjadi pendidik pertama kepada anak-anak. Oleh itu adalah lebih baik bakal ibu itu diberi peluang mendapat pendidikan yang secukupnya sebagai persediaan mendidik anak-anak mereka kelak. Pendapat ini sama dengan pendapat Syed Sheikh al-Hadi yang dinyatakan menerusi novelnya *Hikayat Faridah Hanom*.

Ramai antara guru perempuan itu bergiat dalam lapangan sosial di tempat masing-masing, termasuk di Singapura seperti yang akan diterangkan kelak.

Dalam bidang kewartawanan di Singapura pula, menurut Abdul Samad Ismail, penulis wanita mula bergiat secara bersungguh-sungguh ketika zaman pendudukan Jepun.²¹ Surat khabar *Berita Malai*²² merupakan satu-satunya akhbar pada zaman Jepun yang mengambil seorang penulis wanita untuk mengelolakan ruangan wanita. Wanita yang pertama diambil bekerja bernama Nuraini, seorang ustazah yang berasal dari Sumatera. Seorang lagi wartawan wanita ialah Rohana Djamil yang sebelum ini membantu suaminya Zainal Abidin Ahmad mengendalikan majalah *Fajar Asia*.²³ Kemudian Hamidah Hassan yang pernah menjadi guru di Pulau Pinang bekerja di *Berita Malai*. Beliau seterusnya bergiat cergas dalam Persatuan Kebajikan Melayu Singapura pada zaman pendudukan Jepun.²⁴

Usaha guru wanita untuk menggalakkan ibu bapa agar terus menghantar anak-anak gadis mereka ke sekolah tersekat apabila bahang Perang Dunia Kedua makin terasa, terutamanya di Singapura yang ketika itu merupakan pangkalan pertahanan British yang terpenting di Asia Tenggara. Bagi menghadapi bahaya perang itu, orang awam digalakkan berlatih untuk menghadapi peperangan seperti *air raid precautions* iaitu bersembunyi di dalam *shelter* ketika semboyan kecemasan dibunyikan.²⁵

Suasana perang semakin terasa apabila rakyat

tidak dibenarkan memasang lampu di rumah pada waktu malam untuk mengelakkan daripada serangan musuh. Mereka hanya dibenarkan memasang pelita yang diserkap cerminnya dengan kain hitam.

Guru-guru sekolah Melayu itu begitu kecewa melihat sekolah-sekolah yang diusahakan oleh mereka terbiar dan gadis-gadis yang digalakkan keluar dari rumah untuk ke bilik darjah terpaksa tinggal di rumah kerana kekurangan makanan ataupun pakaian.²⁶ Pada zaman Jepun Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka, telah ditutup, bangunannya digunakan untuk *kunrensyo* iaitu pusat untuk melatih pegawai-pegawai kerajaan lelaki selama enam bulan.

Seterusnya pada zaman pemerintahan Jepun beberapa banyak sekolah dijadikan berek dan pusat tentera. Ini menyebabkan sekolah tersebut berubah fungsinya dan bermakna usaha-usaha pembaharuan yang diusahakan oleh guru-guru wanita itu terhenti terus sejak pendudukan Jepun.

Sebelum jatuh ke tangan Jepun, kerajaan British di Singapura telah mengambil tindakan terhadap mempertahankan kota tersebut daripada serangan Jepun. Antaranya, bermula pada bulan Februari 1941, kumpulan pertama askar Australia dari Divisyen Kelapan telah mendarat. Ini diikuti pula oleh pendaratan Divisyen Kedua Askar India pada bulan Mac dan April. Namun demikian pertahanan British masih menghadapi kekurangan alat senjata dan kereta kebal.

Serangan kapal terbang Jepun di Singapura bermula pada 8 Disember 1941. Dalam serangan itu lapangan terbang Seletar Tengah menjadi sasaran. Turut dibom ialah bangunan Raffles Place yang merupakan jantung kota Singapura. Kemusnahan kota Singapura itu merebak hingga ke kawasan pelabuhan, dan beberapa buah kapal turut terbakar.

Pengeboman terhadap pulau Singapura terus berlaku sepanjang bulan Disember dan bertambah kerap

pada minggu kedua bulan Januari yang memusnahkan banyak bangunan dan banyak pula nyawa yang melayang. Menurut Turnbull, pada bulan Januari selalunya berlaku tiga kali penyerangan udara pada waktu siang dan tiga kali pada waktu malam.²⁷

Kemusnahan harta benda awam tidak terkira di samping ribuan nyawa yang melayang. Serangan intensif oleh pihak Jepun tidak dapat dihalang oleh pemerintahan British, sebaliknya memaksa kerajaan British tunduk kepada Jepun selepas 70 hari penyerangan Jepun yang bermula dari Kota Bharu pada 8 Disember 1941. Singapura yang dianggap sebagai kunci pertahanan British jatuh ke tangan Jepun pada 15 Februari 1942. Hal ini membuka era baru kepada suatu kuasa baru di Asia Tenggara.

Kerosakan akibat pengeboman Jepun telah digambarkan dengan jelas oleh Abdul Samad Ahmad dalam memoirnya, *Sejambak Kenangan*. Pemandangan itu dicatatnya ketika beliau keluar dari Penjara Changi tempat beliau ditahan sebagai tahanan politik dan dalam perjalanan ke stesen kereta api Tanjung Pagar. Menurutnya:

Apabila sahaja memasuki kawasan bandar, trak-trak yang membawa kami itu terpaksa berjalan perlahan-lahan; kerana di sana sini pada beberapa batang jalan itu yang berlubang-lubang besar, akibat dari letupan bom. Di setengah-setengah tempat hanya boleh dilalui oleh sebuah kereta sahaja, itu pun terpaksa perlahan-lahan. Ketika melalui tepi-tepi lubang yang demikian itulah pada beberapa tempat, terhidu bau busuk, mungkin dari cebisan-cebisan daging manusia yang tidak dapat dibersihkan sama sekali dari tempat itu.²⁸

Kerosakan infrastruktur bukan sahaja kerana pengeboman Jepun, tetapi juga polisi membumihanguskan (*scorched-earth policy*) British sebelum meninggalkan Singapura dengan harapan dapat melambatkan

kemaraan tentera Jepun. Polisi ini juga dilakukan di Tanah Melayu.

Penduduk Singapura yang berjumlah 550 000 sebelum serangan itu bertambah sekali ganda yang terdiri daripada para pelarian perang dari Tanah Melayu. Keadaan menjadi bertambah rumit kerana selain akibat kerosakan perang, penderitaan mangsa perang juga bertambah. Dengan latar belakang ini kita akan terus melihat masalah yang dialami oleh wanita pada zaman pemerintahan Jepun.

WANITA PADA ZAMAN PEMERINTAHAN JEPUN

Bagi pihak Jepun, penaklukan seluruh Tanah Melayu dan Singapura adalah selaras dengan rancangan mereka hendak menubuhkan "Lingkungan Sekemakmuran Bersama Asia Timur Raya". Hasrat ini dicanangkan kepada negara-negara yang ditaklukinya untuk menghalalkan tindakan serangan mereka itu.

Pada 15 Februari 1942, Singapura jatuh ke tangan tentera Jepun yang diketuai oleh Jeneral Yamashita. Menurut Winston Churchill, Perdana Menteri British ketika itu, kekalahan Singapura adalah "*the worst disaster and the largest capitulation in British history*".²⁹ Apabila Singapura jatuh bermakna seluruh pulau itu dan Tanah Melayu berada di bawah pentadbiran tentera yang tidak pernah dialami oleh penduduk tempatan sebelumnya.

Antara langkah awal pemerintahan Jepun ialah menukar nama Singapura kepada Syonan To (Matahari Selatan) yang dijadikan pusat pemerintahan Jepun di selatan. Segala kesan perang dibersihkan. Segala kemudahan awam yang rosak akibat pengeboman seperti paip air dan bekalan elektrik dibaiki. Selain orang awam lelaki dan perempuan, askar British dan Australia dikerah untuk membersihkan kota Singapura seperti menyapu jalan, membersihkan longkang dan menanam

mayat. Bangunan yang dibom dibaiki atau dimusnahkan jika keadaannya tidak selamat didiami. Cara askar Jepun mengendali dan mengawal operasi ini sangat zalim dan tidak bertimbang rasa. Keadaan ini sangat membimbangkan orang awam. Mereka mula tidak yakin akan janji Jepun untuk mewujudkan "Lingkungan Sekemakmuran Bersama Asia Timur Raya". Walau bagaimanapun keadaan teratur dan tenteram dapat diwujudkan semula dalam masa dua minggu.

Suasana kelam kabut akibat perang dan pemerintahan tentera Jepun dapat diredakan apabila Jepun mengenakan hukuman yang berat kepada para penjenayah yang terlibat dalam kejadian jenayah yang begitu berleluasa ketika itu. Antaranya, kejadian mencuri barang-barang dari rumah dan kedai yang ditinggalkan penghuninya untuk menyelamatkan diri daripada serangan Jepun.³⁰ Untuk mengelakkan keadaan huru-hara berterusan Jepun telah mengenakan hukuman berat terhadap sesiapa sahaja yang dapat ditangkap kerana melakukan kesalahan itu. Antara hukuman yang dikenakan ialah hukuman pancung dan kepalanya dipamerkan di simpang jalan untuk memberi perasaan ngeri sekali gus amaran kepada sesiapa sahaja yang terlibat dengan kegiatan begitu. Pemerintah Jepun mewujudkan kumpulan Kempetai (polis tentera) untuk mengawal keadaan. Golongan ini sangat digeruni kerana kezaliman mereka.

Selepas keadaan negeri beransur pulih, proses penjepunan telah dilakukan, bahasa Jepun diajar di sekolah, pejabat dan institusi lain. Segala unsur Barat seperti buku, filem dan lagu diharamkan. Orang yang didapati memiliki bahan-bahan tersebut akan dikenakan hukuman berat, dan dianggap sebagai anti-Jepun.

Pada zaman pendudukan Jepun ini wanita tidak ketinggalan menerima kesan: positif dan negatifnya. Menurut kajian Halinah Bamadhaj, sudut positifnya, pendudukan Jepun telah menyumbang peluang ke arah

penyertaan wanita dalam bidang awam dalam jumlah yang lebih ramai lagi.³¹ Dalam tempoh pendudukan Jepun ini terdapat lebih ramai wanita bekerja di luar lingkungan rumah tangga. Antaranya didesak oleh kesulitan hidup yang memerlukan lebih ramai anggota rumah keluar untuk bekerja. Mereka bekerja dalam bidang hal ehwal yang berkaitan dengan perang, sama ada sebagai kerani, operator telefon atau guru, terutama di bandar-bandar besar. Penglibatan wanita dalam pekerjaan di luar rumah ini pada mulanya kurang mendapat sambutan daripada ibu bapa kerana bimbang keselamatan anak perempuan mereka. Prasangka ini wujud kerana imej bengis askar-askar Jepun begitu dikenali ramai. Keengganan ibu bapa melepaskan anak gadis mereka bekerja pada zaman pemerintahan Jepun itu juga kerana bimbang anak-anak mereka dijadikan pelacur untuk memuaskan nafsu askar-askar Jepun.

Tetapi pada zaman makanan semakin sukar diperoleh, bekerja dengan pemerintah Jepun merupakan satu cara mendapat catuan makanan yang diperuntukkan kepada pegawai kerajaan Jepun.³² Hal ini merupakan faktor penarik kepada kaum wanita untuk bekerja walaupun risikonya tinggi. Tambahan pula bagi mereka yang dapat menguasai bahasa Jepun akan menerima elaun khas.

Namun demikian bilangan sebenar wanita yang terlibat dalam bidang pekerjaan awam pada zaman pemerintahan Jepun ini tidak diketahui dengan pasti kerana tiada perangkaan yang ditemui.

Penglibatan wanita yang bekerja di luar rumah pada zaman pemerintahan Jepun diceritakan oleh Abdul Samad Ahmad dalam memoirnya *Sejambak Kenangan*. Di Jabatan Radio Jepun, tempat beliau bekerja terdapat hanya tiga orang wanita Melayu yang bekerja sebagai kerani. Salah seorang daripada wanita itu ialah Mariah, seorang lepasan Maktab Perguruan

Perempuan Melayu Melaka yang mengajar di beberapa buah sekolah sebelum Perang Dunia Kedua meletus. Di samping bekerja sebagai kerani, Mariah juga seorang guru bahasa Jepun untuk Jabatan Radio itu. Tetapi dia tidak lama bekerja di situ dan akhirnya berhenti kerana tidak tahan dengan penghinaan orang.³³

Dibandingkan dengan pekerjaan guru yang lama diceburi oleh wanita, bidang perkeranian ialah suatu bidang baru apatah lagi pada zaman pemerintahan Jepun.

Pada zaman perang ini, apabila ditinjau dari sudut negatifnya pula, kesannya dapat dinilai daripada keadaan kehidupan rumah tangga dan moral wanita yang begitu genting. Selain menghadapi kekurangan makanan yang teruk, wanita terpaksa menyelamatkan diri dengan menyamar untuk menyembunyikan kecantikan diri mereka daripada keganasan askar-askar Jepun.

Ancaman moral dalam bentuk perkosaan merupakan fenomena yang terpaksa dihadapi oleh kaum wanita di seluruh Tanah Melayu dan Singapura ketika itu.³⁴

Di Singapura pada zaman itu juga dikatakan terdapat wanita tempatan yang bekerja di mes pegawai, di tempat-tempat hiburan yang tumbuh bagai cendawan pada musim hujan.³⁵ Tempat hiburan begini tumbuh bagi memberi hiburan kepada askar yang telah berjuang.

Walau bagaimanapun dari segi pekerjaan pada akhir tahun 1943, kempen secara besar-besaran dibuat oleh pemerintah Jepun untuk memujuk wanita bekerja di luar rumah kerana kekurangan tenaga kerja dan untuk memenuhi keperluan perang.³⁶ Kaum wanita juga digesa memakai seluar dan tidak memakai kain sarung yang dianggap menghalang pergerakan mereka.³⁷

Pada bulan Disember 1943, pemerintah Jepun menubuhkan Perkhidmatan Buruh Wajib (*Compulsory*

Labour Service) seluruh Tanah Melayu. Setiap kumpulan mengandungi seramai 150 orang lelaki diwajibkan menyediakan 20 orang pekerja yang berusia antara 15-45 tahun yang kemudian meliputi juga wanita. Bermula pada Disember 1944 lelaki tidak dibenarkan bekerja sebagai pelayan, peon, jurujual, tukang masak, tukang jahit, peniaga kecil, sebaliknya wanita pula dimestikan mengambil tempat mereka. Arahan ini untuk membolehkan tenaga kaum lelaki disalurkan kepada kerja-kerja yang lebih berat. Peluang ini membuka ruang yang lebih luas kepada wanita untuk bekerja dalam masyarakat.

Ditinjau dari segi yang lain, pendudukan Jepun memberi kesan terhadap kesedaran politik kaum wanita terhadap corak pentadbiran yang diinginkan. Kesedaran itu timbul daripada pengalaman sosial yang dialami oleh mereka apabila keperluan hidup bertambah sukar diperoleh, juga melalui pengalaman bekerja di luar rumah dan berpersatuan.

Sebelum perang, Singapura sebagai sebuah kota pelabuhan banyak bergantung pada Burma dan Siam untuk bekalan berasnya dan dari Jawa bagi bekalan gulanya. Pada zaman perang itu bekalan beras dan gula semakin kurang kerana masalah pengangkutan. Kehidupan rakyat di kota itu bertambah sulit jika dibandingkan dengan rakyat di Tanah Melayu, terutama di desa-desa yang masih dapat bergantung pada hasil pertanian seperti jagung, ubi kayu, keledak, keladi dan lain-lain lagi.

Walau bagaimanapun tidak semua golongan masyarakat menderita akibat daripada kekurangan makanan di Syonan To terutamanya bagi golongan askar, Kaisha dan pegawai Jepun serta penanam padi yang mendapat bekalan makanan yang cukup.³⁸ Askar Jepun telah mengumpulkan bekalan makanan untuk kegunaan mereka sedangkan rakyat dibiarkan kebuluran.

Pada tahun 1944, Persatuan Kebajikan Singapura

menubuhkan cawangan wanita hampir di semua kawasan bandar dan daerah di pulau itu. Hamidah Hasan yang ketika itu bekerja sebagai wartawan *Berita Malai* dan Cikgu Juriah (salah seorang lepasan Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka) merupakan ahli persatuan ini. Antara aktiviti yang dianjurkan oleh persatuan ini ialah kelas malam untuk mempelajari bahasa Jepun, sesuai dengan proses penjepunan rakyat dan membuat kerja tangan.³⁹ Untuk menggalakkan rakyat, terutamanya golongan pekerja, belajardan menguasai bahasa Jepun, elaun tambahan diberi kepada mereka yang menguasai bahasa itu. Aktiviti lain untuk wanita termasuklah penubuhan kumpulan pertolongan cemas, unit polis tambahan untuk membantu mangsa pengeboman udara dan penanaman bahan makanan. Persatuan ini walaupun tidak terkenal atau tidak terlalu aktif tetapi penting untuk menanamkan benih kesedaran berpolitik di kalangan kaum wanita.

Di Singapura, Yang Dipertua bahagian wanita Persatuan Kebajikan Melayu ialah Fatimah Harun yang juga ketua kumpulan Pemuda Islam yang ditubuhkan di rumahnya di Arab Street. Beliau ialah isteri kepada Tengku Kadir, seorang tokoh masyarakat yang terkenal di Singapura ketika itu. Kumpulan ini berjaya mengumpulkan wanita dari kelas atasan, termasuklah Wan Syarifah Nor Alkaff, isteri seorang saudagar Arab yang kaya raya di pulau itu. Selain itu terdapat guru wanita lepasan Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka seperti Cikgu Juriah serta Rohana Djamil turut melibatkan diri dalam kumpulan ini.⁴⁰

Gabungan tenaga daripada wanita kelas atasan dan terdidik dalam satu kumpulan merupakan benih kesedaran ke arah memperbaiki nasib kaum wanita secara keseluruhannya. Antara persoalan yang ditimbulkan termasuklah ke arah memperbaiki kedudukan mereka dalam perkahwinan, menggalakkan pelajaran agama dan sekular yang lebih luas kepada kaum wanita, pen-

didikan sekolah dewasa serta mengumpulkan bantuan pelajaran.

Halimah Bamadhaj dalam kajiannya telah menemui bual ramai wanita mengenai pengalaman mereka semasa pendudukan Jepun. Kebanyakan mereka menyuarakan perasaan benci terhadap era yang menyulitkan hidup itu. Selain kesulitan makanan dan pakaian, mereka diselubungi ketakutan kerana kekejaman tentera Jepun yang begitu berleluasa. Kempetai menampar, memukul dan menyeksa, kadang-kadang hingga mati, mangsa yang disyaki. Orang Melayu yang menjadi kempetai juga mempunyai reputasi yang buruk kerana ramai di antara mereka menggunakan kesempatan kuasa yang ada pada mereka itu untuk membalas dendam atau menganiaya orang kampung. Persoalan ini ada digambarkan dalam novel *Nyawa Dihujung Pedang* (1948) karya Ahmad Murad Nasarudin. Dalam novel itu watak Said, seorang kempetai Jepun menganiaya kawan sekampungnya sendiri. Kekejaman penyeksaan Jepun dapat diringkaskan kepada dua perkataan *Un-speakable Horror*.⁴¹

Kesulitan dan kesengsaraan semasa pendudukan Jepun itu dinyatakan Turnbull sebagai "... a time of rumour, fear and secrecy, suspicious and informing, when it was unsafe to voice any opinion at all".⁴²

Bagi pemerintah Jepun, orang Melayu dianggap sebagai anak negeri dan tidak terlalu diganggu. Sebaliknya orang Cina menerima layanan kasar kerana mereka dianggap sebagai musuh tradisi Jepun. Di samping itu orang Cina selalu menjadi sumber kewangan dan ditangkap jika mereka disyaki. Di Singapura, tidak lama selepas penaklukannya, pemerintah Jepun telah membunuh ribuan orang Cina dalam operasi yang dinamakan *Sook Ching*.

Kehidupan rakyat semakin sulit, harga makanan meningkat berlipat kali ganda daripada zaman sebelum perang. Situasi ini menggalakkan pasar gelap. Bagi

mengatasi kekurangan bahan makanan, Jepun menggalakkan penduduk Singapura menanam bahan-bahan makanan di Pulau Bentan atau Bintan-to, dan di Endau. Tetapi rancangan di tempat yang terakhir itu gagal kerana serangan malaria yang dihadapi oleh para peneroka tanah. Beberapa usaha seperti pertandingan, tawaran nasihat teknikal dan pinjaman telah diatur untuk menggalakkan penduduk Singapura menanam bahan makanan. Pemerintah Jepun menggunakan paksaan apabila galakkan itu kurang mendapat sambutan. Untuk mengatasi kekurangan itu, ramai orang Singapura yang berasal dari Tanah Melayu pulang ke kampung halaman bagi mendapatkan bekalan makanan.

Bilangan orang yang mati kerana kekurangan zat makanan semakin bertambah. Penyakit yang berkaitan dengan kekurangan zat makanan semakin menjadi-jadi. Selain itu 10 000 kuli Jawa yang dibawa masuk ke Singapura oleh Jepun untuk dijadikan buruh telah diizinkan merayau-rayau mencari makanan, terutama yang menghadapi masalah kesihatan.

Bermula pada Julai 1945, kapal terbang tentera Berikat sering kelihatan di angkasa raya Singapura dan pengeboman bermula. Pada 21 Ogos 1945 surat khabar di pulau itu mengumumkan penyerahan pemerintahan tentera Jepun kepada pihak Berikat. Pada 5 September 1945 rakyat pelbagai kaum berbaris sepanjang tiga batu bermula dari Empire Dock hingga ke bangunan Cathay untuk mengalu-alukan kedatangan tentera British dan Komanwel.⁴³

Situasi hidup yang penuh kesulitan akibat Perang Dunia Kedua dan keadaan politik selepas perang itu menajamkan kesedaran orang Melayu terhadap kedudukan mereka yang ketinggalan dalam bidang sosial dan ekonomi jika dibandingkan dengan golongan pendatang. British yang dianggap sebagai kuasa yang akan membebaskan mereka daripada kezaliman pemerintah Jepun tidak mampu mengatasi masalah kemerosotan

ekonomi, sosial dan politik dengan serta-merta. Keperluan makanan masih sangat berkurang dengan harga yang berlipat kali ganda.

Keadaan sekitar kota akibat perang masih terbiar kotor, air, elektrik, gas dan telefon tidak berfungsi. Jalan kereta api, dan pelabuhan yang binasa akibat bom tentera Berikat masih terbiar. Masalah perumahan sangat meruncing menyebabkan timbul masalah setingan yang mendirikan rumah tanpa kemudahan.

Pengangguran juga merupakan masalah rumit yang menggalakkan pertumbuhan pusat perjudian dan pelacuran yang dahulu dihalalkan oleh pemerintahan Jepun. Pada Oktober 1945 telah berlaku tunjuk perasaan di kalangan buruh pelabuhan yang mendesak kenaikan gaji. Ini diikuti oleh mogok di kalangan pekerja Singapore Traction Company, kemudian kakitangan hospital, anggota bomba dan pekerja kabaret. Punca kepada rasa tidak puas hati ini adalah berikutan merebaknya kadar pengangguran di Singapura, kekurangan makanan dan harga barang makanan yang melambung tinggi.

Hasil daripada penyelidikan terhadap keadaan hidup penduduk Singapura pada tahun 1947, ramai di antara mereka didapati berada dalam keadaan yang sungguh menyedihkan seperti tinggal di kawasan sesak. Keadaan yang terbiar juga terdapat di kawasan bandar. Menurut kajian kerajaan Singapura, sebahagian besar rakyat hidup dalam rumah satu bilik, terutama di kalangan pekerja-pekerja tidak mahir.⁴⁴

Hingga tahun 1954 keadaan hidup beberapa banyak keluarga golongan pekerja tidak berubah, mereka terus tinggal dalam keadaan yang daif. Pengangguran merupakan suatu masalah besar di Singapura, terutamanya bagi golongan pemuda yang berkelulusan sekolah Melayu. Sebaliknya mereka yang mendapat pendidikan Inggeris kurang menghadapi masalah untuk

mencari pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan mereka.

WANITA PADA ZAMAN SELEPAS MERDEKA

Selepas merdeka, wanita mencapai kemajuan yang lebih pesat, terutamanya dalam bidang pendidikan. Semakin ramai yang melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti. Bidang yang diceburi semakin rencam walaupun terdapat pengelompokan penuntut wanita dalam bidang-bidang yang bercorak kemasyarakatan dan kemanusiaan, undang-undang dan pergigian pada peringkat ijazah pertama, dan bidang pendidikan pada peringkat diploma tinggi. Wanita masih ramai dalam bidang yang tradisinya dianggap sebagai bidang wanita. Kecenderungan ini mengekalkan stereotaip peranan dan kursus-kursus yang dianggap sesuai untuk wanita.

Polisi kerajaan menggalakkan anak perempuan menuntut pelajaran telah memberi kesan kepada bidang pekerjaan yang diceburi wanita. Bilangan wanita dalam bidang perkeranian, pentadbiran, teknikal dan profesional bertambah ramai. Mulai Ogos 1969 kerajaan melaksanakan dasar gaji sama untuk pekerja-pekerja wanita dalam perkhidmatan kerajaan.⁴⁵ Kejayaan ini merupakan galakan besar kepada wanita untuk terlibat dalam bidang pekerjaan. Dasar kerajaan ini memberi peluang kepada pekerja wanita menikmati hasil pekerjaan mereka tanpa perlu berdemonstrasi seperti yang dilakukan oleh wanita di Barat.

Walaupun perkembangan dakwah berkembang pesat sejak tahun 1970-an, namun keadaan ini tidak menjejaskan penglibatan wanita dalam bidang pekerjaan. Ini adalah kerana "rata-rata wanita Melayu khususnya, tetap memperlihatkan kewanitaannya dari segi pakaian, tatatertib dan perlakuan, tidak kira suri rumah atau pegawai". Ertinya wanita kita masih tetap dengan peranan kewanitaannya, walaupun berjaya

dalam bidang kerjaya.⁴⁶

Kebebasan menuntut ilmu dan bekerja di bandar mendorong lebih ramai wanita tinggal berjauhan daripada keluarga dan menyewa rumah berkongsi bersama-sama rakan. Dengan mempunyai pendapatan sendiri mereka lebih berkeyakinan untuk mencorakkan hidup mereka, termasuklah soal pemilihan jodoh. Sering kali soal memilih bakal teman hidup tidak lagi tertakluk pada pilihan ibu bapa.

Selepas merdeka wanita semakin ramai terlibat dalam bidang kemasyarakatan hasil daripada kejayaan yang dipupuk semenjak sebelum merdeka. Perubahan kedudukan mereka dari segi sosial ialah sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Wanita selepas merdeka tidak menghadapi cengkaman adat seperti wanita tradisi yang terkongkong pergaulannya dalam masyarakat. Dengan ini kita akan meninjau pula kedudukan wanita dalam sosiobudaya Melayu khususnya.

WANITA DALAM SOSIOBUDAYA

Dari sudut sosial, keluarga merupakan suatu unit terkecil dalam masyarakat yang membentuk masyarakat itu sendiri. Keluarga juga merupakan unit asas pengeluaran, penggunaan, pemilikan harta benda, sosialisasi serta kerjasama ekonomi.⁴⁷ Dari satu segi suasana keluarga merupakan cerminan kepada pembentukan hubungan anggota masyarakat. Malah tujuan pembentukan keluarga melalui perkahwinan itu sendiri merupakan suatu landskap budaya dan pewujudan institusi sosial yang berfungsi bagi kelangsungan masyarakat.

Dalam institusi keluarga yang merupakan kelompok sosial yang dinamik dan kompleks, peranan wanita sangat penting dalam peranan biologinya sebagai ibu, isteri dan anak perempuan. Peranan wanita dalam keluarga banyak ditentukan oleh ideologi keluarga yang

dapat dikaitkan dengan peranan biologi dan kemasyarakatan. Keupayaan wanita untuk mengandung dan melahirkan anak dianggap faktor yang menyebabkan mereka sesuai tinggal di rumah bagi mengurus rumah tangga dan menjaga anak-anak.

Tinjauan terhadap bentuk tipikal keluarga tani akan menyerlahkan pembentukan institusi keluarga secara dekat. Kedudukan rumah yang berdekatan mewujudkan suasana saling bergantung bukan sahaja kerana diikat oleh hubungan keluarga. Keadaan penempatan yang rapat dan tidak terpisah mewujudkan komuniti kampung.⁴⁸ Hubungan keluarga yang rapat dan keadaan penempatan begitu memberi manfaat kepada para isteri yang bekerja atau membantu suami kerana anak-anak akan diletakkan di bawah jagaan datuk dan nenek atau saudara-mara. Bantuan itu sekali gus akan meringankan tugas para ibu.

Walaupun wujud perbezaan antara cara hidup keluarga tani dengan keluarga bandar, namun pada asasnya terdapat persamaan yang rapat. Malah sukar untuk dipisahkan terutamanya apabila ditinjau daripada hubungan antara desa atau bandar dari konteks sosio-budaya. Hubungan desa dan bandar tidak mewujudkan dikotomi. Sebaliknya hubungan ini diperkukuh oleh unsur nilai dan sentimen yang sangat jelas dilihat berlaku pada musim perayaan seperti hari raya atau musim buah-buahan. Pada masa itu sebahagian besar penduduk bandar akan pulang menziarahi ibu bapa atau saudara-mara di kampung.⁴⁹

Hubungan begini menyebabkan sukarnya mengikis sesuatu kebiasaan yang telah dipraktikkan di desa dan turut diamalkan di bandar. Nilai-nilai tradisi desa dapat dipertahankan bergantung pada keadaan penempatan, persekitaran, jiran-jiran dan institusi yang ada.⁵⁰

Ada beberapa pola keluarga yang terdapat dalam masyarakat Melayu. Antaranya pola keluarga luas (*extended family*) yang mengandungi lebih daripada dua

generasi dalam satu keluarga seperti datuk atau nenek, ibu bapa dan anak-anak. Bentuk keluarga begini selalunya terdapat di desa. Seterusnya pola yang umum ialah keluarga asas (*nuclear family*) yang mengandungi ayah, ibu dan anak-anak. Ayah merupakan ketua keluarga, pencari nafkah dan mempunyai autoriti dalam setiap keputusan yang melibatkan ahli keluarga. Tanggungjawab ini sekali gus meletakkan bapa pada kedudukan tempat terpenting dalam institusi keluarga. Bapa bukan sahaja bertanggungjawab terhadap keperluan dan kesejahteraan fizikal seperti mengadakan makanan, pakaian mahupun perbelanjaan rumah tangga, juga memastikan ahli keluarganya, iaitu isteri dan anak-anak, berada dalam garis moral yang ditetapkan oleh agama dan adat. Mengenai peranan bapa disimpulkan oleh Abu Hassan Othman sebagai "seorang bapa dalam sesebuah keluarga secara ideal diiktiraf sebagai individu yang mempunyai kuasa untuk bertindak serta membuat keputusan sosial yang mutlak".⁵¹

Pembahagian peranan lelaki sebagai pencari nafkah (*breadwinner*) merupakan akar kepada ideologi gender dalam budaya Melayu yang memberi kesan kepada penglibatan lelaki dan wanita dalam bidang ekonomi, politik dan sosial. Mengenai hal ini Pauline Hunt mengatakan:

*The fact that the breadwinning aspect of the man's life and the domestic and maternal aspect of the woman's life are single out as typifying their situation is rooted in ideology, but such ideology produces effects which have their own potency at the economic and political level of social practice.*⁵²

Penekanan pada kewajipan lelaki sebagai pencari nafkah ini tidak pula bererti wanita tidak dibenarkan mencari rezeki terutama bagi keluarga golongan bawahan. Dalam hal ini wanita itu dianggap sebagai pembantu.

Dalam keluarga Melayu, isteri tidak pernah diang-

gap sebagai perhiasan semata-mata tetapi turut terlibat secara aktif dalam pengurusan dan kesejahteraan keluarga. Walaupun wanita tidak dibayar upah atas sumbangan kepada keluarga, sumbangan itu tetap bermakna. Ini adalah kerana peranan mereka dalam rumah tangga membolehkan kaum lelaki keluar bekerja mencari nafkah tanpa berasa bimbang tentang pengurusan rumah tangga, termasuk penjagaan anak.

Dalam kajiannya (1964) terhadap isteri nelayan di Kelantan, Rosemary Firth mendapati para isteri itu bekerja menambah pendapatan keluarga. Mereka juga menjaga hal ehwal kewangan keluarga kerana suami mereka sering di laut. Isteri menduduki tempat kedua penting dalam sesebuah keluarga, dan bagi keluarga tani, isteri sering menjadi tangan kanan suami dengan membantu kerja-kerja di ladang atau di sawah atau membuat kerja sampingan yang boleh mendatangkan wang seperti menganyam tikar, membuat kuih dan lain-lain lagi. Kajian Raymond Firth mengenai komuniti nelayan di pantai timur (1946) dan kajian Swift di Negeri Sembilan (1965) membuktikan peranan wanita sebagai pembantu suami tidak dapat dinafikan. Walaupun dari segi unggulnya peranan isteri lebih diperlukan di rumah untuk mengurus rumah tangga seperti memasak, mengemas serta menjaga anak, namun seringkali isteri golongan tani atau bawahan membantu suami dengan mencari pendapatan tambahan. Dengan pendapatan tambahan ini, di samping membantu kewangan keluarga, wanita yang bekerja mampu mempunyai pendapatan sendiri. Dengan itu wanita berasa selamat dan tenang jika mereka mempunyai wang simpanan yang sekali gus membebaskan mereka daripada bergantung pada suami untuk keperluan sendiri.⁵³

Penglibatan wanita dalam pekerjaan di luar rumah telah lama dipraktikkan oleh wanita Kelantan yang berniaga di pasar seperti yang dilaporkan oleh Abdullah Munshi dalam pelayarannya ke Kelantan pada perte-

ngahan abad ke-19 lagi. Pendapatan yang diperoleh selain membantu perbelanjaan rumah tangga juga disimpan sebagai wang tabungan atau dalam bentuk emas. Simpanan dalam bentuk emas itu dapat digadai pada waktu diperlukan.

Sikap isteri membantu usaha suami dalam ekonomi di samping menjalani peranan sebagai isteri diikuti sifat *modest, retiring and compliant* merupakan ciri-ciri unggul seorang isteri Melayu.⁵⁴

Di samping menjalani peranan sebagai pembantu suami, para isteri juga memainkan peranan penting dalam proses sosialisasi anak-anak, terutama dari segi pertumbuhan biologi dan personaliti melalui proses pengukuhan budaya. Anak-anak dilatih menerima peranan dan tanggungjawab.

Dari segi sosialnya, sejak kecil lagi wanita dan lelaki Melayu belajar tentang aktiviti dan tempat mereka dalam masyarakat. Wanita dikenalkan kepada orientasi domestik dan lelaki dengan kegiatan bercorak publik (luar rumah tangga). Di sinilah pentingnya peranan keluarga sebagai institusi pendidikan terawal bagi setiap kanak-kanak yang bertanggungjawab mencorakkan pandangan mereka terhadap tugas dan peranan mereka dalam masyarakat.

Sikap orang Melayu terhadap anak-anak juga berbeza dengan orang Cina yang lebih mementingkan anak lelaki, yang dianggap sebagai penerus nama keluarga. Bagi orang Melayu, kehadiran seseorang anak tidak terlalu dipersoalkan, "terpulang kepada pemberian Allah". Jika telah mempunyai anak lelaki, anak perempuan pula yang diharapkan, begitulah sebaliknya.

Mengenai kedudukan sosial anak gadis dalam landskap budaya Melayu, digambarkan oleh Frank Swettenham, seorang pegawai kolonial Inggeris, dalam bukunya *The Real Malay* (1918):

As a girl, she mixes only with those of her own

family, and if she ever sees men, it is practically never to speak to them. Her intercourse with other girls is very limited, and older women treat her as a child until she marries ... The Malay girl passes straight from childhood to womanhood; for her there is practically no girlhood. In the choice of a husband she has no part, and may never have seen her suitor till he comes in the character of a bridegroom, to claim his affianced bride ... she knows practically nothing of the "rights of woman". To her, those rights are precisely limited by the power and influence of her personal attractions, her superior intelligence, or the possession of wealth.⁵⁵

Catatan di atas menunjukkan kehidupan seorang gadis Melayu dilingkungi kebiasaan adat yang dikenakan terhadap seorang gadis pada awal abad ke-20. Bagi orang Melayu adat telah membendung dan membentuk kewujudan sosial mereka. Oleh sebab itu hubungan seorang gadis dengan orang di luar lingkungan darah mereka amat kurang. Mereka diasuh supaya patuh kepada perintah orang tua dan mematuhi nilai sosial orang Melayu sesuai dengan peribahasa Melayu yang berbunyi "budi bahasa tidak dijual beli". Masyarakat Melayu memandang tinggi gadis yang mempunyai sifat kewanitaan (*feminine*) yang lemah lembut dan berbudi bahasa. Dari segi pengalaman sosial, masa untuk bergembira dengan rakan sebaya singkat usianya kerana anak-anak perempuan diasuh untuk menjalankan peranannya sebagai "anak dara" seperti membantu ibu mengurus rumah tangga dan menjaga adik-adik. Kadang-kadang mereka juga turut membantu ibu bapa di ladang. Dalam sebuah rencananya, Zaharah Nawawi, seorang novelis wanita Malaysia, menceritakan pengalamannya sebagai gadis desa yang terpaksa bertungkus-lumus membantu ibu bapa di ladang.⁵⁶

Latihan-latihan ini dianggap sebagai persediaan bagi menguruskan rumah tangga sendiri kelak. Semenjak kecil anak perempuan diasuh mengenal "bidang"

mereka, iaitu yang berkisar soal mengurus rumah tangga atau di belakang tabir sahaja. Penekanan pada peranan wanita dalam rumah tangga ini memberi kesan yang besar kepada pemahaman mereka tentang peranan yang harus dimainkan dalam keluarga dan seterusnya dalam masyarakat kelak. Mereka mesti berkhidmat untuk "orang lain" yang sekali gus memberi peranan besar dalam mewujudkan kestabilan rumah tangga dan masyarakat.

Ideologi gender ini jelas dibentuk dalam rumah tangga berdasarkan pandangan adat. Kebiasaan adat dan pandangan terhadap peranan lelaki dan wanita dalam masyarakat ini jugalah yang menyebabkan anak perempuan tidak ramai yang dihantar ke sekolah formal. Selain belum mempunyai kesedaran terhadap kepentingan pelajaran formal di sekolah, sikap itu diambil kerana ramai ibu bapa berpegang teguh pada kebiasaan adat bahawa kedudukan wanita yang pasti adalah di dapur.

Kebiasaan adat ini mengakibatkan penglibatan wanita dalam kegiatan bercorak kemasyarakatan agak berkurangan, terutama sebelum Perang Dunia Kedua. Tetapi sebaliknya adik-beradik lelaki tidak diwajibkan terlibat sedikit pun dalam pengurusan rumah tangga.⁵⁷ Dunia anak lelaki lebih luas kerana sering berada di luar rumah bermain dengan rakan-rakan sebaya. Dari segi pelajaran formal jika ditinjau dari sudut sejarah, anak lelaki lebih ramai dihantar ke sekolah. Penghantaran ini dianggap sebagai persediaan mencari pekerjaan untuk memikul tanggungjawab sebagai seorang suami kelak yang menyara hidup isteri dan anak-anak.

Setelah remaja anak lelaki digalakkan merantau untuk menuntut pelajaran, melihat dunia sambil mengumpul pengalaman sebagai bekal untuk menghadapi dunia yang lebih luas kelak.

Dengan mematuhi kebiasaan adat menyebabkan seperti pendapat Djamour, "orang perempuan pendek

langkah" yang bermakna pergerakan wanita dalam masyarakat terhad di sekitar rumah tangga sahaja.⁵⁸ Keadaan ini ditambah dengan peraturan adat resam yang dikenakan kepada anak perempuan dalam bentuk nasihat daripada orang tua dalam lingkungan bidang mereka. Antara perkara yang ditekankan ialah kepentingan menjaga nama baik keluarga dan "jangan menconteng arang" ke muka keluarga. Di sini tugas anak perempuan ialah patuh kepada kehendak keluarga.

Dengan hasrat antara lain untuk menjaga nama baik keluarga, pada zaman sebelum merdeka, anak gadis sering dikahwinkan dalam usia yang muda. Kebanyakan orang Melayu sangat mengambil berat supaya anak gadis dikahwinkan segera untuk perkembangan zuriat di samping kestabilan emosi dan moral mereka. Oleh sebab peluang bergaul dengan lelaki di luar lingkungan darah sangat terhad dan penekanan terhadap orang tua "lebih dahulu makan garam", maka pemilihan jodoh anak gadis ditentukan oleh ibu bapa. Kebiasaan ini berterusan hingga selepas merdeka, terutama di kawasan luar bandar.⁵⁹

Dalam soal jodoh ini, seseorang gadis hanya berkesempatan melihat suaminya itu pada hari perkahwinan sahaja. Jodoh yang paling digalakkan ialah saudara sepupu terdekat, atas alasan jika mereka berharta, harta itu tidak akan terlepas ke tangan orang lain. Perkahwinan tanpa didahului oleh perkenalan begini selalunya menyebabkan seseorang isteri mengambil masa yang agak lama untuk menyesuaikan diri dengan suaminya yang tidak pernah dikenali terlebih dahulu.

Dalam kebiasaan adat dan budaya Melayu, setiap gadis diharapkan akan menjalani hidup berumah tangga dalam usia muda. Status anak dara tua sangat dielakkan kerana dianggap memalukan keluarga. Perkahwinan juga bermakna wanita itu akan berada dalam tanggungjawab suami. Isteri akan bergantung sepenuhnya pada suami, terutamanya jika si isteri tidak beker-

ja. Bagi ibu bapa, setelah anak gadis mereka selamat berumah tangga beban mereka menjaga anak perempuan telah terlepas. Pada zaman sebelum merdeka, umur 16 tahun ke atas merupakan jangka umur yang sesuai untuk berumah tangga.

Semenjak Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 (sebelumnya dengan nama Tanah Melayu), kedudukan sosiobudaya wanita dalam keluarga dan masyarakat agak berubah hasil daripada perkembangan ekonomi, sosial dan politik negara. Penglibatan wanita yang lebih luas dalam masyarakat hasil daripada pencapaian baik dalam bidang pelajaran merupakan suatu kejayaan bagi wanita. Bilangan wanita yang mendapat pendidikan tinggi bertambah meningkat malah ramai pula yang belajar di luar negara. Penubuhan pusat pengajian tinggi seperti Institut Teknologi Mara, Universiti Sains Malaysia, Universiti Pertanian (kini Putra) Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia dalam tahun 1970-an membuka peluang yang lebih luas kepada wanita untuk melanjutkan pelajaran dalam peringkat ketiga. Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang memberi peluang kepada bumiputera telah menambah bilangan wanita di institusi pengajian tinggi. Golongan wanita masih menguasai fakulti sastera dan pendidikan pada tahun 1970-an. Jurusan kejuruteraan masih kurang diterokai oleh wanita. Kekurangan ini mungkin ada hubungannya dengan tradisi pendidikan wanita yang lebih tertumpu pada bidang yang dekat hubungannya dengan tradisi pendidikan wanita seperti perguruan. Namun demikian bilangan wanita yang menceburi bidang sains tetap ada walaupun kecil bilangannya. Di samping itu bilangan anak perempuan yang dihantar belajar di luar negara juga bertambah ramai. Mereka belajar dalam berbagai-bagai jurusan yang mungkin baru bagi golongan wanita seperti bidang astronomi, arkeologi dan lain-lain. Peluang ini terbuka kepada semua golongan wanita tanpa

mengira latar belakang desa atau kota. Dalam keadaan inilah anak-anak gadis dari desa mampu mengubah kedudukan dan mengalami mobiliti sosial.

Menurut kajian Khadijah Mohamad (1965), wanita sekarang tidak lagi terikat kepada pekerjaan bercorak tradisional seperti bertani; dan penyertaan mereka dalam bidang pekerjaan boleh dibahagikan kepada pekerjaan ikhtisas dan bukan ikhtisas.⁶⁰ Kemampuan memperoleh pendapatan sendiri menimbulkan keyakinan diri kepada wanita. Mereka lebih bebas menentukan corak hidup mereka, dan kerana corak pekerjaan menyebabkan ramai gadis tidak tinggal bersama-sama ibu bapa lagi. Sebaliknya ramai gadis tinggal bersama dengan kawan-kawan sebelum berumah tangga. Kemampuan berdikari juga menyebabkan mereka lebih bebas dan tidak terikat dengan kehendak ibu bapa dalam memilih pasangan hidup. Hasil daripada pendidikan dan pengalaman yang lebih luas, mereka sering memilih calon suami yang sesuai dengan jiwa melalui proses percintaan sebelum berumah tangga.

Namun demikian kebebasan dan peningkatan taraf hidup itu membawa sedikit perubahan terhadap peranan wanita dalam rumah tangga. Tidak ramai lagi wanita yang memilih menjadi suri rumah tangga sepenuh masa. Keadaan ini tidak bermakna peranan mereka berkurangan, sebaliknya mereka memegang dwifungsi di mana peranan mereka bertambah berat. Walau bagaimanapun peranan asal rumah tangga tidak banyak berubah sebagai tempat pengukuhan budaya masyarakat menerusi sosialisasi yang dilalui oleh anak-anak.

WANITA DALAM ISLAM

Semenjak agama ini tersebar di Tanah Melayu pada abad ke-14, Islam telah meninggalkan kesan yang besar dalam kehidupan wanita khususnya dan masyarakat

umumnya. Islam menggariskan cara hidup yang teratur untuk menjadi landasan hidup umatnya berdasarkan al-Qur'an dan sunnah Nabi Muhammad s.a.w. Dari sudut ideologi gender, wanita Melayu dibentuk oleh garis panduan yang telah ditetapkan oleh hukum Islam.

Dari sudut Islam, lelaki dan wanita mempunyai peranan yang berbeza sesuai dengan fungsi biologi. Lelaki dijadikan makhluk yang mempunyai fizikal yang tegap dan kuat jika dibandingkan dengan wanita. Namun demikian kebolehan akal wanita tidak pula diperkecil.

Bagi wanita kebolehamnya menjalankan fungsi reproduksi sangat rapat hubungannya dengan pemeliharaan anak dan penumpuan perhatian kepada rumah tangga. Mengenai hal ini Mahmoud Al-Akkad berkata:

Dan tidak diragukan lagi, bahawa tingkah laku yang perlu untuk mengasuh anak-anak kecil itu merupakan salah satu dasar dari sifat lemah lembutnya wanita, yang menyebabkan wanita itu cepat mengikuti perasaannya dan cepat terdorong oleh perasaan batinnya; dan sukarlah wanita melakukan tindakan yang mudah oleh pria, seperti mengambil sesuatu keputusan berdasarkan logika, mengutamakan pendapat yang objektif dan memiliki tekad yang kuat.⁶¹

Interpretasi ini berdasarkan sepenuhnya kemampuan biologi wanita zaman tradisional yang menganggap dunia sosial wanita terhad dalam lingkungan domestik sahaja. Pendapat Mahmoud Al-Akkad juga berdasarkan konsep pemahamannya yang sempit terhadap fitrah semula jadi wanita dan budaya Arab. Wanita dikaitkan dengan alam semula jadi kerana wanita dipercayai hidup lebih dekat dengan dunia ini daripada lelaki berdasarkan tiga alasan. Pertama, tugas wanita sebagai penyambung zuriat. Kedua, pertalian wanita dengan rumah tangga atau lingkungan domestik. Ketiga, jiwa dan mentaliti wanita sendiri kelihatan lebih rapat

dengan alam semula jadi berbanding dengan lelaki.

Mahmoud Al-Akkad tidak mempertimbangkan kemampuan akal, emosi dan objektiviti wanita akan dapat diasuh, dilatih dan dikembangkan dengan memberi pendidikan hingga setinggi mungkin. Ini adalah kerana Islam sendiri tidak memperkecil kemampuan akal wanita sepenuhnya seperti yang akan dibincangkan seterusnya kelak.

Jika dilihat dari sudut agama, hak dan tanggungjawab lelaki dan wanita itu sama iaitu mengabdikan diri kepada Allah. Mengenai hal ini ayat al-Qur'an menjelaskan: "Tidak Aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk beribadat kepada-Ku."⁶² Manusia diwajibkan mengerjakan perintah Allah dan menjauhkan segala larangan-Nya tanpa mengira lelaki atau wanita. Dalam soal ibadat ini hanya sifat taqwa kepada Allah sahaja yang membezakan kedudukan setiap individu itu di sisi Allah bukannya berdasarkan kekayaan, bangsa, jantina atau konteks sejarah. Sifat taqwa ini merupakan tanggungjawab individu kepada Tuhannya.

Dari segi sosial pula, Islam telah menetapkan kedudukan lelaki lebih tinggi sedarjah daripada wanita seperti termaktub dalam al-Qur'an:

Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap perempuan kerana Allah s.w.t. melebihkan lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas perempuan dan juga lelaki membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian daripada harta mereka.⁶³

Kelebihan yang diberi kepada lelaki itu kerana lelaki berperanan sebagai pemimpin atau imam dalam keluarga. Ketua keluarga bertanggungjawab terhadap nyawa dan kehormatan ahli keluarganya. Keselamatan mereka wajib dijaga, dipelihara dan dipertahankan. Ketua keluarga bertanggungjawab memberi nafkah kepada ahli keluarganya. Mereka wajib diberi makan-

an, pakaian, perubatan dan tempat tinggal yang sesuai.

Tanggungjawab yang telah diperuntukkan oleh Islam terhadap lelaki sesuai dengan konsep hidup berkeluarga dalam Islam iaitu lelaki sebagai pencari rezeki dan adalah kewajipan suami menanggung nafkah isteri dan anak-anaknya. Kegagalan suami menjalankan kewajibannya itu membolehkan pihak isteri menuntut suaminya berbuat demikian menerusi pejabat kadi.

Sebagai pemimpin atau imam rumah tangga, suami wajib memberi contoh yang terbaik dalam soal perilaku, amal ibadat dan hubungan dengan ahli masyarakat untuk ahli keluarganya. Dengan mempunyai moral terpuji itu memudahkan ketua keluarga menjadi contoh (*role model*) yang baik.

Suami juga imam kepada ahli keluarga ketika sembahyang berjemaah. Wanita tidak berhak menjadi imam selagi ada kaum lelaki. Sewaktu sembahyang berjemaah itu wanita bersembahyang di barisan (*saf*) belakang lelaki walaupun anak lelakinya sendiri. Wanita juga tidak diwajibkan pergi ke masjid atau bersembahyang Jumaat di masjid. Peraturan ini mengukuhkan lagi ideologi keluarga Islam bahawa lelaki berkewajipan menjadi pemimpin dan pencari rezeki di luar rumah dan wanita pula mentadbir rumah tangga.

Namun demikian tidak bermakna wanita tidak boleh menjadi ketua keluarga terutama ketika ketiadaan suami akibat kematian atau perceraian. Keadaan ini tidak dapat dinafikan terus wujud dalam masyarakat Islam di mana-mana sahaja. Jika dalam keadaan kekosongan pemimpin itu wanita juga terpaksa menjadi ketua keluarga bagi menjamin kesejahteraan ahli keluarga termasuklah makan minum dan keselamatan. Dengan memegang peranan sebagai ketua rumah tangga, bermakna tugas wanita semakin bertambah kerana beliau juga terpaksa mengurus hal ehwal rumah tangga dan sekali gus anak-anak.

Dalam hubungan dengan isteri, suami diwajibkan

mencurahkan kasih sayang (al-Mawaddah), bertimbang rasa serta belas kasihan (al-Rahmah) dan sedia berkorban untuk kebahagiaan keluarga. Kedua-dua sifat ini sangat ditekankan oleh Islam kepada suami seperti tersurat dalam al-Qur'an:

Di antara tanda-tanda kebesaran dan kekuasaan Allah ialah mencipta isteri-isteri dari jenis kamu supaya kamu bersenang-senangan dengannya (menikmati ketenangan dan kerukunan) dan dikurniakan pula kepada kamu berkasih sayang (mawaddah) dan kasih mengasihi (rahmah) sesama kamu. Yang demikian itu menjadi kenyataan dan bukti bagi orang-orang yang berfikir.⁶⁴

Bagi mengukuhkan kepentingan sifat-sifat itu kepada para suami Nabi Muhammad s.a.w. pernah bersabda, "Orang-orang yang terbaik di antara kamu ialah orang yang berbuat baik kepada keluarganya."

Peraturan-peraturan di atas digariskan untuk menjadi panduan suami isteri kerana bagi Islam rumah tangga itu bukan sekadar tempat tinggal semata-mata tetapi, "*A home provides for material as well as emotional, educational and interpersonal satisfaction*".⁶⁵ Di sini terbukti bahawa Islam sangat mementingkan kesejahteraan emosi keluarga sebagai unit terkecil dalam masyarakat.

Bapa juga berkewajipan menjaga kebajikan anak-anak supaya tidak menyeleweng daripada landasan moral yang sangat dipentingkan dalam Islam. Anak lelaki dan perempuan sama-sama perlu menjaga kehormatan diri sebelum berumah tangga. Ini adalah kerana Islam tidak menggalakkan *double standard* dalam soal menjaga kehormatan diri seperti yang ditegaskan oleh Anis Ahmad:

It is not that no women are asked to be chaste and modest while men are absolved of safe-guarding their chastity. In fact no other religion but Islam has

*observed one single standard of moral obligation for both sexes.*⁶⁶

Bapa juga wajib memastikan kebajikan anak perempuannya terpelihara hingga dia berumah tangga atau menjaga ketika janda kerana diceraikan atau kematian suami. Dengan perhatian berat daripada bapa terhadap kebajikan anak perempuan yang lemah fizikalnya akan mengelakkannya daripada terjerumus ke lembah hina. Bapa diamanahkan untuk menjaga kebajikan anak-anaknya, khususnya anak perempuan.

Perhatian berat Islam terhadap wanita secara tidak langsung menunjukkan wanita dilindungi daripada menjadi korban golongan yang lebih kuat fizikalnya.

Peranan asasi isteri pula mentaati suami dan mengurus rumah tangga dan anak-anak. Namun demikian tidak bermakna pula wanita dilarang mencapai kejayaan dalam bidang profesional. Ini adalah kerana wanita Islam berhak menuntut ilmu, berkahwin dengan lelaki pilihannya, memiliki harta, mewarisi kekayaan, menuntut keadilan dan meminta cerai.

Mengenai isu menuntut ilmu pelajaran ini, Nabi Muhammad s.a.w. pernah bersabda, "Pergilah menuntut ilmu hingga ke negeri China", tanpa mengkhususkan untuk lelaki atau wanita, atau ilmu tertentu. Malah "menuntut ilmu diwajibkan ke atas lelaki dan wanita". Dalam hubungan ini konsep ilmu itu begitu luas asalkan membawa kebaikan.

Anjuran terhadap kepentingan pelajaran kepada lelaki dan perempuan Islam adalah kerana Islam memandang tinggi orang yang berilmu dan beriman dengan memberikan beberapa darjat kepada mereka. Kedudukan golongan itu lebih tinggi daripada orang yang tidak beriman dan berilmu.⁶⁷ Melalui pelajaran akan mudahlah lelaki dan perempuan menjalankan tanggungjawabnya kepada agama dan sosial.

Dalam bidang sastera di Malaysia, penekanan ter-

hadap kepentingan pelajaran kepada anak-anak perempuan telah dibincangkan dengan mendalam oleh Syed Sheikh Al-Hadi iaitu seorang tokoh ulama dan modenis Melayu sejak awal dekad kedua abad ke-20 lagi. Beliau menulis khusus tentang wanita dan masalah-masalah yang berkaitan dengannya dalam ruangan "Alam Perempuan" dalam majalah *Al-Ikhwān* (1926-1928). Rencana-rencana itu kemudiannya dikumpul dan diterbitkan dengan judul *Alam Perempuan*.⁶⁸ Masalah persoalan wanita juga dipaparkannya dalam novelnya, *Hikayat Faridah Hanom* atau *Hikayat Setia Asyik Kepada Masyuknya*.⁶⁹

Dalam rencananya Syed Sheikh Al-Hadi⁷⁰ sebagai seorang modenis menekankan betapa pentingnya wanita diberi pendidikan kerana wanita ialah guru pertama kepada anak-anak, dan dengan berpelajaran wanita tahu hak mereka sebagai wanita Islam. Beliau menegaskan bahawa ibu yang tidak berpelajaran tidak mungkin dapat melahirkan anak-anak yang pintar dan sihat.

Sebagai saluran kepada fikirannya tentang persoalan kepentingan pendidikan ini Syed Sheikh Al-Hadi memilih wanita terpelajar sebagai watak utama novel-novelnya: Faridah Hanom dalam novel *Hikayat Faridah Hanom*, Iqbal Hanom dalam novel *Hikayat Taman Cinta Berahi* atau *Mahir Affandi dengan Iqbal Hanom* (1927-1928) dan Hindun dalam novel *Hikayat Anak Dara Ghassan* atau *Hindun dengan Hamad* (1928-1929).

Menerusi novelnya yang paling terkenal iaitu *Hikayat Faridah Hanom*, Syed Sheikh Al-Hadi menunjukkan betapa wanita yang berpelajaran dapat mengendalikan rumah tangga dengan sempurna. Faridah Hanom sendiri mengendalikan urusan rumah tangga walaupun mempunyai beberapa orang gaji.

Dari segi hak pula, dengan bantuan abangnya, Faridah Hanom memperjuangkan haknya untuk mem-

batalan perkahwinan yang dipaksakan terhadapnya oleh ayahnya, Kasim Bey. Pada akhir plot cerita, Faridah Hanom berjaya berkahwin dan hidup bahagia dengan lelaki pilihannya, Shafik Affendi.

Pada pendapat Syed Sheikh Al-Hadi dengan memberi anak perempuan peluang menuntut pelajaran bermakna masyarakat Melayu dan umat Islam akan bertambah maju. Ini adalah kerana wanita merupakan setengah daripada jumlah penduduk Malaya ketika itu. Dalam hal ini beliau telah membandingkan kemajuan orang Inggeris yang memberi peluang untuk anak-anak perempuan belajar. Menurutinya:

Tetapi hendaklah ianya memeriksa akan sebab-sebab yang menjadikan orang-orang Inggeris itu terlebih pandai dan terlebih kuat daripada kita. Maka jikalau diperbuatnya demikian ertinya diperiksanya akan sebab-sebab kemajuan bangsa Inggeris dan sebab-sebab kejatuhan bangsa kita nescaya senanglah ianya mengetahui bahawa sebab yang besar sekali ialah kerana sekalian bangsa Inggeris ini laki-laki, dan perempuannya bersekutu pada menjadikan anak-anaknya besar dengan mempunyai perangai yang elok kasihkan kaum dan bangsa dan tanah airnya, dan gemar mempunyai ilmu yang berguna bagi kemajuan dan kebesaran kaum dan bangsanya.⁷¹

Walau bagaimanapun Syed Sheikh tidak pula menekankan kepentingan pelajaran untuk memudahkan wanita mendapat pekerjaan di luar rumah. Pendapatnya dalam hal ini dibendung oleh pemahamannya yang sehala bahawa tugas asasi wanita adalah di rumah untuk mengurus suami dan anak-anak. Dalam hal ini Syed Sheikh Al-Hadi gagal membebaskan watak Faridah Hanom daripada domain domestik. Pengarang ini juga gagal mencungkil identiti wanita kerana watak Faridah Hanom hanya hidup untuk orang lain iaitu suami dan keluarga. Faridah Hanom juga tidak diberi

kesempatan untuk menerajui hidupnya sendiri. Watak ini dari segi peranan dicipta bukan untuk mendahului zamannya tetapi hanya akur (*confirmed*) kepada kebiasaan dan sifat semula jadi wanita sahaja yang terus tinggal dalam domain domestik.

Bagi Islam, institusi perkahwinan itu kudus dan suci yang merupakan perjanjian sivil antara dua individu yang bertentangan jantina. Perkahwinan sangat penting untuk menjaga kesucian keturunan manusia. Islam sangat menentang hubungan di luar perkahwinan. Ini adalah kerana hubungan itu akan mengancam kesucian institusi kekeluargaan terutamanya jika hubungan itu sampai menghasilkan anak. Anak-anak yang lahir daripada hubungan sedemikian tidak mempunyai status yang jelas dan haknya sebagai anak juga rumit dan kabur.

Semasa berlangsungnya perkahwinan, pihak suami wajib menghantar mahar yang selalunya dalam bentuk wang kepada pengantin perempuan. Wang itu sepenuhnya adalah hak miliknya dan tidak berhak diganggu oleh sesiapa walaupun ibu bapa. Pihak lelaki juga boleh menghantar wang hantaran berupa wang atau hadiah-hadiah kepada pengantin wanita pada hari perkahwinan bergantung pada kemampuannya. Hantaran ini menunjukkan perasaan gembira kedua-dua belah pihak telah menjadi kebiasaan atau adat yang selalu dipraktikkan dalam masyarakat Melayu.

Islam juga memberi hak kepada wanita jika berlaku perceraian. Pihak suami wajib menanggung nafkah dan tempat tinggal isterinya dalam tempoh idah atau tiga bulan selepas bercerai. Walaupun talak terletak di tangan suami, tetapi suami yang waras tidaklah boleh menceraikan isteri tanpa sebab yang kukuh. Pihak isteri juga boleh menuntut cerai jika suami gagal menjalankan kewajibannya memberi nafkah lahir batin kepada isteri. Perceraian boleh berlaku disebut cerai taklik. Isteri juga boleh menuntut cerai dengan cara

tebus talak iaitu pihak isteri membayar sejumlah wang kepada suaminya supaya dia diceraikan. Perceraian akan berlaku jika suami menerima bayaran itu. Satu lagi cara adalah dengan cara isteri menuntut fasakh daripada suami melalui pejabat kadi setelah ternyata suami gagal menjalankan tanggungjawabnya dan perkahwinan ini tidak dapat diselamatkan lagi.

Cara-cara perceraian itu menjamin isteri daripada terus terbelenggu dan teraniaya dalam perkahwinan yang tidak bahagia dan tidak boleh diperbaik lagi. Setelah perceraian terjadi, pihak suami wajib terus menanggung nafkah anak-anak sehingga mereka mampu berdikari.

Satu lagi perkara yang sering disebut dalam Islam ialah amalan poligami, iaitu lelaki mempunyai hingga empat orang isteri dalam suatu masa. Ada beberapa sebab yang mendorong poligami, antaranya kerana isteri tidak dapat melahirkan anak, isteri tidak mampu melayan suami kerana sakit atau suami mempunyai nafsu syahwat yang kuat. Alasan membenarkan lelaki berpoligami adalah untuk mengelakkan lelaki dan wanita Islam terjebak dalam hubungan sulit yang sangat ditegah oleh Islam.

Untuk mengamalkan poligami, suami disyaratkan mampu dan adil memberi nafkah kepada isteri. Keadilan yang disyaratkan mampu berlaku adil dalam soal maddi (zahir) iaitu tempat tinggal, makanan, minuman dan pakaian. Tetapi seseorang itu tidak berkemampuan berlaku adil seperti perasaan hati, kasih sayang, kemanjaan, gurau senda dan seterusnya iaitu perkara manawi (batin). Dalam praktis poligami setiap suami dituntut supaya berlaku adil dan seimbang setakat kemampuannya dalam perkara manawi itu.⁷²

Walaupun Islam membenarkan poligami, tetapi syarat-syaratnya sangatlah berat. Ini adalah kerana dalam ayat al-Qur'an telah dinyatakan bahawa suami tidak akan dapat berlaku adil kepada isteri-isterinya

walaupun dia berusaha untuk berlaku adil. Ayat al-Qur'an itu bermaksud; "Dan kamu tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu sekalipun kamu bersungguh-sungguh (hendak berlaku adil). Oleh itu janganlah kamu cenderung dengan melampau-lampau (berat sebelah pada isteri yang kamu sayangi) sehingga kamu biarkan isteri lain seperti benda yang tergantung. Dan jika kamu memperbaiki (keadaan pin-cang itu) dan memelihara diri (daripada perbuatan zalim), maka sesungguhnya Allah maha pengampun lagi maha mengasihi."⁷³

Namun demikian, walaupun poligami dihalalkan oleh Islam, poligami tetap kurang disenangi oleh sebilangan besar wanita. Ini adalah kerana kecenderungan suami untuk berlaku adil dalam semua hal sangat sukar dilaksanakan. Keadaan ini semakin jelas kepada lelaki yang kurang mengetahui syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syaria Islam.

Sebagai kesimpulan dapat dinyatakan bahawa hak wanita Islam dari segi sosial dan agama telah dijamin bagi kesejahteraan masyarakat. Tetapi dalam konteks kajian ini, kita akan melihat setakat manakah A. Samad Said dapat menggambarkan imej wanita dalam menghadapi perubahan sosial. Atau setakat manakah watak-watak wanita yang digambarkannya tertakluk pada peranan dan kedudukannya dalam sosiobudaya dan agama Islam, terutamanya dalam institusi keluarga dan masyarakat. Perkara ini merupakan bahan perbincangan Bab Tiga akan datang.

Konteks Zaman dan Masyarakat Manusia dalam Novel A. Samad Said

SEPERTI yang telah dinyatakan dalam Bab Satu, konteks zaman dan masalah masyarakat mempengaruhi novel-novel A. Samad Said. Antaranya, situasi sosial masyarakat Melayu Singapura, masalah yang dihadapi oleh orang yang dekat dengannya, seperti jiran dan keluarga sendiri, dan interaksi dengan masyarakat penulis di Singapura dan di Malaysia, terutamanya pada tahun 1960-an hingga 1994, dan pengaruh ini meninggalkan kesan nyata kepada pelukisan latar tempat, latar masa dan watak novel-novelnya.

Dalam bab ini gambaran masyarakat dalam sembilan buah novel diteliti berdasarkan empat kategori novel yang dinyatakan, iaitu pertama, novel sebelum Perang Dunia Kedua, kedua, novel semasa perang, ketiga, novel selepas perang dan novel selepas merdeka.

A. Samad Said menjalani kehidupan remaja hingga mula bekerja di Singapura. Kebanyakan novelnya yang dikaji di sini mengambil Singapura sebagai latar tempat. Beliau juga memilih beberapa kampung tradisi sebagai latar tempat novelnya yang menentukan corak sosial kehidupan watak-wataknya. Di tempat sedemikian digambarkan interaksi sosial berdasarkan semangat kekitaan yang kental dan tulen. Walaupun kampung itu tidak dinyatakan lokasinya secara jelas tetapi mempunyai kaitan dengan Singapura, sama ada me-

lalui hubungan kekeluargaan atau sebagai tempat mencari rezeki watak-wataknya. Novel yang mengambil latar kampung tradisi itu ialah *Adik Datang* dan *Keledang*. *Di Hadapan Pulau* pula mengambil latar tempat desa yang berhampiran dengan bandar. Seterusnya *Sungai Mengalir Lesu*, *Salina* dan *Di Mana Terbangnya* mengambil kota Singapura sebagai latar tempat pergolakan watak-wataknya. Novel selepas merdeka pula iaitu *Langit Petang*, *Daerah Zeni* dan *Hujan Pagi* mengambil Kuala Lumpur sebagai latar tempat.

Kehidupan sosial di kota digambarkan mempunyai ikatan kejiwaan yang longgar dan kawalan sosialnya lemah. Keadaan begini wujud lantaran sikap individualistik serta wujudnya jarak sosial antara individu. Situasi sedemikian terjadi kerana kebanyakan mereka datang ke daerah itu dari pelbagai tempat untuk mencari rezeki. Namun demikian tidak bermakna perhubungan mesra tidak terjalin langsung di antara mereka. Perasaan senasib sebagai perantau dapat mengeratkan persahabatan di antara individu dalam sesuatu kelompok masyarakat kota itu.

Latar tempat dan latar masa mewarnakan nasib watak wanita khususnya. Kecenderungan ini terpancar melalui pelukisan nasib, pandangan, pendapat dan harapan masyarakat (diwakili oleh watak-watak lain) terhadap mereka. Secara sedar juga A. Samad Said menunjukkan bahawa nasib manusia itu tidak dapat mengelak daripada dibentuk oleh keadaan. Dalam sesuatu situasi dan masa, manusia digambarkan terlalu kerdil untuk melawan keadaan. Kelebihan mereka ialah kemampuan menahan sabar ketika mengharungi derita fizikal ataupun derita jiwa.

NOVEL SEBELUM PERANG

Adik Datang

Dari segi masa, novel ini mengambil period akhir tahun

1930-an hingga awal tahun 1940-an, khususnya sebelum tentera Jepun berjaya menakluki Singapura. Bahang Perang Dunia Kedua mula dirasakan oleh penduduk kampung yang terletak di tepi pantai itu. Nama kampung itu tidak dinyatakan secara jelas, hanya dikenali sebagai kampung yang selama ini tenang (hlm. 15), di kampung pantai (hlm. 201, 210 dan 226) dan di kampung tepi pantai (hlm. 125).

Persediaan menghadapi peperangan bermula apabila sebuah kem askar Australia didirikan di kampung itu yang diketuai oleh Lt. Kenny Hawkins. Pagar kawat berduri direntang di sekeliling kem untuk memisahkan kem dengan kawasan kampung. Kem itu menjadi kawasan larangan dan orang kampung tidak dibenarkan menghampirinya dengan ugutan bahawa sesiapa sahaja yang memasuki kawasan khas itu akan ditembak.

Penduduk kampung itu melihat suasana kampung mereka berubah apabila lori askar makin banyak keluar masuk kampung membawa kelengkapan perang dan makanan. Beberapa buah *shelter* turut didirikan.

Sekolah mula ditutup dan dijadikan berek tentera. Tiga buah khemah besar didirikan di padang. Dua buah bilik darjah dan sebuah bilik stor kecil turut digunakan tentera - membayangkan bahawa sekolah tidak akan dibuka lagi. Bilangan askar semakin hari semakin ramai (hlm. 188). Penduduk di situ juga terpaksa hidup bergelap kerana tidak dibenarkan memasang lampu pada waktu malam bagi mengelakkan serangan kapal terbang musuh. Mereka hanya dibenarkan memasang lampu yang diserkup serombongnya dengan kain hitam.

Perintah bergelap itu menyulitkan hidup dan mengehadkan aktiviti harian masyarakat kampung itu. Antaranya kegiatan untuk bersembahyang jemaah di surau pada waktu malam terbantut, terutamanya di kalangan kaum lelaki. Kekurangan jemaah sangat terasa. Askar terus meronda dan menjengah surau lantas mengganggu perasaan para jemaah.

Kedatangan askar dan persediaan perang di kampung yang tenang itu dikontraskan dengan apa yang berlaku di Singapura yang turut menjadi latar tempat sekumpulan pelaut yang merupakan watak-watak novel ini. Bahang perang menyebabkan mereka mengganggu lantaran tiada syarikat perkapalan sama ada British, Belanda atau Cina yang menawarkan pekerjaan kepada mereka. Kapal-kapal tidak dibenarkan belayar ke laut dalam suasana yang tidak menentu itu. Keadaan resah dan rimas menguasai jiwa pelaut seperti Mokri (berasal dari kampung berhampiran kampung tepi pantai itu), Daim, Sayuti, dan Azlam. Keresahan golongan pelaut itu semakin bertambah kerana di Singapura mereka tiada tempat mengadu untuk meminta pertolongan. Bagi Mokri yang tidak berwang, dia terpaksa mencuri duit kawan dan mencari pekerjaan lain untuk meneruskan kehidupan.

Penduduk Singapura juga turut tunduk kepada perintah bergelap yang sekali gus mengehadkan ruang aktiviti harian mereka. Masa yang dicakupi dalam plot novel ini berakhir hingga tenggelamnya dua buah kapal perang British, *Prince of Wales* dan *The Repulse*, setelah dibom oleh Jepun 60 batu dari Kuantan (hlm. 303). Keadaan ini disimbolkan pada akhir novel sebagai burung dalam sangkar yang tersangkut di hujung surau kampung itu (hlm. 303).

Novel ini mempunyai dua latar tempat yang berbeza. Pertama di sebuah kampung kecil di pinggir laut yang meliputi 20 bab novel ini dan enam bab meliputi latar kota Singapura (novel ini mengandungi 26 bab). Kedua-dua tempat ini tidak dipisahkan oleh jarak geografi yang terlalu jauh. Malah watak daripada kedua-dua tempat ini saling berkunjung berdasarkan hubungan persahabatan, kekeluargaan, mencari hiburan atau mencari nafkah terutama di kota Singapura. Watak-watak ini tidak terpisah secara menyeluruh kerana dihubungkan oleh beberapa individu seperti Cikgu

Shahrom, Mokri dan beberapa orang pelaut yang sering berulang-alik di antara kedua-dua tempat ini. Berdasarkan dua latar tempat yang berbeza ini pengarang menyorot dua kelompok masyarakat yang juga berbeza, iaitu masyarakat desa dan masyarakat kota – khususnya kelompok pelaut yang tinggal di Singapura.

Masyarakat yang digambarkan dalam novel ini dapat dibahagikan secara kasar kepada dua kelompok, iaitu penduduk kampung tepi pantai dan penduduk kota Singapura pula dapat dibahagikan kepada dua: kelompok pelaut dan keluarga saudagar Arab, jiran pelaut itu. Corak hidup masyarakat di kedua-dua tempat menyerlahkan perbezaan yang sungguh nyata, terutamanya jika ditinjau dari sudut kekeluargaan dan cara hidup.

Masyarakat kampung di tepi laut itu menjalani hidup sederhana. Mereka mencari penghidupan dengan bekerja sendiri, menjadi saudagar kecil seperti Kamarudin, menjadi ustaz seperti Dzulkifli, tukang kayu seperti Mokhsen, yang juga bekas seorang pelaut, atau menjual nasi lemak seperti Nafiah.

Pengarang juga dengan jelas menunjukkan kehidupan masyarakat di kampung lebih kental hubungan kekeluargaan dan semangat kekitaan atau *esprit de corps*nya. Dalam masyarakat itu ahli keluarga merupakan penyokong semangat terkuat ketika menghadapi krisis hidup serta meringankan beban konflik jiwa yang dihadapi oleh ahli keluarga. Kebendaan juga bukan ukuran terpenting kepada erti kebahagiaan ahli keluarga. Pengorbanan, kasih sayang dan tanggungjawab kepada ahli keluarga lebih utama, yang akan dibicarakan dengan mendalam ketika membincangkan watak-watak novel ini kelak. Sebelum itu kita akan melihat latar masyarakatnya terlebih dahulu.

Kedudukan landskap kampung ini yang berhampiran laut dengan pemandangan indah dapat disamakan dengan kedamaian hidup penghuni kampung itu.

Lokasi ini tidak disia-siakan pengarang kerana ia berfungsi memberi penekanan kepada kedamaian dan ketenteraman hidup watak-wataknya. Walaupun landskap tidak sepenuhnya mempunyai hubungan sebab dan akibat kepada watak, namun masih mempunyai pertalian dengan ciri tersendiri watak sama ada persamaan atau menekankan kontras. Mengenai hal ini menurut Rimmon-Kenan: "*the analogy established by the text between a certain landscape and a character-trait may suggest a cause and effect relation*".¹

Sebagai contoh, dari sejak plot bermula di halaman pertama, pengarang membayangkan nasib Zalifah akan terus dirundung malang berdasarkan suasana alam yang digambarkan ketika Zalifah termenung di tepi pantai. Persamaan warna gelap langit yang terbentang di hadapan dan kelilingnya hampir-hampir sama dengan nasibnya yang kehilangan datuk (hampir tiga tahun tidak pulang) dan kematian ayah tiga bulan yang lalu itu digambarkan oleh pengarang dengan jelas:

Langit di hadapannya keruh - semakin jauh semakin malap. Di sebelah barat hampir semuanya hitam, diterangi sesekali hanya oleh kilat yang disusuli guruh. Zalifah berdiri di hadapan laut itu memerhatikan beberapa buah kapal yang berbalam jauh ... Memang semakin jauh segala-gala semakin diserapi awan hitam atau hutan (hlm. 1).

Dalam petikan di atas, peranan landskap dan keindahan alam digunakan secara *straight (based on similarity)*² oleh pengarang untuk menunjukkan nasib yang menimpa Zalifah. Gambaran alam muram dan mendung yang dilihat oleh Zalifah itu menggambarkan nasib Zalifah yang terus malang hingga ke akhir cerita apabila ibunya meninggal dunia ketika melahirkan adik Zalifah. Kesuraman suasana itu menguasai novel ini seterusnya. Nasib malang turut dialami oleh kebanyakan watak dalam novel ini seperti Mokhsen, Dzulkifli, Wagiman, Daim, Shahrom dan Suhaidah. Nasib malang

mereka bukan semata-mata kerana pengalaman hidup dan pergolakan jiwa mereka, malah dipersempitkan oleh keadaan bahang perang yang mula dirasai kesannya oleh mereka semua.

Keindahan dan kesuraman pemandangan darat kampung ini digunakan sepenuhnya oleh pengarang selari dengan *passing mood*³ watak-wataknya, antaranya Suhaidah. Wanita ini mudah berasa pilu dan hiba apabila berada di tepi laut dan melihat keindahan ombak seperti digambarkan dalam petikan berikut:

Bunyi ombak biasanya membawa kemesraan dan kesayuan pada waktu-waktu tertentu bagi Suhaidah. Tapi sejak kematian Hamid bunyi ombak sentiasa membawa kesayuan (hlm. 70) ... dia mula pilu terdengarkan suara ombak (hlm. 85).

Selain itu keindahan alam sekeliling digambarkan serasi dengan cara hidup tradisi yang tenang dan aman masyarakat kampung ini. Semangat kekitaan masih teguh, jalinan persahabatan di antara penghuni desa itu sangat rapat. Interaksi sosial dan komunikasi sering berlaku membolehkan mereka saling mengetahui masalah yang dihadapi oleh ahli kampung itu. Institusi surau menjadi tempat tumpuan pertemuan golongan lelaki khususnya. Di samping mengerjakan sembahyang mereka saling bertukar maklumat tentang hal ehwal semasa khususnya tentang perang yang akan meletus (hlm. 87-93). Selalunya berita terbaru dibawa oleh Shahrom, seorang guru pencen yang sering datang ke kampung itu untuk melawat saudara-maranya. Mereka juga sering berbincang mengenai kebajikan penghuni kampung itu.

Nasib Zalifah, gadis kecil anak sulung Suhaidah, yang sakit kerana merindui datuknya itu menarik perhatian mereka. Pelbagai usaha seperti menjampi serapah digunakan untuk menyembuhkan penyakitnya. Antara yang menolong dengan cara sendiri ialah Mohd.

Jaz, Prebet Jiman dan Wagiman yang mencerminkan sikap prihatin terhadap Zalifah yang malang itu.

Bagi watak wanita dalam novel ini digambarkan tidak banyak terlibat dengan kegiatan di luar rumah. Tambahan pula semuanya sudah berumah tangga atau janda. Hanya empat orang wanita muncul dalam plot cerita iaitu Suhaidah, Rasimah, Nafiah (penghuni kampung di tepi laut) dan Zakiah (tinggal di Singapura). Watak pertama dan kedua ini sering bertemu kerana mereka telah lama menjalin persahabatan. Mereka mempunyai masalah yang rumit (hal ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Bab Empat kelak). Nafiah dan Zakiah hanya watak sisipan.

Rumah Suhaidah sering menjadi tempat pertemuan tiga watak yang awal itu. Suhaidah sendiri digambarkan jarang bertandang ke rumah orang lain, mungkin kerana keadaan kesihatannya yang terjejas dan sedang mengandung pula. Dalam pertemuan mereka tidak banyak perkara kemasyarakatan yang dibincangkan. Keadaan ini sesuai dengan kedudukan mereka sebagai wanita tradisi di mana pergerakan dan pengetahuan tentang masyarakat luar sangat terhad. Topik perbincangan mereka sekadar perkara yang menyangkut masalah diri mereka sahaja.

Ketenangan hidup masyarakat kampung tepi pantai itu dikontraskan dengan cara hidup watak-watak yang tinggal di kota Singapura yang terdiri daripada sekumpulan pelaut yang datang ke Singapura untuk mencari rezeki. Singapura digambarkan sebagai sebuah kota yang sibuk dan ramai penduduknya yang berbilang bangsa (hlm. 198-200). Mereka ialah Daim, Azlam, Sayuti (berasal dari Jogjakarta) dan Mokri. Mereka berjiran dengan Syed Agil seorang saudagar intan berbangsa Arab. Hubungan mereka tidak pernah terjalin walaupun mereka hidup berjiran. Syed Agil terlalu menjaga status dan cemburu dengan gelagat pemuda pelaut itu yang cuba menggoda anak gadisnya, Syarifah Molok.

Daim dan kawan-kawannya tinggal menyewa di sebuah rumah di tepi laut. Mereka juga mangsa bahang perang apabila telah tiga bulan menganggur kerana tiada syarikat perkapalan yang mahu melepaskan kapal ke laut. Daim dan rakan-rakannya semakin resah kerana wang simpanan mereka berkurangan.

Suasana hidup di kota Singapura sebagai tempat mencari nafkah dan sikap ramai penghuninya yang mementingkan status digambarkan mewarnai hubungan hidup Daim dan kawan-kawannya dengan jiran mereka, Syed Agil, yang kaya-raya itu. Kedudukan sosial Syed Agil sebagai keturunan Arab begitu dijaga. Syed Agil seorang sahaja di daerah itu yang mempunyai kereta jenis Austin. "Dia sering bangun di tengah malam melihat kereta itu, khuatir kalau-kalau ada orang yang ingin merosakkannya atau lebih buruk lagi ingin mencurinya" (hlm. 113).

Sebagai seorang keturunan Arab, Syed Agil sangat kuat berpegang pada tradisi untuk menjamin kepekat-an darah Arab terus mengalir di tubuh keturunannya. Kemuliaan darah daripada titisan Nabi Muhammad s.a.w. sangat dipelihara. Oleh sebab itu dia menjaga anak gadisnya seramai tiga orang (dua orang telah dikahwinkan dengan pemuda Arab juga) itu dengan ketat. Mereka tidak dibenarkan keluar rumah. Semasa plot cerita bermula hanya tinggal Syarifah Molok (yang tidak wujud dalam aliran plot cerita) yang kecantikannya digilai oleh Daim dan rakan-rakannya. Syarifah Molok pernah dilihat mereka semasa gadis itu menjemur kain di belakang rumahnya.

Keangkuhan Syed Agil menyebabkan dia enggan bertegur sapa dengan pemuda jirannya yang dianggapnya kurang ajar dan tidak sedar di mana darjatnya (hlm. 114) walaupun mereka sering bertembung di jalanan. Malah dia mempercepat tarikh perkahwinan Syarifah Molok dengan seorang pemuda berketurunan Arab dari Betawi (hlm. 213).

Pergaulan muda mudi di kota Singapura begitu bebas seperti yang digambarkan melalui watak Azlam yang begitu mudah mendapat teman wanita peranakan India. Malah dia berjalan berbimbing tangan dengan wanita itu (hlm. 206).

Singapura juga pada akhir tahun 1930-an itu merupakan sebuah pusat hiburan. Melalui watak Sayuti, dia digambarkan melihat beberapa poster tentang kumpulan Bangsawan Tijah Din (atau Bangsawan Tairu), juga tentang pementasan bangsawan "Jula Juli Bintang Tujuh" (hlm. 193). Dalam salah sebuah rumah berhampiran dengan rumah sewaan mereka itu tinggal anak-anak wayang yang datang hampir silih berganti dari Tanah Jawa (hlm. 193).

Peti nyanyi sudah diperkenalkan di Singapura. Melalui watak Sayuti yang berjalan-jalan di tepi pantai dekat rumahnya dia mendengar lagu keroncong 28 nyanyian S. Abdullah yang merdu itu berkumandang dari sebuah rumah jirannya. Pada waktu itu hanya orang yang berada mampu memiliki peti nyanyi.

Terdapat beberapa buah panggung wayang turut menayangkan filem Barat dan filem Indonesia. Peluang menonton filem menyebabkan beberapa orang pelakon menjadi pujaan. Antara pelakon yang sering menjadi sebutan Daim dan rakan-rakannya ialah Raden Mochtar yang berlakon dalam filem "Gagak Hitam" pada tahun 1939. Semenjak itu Raden Mochtar menjadi pujaan ramai. Dzulkifli sendiri menuduh Mokri berlagak ingin menjadi Raden Mochtar (hlm. 107). Seniwati utama filem itu, Roekiah,⁴ turut dipuja ramai. Kecantikannya menjadi perbandingan kejelitaan wajah Suhaidah, watak wanita cantik dalam novel ini (hlm. 36, 107, 178).

Dari segi komposisi kaum di Singapura, dalam novel ini tidak terdapat watak bukan Melayu dalam plot cerita seperti yang sering dijumpai dalam novel A. Samad Said yang lain. Kehadiran beberapa orang Cina

penarik beca digambarkan sekadar menunjukkan latar masyarakat Singapura. Sekali gus gambaran ini mengukuhkan kemajmukan penduduk Singapura seperti yang digambarkan, “enam buah beca tarik masih berkumpul selenggok di situ. Penarik-penarik beca itu sedang berkumpul. Teck Chuan ... Kim Foo ... yang masih bertocang – dia yang paling tua” (hlm. 112). Gambaran begini dapat ditemui lagi di halaman 195 yang menunjukkan pengarangnya cuba merealisasikan lagi gambaran masyarakat Singapura ketika itu.

Latar masa, tempat dan watak digunakan secara padu oleh pengarang untuk menyerlahkan nasib watak-watak yang mencorakkan suasana kemasyarakatan novel ini. Pengarang secara jelas menggunakan plot watak dalam menggerakkan plot novelnya. Pendapat ini berdasarkan ciri yang ditunjukkan oleh novel *Adik Datang* yang “lebih menitikberatkan penggambaran dan pembinaan watak dan tidak memberikan tumpuan terhadap episod yang menarik atau terhadap kesatuan plot atau struktur”.⁵

Plot novel yang dibahagikan kepada 26 bab ini digerakkan oleh watak-watak yang berasal dari kampung tepi laut itu yang terdiri daripada 20 bab dan enam bab ditumpukan kepada watak yang tinggal di kota Singapura. Namun satu fakta yang jelas, novel ini tidak mengutarakan watak protagonis sebaliknya tumpuan cerita adalah kepada dua kumpulan watak yang hidup dalam suatu *fictional reality*⁶ iaitu masa sebelum Perang Dunia Kedua.

Plot cerita bertumpu pada dua kelompok watak. Pertama, yang tinggal di kampung tepi pantai dan kedua yang tinggal di kota Singapura. Jika diteliti secara mikro, watak-watak dari desa itu didapati mempunyai masalah dan kompleksiti jiwa dalam kehidupan masing-masing. Watak-watak di desa yang difokuskan oleh pengarang dapat dibahagikan kepada dua keluarga, iaitu pertama, keluarga Rashidi, seorang pelaut

yang ketika plot cerita bermula telah tiga tahun tidak pulang. Ahli keluarganya yang lain yang mempunyai peranan dalam plot cerita ialah Mokhsen, seorang bekas pelaut yang masih bujang, Suhaidah janda muda berumur 23 tahun baru kematian suami (ketika plot cerita bermula Hamid baru meninggal tiga bulan) serta sedang mengandung. Suhaidah mempunyai seorang anak perempuan yang menanjak remaja bernama Zali-fah. Zalifah menghadapi sakit jiwa akibat wujudnya kelompangan kasih sayang daripada *father figure* (Zali-fah sangat rapat dengan datuknya) dan setelah ayahnya meninggal dunia. Hanya kasih sayang melimpah daripada ibunya merupakan penawar duka Zalifah. Kehadiran Mokhsen bapa saudaranya yang berpenyakit (hlm. 2) tidak mampu menolong anak kecil itu. Akibatnya Zali-fah banyak melayan fantasi dengan mencipta imej datuknya dalam khayalannya.

Lantaran situasi keluarganya yang gawat dan pin-cang mendorong Mokhsen memikul tanggungjawab keluarga dengan membatalkan tujuannya untuk meneruskan kerja sebagai pelaut di Singapura. Padanya kepentingan keluarga melebihi keperluan material. Walaupun keluarga ini miskin, tetapi pengarang tidak menekankan gambaran kemiskinan dengan memperinci suasana fizikal sekeliling seperti keadaan bilik, rumah, suasana sekeliling rumah mereka. Sebaliknya pengarang menekankan suasana kemanusiaan untuk menunjukkan kemiskinan mereka seperti kehilangan ahli keluarga. Mereka terpaksa hidup di atas gadaian barang-barang kemas yang masih disimpan sebelum Mokhsen bekerja seperti kata Suhaidah, "masih ada gelang kaki, ada kerongsang ada barang kemas yang lain" (hlm. 76). Tidak pula diperincikan dari mana barang-barang kemas itu diperolehi, sama ada dibeli oleh Hamid, suaminya, atau pusaka peninggalan arwah ibunya.

Keluarga kedua yang difokus oleh pengarang ialah

keluarga Wagiman, seorang bekas pejuang Sarekat Islam di Indonesia yang melarikan diri ke Tanah Melayu setelah diburu oleh tentera Belanda dan menetap di kampung tepi pantai itu. Wagiman digambarkan, "Wagiman sebenarnya merasa tersisih, terputus daripada sesuatu yang pernah menjadi akar cita-cita atau azam hidupnya" (hlm. 148). Wagiman tinggal bersama-sama anaknya Mispan yang menderita penyakit angin ahmar dan menantunya Rusini yang tepok. Cucunya, Dzulkifli, seorang ustaz yang diharapkannya dapat meneruskan usahanya mengembangkan syiar Islam menerusi pengajaran agama di suraunya. Seorang lagi cucu Wagiman ialah Rasimah, seorang isteri teraniaya kerana mempunyai suami yang tidak bertanggungjawab dan pemukul isteri. Masalah rumah tangga yang dihadapi Rasimah begitu rumit apatah lagi apabila pada akhir cerita dia mengetahui asal usul dirinya.

Melalui tumpuan cerita kepada watak-watak daripada dua keluarga ini secara langsung pengarang cuba menunjukkan bahawa institusi keluarga di desa masih utuh dan berfungsi sebagai unit sosial terpenting dalam memberi contoh terbaik kepada kehidupan bermasyarakat. Sifat tanggungjawab kepada keluarga, kasih sayang dan kerjasama bermula dari rumah.

Selain watak-watak daripada dua keluarga ini, watak wanita lain hanya sekadar disebut sahaja seperti Ustazah Fidrisiah yang mengajar di madrasah yang diusahakan Dzulkifli (hlm. 110 dan 154). Tetapi watak ini tidak hadir dalam aliran plot cerita. Ustazah ini bercadang untuk berhenti mengajar ketika perang akan meletus. Bagi watak wanita hanya Nafiah, seorang janda yang mengaku berumur 33 tahun walaupun sebenarnya berumur 38 tahun, hidup berdikari dengan menjual nasi lemak.

Antara faktor yang menarik mengenai watak-watak dalam novel ini ialah, soal kemiskinan hidup mereka tidak ditonjolkan pengarang. Sebaliknya pergolakan

jiwa watak-watak yang lebih menjadi tumpuan pengarang. Ikatan kemasyarakatan melalui watak-watak digambarkan kuat dan kental di desa berbanding dengan kehidupan di kota yang lebih mementingkan darjat.

NOVEL ZAMAN PERANG

Di Hadapan Pulau

Dari segi masa, novel kecil ini (134 hlm.) membentangkan dua periode iaitu sebelum dan pada zaman Perang Dunia Kedua. Namun dalam periode sebelum Perang meletus, watak-watak yang tinggal di pekan kecil yang difokus dalam novel ini digambarkan mula mengalami dan melihat perubahan cara hidup yang berlaku di sekeliling mereka. Perang bermula selepas bom pertama tentera Jepun jatuh di pekan berdekatan di halaman 55. Selepas itu watak-watak digambarkan menjalani kesulitan hidup paling getir yang tidak pernah dirasakan oleh mereka sebelum ini, iaitu hidup pada zaman pemerintahan tentera Jepun.

Pada periode sebelum perang, antara perubahan yang terjadi di pekan kecil ini ialah pembinaan sebuah kem tentera Australia di tebing kanan sungai yang membahagi pekan itu kepada dua bahagian. Kem itu dipagar dengan kawat berduri yang dilapis kimpit-kimpit pasir yang disusun di sekeliling kem. Askar Australia semakin ramai di kampung itu. Semenjak itu kedengaran berita askar-askar Australia itu mula mengusik gadis termasuk Wan Rohani (hlm. 11).

Penduduk pekan itu mula diajar dan menjalani latihan menyelamatkan diri jika berlaku serangan udara. *Shelter* atau tempat perlindungan mula dibuat di sekitar kawasan pekan, dan penduduk diajar cara menggunakannya terutama ketika siren dibunyikan. Penduduk di situ tidak dibenarkan memasang pelita tanpa diser-

kup serombongnya dengan kain hitam, "kerana di waktu malam tidak dibenarkan walau sekelip api pun" (hlm. 40).

Siren yang terlalu kerap dibunyikan telah menyulitkan dan menjejaskan mata pencarian nelayan seperti Raihan dan Zuber, malah mereka tidak digalakkan ke laut. Begitu juga Syed Fikri, seorang penjual batu akik dan minyak atar telah kehilangan mata pencarian. Penduduk kampung kecil dan sekitarnya mula berubah, "Orang kelihatan mulai takut dan khuatir. Ramai yang mula bersikap menyendiri, dan tidak kurang pula yang mula gelojoh membeli-belah, dan berhitung-hitung, walaupun dengan setin dua beras" (hlm. 19).

Selain Syed Fikri, Raihan dan Zuber, Joyah juga kehilangan pekerjaan apabila kedai makan tempat dia bekerja ditutup kerana bahan-bahan jualan semakin sukar didapati di samping harganya mahal dan pelanggan semakin kurang.

Suasana itu menyebabkan kawasan sekitar kampung bertambah sunyi kerana penduduk takut keluar rumah. Aziz yang berumur 12 tahun sudah jarang bertemu dengan kawan-kawan, melainkan Afidah yang tinggal bersama-sama datuknya. Sekolah turut tersekat apabila lalu lintas antara dua tebing sungai yang dihubungi jambatan itu semakin sulit kerana setiap orang yang melintasinya akan diperiksa oleh askar yang bertugas di situ. Pada waktu beginilah kaum wanita sering diusik oleh askar-askar itu (hlm. 17).

Barang makanan semakin sukar didapati kerana kedai banyak ditutup. Orang tua seperti Syed Fikri yang hidup bersendirian cuba mencari makanan dalam hutan berhampiran. Kesukaran mendapatkan makanan ini juga membuka kesedaran Syed Fikri yang selama ini mensia-siakan dan membiarkan tanah di sekeliling pondoknya semak dengan lalang. Kini tanah perlu dihargai sebaik-baiknya (hlm. 48) dan ditanam dengan bahan-bahan makanan.

Bagi golongan pendatang di kampung itu, seperti Dorani dan Tuk Marzuki (kedua-duanya berumur 50-an dan berasal dari Merlimau, Melaka), kesulitan mendapat makanan di situ mendorong mereka pulang ke kampung. Ini adalah kerana mereka membayangkan bahawa dalam keadaan kekurangan makanan itu penduduk di kampung lebih mudah mendapat makanan dibandingkan dengan mereka yang tinggal di bandar. Akhirnya Tuk Marzuki seorang sahaja pulang ke Merlimau untuk mencari beras dan gula Melaka kerana Dorani kurang sihat. Tetapi akhirnya dia pulang membawa dua cupak beras dan tanpa gula Melaka.

Kehidupan yang semakin sulit kerana kehilangan punca pendapatan menyebabkan kem askar Australia menjadi tempat tumpuan orang kampung itu sama ada di kalangan lelaki atau perempuan mencari pekerjaan. Secara tidak langsung pengarang menunjukkan, dalam keadaan segenting itu wanita yang tidak ada tempat bergantung, seperti Taksiah yang janda dan Joyah yang mempunyai suami yang tidak bertanggungjawab, terpaksa berdikari. Namun demikian digambarkan tidak ramai yang berjaya mendapat pekerjaan di sana. Akhirnya hanya Joyah dan Taksiah berjaya hasil daripada bantuan Rahmat, salah seorang yang bekerja di sana, yang juga kenalan Taksiah.

Tetapi mereka tidak lama bekerja di kem itu apabila Jepun memenangi peperangan dan askar Australia itu dikalahkan seperti digambarkan dalam Bab Lapan novel ini. Jepun pula menduduki kem tersebut. Semenjak itu kesengsaraan yang bemula pada zaman sebelum perang semakin bertambah dengan kekejaman pemerintahan tentera Jepun.

Kehidupan kampung kecil itu semakin terhimpit pada zaman pendudukan Jepun, terutama apabila hak asasi manusia dicabul. Antaranya, kemudahan mendapatkan makanan hampir tiada lagi. Kesulitan ini menyebabkan semakin ramai rakyat menderita penya-

kit beri-beri dan tokak akibat kekurangan zat makanan. Mereka digambarkan sanggup mencuri tanaman seperti yang berlaku pada tanaman Syed Fikri malah monyet Mak Ketong dicuri untuk dijadikan makanan.

Pada zaman perang ini moral manusia berada di ambang kemerosotan yang begitu rendah. Ini adalah kerana "di zaman perang itu untuk mendapatkan makanan tidak boleh lagi meminta-minta, kerana masing-masing cuba menjaga perut sendiri dan masing-masing juga mempunyai tanggungjawabnya" (hlm. 118).

Oleh sebab perlukan makanan juga Rosiah seorang gadis yang "baik dan pemalu, alim dan sopan santun" (hlm. 22, 122) ditemui Aziz mengadakan hubungan sulit dengan seorang "lelaki yang bukannya sojar Jepun" (hlm. 121) di kawasan perkuburan.

Pengarang menggambarkan kesengsaraan watak-watak novel ini pada zaman perang melalui sudut pandangan orang ketiga. Ketika zaman pemerintahan Jepun "ada orang yang mula memakai guni terutama buruh-buruh Jawa yang dibawa Jepun ke Singapura dan dibiarkan menderita, merayau-rayau mencari makanan sendiri" (hlm. 129).

Kehidupan masyarakat kampung itu bertambah derita ketika tentera Jepun menduduki kem tentera Australia itu. Mereka mengalami kesengsaraan dan kekejaman yang tidak pernah dirasakan dan dilihat sebelum ini. Dalam minggu pertama penaklukan Jepun, penduduk kampung di sekitar kem dikerah, dipaksa dengan hujung benet membersihkan sisa dan kesan serangan bom Jepun dan menanam mayat-mayat. Mereka dipaksa bekerja tanpa mengira umur. Ketika inilah ramai penduduk kampung, terutama Syed Fikri, menilai dan melihat kekejaman askar Jepun yang digambarkan sebagai "pendek-pendek, bermisai, berjambang, bertopi terperosok, bersenjata benet yang berkilat. Tidak ternampak sebarang senyum" (hlm. 90). Dengan tindakan yang kejam dan kasar askar-askar itu

"Syed Fikri mula mempersoalkan janji Jepun untuk melaksanakan cita-cita membebaskan rakyat negara yang baru dijajahnya" (hlm. 94). Penduduk yang lambat mengikut dan keliru dengan keadaan yang tidak diduga itu terus dibunuh atau dicerderakan. Mangsa-mangsa yang terbunuh terus ditanam dalam kubur yang cetek.

Di samping itu, Dorani, dibawa ke tempat yang tidak diketahui untuk membersihkan kesan-kesan perang. Dia dipaksa bekerja tanpa cukup rehat dan makan. Bagi orang tua seperti Dorani, pengalaman bekerja dengan Jepun itu sangat menakutkan melebihi pengalamannya - ketika diserang perompak suatu ketika dulu (hlm. 109).

Bagi golongan wanita seperti Wan Rohani, Rosiah dan Taksiah beserta beberapa wanita lain, mereka juga dibawa ke sebuah kem yang tidak diketahui untuk membasuh dan menjemur pakaian askar. Di sini mereka diganggu oleh askar Jepun.

Dibandingkan dengan latar tempat novel *Adik Datang* yang merupakan sebuah kampung tradisional, novel *Di Hadapan Pulau* ini mengambil latar tempat sebuah kampung yang letaknya tidak jauh dari bandar. Tidak dicatatkan nama kampung itu dengan jelas. Di kampung itu terdapat sebaris bengkel dan stor, sebuah sekolah dan sebuah kedai kecil di tepi titian berhadapan dengan sebuah pulau bernama Pulau Jakun atau Petapa yang tidak berpenghuni (hlm. 13). Di kampung itu terdapat juga sebuah surau (hlm. 54). Selain itu ada kedai todi terletak di sebelah timur, sederet kedai makanan di kanannya dan terdapat sebuah stesen kecil perhentian trem menghubungkan kampung itu dengan bandar yang tidak dinyatakan namanya. Terdapat juga sebuah perhentian beca tarik yang kebanyakannya dikendalikan oleh orang Cina.

Kemudahan infrastruktur dan kehadiran orang Cina sebagai penarik beca juga menunjukkan lokasi dan kedudukan kampung itu yang tidak jauh dari bandar

besar. Walaupun orang Cina itu tidak terlibat secara langsung dalam plot cerita, namun kehadiran mereka memberi gambaran komposisi masyarakat majmuk di bandar. Pengarang juga menggambarkan beberapa orang India menjadi tuan punya kedai makan dan pemilik kedai todi di kampung itu. Namun demikian ternyata tumpuan cerita lebih kepada sekumpulan watak Melayu penghuni kampung itu.

Penduduk kampung itu mencari penghidupan dengan bekerja sebagai nelayan, menjual kopi, pekerja kedai dan penjual batu akik. Majoriti penduduknya terdiri daripada orang Melayu yang sebahagiannya datang dari luar kawasan itu seperti Tuk Marzuki dan Dorani yang berasal dari Merlimau, Melaka. Aziz dan keluarganya datang dari "kampung" (hlm. 1) yang tidak dinyatakan dengan jelas oleh pengarang. Soejoyono dan isterinya Potimah pula berasal dari Tjakung, Jawa. Soejoyono seorang bekas ahli Sarekat Islam telah melarikan diri apabila diburu Belanda kerana terlibat dalam tunjuk perasaan menuntut kenaikan upah mengerjakan sawah di Tjakung. Dia dan isterinya datang ke kampung itu dengan menaiki sampan untuk memulakan hidup baru (hlm. 100). Mereka mempunyai seorang anak bernama Razip. Begitu juga dengan Syed Fikri, seorang lelaki tua keturunan Arab, datang ke kampung itu setelah isterinya Syarifah Zahariah meninggal dunia (hlm. 33). Dia mendapat tempat istimewa di hati Aziz, seorang anak yatim piatu yang memerlukan kasih sayang.

Suasana kemasyarakatan kampung itu tidak sama dengan masyarakat kampung tradisional dalam *Adik Datang* yang mempunyai semangat *esprit de corps* yang kental dan tulen. Hubungan antara ahli masyarakat kampung "di hadapan pulau" itu tidak terlalu rapat. Mereka lebih banyak menjalani hidup sendiri seperti yang dinyatakan oleh Syed Fikri sendiri, "Dia rasa ramai orang terlalu sibuk dengan urusan sendiri-sendiri

sehingga tidak mengambil berat tentang latar belakang orang lain. Siapa tahu latar belakangnya [Syed Fikri] sendiri, misalnya" (hlm. 15). Tambahan pula dengan jenis pekerjaannya yang memerlukan dia sentiasa keluar rumah untuk menjaja barangannya menyebabkan dia tidak sempat mengenal ahli masyarakat kampung itu. Hanya setelah perang meletus keadaan hidupnya mula berubah apabila dia lebih banyak tinggal di rumah kerana barang jualannya tidak laku. Keadaan ini memberi peluang dia menjalin hubungan lebih rapat dengan kanak-kanak, terutamanya Aziz dan kawan-kawannya. Namun orang di pekan kecil itu membantu Mak Ketong dengan membina sebuah *shelter* yang berhampiran dengan rumahnya untuk memudahkannya menyelamatkan diri dan membawa cucu-cucunya Oden dan Hamid. Orang pekan itu turut mencari dan menemui Tuk Marzuki meninggal akibat terkena bom ketika berlindung di *shelter* dan ramai yang bersimpati dan menenangkan Afidah cucunya.

Sama seperti novel yang dibincangkan sebelum ini, mengenai peranan latar tempat, dalam novel ini juga A. Samad Said tidak menggunakan teknik ironi iaitu "menyebut atau mengucapkan sesuatu berlainan daripada realiti atau kenyataan yang sebenar".⁷ Keadaan ini jelas jika diteliti pada latar tempat dalam *Adik Datang*, iaitu sebuah perkampungan tradisional, watak-wataknya digambarkan hidup harmoni dengan institusi keluarga yang teguh. Sebaliknya watak dalam *Di Hadapan Pulau* yang berlatarkan kampung perantau, hubungan anggotanya kurang rapat, kebanyakan wataknya datang daripada keluarga yang berpecah-belah, tidak bahagia dan hidup bersendirian.

Antara contohnya ialah Afidah. Gadis kecil ini ialah mangsa perceraian kedua-dua ibu bapanya yang tinggal di Merlimau Melaka. Afidah dibawa tinggal dengan datuknya, Tuk Marzuki, di kampung itu. Begitu juga dengan Aziz yang kematian ibu bapa dan terpaksa ting-

gal dengan mak ciknya, Joyah.

Mak Ketong pula memelihara dua orang cucunya yang masih kecil: Oden, cucunya yang kecil sekali (setahun) selalu sakit-sakit dan Mid (Hamid) – dua tahun setengah, terkenan, kepalanya besar (hlm. 41). Di sekitar watak-watak inilah plot cerita ini bergerak. Ini adalah kerana novel ini juga tidak mengutarakan protagonis atau watak utama. Menurut pendapat Friedman protagonis ialah:

*the one without whom the structure of the action would cease to function; the one upon whom the causes of the action fall, and from whom its consequences flow; the one who undergoes the major changes; the one whose career serves as the chief focus of interest; the one around whom all else in the plot resolves.*⁸

Tidak ada seorang watak pun dalam novel ini yang mempunyai ciri-ciri yang disebut oleh Friedman dan dapat dianggap sebagai protagonis. Sebaliknya tumpuan plot novel terarah kepada nasib sekumpulan watak yang hidup dalam periode perang itu. Walaupun plot cerita bermula dengan memberikan tumpuan pada Aziz, seorang kanak-kanak berusia 12 tahun tetapi plot kemudiannya terarah kepada beberapa orang watak lain dalam novel ini seperti Tuk Marzuki, Taksiah, Syed Fikri dan Afidah. Watak wanita sekadar watak sampingan sahaja seperti Joyah dan Taksiah.

Hasil daripada penelitian, dapat dipastikan bahawa plot novel ini tidak bertumpu pada protagonis (kerana tidak ada protagonis) sebaliknya pada sekumpulan watak yang mengharungi hidup pada zaman sebelum perang seterusnya pada zaman pendudukan Jepun. Nasib mereka bertambah buruk dari awal hingga ke akhir cerita. Kegetiran nasib itu terpaksa ditanggung akibat daripada perkara-perkara yang berlaku di luar diri mereka atau *external circumstances*.⁹ Oleh sebab itu wajarlah dikatakan novel ini menggunakan plot nasib

yang digerakkan oleh watak-wataknya yang dapat dibahagikan kepada tiga kelompok. Walaupun masing-masing pada dasarnya mempunyai masalah peribadi sendiri, tetapi digambarkan nasib mereka bertambah buruk akibat perang yang mengubah cara hidup dan nasib mereka keseluruhannya.

Kelompok pertama merupakan kanak-kanak yang diwakili oleh Aziz, Afidah, Lazim dan Razip. Kelompok kedua pula dibahagikan kepada dua kategori, iaitu, pertama, individu yang belum berumah tangga diwakili Raihan, Zuber, Wan Rohani dan Rosiah. Golongan yang telah berumah tangga pula termasuk Joyah, Taksiah dan Budin. Golongan ketiga terdiri daripada golongan tua seperti Tuk Marzuki, Dorani, Syed Fikri dan Mak Ketong.

Semasa plot novel bermula Aziz baru dua bulan kematian ayahnya, Agil, dan tinggal bersama-sama mak ciknya, Joyah. Mak ciknya itu hilang pekerjaan sebelum perang meletus lagi. Suaminya, Budin, pula digambarkan tidak bertanggungjawab, pemabuk dan pemukul isteri dan kerap tiada di rumah. Plot cerita dimulakan pada halaman 1 dengan Aziz merenung laut itu mempunyai persamaan dengan permulaan novel *Adik Datang* yang dimulakan dengan watak Zalifah termenung di tepi pantai. Tetapi nasib masa depan Aziz tidak dianalogikan dengan langit gelap seperti nasib Zalifah, sebaliknya digambarkan Aziz "memerhatikan laut yang tenang, dia memerhatikan pulau kecil di hadapannya" (hlm. 1). Pulau yang bernama Pulau Jakun atau Pulau Petapa itu tidak didiami orang, malah pulau itu menjadi misteri yang membangkitkan keinginan Aziz untuk menjejakkan kaki ke sana. Tiga bab yang awal daripada 12 bab novel ini diakhiri dengan ayat yang menggambarkan keinginan Aziz itu. Bab pertama ditutup dengan suruhan Tuk Marzuki supaya Afidah memberitahu Aziz rancangannya, "Beritahu datuk nak jumpa, beritahu kita boleh pergi ke pulau tersebut"

(hlm. 17). Bab tiga diselesaikan dengan ayat, "Aziz tidak dengar kata-kata tersebut. Matanya ke pulau itu" (hlm. 30). Hanya pada bab akhir novel ini, iaitu Bab 12, dinyatakan, "Aziz terbayang-bayang semula pulau di hadapan titian yang selalu dilawatinya. Barangkali inilah ketikanya mereka terpaksa pergi – baik berkolek, baik apa cara saja – ke pulau tersebut" (hlm. 134).

Dari segi plot cerita, pulau ini disamakan dengan nasib Aziz yang tertutup dalam misteri. Semenjak halaman 1 novel ini, Aziz digambarkan sebatang kara. Walaupun dia mempunyai ayah, iaitu Agil, tetapi ayahnya telah meninggal dunia. Aziz tidak pernah menemui ibunya. "Dia hanya tahu dia mempunyai seorang adik di kampung, tapi tidak pernah menjumpainya. Mak ciknya hanya berjanji saja" (hlm. 1).

Kedudukan watak Aziz yang berada dalam misteri ini memancing perhatian pembaca untuk melihat bagaimana dia menjalani hidup seterusnya, terutama pada zaman perang. Dari sudut kemasyarakatan pula, pengarang menunjukkan Aziz berada dalam kekosongan kasih sayang yang diperlukannya sebagai kanak-kanak. Pesanan arwah ayahnya supaya dia hidup berdikari menjadi pegangannya. Hanya selepas rapat dengan Syed Fikri dia berasa selamat dan banyak belajar ilmu agama atau cara menjalani hidup dalam zaman perang.

Seorang lagi watak kanak-kanak yang banyak disorot hidup dan jiwanya oleh pengarang ialah Afidah, yang juga sebatang kara selepas datuknya Tuk Marzuki meninggal dunia. Persamaan nasib antara Aziz dengan Afidah mengukuhkan persahabatan mereka dan saling membantu dalam menghadapi kesulitan hidup pada zaman perang yang meninggalkan kesan jiwa kepada dua sahabat ini. Ketika keadaan perang semakin meruncing, kedua-dua mereka keluar dari rumah sejak awal pagi untuk mencari makanan. Pengalaman getir ini menjadikan mereka cepat dewasa malah penderitaan telah mengajar mereka untuk mengasihi manusia

lain, "mengajar untuk memaklumi penderitaan orang lain" (hlm. 126). Antaranya Afidah dan Aziz membantu Mak Ketong mengurus cucu-cucunya, terutamanya ketika terpaksa berlindung di dalam *shelter*.

Semakin lama di bawah pemerintahan Jepun kehidupan rakyat semakin sengsara, penyakit akibat kekurangan zat makanan seperti tokak dan beri-beri mula merebak. Antara yang penting ialah semakin ramai orang kampung itu menghilang diri mungkin mencari kehidupan di tempat lain terutama yang bukan penduduk tetap kampung itu, antaranya Soejoyono dan keluarga, Syed Fikri, Raihan dan Zuber.

Sebagai kesimpulan dapatlah dikatakan kehidupan masyarakat dalam novel *Di Hadapan Pulau* menderita fizikal dan spiritual. Semasa novel ditamatkan, kapal terbang Amerika dan Inggeris semakin sering terbang di ruang angkasa kampung mereka. Tetapi akibat penderitaan dan kelaparan yang tidak tertanggung, mereka digambarkan mula bersikap pasrah bahawa maut akan tiba walau di mana mereka berada. Semasa novel ini berakhir, Mak Ketong, Aziz dan Afidah mendengar semboyan bahaya dibunyikan. Tetapi mereka tidak lagi bersedia untuk pergi ke *shelter* sebaliknya menunggu sahaja di rumah walaupun mereka mendengar kekecohan manusia di sekeliling (hlm. 134).

Keledang

Masa yang diliputi oleh novel ini ialah periode pemerintahan tentera Jepun. Suasana perang memberi kesan besar kepada kehidupan penduduk kampung Bukit Keledang terutamanya kerana terdapat sebuah kem Jepun di kampung mereka. Jepun menyekat kebebasan penduduk kampung untuk pergi ke hutan di sekitar kampung itu. Di beberapa bahagian hutan yang mengelilingi kampung itu terpacak papan larangan dengan

amaran bahawa sesiapa yang melanggar larangan akan ditembak (hlm. 48).

Pemerintahan Jepun ini memberi kesan langsung kepada kehidupan kanak-kanak Bukit Keledang. Bunyi siren yang tidak menentu menyebabkan ibu bapa melarang anak-anak mereka berkumpul dan bermain kerana bimbang keselamatan mereka. Kebebasan berjumpa dan bermain kanak-kanak juga turut terjejas kerana sekolah telah ditutup. Mereka dapat berkumpul semula hanya apabila kelas belajar bahasa Jepun mula diperkenalkan di kampung mereka. Pengajaran bahasa Jepun itu merupakan rancangan Jepun menyebarkan budayanya kepada penduduk di bawah perintahnya.

Surau kampung mereka digunakan sebagai tempat belajar. Keadaan ini menimbulkan rasa kurang senang penduduk kampung itu berikutan tindakan Takarada, pegawai yang mengajar itu tidak menghormati tempat ibadat. Takarada masuk ke surau tanpa membuka butunya terlebih dahulu. Tetapi sebagai anak jajahan, penduduk kampung tidak berdaya menegakkan kesucian tempat ibadat mereka.

Pada zaman pemerintahan Jepun juga berlaku perubahan demografi yang jelas. Keadaan ini dilihat daripada kurangnya jumlah jemaah yang beribadat di surau kerana ramai yang pergi ke tempat lain yang dianggap lebih selamat. Tambahan pula surau turut dicurigai apabila askar Jepun sering datang melihat kegiatan yang diadakan.

Keadaan pada zaman perang itu menyebabkan watak-watak digambarkan lebih berhati-hati dan lebih banyak berfikir tentang diri dan keluarga sendiri. Situasi ini sama seperti yang dialami oleh watak-watak dalam novel yang dibincangkan sebelum ini seolah-olah ia suatu gambaran realiti yang serupa dalam zaman pemerintah Jepun itu.

Keadaan dan suasana masyarakat yang begitu menyebabkan kehilangan Omar, suami Hendon, tidak

diusahakan pencariannya dengan lebih bersungguh-sungguh dan sepenuhnya oleh masyarakat kampung itu.

Walaupun watak-watak di kampung itu digambarkan tidak menderita kekurangan barang makanan seperti yang dialami oleh Aziz, Afidah dan Mak Ketong dalam *Di Hadapan Pulau*, pengarang menggambarkan penderitaan itu dialami oleh Abas dan sekumpulan penduduk kampung berhampiran. Abas menderita penyakit beri-beri kerana cara hidup bergelandang dalam hutan menjejaskan kesihatannya.

Melalui watak Abas pula digambarkan sekumpulan orang yang tidak dikenalnya mencuri bekalan makanan dalam tin yang tersimpan dalam gerabak kereta api Jepun. Ini termasuklah watak seorang wanita yang mempunyai dua orang anak kecil yang dua hari tidak makan. Askar Jepun menembak orang yang terlibat dan mereka yang menjadi korban agak ramai. Abas sendiri turut tertembak ketika dia cuba membantu wanita itu. Akhirnya tembakan itu menyebabkan Abas mati sendirian dalam hutan.

Latar tempat dalam novel ini ialah kampung Bukit Keledang yang terletak satu setengah batu dari jalan raya. Terdapat sebuah tasik berhampiran dengan kampung itu, dan tidak jauh dari situ terdapat pula sebuah kem Jepun.

Walaupun tidak digambarkan penduduk kampung itu mengerjakan sawah atau tanaman lain, mereka digambarkan tidak menghadapi masalah kekurangan makanan yang teruk. Ini adalah kerana mereka masih mendapat sumber makanan dari hutan dan tasik yang berhampiran.

Kampung Bukit Keledang merupakan sebuah kampung kecil, tradisional dan tidak berapa jauh dari Singapura berdasarkan komunikasi beberapa penduduk kampung dengan kota itu. Antaranya Zahabudin dan adiknya Zaiton yang tinggal di Singapura. Zahabudin

kerap ke Singapura untuk melawat adik dan ibunya, Zaharah, yang tinggal bersama-sama Zaiton. Zaiton dipujuk pulang ke kampung Bukit Keledang apabila Singapura semakin kerap dibom tentera Bersekutu. Tambahan pula Bidin, suami Zaiton, dipenjarakan kerana terlibat dalam suatu kes curi.

Suasana dan kesan pendudukan Jepun terhadap Kampung Keledang dan Singapura dapat dibandingkan berdasarkan pengalaman Zahabudin. Menurutnya, keadaan di Singapura lebih teruk kerana kekurangan bahan makanan.

Sama seperti "kampung tepi pantai" latar tempat novel *Adik Datang*, Kampung Bukit Keledang ini juga merupakan sebuah kampung tradisi penempatan orang Melayu. Tidak wujud masyarakat majmuk di sini.

Latar tempat ini secara tidak langsung menentukan corak hidup masyarakat dalam novel ini. Kebanyakan watak novel *Keledang*, seperti Hendon sekeluarga, Lebai Husni dan Faridah sekeluarga merupakan penduduk tetap kampung itu. Nenek moyang mereka merupakan penduduk asal kampung itu dan telah dikuburkan di kawasan perkuburan yang terletak di belakang surau kampung mereka. Di situ juga terdapat kubur dua orang pendakwah agama kampung mereka iaitu Fakhruddin dan kawannya Habib Mustapha.

Dari segi interaksi sosial, hubungan penduduk kampung digambarkan begitu rapat dan saling mengenali atau bersemuka. Ini adalah kerana masyarakat kampung itu mempunyai hubungan sosial berasaskan ikatan kekeluargaan dan persahabatan rapat yang lama terjalin. Di samping itu mereka diikat oleh sifat mengengang budi. Hasil kesepaduan hidup pada zaman pemerintahan Jepun menyerlahkan semangat kekitaan atau *esprit de corps*, tolong-menolong yang masih kental dalam pemikiran dan cara hidup mereka. Kesepaduan sosial itu melibatkan kesepakatan berhubung matlamat, norma dan peranan kelompok itu.¹⁰ Kesepaduan

sosial merupakan angkubah utama dalam menentukan gerak-geri manusia dan merupakan suatu sokongan psikologi kepada anggota masyarakat untuk menghadapi pelbagai krisis kehidupan. Ia juga dapat meringankan kegelisahan dan tekanan hidup dan seterusnya mengurangkan kesan krisis terhadap individu berkenaan.

Selain itu ajaran agama Islam yang menggalakkan umatnya mewujudkan, memupuk dan memelihara kesepaduan sosial digambarkan melalui watak-watak yang berwibawa iaitu Rosli dan Lebai Husni. Mereka berdua merupakan wakil golongan tua yang alim dan dihormati di kampung itu, yang dapat digolongkan sebagai berkewibawaan tradisi.

Kesepaduan sosial yang kukuh di kampung tradisi memberi kesan besar kepada Hendon yang kehilangan suaminya, Omar. Semasa plot novel ini bermula, Hendon yang sedang mengandung kehilangan suami yang tidak diketahui ke mana dan mengapa dia pergi. Hendon terus mendapat simpati dan rumahnya sentiasa dikunjungi masyarakat kampung seperti Rosli, Lebai Husni, Zahabudin dan Sulaiman. Abas yang mengalami penyakit jiwa dan tinggal dalam hutan datang juga menjengahnya. Mereka juga turut mencari Omar di sekeliling kampung itu.

Selain kerana semangat kekitaan yang kuat, watak-watak itu digambarkan sangat terhutang budi kepada Omar yang banyak membantu mereka ketika berada dalam kesulitan. Lebai Husni tidak dapat melupakan jasa Omar menemaninya ke Johor mencari keluarga anaknya yang menjadi mangsa bom Jepun. Kebaikan budi Omar digambarkan "orang lain semuanya tak sedia, tapi dia (Omar) sanggup menolong. Dialah yang membawa Lebai Husni yang terketar-ketar tu ke Johor. Berapa kali turun naik bas, berapa kali kena sekat, berapa kali menjelanak dalam paya, longkang dan *shelter* untuk mengelakkan malapetaka" (hlm. 16). Oleh sebab itu tidak mudah bagi Lebai Husni melupa-

kan budi baik Omar, malah terus dikenangnya setiap kali terpendang Ehsan, anak Omar, yang memiliki wajah yang sangat mirip dengan ayahnya.

Melalui cerita Rosli kepada Ehsan, Omar juga pernah menggadai nyawanya untuk menyelamatkan Maarof yang tembun tubuhnya daripada mati lemas di tasik (hlm. 16).

Hendon dan anak-anak tidak dibiarkan sebaliknya selalu dijengah. Kehidupan sosial Hendon selepas kehilangan Omar digambarkan dalam ayat ini:

Walaupun tidak ke mana, Hendon masih kerap mendapat berita dari Ehsan dan Jenab Begok. Sese-kali Rosli dan Lebai Husni datang menjengah, mem-berikan kata-kata perangsang dan penghibur. Abas juga datang melawat (hlm. 54).

Zahabudin pula membantu Hendon untuk mengurus soal bidan ketika Hendon akan melahirkan anaknya yang ketiga. Katanya "soal bidan itu aku uruskan" (hlm. 125). Jenab Begok pula membantu Hendon ketika me-lahirkan bayinya itu.

Kesepakatan hidup masyarakat kampung itu begitu terserlah ketika Jenab Begok jatuh sakit setelah mendengar khabar anaknya dimasukkan ke hospital setelah kampung Wak Tanjung tempat anaknya tinggal itu dibom British. Cerita malang Jenab Begok tersebar dengan cepat ke seluruh kampung dan diterima dengan penuh simpati. Apabila sakitnya bertambah teruk, Zahabudin, Rosli, Sulaiman dan Maarof membawanya ke hospital di bandar (tidak dinyatakan namanya). Mereka memapah Jenab sejauh satu setengah batu untuk sampai ke jalan raya bagi menunggu bas. Penga-rang berjaya menunjukkan betapa sulitnya membawa Jenab tanpa menggunakan alat yang sesuai atau ken-deraan. Tambahan pula dalam keadaan jiwa Jenab yang begitu gundah lantaran berita nasib malang anaknya itu.

Kesulitan menunggu bas yang datang sejam satu ditambah lagi dengan penumpang yang penuh sesak, berjalan merengok dan ada yang duduk di bumbung bas (hlm. 102) sangat terasa. Namun demikian kesulitan itu digambarkan tidak menghalang masyarakat kampung itu menghantar Jenab ke hospital. Susah payah itu diharungi kerana semangat kekitaan yang begitu kental.

Jika diteliti ternyata novel ini mengekalkan stail novel yang tidak mempunyai protagonis. Sebaliknya, cerita banyak tertumpu pada sekelompok watak yang tinggal di Bukit Keledang pada periode zaman pemerintahan Jepun. Dalam Bab Pertama pengarang memberikan tumpuan kepada watak Ehsan, seorang kanak-kanak. Novel ini dimulakan dengan gambaran Ehsan sedang termenung di tepi tasik Kampung Bukit Keledang, "duduk di tepi tasik memerhatikan riak-riak air yang cantik berkelip cahaya selalu menjadikan hatinya tenang" (hlm. 1). Ketenangan suasana sekitar dan melihat rakit yang tersadai di tepi tasik itu menghidupkan kenangan Ehsan kepada kawan-kawan yang lama tidak ditemuinya akibat perang. Kenangannya juga berkembang kepada kehilangan ayahnya, Omar, dan kebimbangannya terhadap ibunya yang sedang mengandung itu yang sekali gus menyerlahkan masalah yang bakal diikuti oleh pembaca.

Stail begini, iaitu watak kanak-kanak termenung di tepi tasik atau laut, turut digunakan oleh A. Samad Said dalam dua buah novel yang dibincangkan sebelumnya. Mereka ialah, Aziz dalam *Di Hadapan Pulau* dan Zalifah dalam *Adik Datang* juga senasib kerana kehilangan ayah (meninggal atau hilang tiada khabar berita). Tumpuan pada kanak-kanak pada awal cerita menyebabkan ramai peminat sastera menganggap ketiga-tiga buah novel ini sebagai novel kanak-kanak.¹¹ Sedangkan ceritanya meliputi kisah sekelompok masyarakat yang terdiri daripada kanak-kanak dan orang dewasa dalam menghadapi zaman perang itu. Namun demikian dalam

Bab Dua dan seterusnya tumpuan cerita novel *Keledang* beralih kepada watak-watak lain.

Watak-watak dalam novel ini boleh dibahagikan kepada kanak-kanak, diwakili oleh Ehsan, adiknya Rahimah, Hasnan, Faridah, Roslan dan Fakir. Golongan kedua pula ialah orang dewasa, diwakili oleh Hendon, Abas, Rafar, Maarof, Sulaiman, Zahabudin, Zaiton dan Jenab Begok. Golongan ketiga pula orang tua diwakili oleh Rosli dan Lebai Husni. Seperti dalam novel A. Samad yang dibincangkan sebelum ini, tidak ramai watak wanita yang aktif dalam plot cerita ini, cuma seramai tiga orang.

Tiap-tiap watak mempunyai masalah kejiwaan mereka sendiri. Antaranya Hendon yang kehilangan suaminya, Omar. Tetapi hingga tamat cerita, nasib Omar tidak diketahui. Pengarang melukiskan kegelisahan jiwa Hendon yang akan dibincangkan dengan lebih mendalam dalam Bab Empat kelak.

Antara watak yang paling bermasalah ialah Abas, bekas seorang pelaut. Abas telah pun bergelandangan dalam hutan ketika plot cerita bermula. Kisah dan sebab sebalik perlakuan Abas dapat diketahui bersamasama perkembangan plot cerita. Melalui naratif pengarang juga dengan teknik dramatik, pembaca diberitahu Abas memilih cara hidup begitu setelah isterinya, Zaidah, lari meninggalkannya dengan membawa bersamasama anak mereka, Razif.

Selain Abas, Rosli dan Lebai Husni juga hidup bersendirian selepas masing-masing kematian isteri. Tetapi kedua-duanya menyimpan kenangan indah terhadap isteri mereka menyebabkan mereka tidak berhajat untuk berkahwin lagi atau menyesali kehilangan isteri. Antaranya seperti pengakuan Rosli kepada Lebai Husni yang mendesaknya supaya berkahwin lagi agar hidupnya lebih teratur. Bagi Rosli "kahwin tu senang Lebai. Tapi nak cari macam Aziah tu susah, payah" (hlm. 114). Bagi Lebai Husni pula isterinya, "Rohani tu baik" (hlm.

114) dan melalui naratif pengarang Lebai Husni dikatakan "masih menyintai isterinya Rohani" (hlm. 113).

Jika dibandingkan dengan dua buah novel perang yang akan dibincangkan, hanya novel ini saja yang menampilkan watak seorang tali barut Jepun bernama Rafar, penduduk asal kampung itu. Dia digambarkan menggunakan kedudukannya itu untuk mendekati atau menganiaya wanita kampung itu. Rafar pulang ke kampung itu dengan mengaku "baru pulang dari Osaka" memegang jawatan tinggi dalam tentera Jepun (hlm. 49). Dia mahir berbahasa Jepun dan turut mengajar bahasa Jepun kepada kanak-kanak kampung itu, tetapi hanya separuh jalan. Watak ini banyak digambarkan dengan cara naratif oleh pengarang. Perangai buruknya mula diketahui oleh Hendon apabila Rafar datang ke rumahnya di tengah malam dengan alasan untuk memberitahu tentang Omar, tetapi pergi selepas terdengar suara Ehsan.

Rafar digambarkan menjalin hubungan dengan Asmah, seorang janda muda yang tinggal di hujung kampung (hlm. 50). Tetapi pengarang tidak memberi perincian tentang watak Asmah ini dengan lanjut.

Rafar menghilangkan diri dengan membawa wang yang dikutip daripada orang kampung untuk membeli bekalan makanan bagi menyambut puasa. Kehilangan Rafar juga berikutan terjumpanya mayat Asmah mati terapung di tasik (hlm. 36).

Sebagai kesimpulan dapatlah dikatakan novel *Keledang* ini memaparkan kehidupan sekumpulan watak yang hidup pada zaman penjajahan Jepun. Kehidupan harmoni masyarakat kampung Keledang sangat berlainan dengan novel yang akan dibincangkan seterusnya, iaitu *Sungai Mengalir Lesu*.

Sungai Mengalir Lesu

Dibandingkan dengan novel-novel yang telah dibincang-

kan, novel ini memusatkan cerita pada tempoh waktu pada penghujung periode pemerintahan tentera Jepun sehingga Jepun kalah di tangan tentera Bersekutu.

Pada penghujung pemerintahan tentera Jepun itu, keadaan kehidupan sosial watak-watak digambarkan begitu buruk. Kebanyakan mereka memakai pakaian yang pudar warnanya atau koyak seperti digambarkan pada watak Dalim (hlm. 5) dan Tuminah (hlm. 3).

Bahan makanan semakin sukar didapati, "beras sudah lama tidak mereka jumpai dan khabarnya beras cuma disimpan untuk makanan soljar-soljar Jepun saja. Ubi kayu juga sudah berlipat ganda mahalannya" (hlm. 13). Melalui ayat ini pengarang menunjukkan kontras; makanan untuk askar-askar Jepun itu terjamin sebaliknya rakyat jelata terpaksa memakan ubi kayu yang sangat mahal harganya di pasaran.

Kekurangan bekalan beras sangat terasa di bandar itu dan dapat dikaitkan dengan kurangnya bekalan beras yang dibawa masuk menerusi pelabuhan Singapura akibat perang seperti yang digambarkan:

Baik di Kallang maupun di Beach Road tidak banyak lagi tongkang-tongkang ataupun perahu yang masuk membawa barang. Perang yang semakin menjadi-jadi menyebabkan pemunggaan barang-barang makanan sendiripun semakin berkurangan, kecuali bagi soljar-soljar Jepun saja. Pagi tadi cuma sebuah tongkang saja yang masuk membawa beberapa guni beras yang dipunggah untuk dihantar ke gudang di Naval Base. Petang ini dijangkanya ia [perahu] datang bersama-sama sebuah tongkang lain. Sudah jam 4.00 belum juga ternampak layarnya (hlm. 70).

Kekurangan bekalan beras dibawa masuk ke pelabuhan Singapura meninggalkan kesan kepada penduduk pulau itu yang selama ini bergantung pada bekalan makanan dari luar.

Barang makanan semakin kurang dan semakin

sukar diperoleh. Antaranya minyak masak. Kesulitan mendapat bekalan minyak ini digambarkan melalui pengalaman Mak Buruk seorang penjual kuih:

Pagi itu di tempat minyak kelapa sawit mereka yang berbaris untuk mendapatkannya serta-merta menjadi hilang akal merempuh penjaga pintu sehingga pintu kedai roboh dan segala-gala yang berada di dalamnya terburai dan porak-peranda. Mak Buruk sendiri masih jauh dalam barisan tersebut dan terpaksa bersurai saja. Dua hari dahulu minyak tidak dapat dan hari ini, hari yang diharapkannya, minyak tidak ada juga (hlm. 111).

Kekurangan barang makanan di pasaran menyebabkan harganya makin melambung, terutamanya apabila nilai wang Jepun terus menurun. Keadaan ini menyebabkan kegiatan pasar gelap menjadi-jadi, terutamanya penyeludupan rokok koa dari *Botai* (Kem Jepun). Soosay dan Kuldip Singh yang terlibat secara penuh dalam kegiatan ini terpaksa melarikan diri dari kampung mereka. Tindakan ini dibuat apabila tersebar berita tentera Jepun akan menghukum orang yang terlibat dalam penyeludupan barang-barang ke pasaran gelap.

Kekurangan makanan menjejaskan kesihatan ramai, antaranya, Dalim yang "semakin kurus" (hlm. 54). Ramai yang mati kerana penyakit beri-beri, antaranya Jamilah, ibu Tuminah. Mulyadi, kawan Irwan, meninggal dunia kerana penyakit tokaknya yang empat bulan tidak sembuh. Mulyadi dan Irwan ialah antara ribuan buruh Jawa yang dibiarkan di Singapura setelah berpenyakit untuk dibawa Jepun membuat jalan kereta api di sempadan Burma dan Thailand.

Kekurangan makanan mendorong Basir dan kawan-kawannya mencuri makanan di gudang makanan Jepun berhampiran kampung mereka. Tetapi mereka semua mati ditembak oleh tentera Jepun.

Pada zaman pendudukan Jepun itu juga orang Cina menghadapi kesulitan lantaran mereka dianggap se-

bagai musuh tradisi Jepun. Melalui teknik imbas kembali, pengarang menggambarkan bapa Giap Hong mati ditembak Jepun ketika cuba melarikan diri daripada sekumpulan orang Cina yang dikumpulkan Jepun. Seminggu kemudian ibu Giap Hong mati selepas mendengar berita kematian suaminya.

Pengarang juga menggambarkan Jepun telah mengambil pendekatan yang kejam untuk menakutkan rakyat dalam menangani sesuatu masalah. Antaranya mereka memancung kepala pesalah dan menggantungnya di jalan raya dengan tujuan memberi amaran kepada orang ramai. Orang di kampung tepi sungai itu juga melihat kekejaman Jepun menembak mati seorang Inggeris yang cuba mengambil barangnya yang terjatuh ke dalam sungai.

Dalam tiga buah novel yang dibincangkan, A. Samad Said mengambil kampung atau pekan kecil sebagai latar tempat yang tidak diberi nama secara tepat dalam peta tanah air. Tempat-tempat itu hanya dikenali sebagai "kampung di tepi pantai" (*Adik Datang*), "Kampung atau pekan kecil" (*Di Hadapan Pulau*) dan kampung Bukit Keledang (*Keledang*). Sebaliknya novel *Sungai Mengalir Lesu* ini menggunakan kampung di tepi sungai sebagai latar tempat. Kampung ini letaknya di pinggir kota Singapura atau jelasnya di pinggir Sungai Rochor yang tidak jauh dari Victoria Street (hlm. 118). A. Samad Said pernah tinggal di kawasan ini ketika kecil (lihat Bab 1). Nama-nama kawasan berhampiran seperti Lavendar Road (hlm. 118), Syed Alwi Road (hlm. 58, hlm. 72), Kitchener Road (hlm. 57) ada dinyatakan. Keadaan ini sejajar dengan pengakuan A. Samad Said sendiri bahawa "novel ini (*Sungai Mengalir Lesu*) ialah semisejarah ... sedapat-dapatnya saya menimba segala yang berlaku itu dari pengalaman saya sendiri - di zaman Jepun."¹²

Kampung tepi sungai yang terletak di pinggir kota ini merupakan sebuah kampung setinggan yang keba-

nyakan penghuninya tinggal dalam "pondok-pondok buruk dan kebanyakannya menanti waktu hendak roboh sahaja" (hlm. 2). Kemiskinan mereka diberi pelukisan yang utama oleh pengarang.¹³ Mulai halaman pertama novel ini pengarang menggambarkan kemiskinan dan kedaifan penduduk kampung setinggian di tebing sungai yang mengalir lesu dan kotor itu. Seterusnya pengarang melukiskan kemiskinan Tuminah, salah seorang watak dalam novel ini, "Tuminah mencari tuala buruk dan terjumpa di bawah amben yang penuh dengan tin-tin buruk dan kalungan dawai. Tuala hijau itu tersangkut koyak bila ditarik kuat-kuat" (hlm. 3). Pelukisan ini memberi gambaran *physical surrounding*¹⁴ kepada watak Tuminah.

Corak kehidupan masyarakat yang diceritakan dalam novel ini tidak jauh bezanya dengan masyarakat dalam novel-novel yang telah dibincangkan terdahulu. Ini adalah kerana sebahagian besar daripada watak-watak novel ini merupakan golongan bawahan dan perantau. Misalnya, Tuminah berasal dari Kampung Belimbing Dalam, Merlimau, Melaka. Tuminah datang ke Singapura kerana mencari kehidupan dengan bekerja sebagai pelayan.

Sebagai sebuah penempatan di pinggir bandar, penduduk kampung ini juga mencerminkan masyarakat majmuk di Singapura. Di kampung ini selain orang Melayu terdapat juga orang Cina yang diwakili oleh Giap Hong, isterinya, Ling Po, kawan-kawan sekerjanya seperti Kam Seng dan Tian Choo. Kaum India dan Punjabi diwakili oleh Soosay yang dilahirkan di India dan datang ke Singapura ketika berusia lima tahun (hlm. 98), anaknya Menon, Kuldip Singh berasal dari Amritsar (hlm. 98) dan anaknya Ranjit Singh. Selain mereka terdapat juga watak-watak seperti Munusamy, Ariapan dan Choo Keng yang merupakan watak sampingan dan kawan-kawan Basir.

Keempat-empat kaum ini senasib kerana meng-

alami pengalaman getir pada zaman pendudukan Jepun itu. Keadaan ini memberi kesan mendalam kepada watak-watak yang sememangnya menghadapi masalah kejiwaan.

Dari segi sosial, akibat gejala yang berlaku pada zaman perang itu institusi keluarga dilukiskan berada di ambang keruntuhan. Keadaan ini diperburuk lagi apabila ketua keluarga yang sepatutnya memikul tanggungjawab untuk ahli keluarga telah hilang, sama ada ditangkap Jepun atau meninggal dunia. Nasib anggota keluarga, terutamanya anak-anak, masih terjamin jika mereka mempunyai ibu sebagai penjaga yang mengasahi mereka. Secara tidak langsung keadaan ini menunjukkan bahawa walaupun miskin, wanita atau ibu mampu memikul tanggungjawab berat sebagai ketua keluarga dengan memberi kasih sayang dan mencari nafkah seperti yang dialami oleh Mak Buruk. Tetapi jika kedua-dua ibu bapa hilang, maka nasib anak-anak sangat bergantung pada keadaan. Ini adalah kerana salah satu ciri hidup masyarakat bandar yang diketengahkan oleh A. Samad Said dalam novel ini ialah tiada munculnya konsep keluarga luas (*extended family*). Kebanyakan keluarga di bandar merupakan keluarga asas yang terdiri daripada ibu bapa dan anak-anak. Tanpa tempat mengadu dan bergantung, zaman perang membawa kesan besar kepada keadaan moral ahli masyarakat termasuk kanak-kanak.

Pada zaman perang ini manusia terlalu sibuk mengurus diri sendiri, "orang tidak banyak cagak lebih-lebih lagi masing-masing cuba hendak menyelamatkan diri masing-masing dalam perang" (hlm. 50). Sikap tidak ambil peduli masyarakat sekeliling itu mengakibatkan lemahnya kawalan sosial¹⁵ di kalangan anggota masyarakat. Tambahan pula kampung setinggan itu tidak mempunyai ketua kampung atau ahli lembaga masyarakat yang terkenal alim dan dihormati yang berkewibawaan tradisional seperti para ulama atau lebai

untuk mengawasi kebajikan masyarakat setempat. Tokoh-tokoh begini, terutamanya di kalangan kaum lelaki, tidak muncul di dalam novel ini sekali gus menggambarkan betapa kacau dan gawatnya suasana perang ketika itu. Kekosongan wibawa masyarakat¹⁶ yang bercorak tradisi atau karisma menyebabkan ahlinya digambarkan terlalu bebas bertindak dalam memilih cara hidup.

Dalam kekosongan yang sedemikian rupalah watak Mak Buruk ditonjolkan sebagai seorang ahli masyarakat kampung yang sedikit prihatin dan sukarela memegang peranan sebagai penasihat dan pelindung kepada golongan wanita, iaitu Tuminah dan Salimah. Sikap ramah-tamah dan lemah lembutnya menyebabkan Tuminah rapat dengannya. Tuminah janda muda berumur 24 tahun itu diketahuinya menjalin hubungan sulit dengan Basir. "Basir bermalam di biliknya (Tuminah) sekurang-kurangnya semalam seminggu" (hlm. 55). Sebagai gantinya Basir membayarnya dengan bekal makanan.

Dalam mendepani kelakuan Tuminah itu Mak Buruk mengambil sikap untuk menasihatinya bukan menghukum kerana padanya, "siapa pula yang bersih seperti kain putih" itu membawa pengertian bersih dan suci daripada noda. Namun Mak Buruk pernah menasihatkan Tuminah supaya berkahwin sahaja dengan Basir kerana padanya "susah orang bersuami ini lain sikit, susah berjenguk" (hlm. 55) juga "perkahwinan itu bukan untuk diri kau (Tuminah) saja tetapi untuk Dalim juga" (hlm. 54).

Cadangan ini menunjukkan Mak Buruk percaya bahawa bagi janda muda seperti Tuminah perkahwinan merupakan satu-satunya cara untuk mengelakkan diri daripada tercebur ke lembah maksiat.

Mak Buruk juga bertindak menyelamatkan Salimah (ibunya Econ, tua dan buta) dengan menyembunyikan anak gadis itu di atas bumbung daripada men-

jadi mangsa kekejaman askar Jepun yang mencarinya. Salimah disyaki terlibat dengan kematian Katayama yang mempunyai hubungan sulit dengan Salimah.

Ancaman terhadap kestabilan institusi keluarga pada zaman perang sangat jelas digambarkan dalam novel ini. Selain keluarga Giap Hong yang terdiri daripada Giap Hong, isterinya Ling Po dan anak kecil mereka, tidak ada sebuah keluarga pun yang lengkap iaitu mempunyai ibu, bapa dan anak-anak serta hidup bahagia. Ahmad Jani kehilangan isterinya, Manisah, yang lari mengikut lelaki lain menyebabkan Ahmad Jani kecewa dan marah. Dia akhirnya memilih untuk menghabiskan sebahagian besar masanya baik siang atau malam di dalam *shelter* setelah menyerahkan biliknya kepada Tompong. Perbuatan aneh Ahmad Jani ini berterusan tanpa ada sesiapa ahli kampung itu yang berani dan sudi menasihatinya. Tidak ada ahli masyarakat yang berwibawa tradisional seperti dinyatakan di atas menyebabkan berlanjutannya sikap Ahmad Jani ini. Keadaan ini menyebabkan anaknya, Sukon, yang berumur 12 tahun terbiar dan berkawan rapat dengan Basir, seorang ketua samseng kampung itu. Kemudian Ahmad Jani menjalin hubungan sulit dengan Zainab, isteri muda Syeed Ayub hingga Zainab mengandung. Rahsia mereka tidak terbongkar kerana Zainab mati dalam serangan bom tentera Bersekutu.

Keadaan paling menonjol di kampung tepi sungai itu ialah longgarnya pegangan agama ahli masyarakatnya. Institusi agama seperti surau atau masjid tidak berfungsi sepenuhnya sebagai tempat umat Islam beribadat. Walaupun masjid digambarkan ada didirikan berhampiran dengan kampung itu, tetapi tidak ada seorang watak pun digambarkan beribadat di masjid. Sebagai perbandingan dalam *Keledang* masih terdapat beberapa orang tua yang dapat digolongkan mempunyai kewibawaan tradisional seperti Lebai Husni dan Rosli yang selalu ke surau, iaitu tempat ibadat di kampung

itu. Begitu juga dalam *Adik Datang* terdapat watak Wagiman yang membimbing masyarakat kelilingnya mengerjakan suruhan agama. Tetapi tidak demikian dengan watak-watak dalam *Sungai Mengalir Lesu*. Sebagai contohnya Syeed Ayuub yang dikategorikan sebagai golongan tua, ternyata tidak berfungsi dari sudut agama. Ketiadaan tokoh berwibawa membimbing masyarakat kampung ini ke arah keagamaan digambarkan memburukkan kedudukan moral watak-watak.

Tuminah, seorang bekas pelayan pernah mendapat bimbingan agama daripada suaminya, Mansur. Sebagai seorang suami dan pemimpin rumah tangga, Mansur bertindak wajar. Melalui ingatan Tuminah dinyatakan, "Mansur yang penyabar, sembahyang tak tinggal dan malam-malam menjadi guru mengaji pula Tuminah juga belajar membaca surah Yassin" (hlm. 53). Tetapi Mansur mati dalam serangan bom Jepun ketika sedang memandu bas di Bukit Timah. Ketiadaan pembimbing dan desakan keadaan perang (terutamanya kekurangan makanan) menyebabkan Tuminah yang baru berjinak-jinak dengan agama itu hilang pedoman seperti pengakuan Tuminah, "sekarang aku dah macam dulu semula" (hlm. 53). Perbincangan lanjut tentang watak ini akan dilakukan dalam Bab Empat kelak.

A. Samad Said tidak menonjolkan protagonis dalam novel ini. Sebaliknya tumpuan plot cerita terarah kepada sekumpulan watak atau keluarga demi keluarga.¹⁷ Plot begini ternyata sangat disenangi dan diterapkan oleh A. Samad Said dalam kebanyakan novel yang dihasilkannya seperti yang telah dibincangkan. Watak-watak yang ditampilkan dalam plot novel ini lebih pelbagai yang terdiri daripada kaum Melayu, Cina, India, Punjabi, buruh Jawa dan askar Jepun. Penggunaan plot yang memberikan tumpuan pada sekumpulan watak yang tinggal di kampung tepi sungai itu berkait erat dengan tema yang ditampilkan, iaitu masalah yang

dihadapi oleh sekumpulan penduduk pada zaman pemerintahan Jepun.

Hidup pada zaman perang itu penuh kesulitan kerana peluang pekerjaan sangat terbatas. Keadaan ini menyebabkan watak-watak yang ditampilkan lemah fizikalnya dan tidak ada wang simpanan atau tempat bergantung, terutamanya golongan wanita seperti Tuminah, Salimah dan Mak Buruk, menghadapi keperitan hidup.

Sama seperti novel A. Samad Said yang lain-lain, novel ini juga memaparkan watak golongan bawahan. Mereka ini dibahagikan kepada golongan kanak-kanak yang diwakili oleh Dalim, Sukon, Baharom, Simah, Menon dan Ranjit Singh. Orang dewasa pula seperti Tuminah, Salimah, Basir, Ahmad Jani, Zainab, Kuldip Singh, Soosay, Mulyadi, Irwan, Katayama dan Mak Buruk. Golongan tua pula hanya diwakili oleh Syeed Ayuub. Hampir semua mereka tidak mempunyai pekerjaan tetap akibat perang. Antaranya Tuminah, bekas seorang pelayan, yang terpaksa menyara adiknya, Dalim, setelah ibu mereka dan suaminya, Mansur, meninggal dunia. Ahmad Jani bekas seorang pelaut. Basir pula seorang penganggur terlibat dalam kumpulan samseng dan menjadi ketua Kumpulan 18. Ada juga di antara watak itu mencari nafkah sendiri seperti Mak Buruk yang menyara anaknya Simah dan Sakinah, anak saudaranya, dengan menjual kuih secara kecil-kecilan di depan New World yang terletak tidak jauh daripada rumahnya. Mak Buruk terpaksa bertungkus-lumus bekerja kerana Pak Jumaat, suaminya, hilang ditangkap Jepun. Kuldip Singh dan Soosay terlibat dalam perniagaan pasar gelap dan Syeed Ayuub pula menjual barang-barang murah di Sungai Road.

Selain itu terdapat juga beberapa watak yang tidak mempunyai pekerjaan seperti Salimah, seorang gadis dan Zainab, isteri muda Syeed Ayuub.

Golongan kanak-kanak seperti Dalim dan kawan-kawannya tidak berpeluang menjalani sosialisasi yang normal sebagai kanak-kanak. Mereka kekurangan makanan dan terbiar. Dalim lebih banyak menghabiskan masa di luar rumah untuk mencari makanan sendiri, terutamanya dari sungai itu. Keadaan ini menyebabkan dia terdedah dan terpengaruh dengan segala gejala buruk dalam masyarakat. Ini termasuklah bergaul dengan samseng yang diwakili Basir. Dia juga sering mencuri makanan, pakaian dalam Mak Buruk (hlm. 5), mencuri roda basikal (hlm. 6).

Jika dibandingkan nasib Dalim dengan watak Aziz dalam *Di Hadapan Pulau*, yang juga yatim piatu, ternyata Aziz lebih bernasib baik kerana dirapati dan dibimbingi oleh Syed Fikri. Hasilnya Aziz terbentuk sebagai kanak-kanak yang tabah dan terkawal moralnya. Di sinilah perbezaan nasib yang dialami oleh kanak-kanak pada zaman perang dalam tiga buah novel yang telah dibincangkan ini. Keadaan sekeliling dan keadaan keluarga banyak mencorakkan hidup mereka. Keutuhan, kestabilan dan kasih sayang dalam keluarga dapat menghindarkan anak-anak daripada berasa terbiar. Dalim digambarkan lebih berani dan agresif. Sebaliknya Ehsan dan Rahimah dalam *Keledang* sangat bernasib baik kerana masih ada ibu yang sangat menyayangi mereka walaupun bapa mereka hilang pada zaman perang itu. Kasih sayang yang melimpah dan layanan baik terhadap anak-anak berjaya membentuk pekerti dan jiwa lembut anak-anak itu. Suasana kampung yang aman dan masih kental nilai moralnya turut memainkan peranan dalam membentuk keperibadian mereka jika dibandingkan dengan suasana sosial dan moral kampung di tepi sungai itu.

Seterusnya kita akan melihat pula masalah masyarakat yang ditampilkan A. Samad Said dalam novel novel selepas perang dan selepas merdeka yang pastinya ada kelainannya.

NOVEL SELEPAS PERANG

Novel-novel yang mengetengahkan latar masa selepas perang, iaitu *Salina* dan *Ke mana Terbangnya* mendapat sambutan berbeza daripada peminat sastera. *Salina* novel sulung A. Samad Said banyak mendapat perhatian para sasterawan dan pengkritik dalam dan luar negara. Semenjak diterbitkan pertama kali pada tahun 1961, *Salina* terus dikaji, diperhalusi dari pelbagai perspektif.¹⁸ Sedangkan sebenarnya novel ini pernah tidak diberi sokongan untuk diterbitkan.¹⁹

Novel *Salina* ditulis ketika A. Samad Said berumur 23 tahun dan bekerja di syarikat Utusan Melayu. Menurutnya, 30 peratus daripada tema cerita novel ini adalah kisah benar dirinya.²⁰ Bagi A. Teeuw, selain menggunakan teknik yang menarik, novel ini "menimbulkan faham yang dalam mengenai masyarakat Melayu, cara dia berfikir dan merasa".²¹

Novel ini mengambil latar masa selepas perang, khususnya di sekitar tahun 1950-an. Latar tempatnya pula terfokus di sebuah kampung setinggian diberi nama Kampung Kambing yang terletak di kota Singapura.

Jika *Salina* diterbitkan pada awal dekad 1960-an, kelahiran novelet²² *Ke Mana Terbangnya* menunjukkan A. Samad Said turut sama terlibat dan bergerak dalam arus perkembangan pesat penghasilan novel Melayu. Dalam dekad 1960-an sebanyak 238 buah novel telah diterbitkan.²³

Jika ditinjau dari segi kepengarangan A. Samad Said pula, novelet ini lahir dalam fasa pertama pengalamannya sebagai seorang pengarang yang menurutnya mengandungi luka lama dan ketakjuban.²⁴ Novelet ini berada dalam fasa yang sama dengan *Salina*, malah turut sama mengenengahkan kisah nasib pelacur yang tinggal di sebuah desa pelacur yang dinamakan Kampung Alang Sunti. Tetapi dibandingkan dengan *Salina*, novelet ini kurang dari beberapa segi terutamanya dari

sudut ketebalannya (*Salina* edisi 1976 mengandungi 387 halaman) sedangkan novelet ini nipis (89 halaman bagi edisi 1966). Novelet ini juga tidak banyak menarik perhatian para peminat sastera jika dinilai daripada kritikan terhadapnya.²⁵ Namun demikian novelet ini membentangkan persoalan di sekitar dunia pelacuran lebih jelas dan terbuka. Sesuai dengan sifatnya sebagai sebuah novelet, perbincangan terhadap watak-watak yang ditampilkan tidak mendalam walaupun terdapat ramai watak pelacur yang diutarakan. Pengarang hanya memberi latar belakang kepada dua orang wataknya yang akan disentuh dengan terperinci dalam perbincangan selanjutnya yang akan dimulai dengan *Salina* dan diikuti dengan *Ke mana Terbangnya*.

Salina

Latar masa selepas Perang Dunia Kedua memberi kesan besar kepada pelukisan masalah yang dihadapi oleh watak wanita novel ini. Dari segi realiti sejarahnya dalam periode ini Singapura merupakan sebuah kota yang baru bangkit daripada kemusnahan Perang Dunia Kedua dan banyak menghadapi masalah sosial seperti perumahan, pendidikan, moral dan agama seperti yang dialami oleh kebanyakan watak novel ini. Sebagai seorang pengarang yang pernah hidup di Singapura ketika itu, menerusi novel ini A. Samad Said cuba melukiskan beberapa masalah sosial masyarakat keliling menerusi pelukisan latar tempat dan watak-watak novel ini.

Bagi mengatasi masalah perumahan beberapa orang pemodal kecil seperti Kurupaya Samy membaiki bekas kandang kambingnya serba sedikit hingga dapat dijadikan tempat tinggal bagi golongan rakyat berpendapatan rendah. Semasa plot cerita bermula, Kampung Kambing ini sudah dibuka selama dua tahun (hlm. 8). Namun demikian tidak ada kemudahan asas seperti air

dan elektrik disediakan. Penduduk kampung ini mengambil air untuk kegunaan mereka dari bilik air kawasan perumahan *PWD* yang berhampiran pada waktu malam sahaja. Keadaan sekeliling digambarkan begitu kotor. Keadaan ini ditambah dengan tahap pemahaman tentang masalah kepentingan menjaga kesihatan digambarkan sangat rendah di kalangan penduduknya.

Selain perumahan, pengangguran merupakan masalah besar yang dihadapi oleh ramai watak dalam novel ini, khususnya kaum lelaki. Mansur, abang Nahidah, menganggur hampir dua tahun. Dia tidak mendapat pekerjaan kerana hanya mempunyai sijil darjah enam sekolah Melayu. Dasar pelajaran penjajah ketika itu tidak memberi tempat wajar kepada pemegang sijil sekolah Melayu kerana kemampuan berbahasa Inggeris menjadi syarat untuk bekerja.

Selain Mansur, Ishak, watak sisipan novel ini, digambarkan senasib dengan Mansur yang hanya mempunyai sijil sekolah Melayu. Mansur menampung keperluan keluarga dengan mencari upah menjaga kereta dan mencungkil kayu balak di tebing sungai Rochor yang mengalir tidak jauh dari Kampung Kambing.

Menganggur memberi kesan kepada kedudukan Mansur sebagai anak lelaki tertua dalam keluarganya sendiri. Dia tidak dapat menanggung ibu tirinya Zarina dan adiknya Nahidah. Malah dia juga terpaksa membebaskan Sunarto, anak angkat ayahnya (telah meninggal dunia) yang merupakan pencari rezeki tunggal dalam keluarga mereka. Sunarto bekerja sebagai pengayah beca. Oleh sebab dia menganggur Mansur gagal menghalang Zarina, ibu tirinya, menceburkan diri adiknya, Nahidah, ke dunia pelayan. Keadaan ini jelas dalam ayat "sementara dia tidak bekerja itu dia tidak boleh bersuara apa-apa" (hlm. 194). Dia juga sering dihina oleh Zarina kerana tidak bekerja. Akhirnya Mansur memilih menjadi askar setelah sekian lama me-

nganggur, seterusnya meninggalkan keluarganya untuk menjalani latihan sebagai seorang perajurit.

Penduduk Kampung Kambing juga digambarkan menempuh pengalaman pertama kali sebagai pengundi. Mereka digambarkan belum memahami sepenuhnya kepentingan mengundi dan cara-cara mengundi. Kejahilan itu semakin terasa di kalangan orang tua. Suasana pada hari mengundi digambarkan dengan jelas oleh pengarang, terutamanya di kalangan penduduk Kampung Kambing dan petugas-petugas yang terlibat dengan pengundian itu.

Pada hari mengundi itu juga Katijah, ibu Hilmy, meninggal dunia di hospital. Seterusnya plot cerita bersambung dua tahun selepas kejadian itu, iaitu dalam Bab 34 pada waktu perundingan kemerdekaan Tanah Melayu antara pemimpin Tanah Melayu dengan pihak kerajaan Inggeris sedang berlangsung. Malah tarikh kemerdekaan Tanah Melayu ditetapkan pada 31 Ogos 1957.

Kedudukan Kampung Kambing yang terletak di kota Singapura digambarkan berdekatan dengan Sungai Rochor (hlm. 135), juga berhampiran pasar di Syed Alwi Road tempat kebanyakan penduduk kampung itu membeli barang-barang keperluan. Kampung Kambing itu juga tidak jauh dari Owen Road (hlm. 75) dan Serangoon Road tempat tinggal A. Samad Said semasa remaja seperti yang dibincangkan dalam Bab Satu buku ini. Masjid Sultan tempat Hilmy dan Haji Karman pergi berbuka puasa serta bersembahyang terawih di sepanjang bulan puasa terletak berhampiran kampung setingan itu. Selain itu kampung ini juga berhampiran dengan New World Amusement Park di mana ramai penduduknya pergi mencari hiburan.

Sebagai sebuah penempatan dalam bandar, Kampung Kambing tidak pernah sunyi siang dan malam. Ini adalah kerana berhampiran kampung itu terdapat kilang air batu, kilang gergaji kayu dan Eastern Hotel

di mana suara muzik moden dari *pubnya* sering dapat didengar hingga ke kampung itu.

Dengan adanya kemudahan hiburan dan membeli belah, kampung itu menjadi tumpuan ramai pencari rezeki, terutamanya golongan bawahan daripada pelbagai kaum seperti Melayu termasuk Jawa, India, Punjabi dan Cina. Antaranya Pak Sudin yang berasal dari Belimbing Dalam. Mereka bekerja sebagai buruh *Public Works Department (PWD)*, penarik beca, penjual makanan secara kecil-kecilan, pelayan dan pelacur. Ramai juga antara mereka menganggur, terutamanya bagi lulusan sekolah Melayu seperti yang dialami oleh Mansur dan Ishak, juga termasuk Razman dan Abdul Fakar, keduanya bekas pelaut.

Sebagai sebuah kampung di tengah kota Singapura yang ramai penduduknya yang terdiri daripada kaum India, pengarang menggambarkan betapa meresapnya pengaruh lagu Hindustan di kalangan ramai watak. Keadaan ini lebih jelas di restoran-restoran yang ditampilkan seperti kalangan teman-teman pelayan Nahidah. Di samping itu pengaruh filem Hindustan cukup meluas hingga pengarang membandingkan kecantikan wataknya dengan bintang filem Hindustan. Malah beberapa orang pelayan yang dikunjungi Abdul Fakar dikenali dengan nama bintang terkenal semasa seperti Madhubala atau Suraiya.

Namun demikian kemiskinan hidup watak begitu nyata dilihat daripada keadaan rumah sewa di Kampung Kambing itu. Kebanyakan bilik sewa mereka kecil, berlantai tanah dan berasal daripada kandang kambing milik Kurupaya Samy. Keadaan bilik digambarkan dengan langsung oleh pengarang di halaman 2:

Rumah-rumah kandang kambing ini semuanya tidak sempurna. Dindingnya terbuat dari papan-papan peti susu yang buruk yang berbulu-bulu, kulit-kulit kayu balak yang tebal-tebal dan bercendawan, zeng-zeng tong minyak berkarat yang sudah

dileperkan (tapi masih kemik di sana sini) dan kadbod-kadbod yang sudah berbulu-bulu dan berbelang-belang oleh resapan air hujan. Atapnya pula terbuat dari zeng-zeng tong minyak juga, daun-daun rumbia, kulit-kulit kayu balak dengan di atasnya dilapiskan tikar-tikar biasa ataupun tikar-tikar getah yang sudah buruk dan berlubang-lubang. Di tengah-tengah rumah, di atasnya itu, menjalar daun-daun pokok labu yang sengaja dibiarkan meliar. Dan hampir tiap rumah itu berlantaikan tanah, kecuali amben-amben tempat makan ataupun tempat tidur mereka – amben yang tinggi rendah susunan papannya, papan yang berbulu.

Namun demikian digambarkan rumah atau bilik itu tetap dicari orang walaupun dikenakan 'duit kopi' yang tinggi pula seperti yang dialami Katijah yang terpaksa membayar 50 ringgit untuk mendapat bilik di situ. Rumah-rumah itu juga terpaksa disewa dengan harga mahal walaupun tidak mempunyai kemudahan asas seperti elektrik dan air. Penduduk Kampung Kambing terpaksa menggunakan pelita dan mengambil air di bilik air kawasan rumah PWD yang berhampiran pada waktu malam.

Sebagai sebuah kawasan setinggan digambarkan tempat itu tidak mempunyai ketua kampung atau autoriti agama yang disegani. Hanya Haji Karman, seorang tua yang menjadi sumber atau tempat belajar mengaji al-Qur'an di situ. Tetapi dia digambarkan sebagai mangsa keadaan kerana kurang dihormati apabila pernah dihantar ke hospital gila pada zaman pemerintahan Jepun. Dia juga mempunyai kemampuan tenaga yang terhad kerana sudah tua (60 tahun) dan kesihatan yang kurang baik. Pengetahuan keagamaan dan sosialnya terlalu sempit menyebabkan dia tidak dapat membimbing masyarakat Kampung Kambing. Kampung itu dituduhnya sebagai "Kampung Noda, Kampung Dosa dan Kampung Neraka" (hlm. 215). Tetapi yang paling penting ialah sikap orang kampung itu sendiri terhadap

Haji Karman seperti digambarkan daripada petikan ini:

Walaupun dia menjadi seorang guru mengaji di tempat itu, dan menjadi guru juga di beberapa tempat lainnya - di Minto Road, di Jawa Road dan di Palembang Road - tetapi orang-orang di Kampung Kambing (juga orang-orang di tempat yang lain itu) tidak begitu mengambil berat tentangnya, biarpun dia pernah berkali-kali memperkatakan tentang soal kebaikan dan kejahatan, soal dosa dan pahala, soal neraka dan syurga. Orang dewasa tidak begitu mempedulikannya sama sekali, suatu hal yang tidak disusahkannya sangat-sangat walaupun dia menyesal sebenarnya (hlm. 180-181).

Walaupun masyarakat Kampung Kambing tinggal di kawasan kampung tetapi tidak langsung mewarisi atau mempunyai ciri-ciri hidup kampung yang positif seperti saling bekerjasama, kuat semangat kekitaannya dan kukuh pegangan keagamaannya. Sebaliknya masyarakat di situ hidup bernafsi-nafsi kerana sebahagian besar mereka terdiri daripada para perantau yang miskin material dan spiritual dan terlalu sibuk mencari kehidupan. Keadaan ini dijelaskan pengarang, "apa lagi di ketika itu sememangnya orang lebih memperhitungkan diri sendiri sampai ke hujung-hujung rambutnya" (hlm. 41). Oleh sebab itu ramai di antara penduduk kampung tidak saling mengenal seperti yang terjadi pada Razman, salah seorang watak novel ini, "orang tidak mempedulikannya" (hlm. 85), penduduk Kampung Kambing kebanyakannya tidak mengambil berat tentang Razman (hlm. 84).

Kebanyakan penduduk Kampung Kambing berusaha mencari kehidupan sendiri seperti pengalaman Hilmy "semenjak kami menderita, tiada saudara mara yang menjengukkan muka" (hlm. 243). Sikap individualistik meresap ke dalam jiwa dan kehidupan penduduk kampung itu. Tidak ada ikatan positif seperti kekerabatan yang merapatkan hubungan anggota masyarakat

di sini. Walau bagaimanapun dilukiskan mereka sangat berminat untuk mengambil tahu dan melihat orang di Kampung Kambing bergaduh. Contohnya ketika Zarina memarahi, sambil menghalau dan membuang pakaian Sunarto, orang ramai serta-merta datang berkumpul menyaksikan peristiwa itu. Begitu juga ketika Abdul Fakar memukul dan menyeksa Siti Salina, ramai masyarakat kampung itu berkerumun menyaksikannya.

Dalam beberapa peristiwa Zarina memarahi Sunarto itu digambarkan, hanya sekali Haji Karman datang menjadi orang tengah meleraikan pertengkaran itu dengan memberi nasihat. Sebaliknya tiada sesiapa tampil menasihati dan menegur kemungkaran hidup Salina dan Abdul Fakar walaupun hampir dua tahun hidup bersekedudukan. Hanya Abdul Fakar pernah dinasihati oleh Razman supaya bertanggungjawab sebagai seorang lelaki terhadap hidupnya dan hidup Siti Salina dalam ikatan rumah tangga, tetapi ternyata nasihat itu sia-sia sahaja.

Mengenai hal ini Shahnnon Ahmad berpendapat "tenaga sebenar-benarnya untuk 'memulihkan' Siti Salina tidak pernah diwujudkan oleh pengarang."²⁶ Tetapi "tenaga pemulih" itu tetap wujud walaupun dalam bentuk yang sangat lemah iaitu Katijah. Wanita tua ini mengambil sikap berhati-hati dalam menasihati Salina. Katijah mula menasihati secara langsung setelah Salina menaruh kepercayaan kepadanya dengan menumpahkan rahsia sejarah hitam hidupnya. Hubungan mereka juga bertambah rapat apabila Salina merasakan Katijah merupakan seorang tua yang sangat memahami, bersimpati dan mengambil berat tentang dirinya. Keadaan ini mendorong Katijah menasihati Salina seperti dinyatakan di halaman 122, "kakak fikir kakak pun berdosa juga membiarkan kau hidup begini. Ubahlah cara kau. Berikhtiarlah supaya jangan terus-menerus sahaja kau menjalani kehidupan seperti ini".

Nasihat dan perhatian Katijah mendorong Salina menyimpan wang untuk kegunaannya, dan akhirnya dia melarikan diri ke Kelantan dan meninggalkan Abdul Fakar. Perkara ini akan dibincangkan secara lebih lanjut dalam Bab Empat.

Nilai hidup berkeluarga penduduk Kampung Kambing juga terlalu merosot seperti digambarkan pada keluarga Zarina. Keadaan ini banyak bergantung pada kepikiran fikiran Zarina sebagai ketua keluarga (suaminya sudah lama meninggal dunia). Dia gagal menjadi ketua keluarga kerana ketandusan pengetahuan agama dan mementingkan kebendaan melebihi kesucian moral. Hasil yang diperoleh oleh Sunarto dengan mengayuh beca tidak mencukupi bagi mereka yang terdiri daripada empat orang dalam keluarga itu. Ditambah lagi apabila Zarina berhasrat memiliki barang-barang mewah seperti gelang emas, jam tangan dan rantai emas seperti dimiliki kawan-kawannya yang bekerja sebagai pelayan. Hasrat ini cuba dicapai dengan memaksa anak tirinya, Nahidah, menjadi pelayan.

Hanya keluarga Katijah dan Hilmy hidup bahagia walaupun miskin dan diketuai oleh janda juga (bapa Hilmy meninggal dunia dalam zaman perang). Keharmonian hidup mereka wujud kerana Katijah bekerja kuat untuk hidup dengan jalan halal seperti mengambil upah menjahit baju dan membasuh kain baju di empat buah rumah. Di samping itu dia memahami tanggungjawabnya sebagai ibu yang baik.

Menurut Johan Jaaffar, "Kampung Kambing melambangkan kesukaran, kekecewaan, kemalangan dan kehancuran nilai-nilai kemanusiaan".²⁷

Ramai pengkritik berpendapat kejayaan novel *Salina* ini banyak bergantung pada susunan dan strukturnya serta kecekapan pengarang menampilkan begitu ramai watak. Menurut Shahnnon Ahmad, "dilihat dari sudut keragaman para watak kita dapati novel *Salina* amat berjaya dan sukar ditandingi".²⁸

Namun demikian novel ini menolak konvensi sastera Melayu dengan tidak mewujudkan watak wira atau wirawati. A. Samad Said seperti sengaja menghindari konvensi ini dengan hanya mewujudkan beberapa orang watak penting. Walaupun judul novel ini berdasarkan nama Salina, tetapi pada pendapat Shahnnon Ahmad, watak Nahidah lebih meluas gerakan dan kesannya kepada keseluruhan organisasi cerita.²⁹ Bagi A. Teeuw pula, watak Salina sebenarnya menjadi satu daripada dua titik pusat novel ini, yang satu lagi seorang gadis bernama Nahidah.³⁰ Watak-watak lain ialah Hilmy, Abdul Fakar, Katijah, Haji Karman, Razman, Zarina, Sunarto, Mansur dan Kurupaya Samy. Terdapat ramai sekali watak sisipan, antaranya Juminah, Roslinah dan Zubaidah yang bekerja sebagai pelayan sekadar disebut nama dan masalah yang dihadapi oleh mereka. Watak-watak sisipan itu ditampilkan bagi merealisasikan masalah masyarakat yang dihadapi oleh penduduk Kampung Kambing.

Kebanyakan watak novel ini datang daripada kelas bawahan atau pinggiran, atau "melukut kota" yang datang ke Kampung Kambing untuk mencari rezeki. Dibandingkan dengan novel-novel yang telah dibincangkan sebelumnya, novel *Salina* tidak menampilkan watak kanak-kanak yang signifikan pada plot cerita.

Walaupun pengarang mengupas masalah keruntuhan moral dan ketipisan pemahaman agama watak-wataknya, namun seperti novelnya yang terlebih dahulu dibincangkan, novel ini juga tidak terdapat watak hitam dan putih. Ini adalah kerana pengarang cuba menekankan keyakinannya bahawa keadaan dan nasib memainkan peranan dalam mencorakkan nasib golongan mangsa perang pada masa itu. Oleh sebab itulah Siti Salina, walaupun seorang pelacur, digambarkan mempunyai sikap memahami masalah jiran sekampung seperti Mansur, Nahidah serta Hilmy. Dia sering memberi nasihat, malah kerap memberi wang kepada mere-

ka. Kebaikan budinya itu menyebabkan dia disayangi dan dikasihani oleh mereka yang menerima budinya walaupun mereka tahu dia hidup sebagai pelacur. Sekali gus juga menggambarkan Salina mempunyai sifat *split personality*.³¹ Salina juga dapat dianggap sebagai “mutiara di perlimbahan”. Salina menerima simpati mereka semua, malah juga pembaca, apabila wanita ini dianiaya dan didera oleh Abdul Fekar.

Daripada semua watak yang ditampilkan, hanya Abdul Fekar digambarkan mempunyai sikap buruk dan wajar digelar “parasit manusia” kerana sebagai lelaki dia tidak bertanggungjawab, degil dan mementingkan diri sendiri. Bekas pelaut ini digambarkan sebagai seorang yang tidak mempunyai maruah diri dan tidak makan nasihat daripada teman rapatnya Razman yang sangat dipercayainya. Pada akhir cerita Abdul Fekar kembali menjadi pelaut setelah Siti Salina meninggalkannya. Abdul Fekar tidak diberi balasan setimpal oleh pengarang. Sekali lagi di sini pengarang menolak konvensi sastera Melayu pada waktu itu, iaitu “buat baik dibalas baik dan buat jahat dibalas jahat”.

Kebanyakan watak yang ditampilkan ialah watak bulat kerana setiap mereka mempunyai kelebihan dan kekurangannya sebagai manusia seperti yang dibincangkan. Suatu faktor yang menarik ialah di samping novelet *Ke Mana Terbangnya* yang menampilkan wanita sebagai watak pentingnya, novel *Salina* ini juga demikian. Antara watak wanita yang perlu diberi perhatian dalam novel ini ialah Salina, Nahidah, Katijah dan Zarina. Mereka menjalani nasib yang tersendiri walaupun banyak mempunyai persamaan iaitu merupakan mangsa atau sisa perang. Mereka juga, kecuali Katijah, ialah mangsa penganiayaan lelaki. Salina hidup sebatang kara setelah semua anggota keluarganya yang terdiri daripada ibu bapa dan dua adiknya dan kekasihnya, Mohd. Yusuf, meninggal dunia dalam serangan bom. Salina juga pernah diperkosa Jepun. Nahidah pula

kematian ayah (seorang askar) dalam serangan komunis. Nahidah menjadi mangsa rogol Salim dan Abdul Fakar. Katijah menjadi janda setelah suaminya, seorang pemandu bas, meninggal dunia dalam serangan bom Jepun. Zarina pula menjalani pengalaman yang lebih pelbagai dan lebih menderita ketika perang Jepun. Dia berkahwin tiga kali, dua kali bercerai, dianiaya suami, diperkosa, menjadi pelayan hingga akhirnya berkahwin dengan Abdul Mutalip, ayah Nahidah, sehinggalah suaminya itu meninggal dunia dalam suatu serangan komunis.

Sebagai sebuah novel ternyata *Salina* masih setia dengan bentuk realisme. Pergerakan plot cerita dalam setiap bab kebanyakannya berisi pertuturan antara dua orang watak yang selalunya berlainan. Sebagai contoh Bab 2 membentangkan perkenalan Hilmy dengan Nahidah yang membuka serba sedikit penerangan tentang latar belakang masing-masing. Bab 3 pula mengutarakan perbualan Hilmy dengan Salina. Begitulah seterusnya dalam tiap-tiap bab ini perbualan antara watak yang berlainan menggerakkan perjalanan ceritanya. Hanya bab terakhir, iaitu Bab 34, difokuskan pada Hilmy setelah dua tahun dia meninggalkan Kampung Kambing dan ibunya meninggal dunia. Bab ini diakhiri dengan Hilmy berada dalam kereta api menuju ke Singapura untuk bertemu dengan Siti Salina. Selain itu dalam novel ini pengarang banyak memberi keterangan tentang perasaan jiwa, bentuk dan rupa watak di samping gambaran kemiskinan mereka semua. Pelukisan rumah, bilik dan keadaan keliling begitu terperinci, yang sekali gus memberi keterangan langsung tentang persekitaran dan kemiskinan mereka.

Ke Mana Terbangnya

Latar waktu tidak dinyatakan dengan jelas dalam novel ini, tetapi dapat dikesani berlaku di sekitar selepas

zaman pendudukan Jepun. Pendapat ini didasarkan pada pengalaman yang dialami oleh dua orang wataknya, iaitu Tengku Shaion dan Pak Nordin. Keduanya mempunyai pengalaman getir pada zaman yang penuh kesengsaraan dan banyak mengubah cara hidup mereka.

Semasa plot cerita bermula, Tengku Shaion digambarkan sebagai seorang pelacur yang luntur kecantikannya sedang dalam perjalanan pulang dengan menaiki beca. Dia semakin sedih kerana beberapa orang pemuda dalam sebuah kereta mengejeknya. Bagi Tengku Shaion ejekan begitu dilemparkan kepadanya semata-mata kerana kecantikannya sudah luntur.

Selain secebis riwayat Tengku Shaion, latar belakang Pak Nordin, seorang penarik beca yang tinggal di Kampung Alang Sunti dinyatakan pernah bekerja sebagai konduktor bas pada zaman sebelum perang. Pada masa Jepun dia menjadi askar dan dihantar ke pulau-pulau Selatan dan Indonesia. Pada zaman ini juga dia terlibat sebagai penjual barang-barang gelap dan akibatnya ditangkap Jepun. Selepas Jepun kalah perang, oleh sebab kecewa untuk mendapat pekerjaan dia pernah cuba membunuh diri tetapi sempat ditemui oleh Tengku Shaion. Semenjak itu dia tinggal sekampung dengan Tengku Shaion dan bekerja sebagai penarik beca. Pak Nordin membawa Tengku Shaion dan kawan-kawan pelacurnya itu ke tempat mereka melacur. Ketika plot cerita bermula dia telah pun berumur 54 tahun.

Oleh sebab tiada tercatat tempoh latar masa novelet ini secara jelas, maka latar belakang dan umur dua watak tadi dapat diandaikan bahawa latar masanya ialah tahun 1960-an. Malah pengarang sendiri mengakui bahawa novelet ini memaparkan rakaman kehidupan di sekitar tahun 1960-an dan 1970-an.³²

Pada masa itu digambarkan pekerjaan sangat sukar didapati seperti yang berlaku pada Anidah. Dia

mula mencari kerja setelah Tengku Shaion, kawan tempatnya menumpang, terlantar sakit. Latar belakang pendidikan Anidah tidak dinyatakan oleh pengarang, namun kesulitan mendapat pekerjaan digambarkan dengan jelas. Akhirnya Anidah sendiri melacur diri untuk mencari wang membeli ubat kawannya yang sakit itu.

Berbanding dengan latar masa yang begitu kabur, pengarang memberi nama latar tempat berlakunya pergolakan cerita novelet ini, iaitu Kampung Alang Sunti sebuah kampung pelacur. Kampung itu terletak di kota berdasarkan ciri-ciri yang ditunjukkannya. Antaranya ialah suasana hidup sebahagian ahli masyarakat yang begitu bebas mengerjakan maksiat iaitu melacurkan diri. Malah kelakuan kumpulan pelacur seramai sembilan orang yang tinggal di sebuah rumah papan dua tingkat buruk itu begitu terbuka. Tetapi mereka digambarkan tidak ditegur atau dinasihati oleh ahli masyarakat yang lain-lain.

Masyarakat Kampung Alang Sunti yang ditampilkan dapat dibahagikan kepada empat kumpulan sahaja, iaitu kumpulan pelacur, kumpulan samseng yang menggelarkan diri mereka Geng 41 dan Geng 28, sekumpulan kanak-kanak terbiar yang sentiasa berkeliaran di kawasan rumah pelacur itu dan Pak Nordin, penarik beca itu, serta Zabar, tuan punya rumah papan dua tingkat itu. Zabar digambarkan lebih mementingkan sewa rumah daripada menasihati kumpulan pelacur itu. Kekosongan autoriti agama menyebabkan maksiat dan keruntuhan moral begitu berleluasa di kampung itu. Walaupun digambarkan di kalangan pelacur itu ada kesedaran tentang syurga dan neraka, ternyata pengetahuan agama mereka begitu dangkal. Walau bagaimanapun mereka sedar pekerjaan itu hanya dapat menampung hidup sementara kerana kebanyakan mereka beransur tua, yang merupakan musuh utama kepada wanita-wanita yang terlibat dalam pekerjaan itu.

Kawasan kampung itu dilukiskan begitu terbiar dan kotor dengan itik, ayam dan anjing yang sentiasa berkeliaran. Malah dua ekor anjing yang digelar Joni dan Popi menjadi sebahagian daripada ahli masyarakat kampung itu, terutama di kalangan kanak-kanak. Keakraban hubungan mereka diabadikan oleh Fidah anak Anidah yang berumur enam tahun dalam lukisannya. Ketika Joni dan Popi ditembak mati, ramai kanak-kanak seperti Odah dan Majid merasakan sangat kehilangan.

Selain suasana kotor, kampung itu penuh dengan kemiskinan seperti dapat dilihat daripada pandangan Pak Nordin.

Dia memandang rumah-rumah buruk dan ada yang hampir roboh di hadapan dan di kanan kirinya; jalan yang lekak lekuk; longkang yang busuk dan tidak mengalir airnya, penuh dengan sampah sarap; itik, ayam, kucing dan anjing yang setengahnya kurap serta jambatan buruk yang tidak teguh tiangnya, dan sudah beberapa kali dibetulkan (hlm. 43)

Di samping itu terdapat banyak rangka kereta buruk bersepah yang menunjukkan keadaan terbiar dan miskin di kampung itu. Kemiskinan itu lebih nyata lagi digambarkan melalui kumpulan pelacur yang menjadi fokus cerita ini. Sembilan orang pelacur itu tinggal di sebuah rumah dua tingkat, buruk dan bocor ketika hujan (hlm. 6). Mereka terdiri daripada pelbagai kaum iaitu Melayu, Cina dan India iaitu Ramisah, Maisarah, Jalilah, Apon, Sulimah, Sui Koon, Molly dan Paliamah tinggal di tingkat bawah. Manakala Tengku Shaion tinggal di tingkat atas bersama-sama kawannya, Anidah serta anaknya, Fidah, yang berumur enam tahun. Mereka sangat mesra dan saling mengambil berat kebajikan rakan-rakan serumah. Walaupun mereka sering bertengkar, bercakap setinggi tekak dan mencarut, tetapi mereka sangat bertimbang rasa dan hidup aman (hlm. 54).

Kemiskinan sangat jelas digambarkan oleh pengarang melalui penampilan diri pelacur pada waktu siang. Mereka berpakaian buruk dengan wajah yang begitu luntur, "mata tidak lincah, malah terbayang pula tanda-tanda kelabu sedikit menabiri biji mata, sedang rambut pula kemerah-merahan, berkelemumur, rosak oleh keriting dikaran yang berulang-ulang" (hlm. 22). Kulit mereka juga digambarkan penuh panau.

Kemiskinan Tengku Shaion yang digambarkan terlanjar sakit ditunjukkan melalui suasana biliknya: "Tengku Shaion sedang berkelubung dengan gebar hijau muda yang sudah pun berlapuk dan berlubang-lubang kecil terutama pada sudut kiri ... bantal putih yang sudah kehitam-hitaman dan tertetas sedikit jahitannya. Berhampiran dengan katilnya terletak sebuah peti susu kecil yang dijadikan sebuah meja" (hlm. 61 dan 62). Kemiskinan sangat terasa apabila Tengku Shaion terlanjar sakit. Oleh sebab tiada wang di tangan, walaupun sakit dia pergi melacur untuk mendapatkan wang bagi membeli ubat. Ketika sakitnya tidak sembuh, dia telah menjual barang kemasnya. Malah Anidah kawannya turut menjual barang kemas yang tinggal untuk menampung perbelanjaan mereka.

Kawan-kawan serumah turut membantu Tengku Shaion tetapi tidak dapat berterusan kerana pendapatan dan diri mereka terancam apabila pihak berkuasa semakin kerap mengadakan serbuan untuk menghapuskan pelacuran.

Masalah sosial di kampung itu bertambah buruk apabila terdapat dua kumpulan samseng yang selalu bergaduh di antara satu dengan lain. Mereka ini menamakan kumpulan mereka Geng 28 dan Geng 41. Mereka menggunakan senjata seperti botol pecah, rantai basikal berkarat, kayu dan lain-lain. Ghani, salah seorang ahli kumpulan ini juga mengganggu dan membawa lari Dorisah anak gadis Apon setelah beberapa kali mereka mengadakan pertemuan sulit berhampiran dengan

rumah gadis itu. Pernah terbetik di hati Anidah untuk memberitahu hal itu kepada Apon, tetapi dibatalkan niatnya itu. Setelah tiga tahun Anidah tinggal bersama-sama mereka dia tahu bahawa "kampung itu memangnya tempat segala maksiat berlaku, dan apa yang berlaku itu sudah sepatutnya tidak menjadi soal sangat, sudah menjadi darah daging di tempat itu" (hlm. 79).

Kejadian Dorisah gadis sunti Apon melarikan diri dengan Ghani juga menunjukkan suasana sekeliling yang tidak sihat dan tidak menggalakkan pertumbuhan sahsiah dan jiwa yang sihat di kalangan anak-anak. Peristiwa yang menimpa Dorisah ini digambarkan dengan menggunakan teknik imbas kembali dan telah lama berlaku ketika plot cerita ini bermula.

Novelet ini mengutarakan wanita sebagai watak pentingnya, iaitu Tengku Shaion, dan berkisar di sekitar sekumpulan wanita pelacur. Dalam mengutarakan watak penting dalam novelet ini, A. Samad Said menggunakan pola yang sama dengan novel-novel yang telah dibincangkan iaitu watak penting akan muncul di permulaan plot cerita kemudian ditinggalkan untuk sementara bagi memunculkan watak-watak lain. Hanya dalam Bab 4 kisah Tengku Shaion ini muncul semula. Tengku Shaion dianggap sebagai watak penting kerana peranannya dalam plot cerita. Pengarang juga banyak menyorot latar belakangnya yang mendorong dia tercedur ke lembah pelacuran itu. Latar belakang itu diceritanya sendiri kepada rakan sebiliknya, Anidah, ketika dia terlantar sakit. Segala-galanya bermula ketika dia berumur 16 tahun. Lantaran sikap lemahnya yang mudah mempercayai lelaki, dia menyerahkan pada Mutalib, lelaki pertama yang merayunya hingga dia mengandung. Mutalib tidak bertanggungjawab terhadap perbuatannya malah menganiaya wanita ini dengan meninggalkan Tengku Shaion begitu sahaja ketika majlis perkahwinan yang diatur oleh bapa Mutalib hampir tiba. Ini adalah kerana secara kebetulan pula

bapa Mutalib meninggal dunia. Kematian itu menyebabkan Tengku Shaion terpaksa memikul malu sendirian dan Mutalib terlepas daripada bertanggungjawab. Bagi mengelakkan malu, keluarga Tengku Shaion menghantarnya ke Singapura untuk tinggal bersama-sama bapa saudaranya yang bekerja sebagai buruh.

Di tempat baru itu juga dilukiskan, kerana kelemahan jiwanya Tengku Shaion terpedaya pula dengan janji Karim. Untuk meringankan beban keluarganya, Wan Hussein, bapa saudara Tengku Shaion bercadang mengahwinkannya dengan mamak Abdul Ghaffar seorang penjual barangan runcit yang berumur 60 tahun. Tidak ada lanjutan kisah ini yang menyorot faktor yang menyeret Tengku Shaion ke kancah pelacuran. Tidak ada tinjauan perasaan Tengku Shaion sendiri terhadap nasib malangnya itu. Sorotan jiwa wanita ini terhadap tindakan tidak bermoralnya tidak diberi perhatian. Apatah lagi jika dikaitkan dengan gelaran tradisi "tengku" pada namanya itu. Jika ditinjau dari sudut sosial, gelaran itu memberi kesan kepada kedudukan sosialnya. Latar belakang keluarga Tengku Shaion tidak disentuh sama sekali bagi memberi justifikasi keruntuhan moral wanita ini.

Selain Tengku Shaion, watak wanita lain yang diberi latar belakang hanyalah Anidah, kawannya yang telah tiga tahun hidup menumpang dengannya. Anidah diceraikan setelah suaminya itu berkahwin lagi. Melalui teknik imbas kembali pembaca mengetahui punca Anidah tinggal di sarang pelacur itu bersama-sama anak perempuannya yang dalam plot cerita berumur enam tahun.

Selain Tengku Shaion dan Anidah, terdapat lapan orang pelacur rakan serumah mereka. Mereka ialah Ramisah, Maisarah, Jalilah, Molly, Apon, Paliamah, Sui Koon dan Sulimah. Tidak ada langsung gambaran tentang latar belakang hidup mereka yang membawa

mereka tercebur ke lembah pelacuran itu. Apa yang ada hanya dinyatakan oleh Pak Nordin bahawa kebanyakan mereka terutamanya Molly, Sulimah dan Paliamah itu besar di depan matanya, "Semuanya jadi jahat, semua, semua" (hlm. 44). Tanpa latar belakang keluarga, nilai kekeluargaan dan mobiliti sosial mereka maka justifikasi perbuatan mereka tidak dapat diberikan. Mereka seolah-olah dilontarkan pengarang untuk menjadi pelacur di Kampung Alang Sunti begitu sahaja.

Sebagai pelacur kelas bawahan yang dinilai dari segi wajah, pakaian dan percakapan mereka pada waktu siang seperti yang dibentangkan dalam Bab 2 novelet itu, mereka digambarkan pasrah dengan cara hidup itu. Mereka sedar dalam tingkat umur yang sudah melebihi 25 tahun dan tiada harapan lagi untuk menjalani hidup yang lain. Ini adalah kerana mereka sedar bahawa lelaki hanya tertarik dengan kecantikan dan kemudaan wanita sahaja. Mereka sedar dalam usia begitu, harapan untuk mengubah cara hidup sudah tiada lagi. Sebelum itu pernah terjadi pada Zainab, salah seorang kawan mereka, berkahwin dengan seorang lelaki yang melanggannya. Zainab kini hidup berbahagia dengan mendapat tiga orang anak lelaki, dan tinggal di rumah besar. Zainab digambarkan mampu mengubah nasibnya walaupun telah menjadi pelacur hampir tiga bulan kerana ketika itu dia masih berumur 18 tahun dan cantik. Dengan kemudaan dan kecantikannya dia berjaya menarik perhatian lelaki yang kini menjadi suaminya. Di sini dengan jelas digambarkan persepsi mereka sebagai wanita, bahawa mereka sendiri tidak berdaya mengubah hidup mereka terutamanya jika mereka tiada mempunyai modal hakiki iaitu kecantikan. Mereka percaya hanya dengan kecantikan dan perkahwinanlah hidup mereka dapat berubah. Persepsi ini dinyatakan oleh Apon, seorang pelacur yang paling senior di antara mereka berdasarkan pengalamannya selama 10 tahun melacur. Dia juga

mempunyai seorang anak gadis bernama Dorisah yang ketika plot cerita bermula telah melarikan diri mengikut kekasihnya Ghani seorang samseng kampung itu.

Pada Apon "kalau dah sampai di sini, terlontar di kampung ni, hah sudah, jangan dimimpi-mimpikan nak kahwin lagi. Aku saja dah jadi contoh. Sepuluh tahun sini, sepuluh tahun! Harap, harap, siang malam" (hlm. 34). Begitulah digambarkan terhadnya pilihan yang terbuka kepada wanita-wanita pelacur itu untuk mengubah cara hidup setelah tercebur ke lembah maksiat. Mereka digambarkan tiada inisiatif langsung untuk mengeluarkan diri dari alam pelacuran itu. Bagi Colette Dowling sikap menaruh harapan pada orang lain untuk mengubah nasib sendiri dinamakannya *Cinderella Complex*.³³ Ternyata sikap ini menguasai pelacur-pelacur di Kampung Alang Sunti ini.

Bagi watak lelaki pula hanya Pak Nordin, seorang penarik beca diutarakan walaupun sebagai watak sampingan. Sama seperti pelacur-pelacur itu yang dililit kemiskinan, Pak Nordin digambarkan sebagai "hanya tulang dan terlalu cengkung mukanya itu ..." (hlm. 28) terlalu pasrah dengan hidupnya kini (sebagai penarik beca). Seperti katanya "aku tunggu hari mati saja. Aku mati dengan beca ni juga. Sebelum tu aku angkatlah kau orang [para pelacur] ke mana saja, kau orang dapat rezeki, aku pun dapatlah" (hlm. 42).

Daripada perbincangan di atas jelas bahawa watak-watak dalam novelet ini merupakan orang yang tidak mengubah nasib mereka ke arah yang lebih baik kerana keadaan sekeliling, terutamanya kemiskinan yang begitu menekan. Tetapi faktor yang utama tertutupnya pintu hati mereka untuk mengubah hidup mereka lantaran kemiskinan, bersikap negatif dan terlalu banyak bergantung pada unsur-unsur luar untuk mengubah diri mereka.

NOVEL SELEPAS MERDEKA

Novel-novel A. Samad Said yang mengambil latar masa selepas merdeka dimulai dengan *Langit Petang* (1980), seterusnya *Daerah Zeni* (1985), dan *Hujan Pagi* (1987). Novel-novel itu dilahirkan dalam tahap ketiga pengkaryanya. Tahap ini dinamakannya tahap “renungan” dan “ghairah”.

Novel-novel yang lahir pada tahap ini dengan jelas memperlihatkan kematangan berkarya pengarangnya. Jarak dua dekad yang diambil antara penulisan novel sulungnya *Salina* tahun 1958 hingga lahirnya *Langit Petang* pada tahun 1980 sudah cukup untuk A. Samad Said melahirkan novel yang lebih kontemporari sifatnya. Secara sedar nostalgia kesengsaraan hidup pada zaman pendudukan Jepun itu mula ditinggalkan walaupun belum sepenuhnya.³⁴

Hasil pembacaan yang luas, kreativiti yang tajam, dan umur yang meningkat, bermula dengan *Langit Petang*, A. Samad Said telah membawa banyak pembaharuan kepada penulisan novelnya. Antaranya beliau telah membawa persoalan yang lebih filosofikal seperti dalam *Langit Petang*, meneroka alam *nouveau roman* melalui *Daerah Zeni*³⁵ dan pascamoden dalam *Hujan Pagi*.³⁶ A. Samad Said meneroka gaya baru dalam penulisan novel itu kerana sensitivitinya sebagai pengarang dan pembaca sastera dunia terhadap perubahan corak novel dunia. Percubaan itu juga didorong oleh keinginan mencari kelainan dalam novel-novelnya seperti yang telah dibincangkan dalam Bab Satu.

Di samping *Salina*, novel *Hujan Pagi* merupakan novel A. Samad Said yang banyak mendapat perhatian para peminat sastera selepas novel ini dilancarkan di Sudut Penulis, Dewan Bahasa dan Pustaka pada hari Isnin 10 Ogos 1987.³⁷ Novel ini juga telah mencatatkan satu sejarah dalam perkembangan sejarah kesusasteraan Melayu apabila 5000 naskhah cetakan pertama novel

ini terjual habis dalam tempoh kurang daripada tiga bulan dan cetakan keduanya dimulakan pada November 1987.³⁸

Novel ini membawa teknik realisme magis yang dipelopori oleh Gabriel Marquez novelis Amerika Selatan melalui novelnya *One Hundred Years of Solitude*.³⁹ Tetapi ternyata *Hujan Pagi* berpijak di bumi Malaysia dengan membawa persoalan yang sangat dekat dengan diri A. Samad Said sendiri, iaitu dunia kewartawanan. Dunia ini diceburinya sejak menyertai *Utusan Melayu* pada 1957 hinggalah beliau bersara daripada *Berita Harian* pada tahun 1987.

Menurut Johan Jaaffar, novel ini tidak ada kena-mengena dengan realisme magis sebaliknya:

*Hujan Pagi is actually about Samad's attempt at mythologising Samad! It is a culmination of almost five decades of narcissistic / creation - of Samad as a boy, Samad as an observer, Samad as a participant, and Samad as Samad in Salina, Sungai Mengalir Lesu, Bulan Tidak Bermadu di Fatehpur Sikri, Langit Petang, Daerah Zeni.*⁴⁰

Pendapat ini berdasarkan persoalan yang digarap oleh A. Samad Said dalam *Hujan Pagi* ialah dunia wartawan yang telah diharunginya lebih 30 tahun.

Novel ini mengambil masa lebih kurang dua tahun untuk sampai ke tangan pembaca setelah melalui beberapa proses daripada perancangan, penulisan hingga penerbitan. Malah menurut pengarangnya "inilah novel saya yang benar-benar dirancang secara sedar".⁴¹ Ketika itu pengarang ini telah berusia setengah abad dan telah berkarya hampir lebih 30 tahun. Kematangan usia dan pengalaman, pembacaan yang luas memungkinkannya menulis novel ini. Berdasarkan faktor-faktor di atas juga membolehkannya menyatakan bantahannya secara tersendiri terhadap beberapa perkara yang kurang disenanginya yang terjadi dalam dunia wartawan. Anta-

ranya ialah "penyakit salah susup kuasa".⁴² Keadaan ini tidak dapat diterima oleh Lokman, watak utama novel ini, yang menyebabkan dia mencuba membentuk dunia realiti yang diinginya melalui dunia impian. Lokman hidup dalam dua dunia yang berantakan; dunia nyata dan dunia imagistik yang tersendiri. Dua dunia ini menyebabkan plot novel ini terbahagi kepada dua: dunia halusinasi yang mengandungi enam bab yang berdiri sendiri (tidak seperti dunia novel Lazri Meon dalam novel *Daerah Zeni* yang tidak dipisahkan secara total dengan dunia nyata pembacanya). Dunia nyata pula terdiri daripada 13 bab.

Selain itu terdapat beberapa persoalan lain yang dibentangkan melalui ramai watak, terutamanya watak sampingan melalui beberapa anak plot yang berkaitan.

Hujan Pagi bukan sebuah novel sosial kerana tidak bersifat positivistik atau historikal. Novel ini sarat dengan periwayatan memori atau ingatan dikategorikan sebagai sebuah "dongeng" pascamoden. Kita akan melihat watak-watak yang kacau, paradigma yang berubah-ubah dan notasi mental yang unik; tidak ada yang khusus, tidak ada yang kejam, hanya periwayatan ingatan.⁴³

Pembaharuan yang dibawa oleh A. Samad Said dalam novel yang berlatarkan zaman selepas merdeka meliputi stail penceritaan yang mementingkan idea, pemikiran dan tafsiran tentang hidup yang lebih mendalam. Watak-wataknya pula terdiri daripada individu-individu yang lebih pemikir dan lebih banyak tenggelam dalam khayalan dan kenangan yang berfungsi sebagai penjelas kepada latar belakang watak-watak atau persoalan yang dihadapi mereka. Sisipan khayalan, dan kenangan dalam teknik imbas kembali menyebabkan perjalanan plot cerita menjadi begitu lambat.

Dari segi penampilan watak-watak pula, A. Samad Said memperkukuh konvensi gaya yang dimulakannya sejak penciptaan *Salina*, iaitu menolak kehadiran wira

ataupun wirawati. Malah lebih tegas lagi dalam novel-novel yang dilahirkan pada tahap ini, beliau mencipta watak antihero.

Watak wanita pula ternyata menghadapi perubahan kedudukan sosial dalam alur cerita. Kehadiran ini sejajar dengan perubahan latar masa novel-novel berkenaan, iaitu selepas merdeka. Pergerakan sosial wanita itu digambarkan tidak lagi terhad kepada menjadi suri rumah tangga, sebaliknya telah mencapai kedudukan baik dalam masyarakat. Mereka memegang jawatan yang selaras dengan pencapaian pendidikan yang tinggi. Ada di antara mereka berjaya hingga ke peringkat universiti dalam dan luar negara. Oleh sebab itu mereka mampu terlibat dalam bidang pekerjaan.

Antara perkara menarik mengenai watak penting wanita ialah hampir kesemua mereka terdiri daripada wanita muda yang belum berumah tangga. Pergaulan mereka juga tidak terhad pada suatu kaum sahaja. Sebaliknya meliputi pelbagai bangsa atau ke peringkat antarabangsa. Dari sudut ini watak-watak itu dapat terlibat dan berbincang dengan penuh keyakinan dengan rakan sejawatnya.

Sebagai kesan daripada menjawat pekerjaan di kota menyebabkan mereka tidak tinggal dengan ibu bapa lagi. Sebaliknya mereka tinggal menyewa rumah bersama dengan teman-teman daripada pelbagai kaum. Hubungan mereka dengan ibu bapa sama ada rapat atau renggang digambarkan sebagai faktor penentu nilai moral mereka.

Langit Petang

Novel ini merupakan novel penting yang menandakan bermulanya satu era baru dalam bidang pengkaryaan novel A. Samad Said. Pendapat ini berdasarkan ciri-ciri yang ditonjolkan oleh novel ini yang berbeza daripada novel-novelnya yang terdahulu, terutamanya jika ditin-

jau dari sudut teknik penceritaan yang memberi kesan kepada perjalanan plotnya. Plotnya berjalan begitu lambat kerana penggunaan teknik aliran kesedaran dan imbas kembali yang meluas. Teknik ini bersesuaian dengan penekanan yang diberikan terhadap idea dan tema yang diketengahkan oleh novel ini yang sesuai jika digolongkan sebagai novel idea.⁴⁴ Idea filosofikal yang diketengahkan oleh A. Samad Said adalah tentang makna hidup melalui perbincangan Ariff seorang bekas pejuang kemerdekaan tanah air yang tidak menerima balasan setimpal dengan Hafiz seorang wartawan sambilan. Hafiz kasihkan Ariff yang terlontar di kampung setingan sedangkan beberapa orang tokoh yang pernah membantah perjuangan Ariff itu mengecap kenikmatan dalam hidupnya. Ariff tidak dapat berbuat apa-apa tetapi meneruskan hidup yang tersisa dengan rutin harian seperti menanam sayur dan berdebat serta berbincang di surau kampung itu pada waktu malam.

Novel ini menggunakan latar masa tahun 1970-an berdasarkan beberapa keadaan dan peristiwa sejarah tanah air. Antaranya ialah kempen Bumi Hijau yang diperkenalkan oleh kerajaan selepas peristiwa 13 Mei 1969. Kempen ini menggalakkan rakyat menanam sayur-sayuran di sekeliling rumah untuk menampung serba sedikit keperluan dapur. Selain itu juga kempen ini menggalakkan penggunaan tanah secara aktif. Dalam novel ini Ariff digambarkan mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap penggunaan masanya yang terluang untuk menanam beberapa jenis sayuran di sekeliling rumahnya. Selain merupakan hobi yang berfaedah, berkebun juga dapat menyihatkan tubuh badannya. Selain Ariff, pengarang tidak pula menyatakan sambutan orang kampung setingan yang lain terhadap Kempen Bumi Hijau ini.

Kawasan kebun Ariff juga pernah dijadikan tempat persembunyian beberapa orang mahasiswa universiti yang berhampiran yang terlibat dengan kegiatan demons-

trasi. Dari segi sejarah tanah air demonstrasi mahasiswa sering diadakan pada akhir 1960-an hingga awal 1970-an sehinggalah kerajaan meminda Akta Universiti dan Universiti Kolej pada tahun 1975.⁴⁵ Walaupun kejadian itu disebut hanya sepintas lalu oleh pengarang, iaitu pada halaman 97-99, tetapi hal ini dapat memberi petunjuk bahawa latar masa yang digarap dalam novel ini ialah awal tahun 1970-an.

Dari segi plot cerita, kisah demonstrasi ini timbul apabila beberapa orang mahasiswa yang terlibat dalam demonstrasi lari menyelamatkan diri daripada serbuan polis di kebun malah bersembunyi di rumah Ariff. Orang tua itu menerima mereka dengan rela kerana memahami keadaan dan idea di sebalik demonstrasi itu. Dia faham tentulah ada sesuatu yang diperjuangkan oleh anak-anak muda itu sama seperti dirinya yang terlibat dalam perjuangan menegakkan kemerdekaan dahulu. Ariff juga semakin sedar betapa dalam usia yang sudah 62 tahun itu dia tidak mampu lagi berjuang, tetapi memahami keperluan seperti yang dimanifestikan oleh penuntut pengajian tinggi itu.

Latar tempat novel dapat dibahagikan kepada dua, iaitu di Kuala Lumpur dan Kuala Terengganu. Di Kuala Lumpur pula terbahagi kepada dua, iaitu di sebuah kampung setinggan yang tidak diberi nama khusus dan di sebuah rumah sewa tempat Zakiah dan tiga kawan wanitanya tinggal. Namun demikian ternyata penempatan kampung setinggan ini lebih banyak disorot oleh pengarang ketika plot cerita tertumpu pada Ariff atau Hafiz sendiri. Sedangkan rumah Zakiah jadi tumpuan ketika watak ini disorot.

Menurut A. Samad Said, kampung setinggan itu terilham oleh Kampung Abdullah Hukum, yang terletak tidak jauh dari pejabat beliau bekerja di bangunan New Straits Times.⁴⁶ Kampung ini digambarkan berdekatan dengan landasan kereta api namun kedudukan dan suasana rumah tidak digambarkan secara terperinci seba-

liknya dinyatakan sepintas lalu. Antaranya kedudukan rumah-rumah agak rapat, kurang ada *privacy* sehingga dari dalam rumah dapat didengar suara jiran sebelah bercakap-cakap (hlm. 103). Pada waktu pagi pula terdapat ramai penjaja datang ke kampung itu (hlm. 120). Namun di kampung itu terdapat tanah untuk Ariff bercucuk tanam. Penduduknya pula terdiri daripada para perantau yang datang tinggal di kampung itu untuk mencari rezeki, seperti bekerja sebagai kerani, pekerja kilang atau orang pencen seperti Ariff sendiri.

Walaupun kampung itu terletak di ibu kota, amalan hidup secara tradisi belum terhakis sepenuhnya, "ahli-ahli masyarakat kampung setingan ini tidak bersifat individualistik dan mementingkan diri sendiri. Sebaliknya di antara jiran tetangga terdapat interaksi yang rapat. Ahli-ahli masyarakat, terutama yang masih muda, juga menerima proses sosialisasi dari masyarakatnya".⁴⁷ Mereka hidup saling membantu seperti yang digambarkan ketika Ariff terlantar sakit. Ramai jiran menghantar makanan atau memasak makanan untuknya. Ramai juga yang datang melawatnya. Ketika tinggal di kampung itu Zakiah mengalami keguguran dan dia dihantar ke hospital oleh jirannya, Hafiz.

Bagi penduduk kampung itu institusi surau bukan sahaja berfungsi sebagai tempat beribadat, malah tempat mendapat maklumat dan mengasah fikiran bagi golongan lelaki kampung itu. Peranan surau ini ada persamaan dengan surau di kampung tepi laut dalam novel *Adik Datang*. Jika perdebatan dan pentafsiran terhadap sesuatu kejadian semasa dalam novel di atas diketuai oleh Shahrom, seorang bekas guru, di surau kampung setingan ini, Ariff juga seorang bekas guru menjadi ketuanya. Malah di sini juga, di surau kampung setingan ini, pernah tercetus pertengkaran antara Razi dengan Haji Ridwan kerana perbezaan parti politik. Tetapi berkat kebijaksanaan Ariff, pertengkaran itu tidak sampai berpanjangan.

Hasil kerjasama dan perpaduan penduduk kampung itu juga menyelamatkan ramai di antara mereka daripada menjadi mangsa pencuri. Dengan kerjasama jugalah beberapa gejala negatif seperti keruntuhan moral dapat dihindarkan dari kampung berkenaan, seperti yang pernah berlaku pada Zawiyah yang hampir diperkosa oleh Majid, bapa tirinya.

Cara hidup di kampung setingan dikontraskan dengan cara hidup Zakiah yang tinggal di kampung itu. Peristiwa dia keguguran (Zakiah mengandung luar nikah) telah "menghalaunya" dari kampung tersebut. Peristiwa itu menjadi bahan umpatan, bisikan yang tidak tertahan Zakiah menerimanya. Tetapi ditinjau dari segi lain, peristiwa ini merupakan titik mula perkenalan dan persahabatan antara Zakiah dengan Hafiz, watak penting novel ini.

Selain kampung setingan ini, Kuala Terengganu juga dijadikan latar tempat, terutamanya bagi Hafiz bermula dari halaman 23 dalam bab empat. Namun suasana latar tempat ini tidak ditonjolkan walaupun tujuan Hafiz ke sana untuk melihat keindahan tanah air sambil menikmati "kebebasan". Sebaliknya Kuala Terengganu dipilih oleh Hafiz sebagai tempat untuk dia menanti saat akhir hayatnya selepas mengetahui dia menghidap leukemia. Keindahan alam kurang diberi perhatian tetapi lebih kepada pengalaman Hafiz menjalin persahabatan dengan rakan-rakannya di Kuala Terengganu, seperti Rasul dan Hanafi, dan menghadapi suasana banjir. Pengarang juga lebih menekankan kesan kejiwaan Hafiz ketika menyaksikan keindahan alam seperti ombak, daun-daun ditiup angin dan hujan yang selama ini kurang diteliti. Di Kuala Terengganu, Hafiz begitu dekat dengan alam yang lebih berfungsi untuk mendekatkannya dengan Allah yang Maha Pencipta.

Bagi Zakiah pula, pemergian Hafiz ke Kuala Terengganu meninggalkan suatu ruang kosong dalam

hatinya. Ini ialah kerana walaupun di kalangan teman serumahnya Hafiz digelar "ahli fikir kurap", tetapi baginya Hafiz merupakan lelaki yang istimewa. Ini adalah kerana sikap Hafiz yang menghormati Zakiah. Perasaan ini juga mendorong Zakiah pergi ke Kuala Terengganu untuk memujuk Hafiz pulang ke Kuala Lumpur semula. Pertemuan mereka membuktikan betapa besarnya erti persahabatan mereka. Dalam pertemuan itu juga Hafiz menasihatkan Zakiah supaya memberhentikan dendamnya terhadap lelaki, sebaliknya pergi menemui Ariff untuk mendapatkan nasihat. Hafiz juga menasihatkan Zakiah supaya mengasihi dirinya daripada diperalatkan oleh lelaki. Itulah yang dilakukan Zakiah selepas pulang semula ke Kuala Lumpur.

Selain kampung setingan, gerai cipateh merupakan tempat Zakiah dan Hafiz sering bertemu. Selain itu latar tempat kurang ditekankan. Ini adalah kerana *Langit Petang* ialah sebuah novel yang kaya dengan simbol dan imageri. Olahan novel tersebut sarat dengan mekanisme sastera seperti aliran bawah sedar dan monolog.⁴⁸ Teknik ini digunakan terutamanya yang melibatkan watak Hafiz serta Ariff dan Zakiah.

Menurut A. Samad Said, novel ini berasal daripada cantuman tiga buah cerpen yang mempunyai tiga orang watak yang mempunyai matlamat hidup yang berbeza dan latar belakang yang berbeza.⁴⁹ Mereka masing-masing, iaitu Ariff, Hafiz dan Zakiah, melalui detik kehidupan dengan cara gaya sendiri hinggalah Hafiz mengambil keputusan berhenti kerja sebagai *stringer* di sebuah syarikat akhbar untuk bebas menulis, mengembara dan membaca pada bila-bila masa yang disukainya. Keputusan ini diambilnya setelah mengetahui dia mempunyai peluang hidup yang relatif singkat lantaran menghidap penyakit leukemia. Tetapi alasan kesihatan itu hanya diketahui pembaca di halaman 139, iaitu pada penghujung novel ini dan tidak diketahui oleh sahabat-sahabat rapatnya sehingga Hafiz meninggal

dunia. Pengarang berjaya menimbulkan teknik ironi yang mengharukan sahabat-sahabat Hafiz.

Ketiga-tiga mereka dapat dianggap watak penting yang berkembang dalam novel yang membawa tema universal, iaitu apakah yang dicari dalam hidup ini. Soalan ini akan terjawab setelah hidup ini diperiksa supaya tidak menjadi sia-sia seperti asap rokok yang berkembang seterusnya hilang. Plot cerita mula berge-rak setelah Hafiz berhenti kerja dan mengembara ke Kuala Terengganu. Keputusannya itu membingungkan Ariff dan Zakiah.

Perkembangan novel ini yang dibahagikan kepada 23 bab disorot menerusi watak Arif, Hafiz dan Zakiah. Pengarang berjaya mengawal ketegangan cerita dengan baik. Berita-berita yang saling diterima dan dikirim oleh watak-watak itu menyambung kisah mereka yang berjauhan itu. Namun demikian perjalanan plot berjalan begitu lambat lantaran diselangi oleh teknik aliran kesedaran dan monolog watak-wataknya. Pengarang memberi kebebasan yang cukup luas untuk setiap watak tenggelam dalam khayalan, atau istilah sasteranya teknik aliran kesedaran. Teknik ini digunakan sebagai pendedahan aliran fikiran yang berlaku secara sedar hasil daripada tindak balas emosi watak, sama ada terhadap dirinya atau terhadap watak-watak lain.⁵⁰

Di samping itu pengarang juga sengaja memancing selera pembaca dengan menggunakan teknik suspen pada setiap penghujung bab. Antaranya seperti membangkitkan masalah tidak terduga pada akhir bab. Dan, kerap kali pula tegangan itu akan terjawab dalam bab yang berikutnya.

Antara yang menarik, ketiga-tiga watak penting ini hidup sebatang kara, sama ada tiada lagi ahli keluarga seperti Ariff yang kematian isteri dan anak - Hafiz juga kematian ibu ketika melahirkannya, disusuli pula oleh ayahnya dua tahun kemudian. Melalui teknik imbas kembali diketahui bahawa Hafiz dipelihara oleh Dorani,

bapa saudara sebelah ibu, seorang buruh pada di sebelah siang dan penjual goreng pisang pada sebelah malam. Dorani pindah ke kampung setinggian itu tujuh tahun lalu dan bermulalah persahabatan antara Hafiz dengan Ariff.

Zakiah, seorang pegawai perhubungan awam, pula berasal dari Jeram tinggal di Kuala Lumpur dengan tiga orang kawan perempuannya; Rashidah, Maimunah dan Zainab, yang merupakan watak-watak sampingan novel ini. Hubungan Zakiah dengan Ariff dan Hafiz terjalin ketika dia tinggal di kampung setinggian itu beberapa tahun yang lalu. Persahabatannya dengan Hafiz bermula setelah Hafiz menghantarnya ke klinik dan melawatnya setelah Zakiah keguguran.

Hubungan mereka bertiga terjalin dalam suatu bentuk hubungan platonik.⁵¹ Pertemuan mereka, sama ada Ariff dengan Hafiz atau Hafiz dengan Zakiah, selalu berkisar pada perbincangan tentang hidup dan pendirian mereka sendiri. Gagasan yang tersaring daripada perbincangan itu kebanyakannya menyarankan intelektualisme, dan pergeseran idea. Keadaan ini sesuai pula dengan watak-watak itu sendiri. Ariff yang berumur 62 tahun seorang bekas guru lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris pernah berjuang menentang Malayan Union untuk kemerdekaan tanah air. Tetapi dia tidak mendapat apa-apa ganjaran atas segala jasanya, sebaliknya selepas pencen dia menetap di kampung setinggian itu.

Hafiz pula berusia 27 tahun, yang semenjak berusia 18 tahun pernah bekerja sebagai buruh, drebar, kerani kecil, jurujual dan pemberita sambilan. Walaupun masih muda, dia berpendirian tegas dan tidak membiarkan orang lain menentukan hidupnya (hlm. 6), dia juga tidak rela hidup berlalu tanpa diperiksa dan dibetuli (hlm. 27). Sebagai seorang pemikir, Hafiz banyak mengeluarkan pendapatnya mengenai Ariff yang dianggapnya kurang bernasib baik kerana terpaksa hidup

susah pada waktu tua walaupun banyak berjasa pada tanah air. Dia juga sering menggesa Ariff supaya tidak menganggap dirinya terlalu tua dan hidupnya sudah berhenti. Ini adalah kerana pada pendapat Hafiz selagi masih bernyawa hidup akan berterusan.

Zakiah pula merupakan seorang wanita yang luas pengalaman dan jauh perjalanan memilih jalan salah kerana berdendam terhadap lelaki. Dia pernah mengadakan hubungan dengan 19 lelaki dan menganggap lelaki sebagai kasutnya yang boleh ditukar ganti. Zakiah yang cantik itu pernah meraih gelaran ratu permata. Zakiah pernah terpedaya dengan janji manis Rosedin yang sudah beristeri (tidak diketahuinya) hingga mengandung dan keguguran. Zakiah pernah belajar bidang perhubungan awam di London. Di kota kosmopolitan itu Zakiah menjadi wanita yang sebebas-bebasnya. Dia pernah bersekedudukan dengan beberapa orang lelaki asing yang tertarik dengan kecantikannya. Pengalaman teraniaya di tangan lelaki menyebabkan Zakiah curiga pada semua lelaki yang dianggapnya cuma terpicat pada keindahan tubuhnya.

Setelah menjalin persahabatan dengan Hafiz dia mendapati Hafiz berbeza dengan lelaki-lelaki yang pernah ditemuinya. Hafiz tidak pernah mengambil kesempatan terhadap dirinya malah sentiasa menasihatinya dengan jujur. Sikap Hafiz itu merapatkan hubungan persahabatan mereka berdua.

Daerah Zeni

Dibandingkan dengan novel-novel yang dibincangkan sebelum ini, novel ini membawa kelainan dari segi struktur. Novel ini memaparkan dua dunia berbeza yang berjalan serentak, iaitu pertama dunia novel Lazri Meon yang dihuni oleh Hamdar dan rakan-rakannya yang boleh dinamakan "dunia lampau" dan yang kedua dunia realiti Lazri Meon yang dinamakan dunia kini

dihuni oleh Lazri Meon, anak-anaknya Zeni dan Zedi dan beberapa watak lain seperti Mohdi, Eهران, Zirah, Dr. Emiliah dan lain-lain. Hasilnya di dalam novel yang kedua terdapat novel yang pertama. Ini boleh dikatakan cara baru dalam penulisan novel di Malaysia.⁵² Namun jika ditinjau dalam perkembangan sastera di Malaysia, teknik ini bukan sesuatu yang terlalu baharu kerana terdapat bentuk cerita berbingkai seperti *Hikayat Bayan Budiman*. Namun *Daerah Zeni* berbeza kerana ia melibatkan sebuah novel lain yang fungsinya tidak sama dengan cerita-cerita dalam cerita berbingkai itu. Novel Lazri Meon itu dipersembahkan dalam bentuk tulisan bukan lisan. Novel itu bukan berbentuk cerita nasihat seperti cerita berbingkai, sebaliknya berfungsi sebagai pendua kepada masalah yang diutarakan dalam novel kedua itu. Oleh sebab itu proses pembacaan menjadi terlompat-lompat antara dua dunia ini (yang menyebabkan novel ini tidak mempunyai plot konvensional) yang merupakan salah satu ciri *Nouveau Roman*.⁵³

Pengarang tidak menggunakan plot konvensional dalam novel ini. Urutan peristiwa yang dibahagikan kepada permulaan, pertengahan dan pengakhiran tidak wujud. Tahap-tahap plot tradisional yang dikenali sebagai aksi menaik, memuncak dan peleraian bagi menunjukkan konflik watak tidak wujud langsung. Sebaliknya konflik yang dihadapi oleh watak-watak seperti Zeni, Zedi, Eهران, Mohdi dan Lazri Meon tidak menemui jalan penyelesaian.

Novel Lazri Meon masih dalam bentuk manuskrip tulisan tangan ditemui oleh Zeni, anaknya, dalam sebuah bakul rotan di antara pakaian lusuh dalam almari. Novel itu tidak selesai dan dapat diikuti oleh pembaca melalui pembacaan Zeni, Zedi, Eهران dan Zirah. Novel itu mempesonakan setiap pembacanya termasuklah Dr. Emiliah, doktor tempat Zedi dirawat. Mereka digambarkan amat terserap dengan kekreatifan Lazri Meon.

Novel Lazri Meon ini mengambil latar masa akhir abad ke-19 dan memaparkan persoalan penentangan sekumpulan pahlawan Melayu terhadap penjajah yang diterajui oleh Raja Dabet dan Dol Zaleh dengan pengikut mereka seperti Hamdar, Mardi dan Rerudin. Mereka merupakan orang yang mahir bersilat dan bermain senjata sedar akan keterbatasan mereka menentang penjajah yang bersenjata moden. Namun semangat juang mereka terus menyala. Mereka juga mempunyai kepercayaan kuat pada pembomohan yang diwakili oleh bomoh Sakinah. Dalam hal ini pengarang menggambarkan pemandangan seram dan sangat berkesan ketika peristiwa penurunan ilmu bomoh Sakinah yang nazak kepada Hamdar. Hamdar diizinkan mengambil kain kuning yang terlipat di bawah tilam yang sebaik-baik dibuka terlanjar keluar beberapa ekor lipan diikuti pemandangan kepada ular sawa besar dengan pergerakan meliuk-liuk.

Novel Lazri Meon itu mengandungi 10 bab pendek-pendek yang diselitkan dalam tujuh bab daripada 13 bab novel ini.⁵⁴ Novel Lazri Meon ini hanya mengandungi 63 muka surat atau satu per tiga daripada 182 halaman seluruh novel ini. Walau bagaimana pun bab-bab novel Lazri Meon ini tidak berdiri sendiri sebaliknya diselitkan di celah beberapa bab novel yang ditulis oleh pengarang. Kedudukan "menumpang" itu secara tidak langsung menunjukkan watak utamanya, Hamdar, berperanan sebagai cermin kepada dunia dan diri pengarangnya, iaitu Lazri Meon yang kesepian. Melalui pembicaraan novel ayah mereka, Zeni dan adiknya, Zedi, dapat mengenal masalah yang dihadapi oleh ayah mereka dengan lebih jelas lagi. Namun demikian dari segi struktur, kita melihat cerita Lazri Meon suatu rekaan semata-mata atau merupakan dunia khayalannya. Dunia ini disajikan secara langsung bukan melalui komentar pembacanya. Dunia ini juga dijustiposisikan atau diletakkan di samping dunia Zeni dan Zedi yang

diajukan sebagai dunia yang nyata dan benar. Kedudukan ini dengan sendirinya meletakkan dunia Zeni dan Zedi sebagai dunia yang lebih penting dan harus mendapat perhatian pembaca kerana pergelutan manusia dalam dunia inilah yang dipermasalahkan.⁵⁵

Tetapi dilihat dari sudut kajian ini, dunia silam yang tergambar dalam novel Lazri Meon itu dapat memberi gambaran hidup segelintir masyarakat terutama yang berkaitan dengan kedudukan watak wanitanya, seperti Asihah, yang sangat berbeza dengan yang dihadapi oleh watak wanita dari dunia realiti Lazri Meon seperti Zeni, Zedi, Zirah, Pon Raini dan Maneerah. Ini adalah kerana perkembangan ekonomi, politik dan sosial tanah air mengubah kedudukan wanita.

Setelah melihat latar masa novel Lazri Meon, kita lihat pula latar masa dunia realiti Lazri Meon yang mengandungi dua pertiga daripada novel *Daerah Zeni* ini. Kedua-dua dunia ini dipisahkan hampir 100 tahun. Secara keseluruhan bahagian ini memaparkan masalah masa kini yang dihadapi oleh watak-watak Zeni, Zedi, Lazri Meon, Zirah, Mohdi, Eهران dan lain-lain lagi. Jika ditinjau daripada tajuk novel ini, ternyata dunia dan masalah mereka inilah yang menjadi fokus novel ini.

Latar masa yang disorot dalam bahagian ini ialah tahun 1970-an ketika negara telah lama merdeka. Pembangunan fizikal yang pesat di sekitar Kuala Lumpur sangat jelas, terutamanya jika dilihat daripada pemandangan Eهران seorang buruh binaan. Bangunan tinggi bertambah banyak muncul di sini di samping kemudahan infrastruktur yang lain seperti jalan raya. Bagi pembinaan bangunan moden, beberapa kawasan setinggian terpaksa dihapuskan.

Pada era selepas merdeka ini juga rakyat digambarkan lebih memahami tugas mereka sebagai pengundi dalam pilihan raya yang berlangsung ketika itu. Keadaan ini dapat dibandingkan dengan pengundi-pengundi dalam novel *Salina* yang mengambil latar masa

awal tahun 1950-an yang digambarkan belum faham keperluan mengundi. Mereka juga digambarkan tidak tahu bagaimana mahu mengundi seperti yang telah dibincangkan dalam bab ini. Sedangkan dalam *Daerah Zeni* mengenai soal mengundi ini digambarkan watak-watak telah berani mempersoalkan janji-janji para calon. Walaupun persoalan ini digambarkan secara sepintas lalu, tetapi dapat menggambarkan pemahaman terhadap politik di kalangan rakyat semakin maju. Keadaan ini selaras dengan meningkatnya taraf pendidikan rakyat.

Sama seperti latar masa yang terbahagi dua, latar tempat novel ini juga terbahagi dua iaitu latar desa dalam novel *Lazri Meon* dan latar kota dalam dunia realiti *Lazri Meon*. Tetapi yang nyata pengarang tidak menjelaskan nama tempat dalam novel *Lazri Meon* itu, yang lebih ditekankan ialah dunia flora dan fauna yang dilihat oleh Hamdar, watak utama novel itu. Hamdar tinggal sendirian dalam sebuah gerabak kereta api di hujung landasan kereta api yang terletak jauh di dalam hutan. Dia hidup dengan cara menjual akar kayu. Pengarang menggambarkan dengan penuh intensif keindahan alam sekelilingnya yang sekali gus menyerlahkan keterasingan dan kesepian hidup Hamdar. Katak, daun keladi, teratai, pepatung, pokok-pokok subur atau meranting di sekelilingnya, burung gagak mendapat liputan yang luas dalam novel ini. Pelukisan ini tidak ditafsir secara mendalam hanya pada permukaan sahaja, namun memberi kesan kepada gambaran kesepian hidup Hamdar di tengah hutan itu yang ada persamaan atau penduanya dengan kesepian kehidupan *Lazri Meon* sendiri.

Dari satu sudut novel *Lazri Meon* itu sangat jelas menggambarkan unsur-unsur kemasyarakatan di kalangan watak-waktunya. Mereka hidup secara harmoni di kampung itu dan saling bantu-membantu. Contohnya mereka memindahkan rumah seorang tua kampung itu

ke tempat yang lebih selamat. Begitu juga keluarga bomoh Sakinah dan sahabat-sahabatnya turut bersengkang mata menunggunya yang sakit tenat itu. Selain itu hubungan antara individu begitu rapat hatta dengan Hamdar yang terasing itu. Hamdar terus berhubung dengan rakan-rakannya - Mardi, Raja Dabet, Dol Zaleh dan Asihah.

Dalam dunia realiti Lazri Meon pula suasana kesepian turut hadir di kalangan anak-anaknya. Pertemuan Zeni dengan Zedi yang lumpuh itu sering berlaku di rumah rawatan Zedi. Mereka sering bertumpu di bilik perpustakaan yang jarang didatangi oleh penghuni lain, kecuali Zedi, kawannya Zirah yang rajin membaca dan Egan. Egan berumur 12 tahun juga hidup kesepian kerana tidak mempunyai ibu bapa. Perpustakaan itu dihiasi pula dengan sebuah lukisan yang juga merakamkan pemandangan yang sepi seperti dinyatakan:

dinding di atas petak-petak buku itu terhias dua buah lukisan masing-masing merakamkan pemandangan dari bukit ke laut dan dari laut ke bukit. Cuma lukisan cat air ini lembut dan menyayukan (hlm. 21).

Dengan melihat lukisan itu Zedi atau Zirah mudah berasa sayu.

Berhampiran dengan rumah rawatan itu ada Cheeniah, seorang India tua yang kesepian yang sering ditemani oleh dua ekor burung gagak. Cheeniah tinggal sendirian di sebuah kuarters kereta api yang ditinggalkan. Ketidakhadiran Cheeniah beberapa hari menimbulkan kerisauan di hati Zedi dan Zirah yang sering melihat lelaki tua itu.

Berbanding dengan pelukisan gerabak tempat tinggal Hamdar yang dilukiskan dengan agak terperinci seperti digambarkan di halaman 1, 81, 82, tidak demikian pula keadaannya dengan rumah Zeni yang terletak

di tingkat atas. Suasana dan keadaan rumah tidak diberi perincian yang jelas, hanya digambarkan mempunyai perabot moden dan televisyen. Namun rumah itu terletak "di kawasan kini separuh desa dan separuh kota" (hlm. 34).

Suatu perkara yang tidak didapati dalam karya novelis lain ialah A. Samad Said turut juga merakamkan contengan yang terdapat pada dinding, seperti dalam novel *Keledang* (hlm. 6), dan dalam novel *Daerah Zeni* ini. Zeni sengaja melihat contengan di tempat menunggu bas setiap kali lalu di situ (hlm. 35, 36). Dengan pengertian yang lain, objek dan suasana tempat yang ditampilkan membawa imej kemurungan wataknya yang sering hanyut dalam khayalan sendiri.⁵⁶ Peneakanan terhadap objek-objek remeh begini merupakan salah satu ciri baru novel Malaysia.⁵⁷ Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, novel ini membawa perubahan dalam kesusasteraan Melayu terutama dari sudut teknik penceritaannya. Oleh sebab itu dalam melihat gambaran kemasyarakatan kita tidak menemui suatu gambaran yang sama seperti dalam novel-novel A. Samad Said yang dibincangkan. Mungkin cara hidup masyarakat dalam novel Lazri Meon itu lebih jelas kerana latar masanya ialah akhir abad ke-19. Hubungan mereka lebih rapat dan saling tolong-menolong. Sedangkan kehidupan masyarakat dalam dunia realiti Lazri Meon lebih individualistik. Apatah lagi apabila tema novel ini berlegar di sekitar kehidupan Lazri Meon yang menyepi dan mengasingkan diri daripada anak-anaknya, Zeni dan Zedi, yang juga menghadapi masalah hidup pula.

Sesuai dengan tujuan kajian ini, watak-watak dalam novel Lazri Meon itu hanya akan ditekankan pada watak wanita sahaja, termasuk watak Asihah yang merupakan watak sampingan: Asihah isteri Mudir yang pergi bertapa. Asihah bersama-sama tiga orang anaknya yang masih kecil ditinggalkan di kampung. Di samping itu Asihah menjaga bomoh Sakinah, nenek

suaminya, yang berusia 84 tahun dan sedang sakit tenat. Tidak ada gambaran jelas tentang raut wajahnya, sekadar digambarkan mempunyai suara merdu ketika mengaji al-Qur'an dan seorang ibu yang pengasih terhadap anak-anaknya. Kesetiaan Asihah pada suaminya, Mudir, tetap kukuh walaupun lama ditinggalkan dan dia diminati oleh Bahari. Pemuda ini sering ke kawasan rumah Asihah untuk mengintai wanita ini. Sama seperti watak-watak lain dalam novel ini, nasib dan masa depan Asihah tidak diketahui secara pasti.

Bagi dunia realiti Lazri Meon pula, penciptaan watak Lazri Meon menurut Fatimah Busu boleh diandaikan kepada visi pengarangnya sendiri yang mungkin secara fizikalnya telah sampai ke suatu batasan yang menghendaknya meneroka dan mengkaji hal-hal dalam diri introspeksi atau suatu batas pengalihan kecergasan?⁵⁸ Tetapi apa yang menarik ialah Lazri Meon seorang nasionalis dan sasterawan yang mula bergiat menulis novel sejak dekad 1930-an. Dalam kesuasteraan Malaysia tidak banyak novel yang mengangkat sasterawan sebagai watak di dalam novel mereka. Nama novelis Melayu juga banyak disebut dalam novel ini baik melalui Zeni anak Lazri Meon atau melalui Ebran, teman Zeni, yang juga anak seorang wartawan. Penampilan dan pembelaan terhadap novelis Melayu seperti Lazri Meon menunjukkan perbezaan ketara antara novel A. Samad Said ini dengan novel *nouveau roman* Robbe-Grillet khususnya *In the Labyarinth*.⁵⁹ Ini adalah kerana A. Samad Said mula menulis dengan tradisi kejelasan komunikasi seperti yang terlihat dalam *Salina*.⁶⁰ Mengenai hal ini tepatlah seperti pendapat A. Samad Said sendiri bahawa yang cuba diterokainya ialah pembaharuan dari segi metode sedangkan realiti yang diangkat masih realiti Malaysia.⁶¹

Sebagai seorang pengarang, Lazri Meon banyak menyamai pengarangnya A. Samad Said, terutamanya seperti yang terungkap dalam bab 2 novel ini. Antara-

nya, walaupun Lazri Meon sudah dua dekad tidak menulis, dia terus mengikuti perkembangan novel dunia dengan membaca karya Conrad, D.H. Lawrence, Gabriel Marquez selain *Tjindur Mato*, *Pandji Semirang* dan *Ardjuna Wiwaha*. Malah mengenai manuskrip novelnya yang belum selesai dan dikagumi anak-anaknya itu, terdapat persamaan pendapat dengan pendirian A. Samad Said sendiri iaitu "dia [Lazri Meon] mula merasakan kejerihannya menulis bersungguh-sungguh hati - belajar daripada beberapa karya asing, meminjam acuannya di sana sini, tapi tetap menumpahkan semangat sendiri ke dalamnya" (hlm. 145). Juga kegemaran membaca yang ada pada Lazri Meon, "kitab dan buku ternyata masih teman yang akrab baginya sejak muda" (hlm. 145).

Dari segi penulisan pula, Lazri Meon tidak sekadar menyatakan sesuatu objek tetapi akan menyatakan namanya sekali. Hal ini sangat disadari oleh Zeni seperti pendapatnya, "ayahnya jarang menyebut gunung, bukit, sungai, batu atau kampung saja - semuanya pasti ada namanya. Yang nampak bukan burung umum, tapi nuri, merbah, helang atau gagak..." (hlm. 107).

Sebagai bapa, Lazri Meon seorang yang pelucu (hlm. 133) dan menanamkan semangat srikandi pada Zeni dan Zedi dengan ingatan "jangan dibiarkan diri menjadi dayang atau hamba. Jadilah wanita yang sedia berganding bahu boleh ke dapur, boleh ke lumpur, boleh bertempur sebelum ke kubur" (hlm. 108).

Tetapi perangai dan sikap Lazri Meon mula berubah sejak setahun yang lalu, iaitu selepas kematian isterinya Fatiyah dalam nahas kereta. Berikutan itu pula Zedi terlibat dalam kemalangan yang melumpuhkan kedua-dua belah kakinya dan penceraian Zeni dengan suaminya, Mohdi. Selepas itu Lazri Meon digambarkan berasa bersalah dan "merasa kehilangan tak dikenal. Aku rasa hanya ibumu [Zeni] saja yang mengenalku. Dia teman, dia guru. Dia banyak menga-

jarku mengenal diriku. Aku tak pernah ada cermin dalam hidupku. Dialah cerminnya" (hlm. 54). Konsep cermin ini akan dihuraikan dengan lebih lanjut dalam Bab Empat ketika membincangkan watak wanita nanti. Pelukisan sikap dan sifat Lazri Meon sebagai suami sangat berbeza dengan beberapa watak suami seperti Hamid dalam *Adik Datang* dan Budin dalam *Di Hadapan Pulau*. Walau bagaimanapun memadailah dikatakan, Lazri Meon memandang tinggi dan menghargai kehadiran isterinya. Kehilangan isterinya adalah sesuatu yang sukar diterimanya.

Bagi Fatimah Busu yang melihat dari sudut psikologi, kemurungan hidup Lazri Meon selepas kematian isterinya lantaran kehilangan *sexual partner*.⁶² Pendaapat ini tidak dapat diterima sepenuhnya. Ini adalah kerana tidak pernah Lazri Meon menyebut keinginan untuk berkahwin lagi sedangkan dia boleh berbuat demikian bila-bila masa sahaja. Hanya Lazri Meon sedar Fatiyah semasa hidup tidak suka poligami seperti yang dipraktikkan oleh Jamdir, kawan baik Lazri Meon (hlm. 124).

Bagi Shahnnon Ahmad pula, kemurungan dan keterasingan hidup yang dipilih oleh Lazri Meon sejak kematian isterinya itu menunjukkan Lazri Meon "seorang pengecut menghadapi realiti dan dibiarkan keapungan khayalan itu terus-menerus memenjarakan dirinya dan juga hatinya kerana kejahilannya sendiri".⁶³

Tetapi walaupun kedua-dua anaknya digambarkan gelisah dengan perubahan sikap Lazri Meon itu, mereka dapat memahami masalahnya setelah membaca novel ayahnya. Novel itu memberi tafsiran tentang perasaan ayahnya yang berasa bersalah setelah kematian isteri, kemalangan yang menimpa Zedi dan kehancuran rumah tangga Zeni. Akhirnya Zedi dengan sikap sangat memahami sampai pada kesimpulan bahawa perubahan sikap ayahnya itu adalah kerana "ayahnya ingin ber-tenang, ingin melepaskan diri daripada kekecohan

semasa atau pengalaman yang memedihkan" (hlm. 106).

Kematian isterinya merupakan suatu titik untuk Lazri Meon menilai dirinya sebagai seorang suami dan seorang bapa. Dia akhirnya sedar bahawa dia kurang sempurna menjalankan peranannya selama ini. Suatu cara baginya menenangkan fikiran adalah dengan menumpahkan kegelisahan dan penyesalannya ke dalam novel yang penuh tamsil ibarat yang *messagenya* sampai kepada anak-anaknya. Dia juga semakin dekat kepada agama dan banyak menghabiskan masanya membaca kitab-kitab lama temannya dan kitab-kitab baru yang dibelinya yang memberi ketenangan padanya (hlm. 145).

Selain Lazri Meon, watak-watak Zeni dan Zedi digambarkan menghadapi masalah yang rumit. Zeni yang janda dan bekerja sebagai guru berasa risau dan bimbang terhadap perubahan perangai ayahnya. Dia turut prihatin dengan nasib adiknya Zedi yang lumpuh dan ditinggalkan tunang yang kemudian mengirinkan surat dengan nada riak dan bongkak. Kepahitan hidup berumah tangga dengan Mohdi yang kemudian datang mengganggu hidupnya, malah menggugat, membuat Zeni menanggukkan lamaran Ehran.

Zedi pula lebih tegas memujuk supaya kakaknya memulakan hidup baru dengan Ehran yang mencintainya, dan jangan terlalu risau dengan nasibnya yang lumpuh itu. Setelah tiga bulan dirawat, Zedi dapat menerima keadaannya dan menghadapinya dengan tabah. Tambahan pula dia sentiasa diberi semangat supaya hidup dengan lebih positif daripada kawannya Zirah. Malah dia juga gembira kerana sakit kakinya sudah ada tanda-tanda untuk sembuh.

Selain itu terdapat watak Ehran, seorang buruh binaan yang idealis, rajin membaca dan mencintai Zeni. Seorang lagi watak yang mempunyai kaitan dengan Zeni ialah Mohdi, bekas suaminya yang datang semula mengganggu hidupnya. Mohdi masih mencintai Zeni

yang dianggapnya mempunyai keistimewaan yang tidak dapat dikalahkan oleh dua orang isterinya yang lain. Dia tidak menghiraukan perasaan Zeni yang terus membencinya dan menganggapnya "menyerupai wajah penjajah" (hlm. 175). Kisah Zeni dan Zedi akan dibincangkan secara terperinci dalam Bab Empat nanti.

Selain mereka yang telah disebutkan di atas, terdapat beberapa orang watak yang memainkan peranan kecil tetapi tetap mewujudkan realiti cerita. Namun demikian, seperti novel Lazri Meon, realiti Lazri Meon juga tidak ada penyelesaian. Sehingga cerita tamat hampir semua perkara yang ditimbulkan seperti hubungan Zeni - Ehran - Mohdi tergantung. Nasib Lazri Meon juga tidak jelas. Hanya ada nada positif pada akhir cerita; Zedi memujuk kakaknya supaya jangan mengalah dalam menghadapi hidup.

Hujan Pagi

Latar masa novel ini dapat dibahagikan kepada dua, iaitu dunia halusinasi yang terdiri daripada enam bab yang berdiri sendiri iaitu bab 1, 3, 6, 8, 13 dan 17. Dunia ini mengambil latar masa tahun 1930-an, iaitu pada zaman penjajah. Pegawai penjajah mengancam penerbitan mingguan *Hujan Pagi*, akhbar kepunyaan Lokman. Akhbar yang diwarisi daripada datuknya itu banyak berisi rencana yang dapat membangkitkan perasaan menentang penjajahan. Kebanyakan rencana itu ditulis oleh beberapa wartawan muda yang dedikasi, cerdas dan nasionalis seperti Ruseli dan Arfiah. Mereka sebagai wartawan tidak memegang apa-apa.... Tidak terlatih apa-apa ... zaman terjun langsung dari kawah pengalaman ke dasar pekerjaan (hlm. 155).

Sebagai ketua pengarang, Lokman sangat bangga malah memberi galakan kepada wartawan, dan pekerjaannya seperti pengatur huruf, pencetak dan pelayan pejabat. Hubungannya sebagai tuan punya syarikat dengan

pekerja sangat rapat menyebabkan mereka sangat menyayangi dan mengambil berat terhadap nasibnya yang diugut oleh pegawai penjajah. Kerjasama rapat itu membolehkan akhbar mingguan itu terus menemui pembaca walaupun pernah dilarang dibawa melalui kereta api yang merupakan pengangkutan utama bagi penyebaran *Hujan Pagi*. Bagi memastikan akhbar itu sampai ke tangan pembaca, seorang pemuda keturunan tengku menawarkan khidmatnya dengan senang hati.

Keadaan sosial pada tahun 1930-an itu dapat digambarkan dengan jelas oleh pengarang. *Hujan Pagi* masih menggunakan tenaga manusia sebagai pengatur huruf, melipat akhbar dan membungkusnya. Penggunaan tenaga manusia ini sering menjejaskan mutu cap akhbar itu yang kadang-kadang kurang terang hurufnya akibat penggunaan dakwat yang berlebihan. Rangkaian penyebaran akhbar belum wujud dan hanya bergantung pada kereta semata-mata.

Sistem pengangkutan pada masa itu hanya basikal dan beca tarik, yang kebanyakannya ditarik oleh orang Cina, dapat memberi gambaran tentang keadaan dan sejarah sosial tahun 1930-an itu.

Selain yang telah dibincangkan sebelum ini, tidak terdapat gambaran yang menyeluruh tentang bentuk rumah, bangunan atau pakaian watak. Ini adalah kerana pengarang lebih memberi penekanan pada perkembangan jiwa watak dan tidak kepada perkara material.

Latar masa kedua yang dibentangkan ialah dunia nyata atau kini, tidak pernah dinyatakan secara jelas. Keadaan ini agak berbeza dengan novel-novel yang dikaji sebelum ini, A. Samad Said dengan sengaja memberi "tanda-tanda zaman" yang popular seperti seniman seniwati terkemuka, lagu-lagu atau penyanyi popular semasa. Tetapi ternyata dalam *Hujan Pagi* tanda-tanda itu semakin kurang diberi perhatian oleh pengarang. Hanya kecantikan Munawar Bee, seorang teman Niram

dibandingkan dengan kejelitaan dua orang seniwati filem Hindustan yang popular tahun 1970-an iaitu Zee-nat Aman dan Neetu Singh (hlm. 211). Perbandingan ini lanjutan daripada zaman *Salina* lagi. Namun demikian berdasarkan penglibatan Niram yang menyertai beberapa demonstrasi pelajar dapatlah dijangka bahawa latar masa zaman kini ialah tahun 1970-an.⁶⁴ Malah digambarkan Niram pernah ditangkap dan dipenjarakan kerana terlibat dalam demonstrasi itu. Pengarang tidak memperinci secara khusus isu yang diperjuangkan oleh Niram dan rakan-rakannya, namun ternyata melibatkan isu nasional. Ini adalah kerana kegiatan demonstrasi diharamkan setelah Akta universiti dan kolej universiti dikuatkuasakan pada pertengahan 1970-an.

Peranan akhbar pada zaman kini juga digambarkan mengalami perubahan dan kemajuan dari sudut tujuan dan struktur. Tujuan akhbar *Sinar Pagi* tempat Lokman, watak utama novel ini dan kawan-kawannya seperti Musir Ali, Mahmood Bey, Narisah Musir dan Ruzsim, bekerja tidak lagi bertumpu pada menaikkan semangat pembaca menentang penjajahan. Sebaliknya lebih kepada memberi informasi, hiburan atau seperti pendapat Norisah salah seorang watak novel ini "sebagai pengghairah, pelopor, pendakwah dan pengekor" (hlm. 97). Tujuan ini sangat dipengaruhi oleh visi dan kepentingan para pemegang saham dan pembuat polisi akhbar itu. Kecenderungan begini kerana sebagai sebuah syarikat akhbar yang besar seperti *Sinar Pagi*, terlalu banyak perkara yang diambil kira selain bertujuan untuk menerbit akhbar semata-mata.

Keadaan itulah yang sukar diterima oleh Lokman apabila dia sebagai seorang wartawan berpengalaman sejak tahun 1930-an hanya diberi tugas mengendalikan halaman surat pembaca yang ditapis. Lokman tidak mahu menerima hakikat ini. Dia tidak seperti Ruzsim, rakan seangkatannya yang menyedari bahawa "warta-

wan punya dekad-dekadnya sendiri" (hlm. 153) atau "dekad lain memerlukan tokoh lain" (hlm. 340).

Ketegasan prinsip Lokman terhadap tujuan penerbitan akhbar tulen menyebabkan dia jatuh sakit dan masuk ke dunia halusinasi. Dalam halusinasi atau rayan itu Lokman memenuhi impiannya sebagai ketua pengarang mingguan akhbar *Hujan Pagi* yang mempunyai tujuan yang jelas, iaitu menentang penjajah. Di samping itu dia begitu prihatin tentang potensi wartawan muda seperti Ruseli yang diberikannya galakan untuk meneruskan tujuan tulen akhbarnya itu.

Dalam zaman kini, hasil daripada perkembangan pesat yang dialami oleh bidang persuratkhabaran menyebabkan tanggungjawab wartawan dijuruskan atau dikhususkan pada bidang-bidang tertentu seperti ekonomi, politik, mahkamah, sastera dan budaya, hiburan, sukan dan lain-lain lagi. Wartawan *Sinar Pagi* seperti Narisah Musir merupakan seorang wartawan hiburan yang dianggapnya sedikit mudah dan riang (hlm. 243). Baginya untuk menjadi wartawan politik atau ekonomi agak sulit kerana memerlukan lebih pengetahuan dan pengalaman untuk sampai ke tahap itu.

Pengkhususan begini belum ada dalam pengendalian *Hujan Pagi*. Semua wartawan akhbar itu tidak menjalani latihan khusus tetapi lebih berdasarkan minat dan kebolehan. Juga kerana bahan-bahan garapannya terhad pada penulisan rencana setelah melakukan sedikit penyelidikan atau temuramah. Keadaan ini sesuai dengan tahap bidang kewartawanan itu sendiri yang belum berkembang pesat.

Selain perkembangan bidang kewartawanan, novel ini memperlihatkan perkembangan atau pencapaian watak wanitanya. Peningkatan ini terserlah jika dibuat perbandingan dengan wanita yang hadir dalam halusinasi Lokman seperti watak Arfiah dan Muayah, wartawan *Hujan Pagi* dan Menut seorang suri rumah tangga

sepenuh masa yang juga isteri Gazis. Mereka belum mencapai tingkat penglibatan yang luas dalam masyarakat kerana peluang yang terhad. Sedangkan Norisah, Shirley Gan, Wendy, Narisah Musir, Niram, Jamilah, Badariah dan lain-lain telah terlibat secara penuh dengan pelbagai pekerjaan seperti arkeologis, pegawai eksekutif, wartawan hiburan atau penuntut di pusat pengajian tinggi.

Norisah, Shirley Gan dan Wendy pula menjawat jawatan tinggi yang tidak tertumpu pada bidang tradisi wanita seperti guru atau jururawat lagi lantaran mempunyai kelulusan universiti luar negeri. Mereka merupakan arkeologis dan pegawai eksekutif. Mereka bebas menentukan corak hidup dan memilih teman hidup. Malah mereka tinggal bersama di sebuah pangsapuri walaupun mereka berlainan bangsa dan agama. Sikap toleransi dan saling memahami di antara mereka terjalin sejak sama-sama belajar di Universiti Birmingham, England, yang membolehkan mereka tinggal bersama-sama tanpa ada halangan budaya, bangsa atau agama.

Pembangunan pesat di kota dengan bangunan tinggi serta dewan seminar yang luas juga dapat dijadikan petunjuk latar masa bagi novel ini. Dari segi realitinya pembangunan fizikal kota Kuala Lumpur telah pun bermula sejak negara mencapai kemerdekaan. Tahun 1970-an jika ditinjau dari sudut sejarah merupakan dekad perkembangan ekonomi, politik dan sosial tanah air.

Seperti latar masa yang terbahagi kepada dua, iaitu tahun 1930-an dan masa kini tahun 1970-an maka latar tempat juga dapat dibahagi dua berdasarkan dekad itu. Tahun 1930-an hanya berpusar di kalangan Lokman, ketua editor mingguan *Hujan Pagi* berserta pekerjaannya termasuk pengatur huruf, pencetak, pengarang, wartawan dan budak pejabat. Kedudukan pejabat akhbar ini tidak jauh dari tempat penambang perahu yang meru-

pakan pengangkutan yang digunakan oleh Lokman dari rumahnya di sebuah pulau untuk ke pejabatnya.

Lantaran jumlah pekerja yang kecil serta mempunyai tujuan kerja yang hampir sama iaitu untuk memastikan mingguan mereka terus beroperasi dan sampai kepada pembaca, mereka hidup aman. Ketenteraman hidup mereka mula tergugat apabila mendapat tekanan daripada pegawai penjajah yang bimbang terhadap kesan rencana akhbar mereka kepada pembaca untuk bangun menentang kerajaan penjajah. Lokman sebagai ketua editor dan tuan punya surat khabar ditekan, dan Gazis pembantunya yang juga pengatur huruf akhbar itu pernah ditahan. Keakraban perhubungan antara mereka sangat jelas. Sempadan komunikasi sebagai ketua dan tuan punya dengan pekerja hampir tiada lantaran akrabnya hubungan mereka.

Lokman juga memilih cara hidup yang tersendiri, iaitu masih belum berumah tangga dan tinggal sendirian di sebuah pulau yang dikenali sebagai pulau Tiga Kijang. Pulau itu sepi – tiada penghuni lain selain Lokman, Gazis berserta isterinya, Menut, dan Jirim, adiknya yang gila.

Hidup yang terpisah daripada orang ramai dan tumpuan penuh pada akhbarnya itu menyebabkan dedikasi Lokman tertumpah pada pekerjaannya sahaja. Dia juga sangat berminat untuk mengetahui kehebatan orang Melayu sebagai suatu bangsa yang mempunyai kelebihan metafizik. Antaranya dia juga cuba mendalami Kitab Batin Melayu yang merupakan sebuah kitab warisan Melayu.

Oleh sebab penekanan novel ini lebih pada jiwa watak-wataknya, maka tidak banyak suasana alam keliling yang diberi perhatian. Hal yang sama terdapat juga pada bab-bab tentang zaman kini itu. Dunia zaman kini dapat dibahagikan kepada dua iaitu dunia kospolitan dan latar kampung Lajis yang tidak dinyatakan tempatnya. Tetapi apa yang jelas unsur-unsur kehidup-

an kota kosmopolitan sangat nyata – dari cara hidup watak seperti Lajis, seorang arkeologis, teman-temannya seperti Norisah seorang arkeologis juga serta Shirley Gan dan Wendy yang bekerja sebagai eksekutif. Norisah dan temannya tinggal bersama-sama di sebuah pangsapuri. Mereka terutamanya Norisah lebih rapat dengan teman pejabat daripada jiran mereka sendiri. Sebagai contoh mereka hanya mengenali Syarifah Narsia jiran yang tinggal di tingkat atas ketika wanita itu datang untuk mengambil anaknya, Syed Hamid, yang berlindung di situ. Perkenalan itu pun tidak sampai ke mana walaupun mereka tahu Syarifah Narsia dianiaya dan dipukul oleh suaminya, Hasmudin. Ini adalah kerana mereka terlalu sibuk dengan urusan kerja dan peribadi sendiri. Namun demikian gambaran *local colour* kota kosmopolitan begitu pekat dengan banyaknya penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa perhubungan antara watak-watak itu.

Namun demikian pembaca mungkin membayangkan latar tempat ini berlaku di kota besar Kuala Lumpur tempat terletaknya pusat surat khabar besar seperti *Sinar Pagi* dan pusat pengajian tinggi seperti Institut Teknologi Mara. Walau bagaimanapun itu suatu kemungkinan sahaja kerana pengarang tidak berminat untuk mengatakannya dengan jelas kerana yang lebih dipentingkan adalah pergolakan jiwa dan masalah yang didepani wataknya. Malah banyak pula masalah itu ditinggal begitu sahaja dan tidak diselesaikan selaras dengan ciri-ciri novel pascamoden.

Kehidupan moden di kota itu sedikit sebanyak dikontraskan dengan kehidupan tradisi di kampung Lajis di mana pada mulanya Lokman terlantar sakit. Seperti latar tempat kota yang tidak dinyatakan namanya, kampung ini juga tidak khusus tempatnya, hanya digambarkan bahawa kampung itu dekat dengan laut dan terletak di pinggir sungai. Ia sebuah kampung yang terletak di bawah kuasa parti pembangkang. Kehidup-

an penduduknya sederhana dan masih mengamalkan hidup secara Melayu tradisional yang saling mengambil berat tentang kebajikan ahlinya. Sebagai contoh ketika Lokman terlantar sakit, ramai yang simpati dan membantu termasuk kawan-kawan rapat seperti Gazis, Basri dan anak angkatnya, Arfiah. Ini adalah kerana Lokman hidup keseorangan dan tidak beristeri. Setelah Lokman dihantar ke hospital di bawah pengawasan Dr. Ahmad Dio, sahabat-sahabatnya itu terus datang menziarahinya.

Hubungan rapat di antara anggota kampung juga sangat terasa apabila Gazis sebagai orang tua menasihati Lajis supaya berkahwin dan melupakan tunangnya yang meninggal dunia. Cadangan Gazis itu didorong oleh perasaan keakraban dan kekeluargaan. Gazis melihat Lajis membesar di depannya dan sangat mengasihannya kerana masih berseorangan walaupun umur pemuda itu menjangkau 32 tahun.

Tindakan Gazis itu juga mengambil fungsi orang tua yang menasihati orang muda yang mengambil berat tentang masa depan Lajis sendiri. Gazis menganggap Lajis sebagai anaknya sendiri, tambahan pula dia tidak mempunyai anak. Lajis sendiri terharu dengan sikap Gazis itu kerana selama ini dia tidak pernah mendengar nasihat yang sejujur itu.

Seperti novel *Salina*, novel *Hujan Pagi* ini mengemukakan banyak watak. Namun terdapat banyak perbezaan di antara watak-watak dalam dua buah novel ini. Perbezaan ini wujud kerana perbezaan bentuk novel. *Salina* berbentuk realisme yang konvensional, iaitu watak-watak itu mempunyai sejarah hidup awal, pertengahan dan akhiran yang tidak dipunyai oleh watak-watak novel pascamoden ini. Oleh sebab itu didapati kebanyakan watak dalam *Hujan Pagi* tidak mempunyai sejarah hidup yang lengkap untuk pembaca memberi justifikasi keadaan psikologi atau diri mereka. Jika ada pun latar belakang itu terpencair-pencar dalam

novel dan tidak kukuh. Sejarah tidak memainkan peranan dalam novel ini seperti dalam novel-novel A. Samad Said yang dibincangkan sebelumnya.

Dari sudut perwatakan, *Hujan Pagi* memang berbeza daripada novel-novel lain sebaliknya novel ini digolongkan oleh Johan Jaaffar sebagai sebuah penghasilan pascamoden.⁶⁵ Dari segi watak, perbezaan yang ketara dengan *Salina* ialah watak golongan bawahan seperti penarik beca, penganggur, pembasuh kain dan pelacur tidak ditampilkan. Sebaliknya, *Hujan Pagi* menampilkan editor, arkeologis, astronomis, doktor, pensyarah universiti, penyelidik, aktivis dan wartawan. Oleh sebab itu persoalan novel ini tidak lagi berlegar di sekitar kemiskinan dan keperluan asas manusia seperti makan pakai tetapi melampaui soal peranan, identiti diri, idealisme hasil daripada perubahan zaman. Kerencaaman watak, persoalan dan stail menyebabkan novel ini dianggap sukar difahami oleh pencinta sastera bercorak konvensional. Bagi Sahlan Mohd. Saman, novel ini sebuah novel intelektual dan pembaca harus menghadapinya secara intelektual juga.⁶⁶

Watak utama novel ini, Lokman, dibantu oleh Lajis, Norisah, Niram, Dr. Ahmad Dio, Musir Ali, Mahmood Bey, Shirley Gan, Wendy, Gazis, Basri, Narisah Musir, Syarifah Narsia, Hasmudin, Mandir, Syed Hamid (Alley Oop), Badariah, Jamilah, Munawar Bee, Syarifah Mirna dan lain-lain. Menurut A. Samad Said beberapa watak itu berdasarkan model orang yang masih hidup yang telah disamarkan dengan pelukisan yang sesuai.⁶⁷ Tidak dapat dinafikan novel ini mempunyai begitu ramai watak sampingan yang kadang-kadang hadir dalam plot kerana kaitannya dengan watak Lajis yang mempunyai lingkungan sosial yang luas. Namun untuk perbincangan ini akan dihadkan kepada watak Lokman dan Lajis dan beberapa watak yang bersangkutan dengan mereka.

Watak utama novel ini, iaitu Lokman, lebih banyak

digambarkan hidup dalam dunia halusinasi iaitu dalam enam bab penuh atau satu pertiga daripada novel ini yang mengandungi 22 bab. Lokman masuk ke alam halusinasi berpunca daripada sikap dan sifatnya yang tidak berkompromi terhadap peranan tulen surat khabar. Dia protes terhadap pertukaran dan penempatan tugas dan tanggungjawabnya dalam syarikat akhbar *Sinar Pagi*. Lokman hanya ditugaskan mengurus surat daripada pembaca yang sudah pun ditapis dan tidak signifikan kepada pemikiran pembaca.

Dalam hal ini Lokman tidak dapat menerima kenyataan bahawa dia sebagai seorang wartawan yang berpengalaman dan pernah berjuang menuntut kemerdekaan diketepikan begitu sahaja dalam struktur pentadbiran syarikatnya. Sebaliknya rakan-rakan seangkatan dengannya seperti Mahmood Bey, Ruzsim dan Musir Ali menerima kenyataan bahawa tiap-tiap wartawan ada dekadnya. Mereka juga insaf tentang perubahan masa, kepentingan dan peranan akhbar. Pada zaman mereka akhbar berperanan untuk menaikkan semangat pembaca menentang penjajah. Sedangkan sekarang dengan kemajuan teknologi, ekonomi dan politik, peranan akhbar telah berubah. Mereka juga tunduk kepada keadaan dalam *Sinar Pagi* kerana terpaksa.

Lokman berpegang kuat pada idealismenya terhadap peranan akhbar. Dia tidak dapat melihat kenyataan kerana kenyataan itu tidak hadir dalam fikirannya. Idealismenya begitu kukuh kerana perjuangannya itulah yang utama. Tambahan pula dia tidak mempunyai keluarga (Lokman tidak pernah berumah tangga) yang perlu diberi perhatian serius seperti Musir Ali yang mempunyai lapan orang anak. Namun digambarkan "waktu malam dia selalu menderita juga gelisah dan terhukum oleh hati nuraninya" (hlm. 157). Sebaliknya bagi Musir Ali yang menyedari tanggungjawab pada keluarga, dia tidak terlalu berkeras dengan idealisme seperti Lokman. Dia sedar akan perubahan keadaan

seperti katanya, "Aku tidak tahu bagaimana lagi perlu aku jelaskan. Yang nyata kita tidak lagi duduk dalam realiti kita sendiri. Keadaan ... pegangan ... tampuk kuasa ... kesetiaan, ya, semua ini sudah berubah" (hlm. 155).

Akibatnya Lokman terlontar dalam alam halusinasi di mana dia dapat menjalankan peranan ketua editor dan memberi sepenuh perhatian pada akhbarnya *Hujan Pagi*. Dalam dunia halusinasi itu terdapat kecelaruan watak-watak dunia realiti dan dunia halusinasi. Sebagai contoh Gazis seorang ustaz dalam dunia realiti menjadi pengatur huruf dalam dunia halusinasi. Begitu juga Niram yang masih berusia awal 20-an dalam dunia realiti menjadi gadis sunti dalam tahun 1930-an iaitu dunia halusinasi Lokman itu.

Selain Lokman yang sakit, watak Lajis adik Lokman juga akhirnya terlantar sakit jantung di hospital. Lajis bekerja sebagai seorang arkeologis setelah tamat pengajiannya di Universiti Birmingham. Kegelisahan jiwanya bermula setelah Lokman terlantar sakit. Untuk mendapat beberapa keterangan tentang abangnya itu Lajis menemui beberapa sahabat sepejabat dan seangkatan Lokman seperti Mahmood Bey, Musir Ali dan Ruzsim. Lajis juga mengumpulkan beberapa keterangan melalui teman sekampung Lokman seperti Gazis seorang ustaz dan Basri yang mempunyai seorang anak gadis manis bernama Niram. Keterangan mereka menjelaskan sejarah silam Lokman yang pernah bergiat cergas menuntut kemerdekaan Tanah Melayu bersama-sama Indonesia. Perjuangan Lokman itu tidak pernah diketahuinya menyebabkan Lajis mula merasakan dia tidak mengenal abangnya sendiri. Malah dia mula memikirkan siapa ibu bapa mereka dan mengapa Lokman tidak berumah tangga.

Kekaburan identiti dirinya, di samping risau akan kesihatan Lokman dan berusaha untuk setia dengan sumpahnya kepada Asniah tunangnya yang meninggal

dunia mendera perasaannya yang amat sangat. Mengenai sumpahannya itu ternyata tidak dapat dipegang teguh kerana sebagai lelaki Lajis digambarkan tertarik kepada wanita yang di dampinginya seperti Niram, seorang aktivis pelajar, Narisah Musir, seorang wartawan hiburan di *Sinar Pagi*. Dia juga terpesona dengan kecantikan Syarifah Mirna dan Syarifah Narsia.

Walaupun Lajis menjalani hubungan yang lama dengan Norisah, iaitu sejak mereka menuntut di Birmingham, dan Norisah pun mencintainya tetapi hubungan mereka putus lantaran masalah yang dihadapi oleh Lajis.

Namun dari segi struktur novel ternyata Lajis merupakan watak yang paling banyak berperanan terutamanya dalam bab-bab yang memaparkan dunia kini iaitu bab 2, 4, 5, 7, 9, 10, 11, 12, 14, 15, 16, 18 dan 19. Dalam hubungannya dengan Lokman yang sakit, Lajis merupakan penghubung zaman antara Lokman dengan sahabat seangkatannya.

Walaupun akhirnya Lokman berjaya dibawa ke alam realiti oleh Dr. Ahmad Dio dengan bantuan Lajis, ternyata Lajis masih terus berada dalam kekaburan identiti dan kegelapan sejarah keluarga sendiri.

Dibandingkan dengan novel-novelnya yang dikaji, *Hujan Pagi* menampilkan watak wanita yang hampir sama ramai dengan Salina. Tetapi dalam *Hujan Pagi* wanita tidak memegang peranan penting dan berkesan terutama pada struktur cerita. Wanita seperti Norisah, Niram, Narisah Musir, Sharifah Narsia, Wendy dan Shirley Gan dipaparkan kerana hubungan mereka dengan Lajis khususnya sebagai sahabat, "penggoda perasaan" dan yang menghiburkannya. Keadaan ini jelas digambarkan kerana sehingga akhir cerita nasib mereka dalam hubungan dengan Lajis tidak ditentukan dengan jelas. Ini adalah kerana Lajis terlalu sibuk mencari identiti diri dan melawan kehendak naluriah yang

menyebabkan hidupnya terus muram.

Persoalan dan perbincangan watak-watak wanita novel ini akan dikupas dengan lebih terperinci dalam Bab Empat.

Wanita dalam Novel

WANITA PADA ZAMAN SEBELUM PERANG

SETELAH mengkaji konteks zaman dan masyarakat dalam novel-novel berdasarkan era sebelum perang, semasa perang, selepas perang dan selepas merdeka, bab ini pula akan membincangkan perubahan kedudukan watak wanita berdasarkan era yang sama dalam sembilan buah novel A. Samad Said yang diperkatakan.

Dalam novel *Adik Datang* pengarang menyediakan beberapa latar belakang untuk memberi justifikasi kepada pemikiran, tingkah laku dan jangkauan watak. Justeru itu dalam plot cerita terdapat beberapa kriteria utama seperti "kemiskinan", latar belakang "desa" dan "tidak berpelajaran". Kriteria ini penting kerana majoriti masyarakat Melayu sebelum perang tinggal di desa dalam keadaan miskin, bagi golongan wanitanya tidak berpelajaran tinggi atau tidak berpelajaran seperti yang digambarkan dalam novel ini.

Latar belakang desa di mana penduduknya kuat memegang adat memberi kesan kepada kedudukan dan peranan wanita dalam masyarakat itu. Moral mereka akan lebih terkawal dan kebajikan mereka diperhatikan. Kesilapan akan ditegur dan kesulitan yang dihadapi akan dibantu. Di samping itu suasana kemiskinan sebanyak sedikit menyekat perkembangan mencari

ilmu, malah langsung tidak mementingkan pendidikan formal. Anak-anak perempuan desa akan dihantar mengaji al-Qur'an untuk mendapat kefahaman agama serba sedikit. Kerap kali pula pengetahuan agama yang diperoleh itu terlalu sedikit dan dangkal kerana pengertian ayat-ayat al-Qur'an itu sangat kurang dititikberatkan. Sebaliknya, bagi anak-anak perempuan, pengalaman sosialnya sejak kecil ditumpukan pada rumah tangga. Antaranya mengurus rumah tangga seperti belajar memasak, menjahit, mengemas rumah dan menjaga adik-adik. Latihan ini dianggap sebagai persediaan mereka untuk menjadi isteri dan ibu yang akan mengurus rumah tangga, yang merupakan tujuan utama hidup mereka.

Persoalan yang ditimbulkan dalam novel ini yang berkaitan langsung dengan wanita ialah ruang lingkup kekeluargaan yang menonjolkan wanita sebagai watak pentingnya. Antara persoalan yang berkaitan dengan mereka adalah seperti kahwin paksa dan kewajipan suami isteri. Ruang sempit dan terkepung pada rumah tangga secara tidak langsung menghadkan pergerakan wanita. Peranan yang dimainkan mereka terhadap sebagai ibu, isteri dan adik perempuan. Antara watak yang akan diberi perhatian di sini ialah Suhaidah dan Rasi-mah. Mereka datang daripada dua keluarga yang diketengahkan dalam novel ini. Selain itu Nafiah merupakan watak sisipan. Citra watak wanita akan dikonsepsikan berdasarkan gambaran kedudukan dan peranan yang dimainkan oleh mereka dalam novel ini.

Perbincangan tentang watak wanita tidak akan lengkap tanpa mengkaji hubungannya dengan watak lelaki dan pandangan atau nilai wanita daripada kaca mata lelaki. Kepentingan ini turut diambil kira untuk melihat jangkakan lelaki pada wanita dalam masyarakat Melayu yang mengamalkan nasab bapa atau patriarki. Watak wanita dalam bahagian ini dianalisis berdasarkan pengalaman mereka yang menonjol dalam novel

itu. Antaranya Kahwin Paksa, Kewajipan Suami Isteri, Imej Sebagai Ibu dan Imej Sebagai Janda.

Kahwin Paksa

Persoalan ini walaupun bukan merupakan tema penting novel ini, namun masalah yang dihadapi oleh watak Suhaidah dan Rasimah serba sedikit berpunca daripada kahwin paksa yang akan dibincangkan satu per satu.

Hamid, suami Suhaidah, ialah pemuda pilihan ibu bapa Suhaidah. Dalam soal penerimaan jodohnya ini digambarkan "Suhaidah hanya menerima" (hlm. 71). Sebagai anak perempuan yang taat, Suhaidah dilukiskan tidak membantah pilihan keluarganya walaupun dia tahu, Daim, seorang pelaut, kawan abangnya Mokhsen sangat tertarik hati padanya. Daim pernah datang berkunjung ke rumah mereka. Tetapi oleh sebab Hamid menghantar pinangan terlebih dahulu, maka dia diterima tanpa disiasat latar belakang keluarganya. Suhaidah juga tidak membantah. Ketergesaan keluarga Suhaidah menerima pinangan Hamid kerana mereka memegang sikap dan kebiasaan masyarakat iaitu "merasa berbahaya menyimpan seorang anak gadis di rumah. Lebih selamat menjaga sekandang kerbau" (hlm. 235). Mereka curiga atas keupayaan anak perempuan menjaga kesucian diri mereka yang akan mencemarkan nama baik keluarga atau "menconteng arang ke muka keluarga". Ini adalah kerana nama baik keluarga sangat diutamakan. Tambahan lagi kesucian diri atau perawan sangat dipentingkan selaras dengan kehendak agama Islam yang sangat memberatkan akhlak yang baik. Perkahwinan juga merupakan satu-satunya tujuan hidup kebanyakan gadis waktu itu. Pemilihan jodoh anak perempuan dilakukan oleh ibu bapa kerana dianggap anak perempuan terlalu lemah. Oleh itu jodoh mesti dipilih untuk mereka. Tambahan pula proses sosialisasi yang ketat bagi anak perempuan tidak membolehkan

kan mereka bergaul dengan lelaki untuk dipilih sebagai suami. Malah pergaulan bebas dianggap tidak wajar dan tidak menjamin kesucian diri wanita tetapi dari satu segi menyempitkan pandangan dunia mereka.

Mengenai sikap dan penerimaan Suhaidah ini digambarkan secara sedar oleh pengarang yang mengatakan "sebagai wanita yang tidak berpelajaran tinggi maka dia tidak banyak meminta".¹ Suhaidah tidak banyak meminta sama ada material (Hamid seorang buruh) sebaliknya cuba menyesuaikan diri sebagai seorang isteri. Suhaidah digambarkan mempunyai sifat sabar dan pandai menyesuaikan diri dengan alam perkahwinan itu.

Hamid pada awal perkahwinan mereka digambarkan suami yang baik dan sering membantu isterinya melakukan kerja-kerja rumah yang berat seperti membelah kayu api atau mengangkat air dari perigi dan memenuhkan air di tempayan. Kerja-kerja berat ini dikerjakan oleh Hamid, dan Suhaidah pula mengurus hal ehwal rumah tangga dan menjaga anak seolah-olah ada pembahagian kerja yang wajar dalam pengurusan rumah tangga di antara suami isteri. Hamid merupakan pencari rezeki tunggal melakukan kerja-kerja rumah yang berat sebelum pergi ke tempat kerja.

Jika Suhaidah hidup bahagia walaupun berkahwin dengan lelaki pilihan keluarga, tidak demikian pengalaman Rasimah, seorang lagi watak wanita novel ini. Rasimah kawan baik Suhaidah dikahwinkan dengan Sham-suri kerana setiap ahli keluarga hendak meringankan tanggungjawab masing-masing walaupun ketika itu Rasimah belum bersedia untuk berumah tangga. Rasimah menjadi mangsa ahli keluarganya, yang bermasalah; datuknya, Wagiman, bekas seorang pejuang Sarekat Islam terlalu mementingkan (risaukan) perjuangannya, ibunya, Rusini, tepok, bapanya, Mispan, pula terkena angin ahmar dan abangnya, Dzulkifli, terlalu sibuk dengan pembinaan suraunya. Kehadiran Rasimah

sebagai anak gadis dianggap membebankan apabila masing-masing mempunyai masalah rumit yang terpaksa dihadapi. Oleh itu Rasimah dikahwinkan dengan Shamsuri yang disangka pemuda yang baik dan sesuai untuk Rasimah. Tetapi setelah berumah tangga ternyata kebaikan yang ditunjukkan Shamsuri sebelum itu sekadar berpura-pura sahaja.

Rasimah isteri yang menderita. Setelah berumah tangga ternyata Shamsuri suami yang tidak bertanggungjawab; dia jarang berada di rumah, jika pulang pula sering dalam keadaan mabuk. Shamsuri juga seorang kaki judi. Malah Rasimah sering menjadi mangsa kaki tangan (*battered wife*) Shamsuri. Shamsuri pernah memaling tempat habuk rokok ke dahi Rasimah. Selain itu Shamsuri pernah menendang Rasimah pada tengah malam supaya memasak makanan untuk tamu-tamu yang dibawanya pulang. Kesenangan Shamsuri menganiaya isterinya dapat dilihat sebagai ekspresi kekuasaan lelaki terhadap wanita yang lemah fizikalnya. Dibandingkan dengan Suhaidah yang digambarkan lebih bernasib baik kerana Hamid membantu dalam urusan rumah tangga, Rasimah tidak demikian. Rasimah lari sebanyak lima kali ke rumah ibu bapanya setelah tidak tertahan dengan seksaan zahir dan batin yang dihadapinya. Tetapi datuknya, Wagiman, memujuknya supaya pulang ke rumah kerana katanya "tempat isteri ialah di samping suami" (hlm. 78).

Penderitaan jiwa Rasimah begitu berat seperti katanya "dah tak ada lagi tempat untuk mengadu. Saya sudah puas melihat keliling. Gelap." (hlm. 238). Ini adalah kerana dia tidak mendapat bantuan dan sokongan daripada ahli keluarganya, sebaliknya mereka menyalahkan dirinya seperti yang dinyatakan oleh Wagiman. "Biar Rasimah fikir panjang dulu. Dia ... dia ikut hati, tak ikut otak. Itu salahnya ... dia masih budak-budak lagi.... Aku tidak mahu terlibat dalam meruntuh masjid" (hlm. 166). Daripada pendapat Wagiman ini jelas

persepsinya bahawa wanita mesti sentiasa bersabar dalam menanggung penderitaan. Dia juga meremehkan kebolehan Rasimah menilai antara kebahagiaan dan penderitaan batin kerana padanya Rasimah lebih banyak mengikut kata hati daripada fikiran. Secara tidak langsung Wagiman memandang rendah terhadap kemampuan berfikir Rasimah.

Dalam soal masalah rumah tangga Rasimah ini, abangnya Dzulkifli lebih sensitif dan memahami penanggungan jiwa adiknya itu. Tetapi sebagai abang dia juga tidak bersungguh-sungguh membantu menyelesaikan masalah rumah tangga Rasimah seperti menasihati Shamsuri sehinggalah pada hari kematian bapa mereka, Mispan. Sebelum menghembuskan nafas terakhir, Mispan membongkar rahsia keluarga bahawa Rasimah dan Dzulkifli anak angkat mereka. Ibu bapa mereka sebenarnya ialah Kasan dan Ernawati yang berasal dari Indonesia.

Dengan terbongkarnya rahsia itu, Rasimah semakin faham mengapa dia dikahwinkan secara tergesa-gesa iaitu hendak memudahkan orang yang memeliharanya semenjak kecil. Mengahwinkannya bererti melepaskan beban tanpa memikirkan perasaannya.

Sifat buruk Shamsuri terserlah pada hari keluarga Rasimah kehilangan Mispan kerana sehingga beberapa hari Mispan disemadikan, Shamsuri masih belum pulang ke rumah. Akhirnya Wagiman secara terbuka mengakui kesilapan mereka mengahwinkan Rasimah dengan Shamsuri yang jelas tidak bertanggungjawab (hlm. 166).

A. Samad Said melukiskan reaksi kedua-dua wanita ini terhadap penderitaan hidup mereka akibat kahwin paksa. Pengarang tidak meninggalkan kedua-duanya terpenjara dalam kebisuan atau pasrah terhadap nasib buruk mereka. Sebaliknya Suhaidah dan Rasimah diberi suara untuk menyatakan rasa tidak puas hati terhadap nasib mereka. Ini adalah kerana

bagi wanita reaksi emosi mereka merupakan asas kepada fikiran kritis. Protes mereka disampaikan dengan cara berlainan, iaitu Suhaidah melalui kenangan atau teknik aliran kesedaran dan Rasimah pula lebih vokal. Cara yang berbeza ini juga disesuaikan dengan plot cerita. Semasa plot cerita bermula, Hamid, suami Suhaidah sudah tiga bulan meninggal dunia. Sedangkan Rasimah terus menghadapi masalah rumah tangga dengan Shamsuri. Tetapi persamaan yang nyata ialah kedua-dua suami tersebut tidak hadir dalam plot cerita yang membawa beberapa kesan kepada plot cerita dan berkait rapat dengan tujuan pengarang sendiri. Dengan kata lain, plot cerita sengaja distrukturkan begitu oleh pengarang. Antaranya pembaca dapat melihat masalah Suhaidah dan Rasimah daripada kaca mata dan pengalaman wanita itu sendiri. Dengan sendirinya masalah dan perasaan yang dialami oleh wanita ini akan lebih terserlah. Secara tidak langsung *voice* mereka akan didengari tanpa perlu diimbangi oleh pendapat suami masing-masing. Dengan cara ini pengarang secara terus memberi ruang untuk wanita menyatakan perasaannya.

Melalui teknik aliran kesedaran Suhaidah digambarkan tidak menyenangkan cara dan tempat kematian Hamid yang memalukan iaitu di kedai pelayan. Ada yang mengatakan dia meninggal ketika bertengkar di kedai pelayan apabila penyakit gila babinya menyerang secara mendadak (hlm. 121). Melalui kenangan Suhaidah juga pembaca diberitahu kelakuan Hamid mula berubah daripada seorang yang tertib, mesra dan berbudi bahasa menjadi pemabuk dan mula terpicat dan memikat perempuan. Semuanya kerana terpengaruh dengan Nasir Khan seorang saudagar. Seterusnya nama-nama wanita seperti Dayang Ponri, Nyit Samitri, Rian Balkis dan Candri sering terucap dalam igauan atau mimpi Hamid (hlm. 37).

Cara Suhaidah menyatakan bantahan iaitu men-

ceritakan peribadi Hamid melalui teknik aliran kesedaran dapat diikuti pembaca tetapi tidak diberitahukan kepada watak lain dalam novel ini. Malah dia tidak mengadu pada abangnya, Mokhsen, atau kawannya, Rasimah. Pengarang memberi ruang yang luas untuk Suhaidah tenggelam dalam kenangan yang tidak dapat dikawalinya seperti dikatakannya "kenangan, seperti mimpi, tidak dapat dikawal sesuka hati sendiri ... kenangan menyelinap pada bila masa yang tidak diduganya" (hlm. 72). Oleh sebab dia menyimpan rahsia keburukan perangai Hamid daripada pengetahuan orang lain menyebabkan ramai memuji Suhaidah sebagai isteri yang baik dan mereka bersimpati dengan nasibnya. Menurut pendapat Prebet Jiman "seorang wanita yang menyerupai seniwati Roekiah (Suhaidah) sewajarnya berhak mempunyai suami yang benar-benar baik dan penyayang" (hlm. 178).

Sebaliknya Rasimah lebih vokal menyatakan rasa kurang senang terhadap layanan Shamsuri padanya sama ada kepada ahli keluarganya atau Suhaidah teman baiknya. Dalam plot cerita Rasimah lebih banyak menyatakan bantahan dan kesal terhadap nasibnya yang malang, dikasari dan tidak dipedulikan suami, kepada Suhaidah. Dalam hal ini Suhaidah merupakan pendengar yang baik. Rasimah dan Suhaidah berkawan rapat hingga timbul perasaan persaudaraan. Perasaan ini timbul bukan sahaja kerana mereka sudah lama sekampung dan lama kenal tetapi, "*sisterhood is based on a clear awareness that all women, irrespective of class, race, or nation have a common problem - patriarchy*".² Keadaan ini jelas kerana mereka berdua berkongsi pengalaman yang sama iaitu tunduk di bawah kekuasaan patriarki iaitu datuk, bapa juga suami dan mengalami kahwin paksa. Namun persaudaraan yang terjalin di antara kedua-dua sahabat ini tidak sampai dapat melepaskan diri mereka daripada belunggu penderitaan jiwa masing-masing. Ini adalah kerana mereka

wanita yang tidak berdaya, digambarkan akur dengan definisi kewanitaan yang dijangka daripada mereka, iaitu patuh dan sabar menanggung penderitaan dan tinggal di rumah.

Apabila Rasimah ingin bekerja di kem askar Jepun sebagai cara untuk mengisi masa lapang kerana suami jarang di rumah, Suhaidah menganggapnya sebagai satu pemberontakan (hlm. 223). Penilaian ini jelas menunjukkan pemahaman Suhaidah terhadap tugas isteri ialah di samping suami di rumah.

Kewajipan Suami Isteri

Dalam novel ini persoalan konjugal suami isteri tidak terdapat dalam bentuk syarahan daripada seseorang watak atau pengarangnya. Sebaliknya ia berdasarkan tindakan watak dalam menjalani kehidupan sebagai suami isteri. Dalam Islam suami diletakkan sedarjat lebih tinggi daripada isteri kerana suami wajib menanggung nafkah isteri dan anak-anak, justeru itu dia menjadi ketua keluarga. Sebagai suami pula diwajibkan bersikap *mawaddah* (kasih sayang) dan *rahmah* (belas kasihan) kepada isterinya (lihat Bab Dua). Isteri pula dikehendaki patuh kepada suami dan menjaga nama baik suami. Namun kedudukan suami yang sedarjat lebih tinggi itu tidak bermakna dia boleh mengeksploitasi fizikal dan *spiritual* isterinya sewenang-wenangnya.

Perkahwinan Suhaidah digambarkan retak ketika anak perempuan sulung mereka yang bernama Zalifah berada pada peringkat awal remaja. Keretakan itu berpunca daripada perubahan sikap Hamid. Dia mula menjadi pemabuk, penjudi dan terlibat dengan ramai wanita. Dia semakin kerap pulang larut malam menyebabkan komunikasi dengan isteri semakin kurang. Semasa bapa mentuanya Rashidi ada, anaknya Zalifah lebih banyak dilayan oleh Rashidi. Keadaan ini menyebabkan hubungan emosi Zalifah lebih rapat dengan

datuknya. Tambahan pula Rashidi rajin bercerita yang menjadi kegemaran Zalifah.

Perubahan sikap dan perangai Hamid menyebabkan hubungan mesra antara Hamid dengan Suhaidah terjejas. Hamid lebih cepat marah dan tidak boleh ditanya. Perubahan sikap Hamid ini membingungkan Suhaidah kerana dia sudah berusaha menjadi isteri yang baik. Dia juga sedar dia mempunyai kualiti kewanitaan yang disebut oleh Betty Friedan sebagai *feminine mystique* iaitu kualiti yang ada pada wanita yang menjadi daya tarikan lelaki, iaitu kecantikan dan kelembutan.³ Sebagai seorang wanita walaupun sudah menjadi ibu, Suhaidah masih cantik dan muda (dia berumur 23 tahun semasa Hamid meninggal dunia). Kecantikannya menjadi sebutan ramai lelaki di kampung itu. Bagi Lt. Kenny Hawkins kecantikan Suhaidah seperti bintang filem Barat Jean Harlow (hlm. 143). Bagi Dzulkifli pula Suhaidah lebih kurang mirip Roekiah, seniwati *Gagak Hitam* (hlm. 107). Malah Suhaidah memegang kukuh pendapatnya dalam berumah tangga, iaitu "dia masih tetap berusaha menjadi seorang isteri yang setia, bertanggungjawab dan penuh kasih sayang" (hlm. 37) dan "dia terus berhias menyambut suaminya pulang" (hlm. 36). "Suhaidah tidak pernah melawan atau menjawab Hamid betapa pun Hamid melayan atau menyakitinya. Paling banyak dia berbisik marah pada dirinya sendiri" (hlm. 234). Suhaidah merasakan perubahan Hamid adalah kerana kejelitaannya sudah luntur. Dia sedar setiap wanita akan tetap dimakan usia. Padanya "seorang suami tidak mudah mengesan dan menghargai kasih sayang dan tanggungjawab itu [tanggungjawab isteri]. Kecantikan jasmani lebih berpengaruh" (hlm. 37).

Di sini, melalui kesedaran Suhaidah, pengarang cuba menunjukkan sebagai lelaki Hamid lebih mementingkan wajah daripada sikap dan sifat terpuji Suhaidah yang lain walaupun sebenarnya Suhaidah masih

terlalu muda (baru awal 20-an). Selain itu secara tidak langsung pengarang mencuba menyerlahkan kelemahan sifat Hamid yang mudah terpengaruh dengan kawan hingga mengabaikan tanggungjawabnya pada keluarga.

Antara orang yang sangat bersimpati dengan Suhaidah ialah Dzulkifli, seorang ustaz muda di kampung itu. Ustaz ini tahu perangai terpuji Suhaidah di samping kejelitaan wanita ini. Seperti katanya "kejelitaan saja tidaklah memadai. Keindahan tidak terus saja meresap ke dalam perasaan. Lain halnya dengan Suhaidah – bukan kejelitaannya saja yang dikagumi, tabii dan kelakuan serta sifat keibuannya juga memikat" (hlm. 107).

Suhaidah juga beranggapan bahawa tugas isteri adalah di rumah melayan suami dan anak-anak. Suhaidah tidak terfikir untuk berdikari dari sudut ekonomi selaras dengan pemahaman dan persepsinya terhadap tugas isteri. Persepsi terhadap tugas isteri ini menunjukkan Suhaidah memenuhi citra wanita tradisi.⁴

Suhaidah digambarkan gementar ketika Rasimah menyatakan keinginannya untuk bercerai dengan suaminya kerana dia tidak tahan menderita. "Suhaidah pernah mendengar syarahan agama yang menyebut bahawa kata-kata cerai adalah sekutuk-kutuk perkataan yang mesti dihindari oleh seorang suami ataupun isteri" (hlm. 83). Reaksi Suhaidah ini secara tidak langsung menunjukkan pengetahuannya yang tidak mendalam dalam hal ehwal agama bahawa suami isteri boleh bercerai jika telah dijalankan berbagai-bagai usaha untuk membaiki keadaan tetapi tidak berjaya. Kebenaran ini, setelah mengambil kira perasaan suami isteri, tidak wajar terkongkong dalam perkahwinan yang tidak boleh diperbaiki lagi.

Seperti yang telah dinyatakan di atas, Shamsuri sama seperti Hamid tidak wujud dalam plot cerita. Tetapi pembaca dapat mengetahui bahawa Shamsuri memang jarang berada di rumah berdasarkan gambar-

an pengalaman dan perasaan hati Rasimah. Shamsuri juga tidak memberi kegembiraan atau kebahagiaan kepada isterinya. Jika Suhaidah ada menyimpan kenangan manis terhadap Hamid, tidak demikian halnya dengan watak Rasimah yang menderita sejak awal perkahwinannya. Tidak ada kenangan manis melibatkan Shamsuri yang dapat diingat Rasimah. Hal ini timbul kerana Shamsuri memang calon suami yang salah untuk Rasimah kerana dia tidak menghayati ajaran Islam terutamanya tentang tanggungjawab suami terhadap isteri. Akibatnya Rasimah menanggung hidup penuh penderitaan lahir dan batin.

Imej Sebagai Ibu

Sebagai wanita tradisi, Suhaidah mempunyai imej ibu yang baik, pengasih dan penyayang terhadap anak perempuannya, Zalifah. Zalifah yang berada pada peringkat awal remaja sangat menderita hidupnya setelah ayahnya, Hamid, meninggal dunia, datuknya, Rashidi, seorang pelaut, tidak pulang selama tiga tahun. Kehilangan *father figure* sangat menjejaskan kesihatan dan imaginasi Zalifah. Dia menjadi lebih banyak termenung dan mengharapakan kepulangan datuknya yang lebih rapat dengannya dibandingkan ayahnya sendiri. Akibat pergolakan jiwa itu Zalifah juga beberapa kali pengsan di surau dan kerap juga sakit.

Menghadapi nasib anak sulungnya ini merupakan suatu cabaran terhadap kesabaran dan pengertian Suhaidah sebagai ibu. Dia sedaya upaya tidak membiarkan Zalifah keseorangan di rumah. Zalifah dilayan dengan penuh kasih sayang dan penuh pengertian. Suhaidah berusaha mengubati sakit anaknya dengan cara perubatan tradisional seperti dengan jampi serapah dan akar kayu.

Imej Suhaidah sebagai ibu tidak ada cacat celanya. Secara tidak langsung pengarang cuba menunjukkan

segala perhatian dan kasih sayangnya sebagai ibu tidak dapat diragukan. Pengarang juga cuba menunjukkan bahawa dalam masyarakat tradisi, perhatian ibu hanya untuk rumah tangga dan anak-anak dan itulah sahaja tujuan hidupnya. Kepuasan diri sendiri tidak pernah terfikirkan. Oleh sebab itu anak-anak mendapat kasih sayang yang melimpah-ruah.

Imej Janda

Terdapat dua orang janda dalam novel ini, Suhaidah dan Nafiah, seorang watak sampingan. Seperti yang dibincangkan di atas, Suhaidah menjadi janda ketika berusia 23 tahun dan mempunyai seorang anak berusia awal remaja. Ini adalah kerana dia berkahwin ketika berusia belasan tahun (tidak dinyatakan dengan jelas). Justeru itu kerana kecantikan dan perangnya yang terpuji, dia terus menjadi perhatian ramai lelaki di kampungnya, dan juga Daim, seorang pelaut kawan abangnya. Bagi mereka "Suhaidah adalah keindahan" (hlm. 201).

Namun demikian apabila memikirkan peluang mereka untuk menyunting Suhaidah sebagai isteri, mereka menghadapi masalah: antaranya seperti yang digambarkan pada Daim dan Jiman yang tidak berani mendobrak kebiasaan praktis masyarakat Melayu bahawa bujang mesti mengahwini dara. Ini adalah kerana dalam masyarakat Melayu status janda sering dipandang rendah oleh masyarakat. Ramai yang menganggap wanita menjadi janda kerana keburukan perangai mereka hingga menyebabkan mereka dicerai-kan. Oleh sebab persepsi buruk terhadap janda ini begitu meluas di kalangan masyarakat, ramai wanita takut menjadi janda walaupun sering menderita seperti dipukul suami dan tidak bahagia. Persepsi ini juga menyebabkan golongan janda sering digambarkan berperangai buruk, juga dianggap senang terlibat dalam

perkara yang melibatkan hubungan seksual. Anggapan ini didorong oleh tanggapan bahawa kerana mereka pernah berumah tangga, mereka perlu mengisi keperluan seks walau apa cara sekalipun.

Walau bagaimanapun pandangan masyarakat akan berlainan sedikit jika janda itu kematian suami. Malah selalunya janda begini dikasihi kerana nasibnya yang malang. Kebiasaan inilah yang cuba ditunjukkan oleh A. Samad Said melalui pengalaman watak Suhaidah. Salah seorang lelaki yang dalam diam-diam meminati Suhaidah ialah Prebet Jiman, seorang askar yang bertugas di kem yang berhampiran, seperti yang diperlihatkan dalam petikan di bawah:

Jiman sendiri dalam diam-diam turut terpicat oleh Suhaidah. Dan sejak mengetahui Suhaidah bukan perawan dia memang kecewa dan memang mulai susut sedikit minatnya terhadap Suhaidah (hlm. 177). Semakin terhibur hatinya kemudian apabila memikirkan bahawa Suhaidah sebenarnya bercerai kerana kematian suaminya - membayangkan kesetiaan tulen seorang wanita terhadap suaminya (hlm. 178).

Petikan di atas secara jelas menunjukkan pendapat masyarakat umum terhadap wanita janda. Namun demikian kualiti Suhaidah sebagai isteri yang baik tetap dipertahankan Jiman kerana dia kematian suami bukan diceraikan.

Seorang lagi peminat Suhaidah yang menghadapi dilema ketika memikirkan untuk melamar Suhaidah ialah Daim yang lama meminatinya. Daim sedar bahawa pandangan rendah masyarakat terhadap janda juga meliputi ahli keluarganya seperti pendapatnya, "Tentu seluruh keluarganya tidak akan sedia menyetujui hasratnya mengahwini seorang janda yang sudah mempunyai seorang anak dan akan melahirkan pula seorang anak lagi" (hlm. 49). Begitulah persepsi masyarakat terhadap janda yang dianggap sebagai satu go-

longan yang rendah statusnya untuk dikahwini oleh lelaki bujang. Sikap tipikal ini sukar dikikis oleh individu yang masih kuat berfikir secara tradisional.

Seorang lagi watak janda yang diutarakan dalam novel ini ialah Nafiah yang berumur 38 tahun tetapi mengaku berusia 33 tahun. Wanita ini digambarkan bersikap tipikal wanita yang takut tua. Tetapi Nafiah merupakan satu-satunya watak yang bebas bertindak dan tidak bergantung pada orang lain dari segi ekonomi. Malah dia juga dapat berdikari dalam hidupnya dengan menjual nasi lemak. Kemampuannya berdikari dari segi ekonomi menaikkan statusnya sebagai wanita yang bebas.

Namun demikian digambarkan Nafiah mempunyai kelemahan yang besar, iaitu suka menjadi penyampai. Setiap berita atau cerita yang sampai ke pendengarannya sudah pasti akan disebar kepada orang lain dalam masa yang singkat. Di samping itu cerita akan menjadi panjang kerana telah ditokok tambah. Oleh sebab itu dia terkenal sebagai penyebar khabar angin.

Nafiah merupakan teman sekampung Suhaidah yang sering mendampingi wanita ini sesudah kematian Hamid. Tetapi kerana sikap buruknya sebagai penyampai itu menyebabkan kemampuannya berdikari kurang menyerlah.

Dari sudut yang lain dalam membincangkan wanita berstatus janda ini ternyata idea pengarang sangat dibatasi oleh nilai dan konvensi masyarakat. Pengarang tidak jauh menyeleweng daripada beberapa sikap stereotaip masyarakat. Kesimpulan dapat dikatakan bahawa imej wanita janda dalam novel ini masih tradisional dan konvensional lantaran pengarang terlalu taat dengan gambaran umum wanita dalam masyarakat.

WANITA PADA ZAMAN PERANG

Dalam tiga buah novel perang A. Samad Said yang akan

dibincangkan, iaitu *Di Hadapan Pulau*, *Keledang* dan *Sungai Mengalir Lesu*, nasib wanita lebih terancam akibat perang. Sama seperti yang dibincangkan sebelum ini, kebanyakan wanita yang diutarakan adalah daripada golongan miskin dan kelas bawahan. Kebanyakan mereka tidak mempunyai pelajaran formal dan kurang pendidikan agama. Kekurangan-kekurangan ini sekali gus memberi justifikasi kepada masalah yang akan dihadapi oleh wanita itu. Dalam keadaan perang wanita memerlukan perlindungan daripada ahli keluarga khususnya dan masyarakat umumnya dalam menghadapi kekuasaan pemerintah tentera Jepun ketika itu.

Antara wanita yang akan dibincangkan ialah Joyah, Taksiah dan Rosiah, watak-watak sampingan dalam novel *Di Hadapan Pulau*. Dalam *Keledang* pula akan dibincangkan watak Hendon, watak penting novel ini, dan Zaiton watak sampingannya. Watak Tuminah, Salimah, Zainab dan Mak Buruk pula merupakan watak-watak yang akan dibincangkan dalam novel *Sungai Mengalir Lesu*. Watak wanita ini dibincangkan di bawah tajuk seperti yang berikut: Kehilangan Tempat Bergantung, Keruntuhan Moral, Kahwin Paksa, Kewajipan Suami Isteri, dan Imej Janda.

Kehilangan Tempat Bergantung

Tajuk ini dipilih kerana seramai empat orang wanita daripada lapan watak yang dibincangkan dalam era ini kehilangan suami. Tiga orang kerana akibat perang. Mereka ialah Hendon, Tuminah dan Mak Buruk. Zaiton pula "kehilangan" suami setelah Bidin dipenjarakan oleh Jepun. Sesungguhnya perang telah memecahbelahkan keluarga dan memberi cabaran kepada ahli keluarga yang tinggal untuk meneruskan hidup mereka.

Kehilangan tempat bergantung pada zaman perang membawa penderitaan kepada wanita kerana putusnya sumber rezeki. Ini adalah kerana hampir semua wanita

itu bergantung ekonomi dan psikologi pada suami. Walau bagaimanapun nasib wanita itu tidak menjadi terlalu buruk jika mereka tinggal di kampung dibandingkan jika mereka tinggal di kota. Cara hidup di kedua-dua tempat ini berbeza seperti yang dibincangkan dalam Bab Tiga. Keadaan ini jelas dialami oleh Hendon yang tidak melarat hidupnya atau runtuh moralnya walaupun kehilangan suami. Hidup di desa pada zaman perang masih boleh bergantung pada tumbuh-tumbuhan dan bekalan protein dari kawasan sekitar kampung.

Sebaliknya perkara yang sangat merunsingkan Hendon ialah rahsia di sebalik kehilangan Omar, suaminya. Omar menghilang begitu sahaja tanpa diketahui sebab-sebab atau mengapa dan di mana dia pergi. Sedangkan tidak ada sebarang perselisihan faham terjadi sebelum Omar menghilang. Tambahan mereka mempunyai dua orang anak; Ehsan dan Rahimah, dan Hendon sedang mengandung pula.

Keadaan ini berbeza dengan Tuminah. Suaminya, Mansur, meninggal dunia akibat serangan bom Jepun ketika sedang memandu bas di Bukit Timah. Semasa plot cerita bermula, Tuminah telah enam bulan menjadi janda (hlm. 6). Mereka masih belum mempunyai anak tetapi Tuminah menjadi penjaga Dalim, adiknya, yang berumur 12 tahun sejak ibunya meninggal dunia kerana penyakit beri-beri. Kehidupan pada zaman perang di kota dalam keadaan sebatang kara sangat perit dirasakan kerana tiada sumber pendapatan. Tuminah pernah bekerja sebagai pelayan di restoran Fujiyama sebelum berkahwin dengan Mansur. Bagi menjamin kesejahteraan rumah tangga dan berazam menjadi isteri yang baik, Tuminah berhenti kerja untuk menumpukan sepenuh perhatian pada rumah tangga. Pekerjaan pelayan membawa konotasi yang buruk dari sudut moral kerana pergaulan bebas lelaki dan perempuan. Perang ternyata memusnahkan impiannya menjadi isteri yang baik.

Tanpa wang dan tempat bergantung dia digambarkan mengambil jalan mudah untuk mendapatkan makanan dengan menyerahkan tubuhnya kepada Basir, seorang pemuda samseng di kampungnya. Pada masa itu hanya Basir punca baginya mendapatkan makanan. Malah Tuminah digambarkan terlalu lemah untuk menolak daripada terceburlah ke lembah maksiat. Selain keperluan makanan, penyerahan Tuminah digambarkan kerana sebagai janda dia kehausan seks seperti digambarkan di halaman 54, "getar keinginan itu timbul semula sejak sentuhan Basir ketika mereka dalam *shelter*". Cara Tuminah mendapatkan makanan seolah-olah menafikan pengetahuannya tentang agama yang pernah dipelajari daripada suaminya dahulu. Malah padanya untuk mendapatkan makanan "dia tidak harus kira dari mana datangnya makanan" (hlm. 20). Tentang caranya mendapatkan makanan dengan membenarkan Basir bermalam di biliknya sehari dalam seminggu telah menjadi pengetahuan ramai orang di kampung itu.

Mengenai hal ini pengarang meletakkan Tuminah dalam sebuah kampung yang "orang [orangnya] tidak banyak cakap, lebih-lebih lagi masing-masing cuba hendak menyelamatkan diri masing-masing dalam perang" (hlm. 50). Sebenarnya Tuminah digambarkan sebagai mengambil jalan mudah untuk hidup. Pengetahuan agama ajaran arwah suaminya tidak memberi kesan terhadap peningkatan imannya. Sedangkan tidak ada suatu alasan pun yang menjadi halangan untuk mereka menghalalkan hubungan mereka dengan menjadi suami isteri. Walaupun Mak Buruk jirannya pernah menyarankan supaya dia berkahwin dengan Basir tetapi saranan itu tidak difikirkannya dengan serius. Adakah kerana dia menunggu Basir terlebih dahulu membuka mulut untuk mengajaknya berumah tangga? Persoalan ini seolah-olah sengaja tidak difikirkan dengan mendalam oleh Tuminah "sedangkan jauh di dalam hatinya Tuminah telah menjadikan Basir suaminya sendiri

dalam masa segenting itu" (hlm. 112). Kegagalan Tuminah untuk meletakkan dirinya sebagai seorang wanita beriman dan terhormat begitu terserlah. Sebaliknya dia terus bergelumbang dalam dosa atas alasan *survival* sehinggalah Basir ditembak mati oleh Jepun.

Jika Hendon digambarkan sebagai isteri yang setia, Tuminah sebagai janda yang lemah iman, ternyata Zaiton pula digambarkan sebagai isteri setia dan bergantung ekonomi dan psikologi pada suami. Zaiton hanya watak sampingan namun kita dapat memberi penilaian tentang kesetiaan wanita ini walaupun mempunyai suami yang gagal memberi keselamatan ekonomi kepada ahli keluarganya. Suaminya Bidin melalui penerangan pengarang dinyatakan, "Bidin selalu tukar pekerjaan dan akhirnya menjadi drebar tram. Dan sebaik-baik tram tidak berjalan lagi kerana wayar-wayar troleynya banyak yang dibom, dia dipindahkan menjadi drebar bas sementara dan bertukar pula kerja di stesen akhir bas, mengambil nama pekerja-pekerja yang datang" (hlm. 78).

Oleh sebab tidak mempunyai pekerjaan tetap, Bidin menyusahkan Zahariah, ibu mentuanya, yang secara kebetulan tinggal bersama-sama mereka. Zahariah terpaksa mengeluarkan wang simpanan yang dikumpul selama ini untuk naik haji ke Makkah. Pengorbanan Zahariah itu dilakukannya kerana tidak sanggup melihat anaknya, Zaiton, serta cucu-cucunya menderita.

Zaiton tetap berdegil mahu tinggal di Singapura setelah Bidin dijatuhi hukuman penjara kerana mencuri. Sebagai isteri setia Zaiton ingin terus melawat suaminya hingga menyusahkan ibunya yang terus mengeluarkan belanja mereka sekeluarga. Setelah dipujuk berkali-kali oleh abangnya, Zahabudin, Zaiton anak-beranak pindah ke Kampung Keledang, kampung mereka.

Zaiton digambarkan setia dan sabar menempuh hidupnya. Wanita ini sering menangis bila terkenang-

kan suaminya. Tetapi dia tidak mempunyai inisiatif untuk membantu dirinya sebaliknya hanya berharapkan wang simpanan ibunya hinggalah mereka berpindah ke Kampung Keledang.

Daripada empat orang watak wanita yang dibincangkan di bawah tajuk ini, hanya seorang yang dapat mengendalikan hidupnya, Simah, anaknya serta Sakinah, anak saudaranya walaupun suaminya hilang pada zaman pendudukan Jepun. Wanita itu ialah Mak Buruk yang menjual kuih secara kecil-kecilan di depan New World untuk menampung hidupnya sekeluarga. Tidak dinyatakan umur Mak Buruk dengan jelas oleh pengarang sekadar dirujuk sebagai "orang tua". Dia merupakan wanita yang bertungkus-lumus untuk menghidupkan keluarganya pada zaman serba sulit itu. Dia turut beratur bersama-sama orang ramai bagi membeli bahan mentah untuk membuat kuih seperti minyak kelapa sawit yang semakin sulit didapati. Mak Buruk digambarkan begitu tabah memikul tanggungjawab sebagai ibu tunggal (*single mother*). Selain mencari nafkah, dia sangat bimbang tentang nasib dan keselamatan anak perempuannya Simah dan Sakinah, anak saudara yang dijaganya itu. Kebimbangan ini lantaran kedua-dua gadis sunti itu sudah menjelang remaja dan terancam keselamatannya pada zaman serba kacau itu.

Di samping mengurus anak-anaknya, Mak Buruk menunjukkan simpati dan perhatian terhadap jirannya seperti Tompong, anak yang cacat kaki dan kepalanya. Mak Buruklah yang sering menyelamatkan Tompong dengan mengangkatnya ke *shelter* setiap kali siren dibunyikan. Mak Buruk sebagai wanita turut mengambil berat tentang nasib malang wanita di sekitarnya, termasuk Tuminah dan Salimah. Dia digambarkan bersifat lemah lembut dan memahami situasi perang yang menyebabkan hidup dan moral manusia menjadi kucar-kacir dan runtuh.

Simpati, prihatin dan sikap memahami orang lain

merupakan kualiti yang ada pada Mak Buruk. Dia menasihati Tuminah supaya berkahwin dengan Basir setelah diketahuinya mereka berdua menjalinkan hubungan sulit. Sikap memahaminya jelas dalam kenyataannya bahawa "siapa pula yang bersih macam kain putih dalam dunia ini" (hlm. 55). Tetapi padanya Tuminah wajar mengajak Basir berkahwin kerana nasib sebagai isteri berbeza dengan hidup bersendirian kerana "susah orang bersuami ni lain sikit. Susah berjenguk" (hlm. 55). Apa yang dimaksudkan di sini, tanggungjawab suami terhadap isteri akan meringankan penanggungan isteri. Di sini terserlah kefahaman Mak Buruk terhadap tugas dan tanggungjawab suami melindungi isteri daripada perkara-perkara yang buruk.

Tentang kelakuan immoral Tuminah dengan Basir itu diterima Mak Buruk dengan nasihat yang positif dan tidak pula dia membenci Tuminah sebaliknya sering mendampingi janda ini. Sikap Mak Buruk telah merapatkan hubungan mereka berdua hingga wujud tali persaudaraan yang erat.

Mak Buruk juga membantu menyelamatkan Salimah daripada ditangkap askar-askar Jepun yang mengesyaki wanita muda ini terlibat dengan pembunuhan Katayama. Mak Buruk sempat menyembunyikan Salimah di atas bumbung bilik Tompong sebelum beberapa orang Jepun datang mencari Salimah.

Ketabahan hati Mak Buruk menjalani hidup pada zaman perang itu tidak pula digambarkan sebagai *superwoman* sebaliknya pengarang menggambarkan:

Sebenarnya Mak Buruk tidak tahan menderita itu. Setiap malam, dalam diam-diam, dia akan menangis tersedu-sedu melihatkan Simah dan Sakinah tidur mengerekot. Setiap subuh bila menjengah di tempat tidur Jumaat (suaminya) tidak ada, dia akan menangis lagi. Barangkali kerana itu jugalah sayangnya kepada anak-anaknya, termasuk Tompong bertambah. Terkadang-kadang dia melupakan

dirinya sendiri, memberikan dirinya kepada Simah, Sakinah dan Tompang seluruhnya (hlm. 112).

Petikan di atas menunjukkan sebagai seorang ibu Mak Buruk memberi segenap kasih sayangnya kepada anak-anak yang masih ada padanya untuk dikasihi. Di sini pengarang cuba menunjukkan kebolehan wanita untuk memberi kasih sayang yang merupakan kelebihan yang tidak dimiliki oleh sesetengah lelaki seperti watak Ahmad Jani dalam novel ini. Dalam hal kebolehan memberi kasih sayang ini Mak Buruk lebih mampu dan patut diberi pujian. Secara tidak langsung kesendirian Mak Buruk menghadapi zaman perang itu tanpa suaminya Pak Jumaat menguji ketabahan dan kemampuannya menerima cabaran getir itu. Mak Buruk berjaya menghadapi cabaran hidup seperti yang dinyatakan di atas malah dia turut terlibat menyelamatkan dan mengasihi jiran-jirannya sendiri. Dalam erti kata yang lain Mak Buruk menjalani hidup dengan segala kemampuannya yang ternyata tidak ada pada Ahmad Jani.

Kontras antara sikap Mak Buruk dan Ahmad Jani ini sengaja ditimbulkan pengarang untuk menonjolkan kelebihan Mak Buruk. Ahmad Jani, watak sampingan novel ini, sejak awal plot digambarkan memilih jalan hidup yang terpisah (*alienated*) daripada masyarakat keliling, malah hingga dia mengabaikan kebajikan Sukon, anaknya sendiri. Sukon dibiarkan mencari dan memilih cara hidup sendiri termasuklah mencari makanan busuk di sungai yang mengalir di depan kampung mereka. Malah Sukon mula rapat dan terlibat dengan kegiatan samseng yang diketuai Basir. Perbuatan ini dilakukan oleh Sukon kerana dia dilupakan malah diabaikan oleh ayahnya sendiri yang lebih mengikut kata hati setelah ditinggalkan isterinya, Manisah. Manisah lari meninggalkannya kerana mengikut lelaki lain.

Perasaan dendam terhadap perbuatan Manisah menyebabkan Ahmad Jani menolak hidup normal dan bertanggungjawab terhadap anaknya, Sukon. Sebaliknya dia memberikan biliknya untuk diduduki oleh Tom-pang dan menghabiskan sebahagian besar masanya dalam *shelter*. Sebagai lelaki, egonya digambarkan ter-cabar apabila Manisah lari meninggalkannya.

Walaupun nasib Ahmad Jani yang ditinggalkan isterinya itu tidak sama dengan nasib Mak Buruk yang ditinggalkan suami, masih dapat kita pertimbangkan cara masing-masing menjalani hidup selepas ditinggal-kan oleh pasangan masing-masing. Mak Buruk walau-pun sedih, digambarkan lebih rasional kerana dia masih mementingkan tanggungjawab untuk memelihara Simah dan Sakinah. Dia menyahut cabaran hidup dengan melakukan segenap yang termampu oleh tubuh-nya yang agak tua itu. Di sinilah kekurangan Ahmad Jani yang digambarkan tidak dapat menerima keadaan hingga tidak mahu bertanggungjawab terhadap anak-nya. Dia digambarkan kurang rasional malah terlalu emosional dalam menjalani hidup yang serba sulit dan gawat ketika itu.

Jika dibuat perbandingan Ahmad Jani dengan wanita seperti Hendon, Tuminah, Zaiton dan Mak Buruk, seperti yang dibincangkan di atas, ternyata Mak Buruk ialah tipa wanita yang berjaya menempuh hidup sebagai ibu tunggal (*single mother*) dan sebagai seorang individu pada zaman perang. Sebagai balasannya pada akhir cerita digambarkan suaminya Pak Jumaat pulang ke pangkuan keluarga.

Keruntuhan Moral

Keruntuhan moral pada zaman perang terjadi akibat perkosaan atau tiada pilihan lain. Watak wanita yang dapat dibincangkan di bawah tajuk ini ialah Tuminah, Salimah dan Rosiah. Kedua-dua nama yang terakhir itu

merupakan watak sampingan.

Semasa plot cerita bermula Tuminah telah enam bulan menjadi janda. Dia tidak mempunyai pekerjaan atau sumber pendapatan menyebabkan hidupnya begitu sulit. Keadaan perang menyebabkan masing-masing digambarkan lebih mementingkan diri sendiri. Tambahan pula masyarakat kampung di tepi sungai yang rata-rata bukan penduduk asal kampung itu yang mendorong mereka hidup sebagai nafsi-nafsi (lihat Bab Tiga).

Faktor-faktor ini menyebabkan Tuminah menerima Basir sekurang-kurangnya sekali seminggu di kamarnya. Sebagai balasannya Basir akan memberinya bekal-an makanan yang diperolehnya daripada kegiatan sebagai samseng. Hubungan ini hampir menyamai hubungan antara pelacur dengan pelanggan di mana pelanggan akan membayar perkhidmatan yang diberikan. Hubungan begini tidak melibatkan perasaan cinta sebaliknya hanya untuk memuaskan nafsu semata-mata.

Dalam keadaan ini pengarang menyatakan "sejak menjadi janda enam bulan dahulu, dia banyak kenal tentang kebinatangan lelaki. Setiap yang dihulur minta diganti" (hlm. 6). Ayat ini menunjukkan wanita sukar untuk menolak lelaki jika lelaki itu dapat membalas sesuatu "perkhidmatan" dengan material yang diperlukan. Ini bermakna lelaki tidak akan menolong wanita dengan sepenuh ikhlas sebaliknya pasti memerlukan balasan, terutama layanan seksual. Sifat ini dengan sendirinya memerangkap wanita yang tidak berdaya tetapi benar-benar perlukan bantuan. Inilah yang berlaku pada Tuminah. Dia tidak pula menggunakan kelebihannya yang dapat memberi "perkhidmatan seksual" itu sebagai syarat Basir mengambilnya sebagai isteri sekali gus menghalalkan perhubungan mereka. Jikalau Tuminah digambarkan sebagai wanita yang dapat menggunakan akalinya, dia tidak akan terus-menerus bergelumang dalam noda. Keadaan ini boleh direalisasikan kerana tiada alasan yang kuat mengapa Basir akan

menolak memandangkan dia bujang atau ada tanggungjawab besar yang lain. Watak Tuminah digambarkan sebagai wanita yang tidak berfikir dan mudah hanyut dalam sesuatu keadaan, sama seperti pengalamannya semasa menjadi isteri Mansur dahulu (akan dibincangkan di bawah tajuk Kewajipan Suami Isteri).

Tuminah lebih menyerah kepada keadaan sama seperti ketika dia masih menjadi isteri Mansur yang digambarkan telah membimbing isterinya itu ke arah hidup beragama. Dengan sifat sabar dan tanggungjawab, Mansur berjaya membimbing Tuminah menjadi seorang muslimat dan mula belajar membaca surah Yasin. Tetapi sejak kematian Mansur, Tuminah digambarkan hilang pegangan dan terus melupakan segala pengajaran Mansur itu. Dengan kehilangan Mansur seolah-olah Tuminah juga hilang pegangan agama dan tidak dapat berdiri sendiri dengan iman yang kukuh. Tuminah tercebur dalam perbuatan *immoral* dan tenggelam dalam keadaan perang kerana hilang orang yang menunjukkan arah. Selain itu juga kerana dia digambarkan tidak mampu berdikari.

Tuminah marahkan perang yang menyebabkan Mansur suaminya meninggal kerana tanpa Mansur dia tidak dapat hidup dengan penuh keimanan. Ketidakmampuannya lebih kerana pergantungannya pada orang lain (suaminya), kelemahan iman, tidak bertegas dengan Basir, dan menyerahkan diri pada keadaan. Dia bergelumang dengan noda mungkin kerana digambarkan masih muda (24 tahun) dan cantik. Kecantikan merupakan "passport" untuk tidak perlu bersusah payah dan bertungkus-lumus menjalani kehidupan seperti Mak Buruk terutamanya jika tidak pula mempunyai ukuran moral dan agama yang kukuh.

Pada zaman perang dalam novel-novel yang dibincangkan di sini, wanita cantiklah yang digambarkan mudah terpedaya dan paling teruji keimanannya. Keadaan ini jelas jika kita meneliti pula nasib Rosiah dan

Salimah. Kedua-duanya cantik, dan masih muda dan belum berkahwin. Tidak banyak pelukisan watak Rosiah dapat dikaji dengan mendalam. Rosiah ialah adik Taksiah salah seorang watak dalam novel *Di Hadapan Pulau*. Rosiah digambarkan "lebih muda, lebih pemalu. Jarang-jarang dia melintas jika ada orang-orang bujang berkumpul" (hlm. 22). Tetapi sama seperti ramai penduduk kampungnya dia turut dipaksa dan terlibat dalam operasi membersihkan kem selepas Jepun berjaya menawan Tanah Melayu dan Singapura.

Rosiah serta beberapa orang wanita kampungnya diangkut dengan trak ke kem yang agak jauh dari kampung mereka. Mereka berada selama empat hari di kem itu untuk membersihkan kem dan membasuh baju askar-askar itu. Wanita itu diganggu seperti yang berlaku pada Wan Rohani, salah seorang watak sampingan novel ini. Tetapi pengalaman Rosiah di kem itu tidak dilukiskan dengan terang. Apabila ditanya oleh orang kampungnya mengenai pengalamannya di kem itu, pengarang hanya menyatakan "Rosiah tidak akan mahu menceritakan apa yang telah berlaku. Tidak ada sesiapa pun sebenarnya yang tahu dan dia ingin peristiwa tersebut terbenam begitu saja" (hlm. 107).

Kebisuan Rosiah terhadap pengalaman yang ditempuhinya besar kemungkinan berkaitan dengan maruahnyanya sebagai wanita diganggu, yang pada pendapatnya tidak perlu dihebohkan.

Kisah Rosiah timbul semula apabila Aziz, salah seorang watak novel ini, terserempak dengannya berdua-duaan dengan seorang lelaki bukan Jepun di sebuah tanah perkuburan. Rosiah memberi Aziz makanan dengan meminta Aziz merahsiakan kejadian itu.

Daripada pengalaman Rosiah ini dapat dinyatakan bahawa pada zaman perang maruah diri seorang perempuan mudah tergadai untuk ditukar dengan makanan, tetapi apa yang menarik keadaan itu digam-

barkan berlaku pada Rosiah gadis yang selama ini terkenal "alim dan sopan santun" (hlm. 122). Mungkinkah dia mengambil jalan mudah untuk mendapatkan makanan kerana pernah ternoda sebelum ini? Jika benar ternyata pengarang mengambil jalan mudah dalam menggambarkan nasib Rosiah. Oleh sebab pernah ternoda maka dia akan terus mudah tergoda.

Salimah watak sampingan novel *Sungai Mengalir Lesu* pula tidak banyak diketahui pembaca sehinggalah dia membuat hubungan dengan Katayama, seorang askar Jepun. Salimah tinggal bersama-sama ibunya yang tua dan buta. Sebagai balasannya Katayama memberikan makanan untuknya. Kecantikan Salimah banyak diketahui melalui ingatan Katayama, "Rambut Salimah lebat dan dipotong pendek. Hidung Salimah ... mancung dan keningnya hitam" (hlm. 77).

Sama seperti Tuminah dan Rosiah, Salimah digambarkan sebagai wanita yang dianiaya oleh lelaki yang berkuasa. Bagi Salimah dia teraniaya oleh Katayama yang hauskan seks. Katayama menggunakan kelebihan-nya sebagai seorang askar Jepun yang berkuasa masa itu dan juga mempunyai bekalan makanan yang telah semakin susah didapati oleh orang awam. Perhubungan mereka itu lebih kepada pertukaran keperluan sahaja. Katayama perlukan seks dan Salimah pula perlukan makanan. Ini adalah kerana mereka berdua tidak boleh berkomunikasi lantaran masalah bahasa. Perhubungan ini hampir sama seperti pelacur dan pelanggan. Juga ada persamaannya dengan pengalaman Tuminah yang dibincangkan sebelum ini. Suatu hakikat yang nyata dalam hubungan antara lelaki dengan perempuan ialah, lelaki tidak akan membantu tanpa mendapat balasan yang diingini.

Penganiayaan Salimah oleh askar Jepun hampir-hampir terjadi setelah beberapa askar Jepun kawan Katayama mencari Salimah yang dianggap terlibat dengan kematian Katayama. Tetapi dengan mengguna-

kan teknik ironi, pembaca mengetahui Katayama dibunuh oleh Irwan, seorang bekas buruh Jawa.

Akhirnya Salimah mati dalam satu pengeboman British ketika masih berada di atas bumbung bilik Tom-pang.

Kahwin Paksa

Dalam novel *Adik Datang*, ternyata isu ini merupakan isu penting yang dialami oleh ramai wanita sebelum Perang Dunia Kedua. Kepentingan ini sangat terasa apabila dua orang watak wanita novel itu, iaitu Suhaidah dan Rasimah, mengalami akibat kahwin paksa. Tetapi dalam kategori novel-novel perang yang merangkumi tiga buah novel, hanya seorang watak digambarkan melalui pengalaman ini. Itu pun dialami oleh seorang watak sampingan novel *Sungai Mengalir Lesu*, iaitu Zainab.

Jika ditinjau dari segi pengalaman wanita, kelihatan semakin kurang bilangan watak wanita yang terlibat dengan kahwin paksa. Jika ditinjau dari segi persoalan novel, ternyata isu kahwin paksa tidak menjadi perbincangan penting A. Samad Said lagi. Oleh sebab itu digambarkan semakin kurang wanita yang menderita hidupnya akibat kahwin paksa.

Zainab ialah wanita malang. Umurnya baru 17 tahun. Ketika dikenalkan dalam plot cerita dia baru setahun berkahwin. Dia dikahwinkan oleh ibu bapanya dengan Syeed Ayuub yang berumur 52 tahun. Zainab mempunyai tujuh orang adik-beradik. Ayahnya bekerja sebagai kuli di Harbour Board dan Zainab serta ibunya membantu menambah pendapatan keluarga dengan membuat kuih. Tetapi apabila kaki ayahnya putus dalam satu kemalangan, mereka kehilangan sumber pendapatan. Untuk meringankan beban keluarga, Zainab dikahwinkan dengan Syeed Ayuub. Tidak diketahui pula mengapa ibu bapa Zainab mengahwinkannya

dengan lelaki tua itu.

Nasib Zainab malang kerana kehadirannya dalam keluarga sepuluh orang itu dianggap membebankan dan dengan mudah ditolak dengan mengahwinkannya dengan lelaki tua yang tidak padan langsung dengannya. Syeed Ayuub bekerja sebagai penjual barang-barang murah di Sungai Road dan merupakan seorang suami yang cemburu dan zalim.

Zainab dibawa ke kampung tepi sungai itu pada tengah malam dan semenjak itu Zainab tidak pernah keluar dari biliknya. Makan minumannya di dalam bilik, mandi dan buang air hanya sekali pada waktu maghrib (hlm. 90). Syeed Ayuub menguncinya dari luar walaupun ketika siren kecemasan dibunyikan dan orang lain bersembunyi di *shelter*. Zainab tidak digambarkan melawan atau memberontak terhadap kezaliman suaminya yang menutup dunianya dan mendera perasaannya. Apa yang mampu dibuatnya hanya menangis.

Zainab tidak langsung berani menolak kemahuan ibu bapanya yang mengahwinkannya dengan Syeed Ayuub yang terlalu tua untuknya. Perkahwinan itu langsung tidak sepadan dari segi umur. Malah "wajah Syeed Ayuub menakutkan Zainab" (hlm. 41-42). Nasib Zainab lebih buruk daripada nasib Suhaidah dan Rasi-mah dalam novel *Adik Datang* kerana mendapat suami yang terlalu tua. Malah tidak ada langsung wujud per-sesuaian (*compatibility*) atau persamaan (*equality*) dalam hidup mereka berumah tangga.

Syeed Ayuub digambarkan suka melihat isterinya itu "seperti seorang yang sakit dan sedang bodoh. Dia suka Zainab begitu. Dia suka bila ditanya baru menjawab. Zainab pun tidak banyak berubah dan itu pun dia suka" (hlm. 40). Dengan sikap Zainab yang menurut, tidak melawan, Syeed Ayuub gembira untuk mencapai tujuannya mendapat cahaya mata walaupun dia telah berumur 52 tahun. Tidak ada gambaran latar belakang Syeed Ayuub secara jelas dilukiskan pengarang untuk

memberi justifikasi sikapnya terhadap isterinya yang tersangat muda itu.

Sebagai wanita dan isteri, Zainab digambarkan memerlukan perlindungan dan kasih sayang. Tetapi pada waktu yang sama dia tidak tahu langsung haknya sebagai seorang isteri yang perlu mendapat kasih sayang dan layanan yang baik daripada suaminya. Dia juga tidak pernah memprotes atau merayu atas tindakan Syeed Ayuub mengurungnya begitu. Oleh sebab itu dia mudah sahaja terjebak dalam perbuatan zina dengan Ahmad Jani yang menunjukkan perhatian dan mengasihaniinya. Hubungan itu mengakibatkan Zainab mengandung.

Sama seperti Salimah, Zainab juga mati apabila rumah tempat dia dikurung itu dibom oleh tentera British. Kematian Salimah dan Zainab yang melakukan perbuatan immoral itu memperlihatkan seolah-olah pengarang akur pada konvensi sastera Melayu bahawa buat jahat akan dibalas jahat.

Kewajipan Suami Isteri

Bagi menjamin kesejahteraan rumah tangga sebagai institusi terkecil dan terpenting dalam masyarakat, Islam menggariskan tanggungjawab dan kewajipan suami isteri (lihat Bab Dua). Islam menjamin hak fizikal dan *spiritual* isteri dalam rumah tangga. Namun demikian dalam tiga buah novel yang dibincangkan dalam kategori ini, tidak ada seorang isteri pun yang bahagia hidupnya. Bahagia dalam erti kata mendapat haknya walaupun menjalani hidup secara sederhana dan cukup keperluan asas seperti makan minum dan rumah tempat berlindung. Keadaan ini lebih jelas kerana kebanyakan keluarga yang ditampilkan terdiri daripada golongan miskin. Kesengsaraan para isteri seperti Joyah dan Zainab lebih kepada keperluan kasih sayang dan tanggungjawab suami. Hanya Tuminah

digambarkan hidup agak bahagia dalam rumah tangga ketika suaminya Mansur masih hidup. Namun kebahagiaan berumah tangga itu terlalu singkat usianya apabila Mansur meninggal dunia dalam satu serangan bom.

Joyah, watak pembantu dalam novel *Di Hadapan Pulau* tidak bahagia hidupnya kerana Budin, suaminya, sentiasa tiada di rumah. Malah Budin hanya dikenali oleh pembaca melalui pendapat pengarang, perbualan Joyah dengan kawan-kawan seperti Taksiah atau melalui Aziz, anak saudaranya yang tinggal bersama-sama mereka setelah kedua-dua ibu bapanya meninggal dunia. Budin tidak diwujudkan dalam plot. Oleh sebab itu kesengsaraan batin Joyah lebih terserlah dan mendapat simpati daripada orang yang mengenalnya, terutama yang rapat dengannya seperti Aziz.

Budin tidak bertanggungjawab terhadap isterinya. Malah Aziz selalu nampak Budin memukul Joyah jika dia pulang ke rumah dalam keadaan mabuk. Keadaan Budin menyebabkan pada waktu sebelum perang Joyah terpaksa bekerja di sebuah kedai makan untuk mencari pendapatan menyara hidupnya sekeluarga. Aziz memang mengakui bahawa "yang menanggungnya ialah mak ciknya sendiri bukan pak ciknya" (hlm. 20).

Budin juga gagal menambah harta sebaliknya membelanjakan sebahagian besar pendapatan untuk minum todi. Untuk menampung perbelanjaan keluarga, Joyah terpaksa menggadai barang-barang kemasnya, "Yang tinggal cuma kerongsang dan gelang kaki. Itu pun barang-barang tersebut memang pemberian ibunya sendiri sebagai hadiah kahwin" (hlm. 21).

Joyah kadang-kadang menyesali nasibnya berkahwin dengan Budin yang diharapkannya akan berubah selepas berumah tangga. Joyah pernah menolak nasihat Roslan, abang Budin, supaya tidak mengahwini Budin yang diyakini tidak berubah. Akhirnya ternyata pendapat Roslan benar dan hidup Joyah menderita.

Pada zaman pemerintahan Jepun, setelah kedai

tempat dia bekerja ditutup, Joyah cuba mencari pekerjaan di kem askar Jepun. Tetapi ketika Taksiah berjaya mendapatkan pekerjaan untuknya, Joyah ragu-ragu menerimanya kerana Budin tidak tahu. Dari sudut ini Joyah digambarkan bertindak wajar sebagai seorang isteri yang baik yang mesti meminta izin suami untuk membuat sesuatu tindakan.

Apa yang cuba ditunjukkan pengarang ialah kebanyakan isteri yang baik perangainya, bersifat setia dan sabar, sentiasa teraniaya dan tidak bahagia hidupnya. Mereka menderita kerana kelakuan suami yang jahil tentang perintah agama Islam yang melarang keras meminum minuman keras, berjudi serta berzina. Oleh sebab para suami menyeleweng daripada suruhan Islam, maka isteri-isteri mereka menderita lahir dan batin. Para isteri pula tidak berani bertindak kerana kurang tahu hukum agama dan tidak ada tempat untuk mengadu.

Hal yang sama berlaku pada Zainab, watak sampingan novel *Sungai Mengalir Lesu*. Zainab tidak mendapat hak sebagai isteri daripada suaminya, Syeed Ayuub. Sebaliknya Zainab isterinya yang muda (17 tahun) dan cantik itu dijadikan objek seks dan tempat menguji kelelakiannya sahaja.

Hanya Tuminah sempat menjalani hidup sebagai isteri yang bahagia walaupun Mansur, suaminya, hanya seorang pemandu bas. Mansur mengambil Tuminah, seorang pelayan, sebagai isteri dan membimbingnya ke arah memahami agama Islam. Sebelum bersetuju berkahwin dengan Mansur, Tuminah menunjukkan sikapnya sebagai wanita yang tidak berdaya menukar cara hidup dan pekerjaannya, "asal aku di tempat yang jahat. Tapi kalau kau dah sudi, kalau kau pandai mengasuh, barangkali aku boleh jadi baik" (hlm. 53). Pada waktu itu Tuminah digambarkan terlalu lemah untuk membentuk hidupnya mengikut lunas-lunas

agama sedangkan ketika itu dia menanggung ibu dan adiknya.

Ternyata Tuminah berjaya dibentuk ke arah hidup sebagai muslimat yang baik dengan sikap dan teladan yang baik yang ditunjukkan oleh Mansur. Sifat suaminya itu (Mansur) penyabar, sembahyang tidak tinggal serta menjadi guru mengaji berjaya menjadi suami dan ketua keluarga yang baik. Oleh sebab itulah kematian Mansur dalam perang sangat dikesali oleh Tuminah kerana dia kehilangan pembimbing, pencari nafkah dan ketua keluarga yang baik.

Sebagai isteri yang bergantung ekonomi dan psikologi sepenuhnya pada suami, kehidupannya begitu sengsara setelah kematian Mansur. Ini adalah kerana benih iman yang disemai Mansur itu belum cukup kuat untuk bertahan melawan cabaran hidup pada zaman perang itu. Tuminah wanita lemah dan tidak dapat berdikari seperti Mak Buruk.

Imej Janda

Dalam tiga buah novel yang dibincangkan ini, terdapat tiga orang watak janda iaitu Tuminah watak penting novel *Sungai Mengalir Lesu*, Taksiah watak sampingan novel *Di Hadapan Pulau* dan Jenak Begok watak sampingan novel *Keledang*. Hanya Tuminah digambarkan masih muda, iaitu 24 tahun, dan baru enam bulan menjadi janda ketika plot cerita bermula. Watak ini sudah banyak dibicarakan, dan dapat disimpulkan sebagai membawa imej janda lemah dan buruk perangainya. Kelemahan itu adalah kerana kebergantungannya pada orang lain untuk membantu dirinya. Dia digambarkan menggunakan kecantikannya untuk mendapat bekalan makanan pada zaman perang. Status jandanya digunakan sebagai alasan mudahnya dia tercebur ke lembah maksiat. Di samping keadaan perang, sikap sebahagian besar masyarakat sekeliling yang individualistik dan

terlalu sibuk dengan urusan hidup menyebabkan Tuminah hidup bergelumang dosa.

Jika dibandingkan dengan Tuminah, Taksiah lebih berdikari, tegas dan vokal dalam mengharungi hidup sebagai seorang janda. Tidak banyak latar belakang Taksiah disertakan oleh pengarang untuk kita memberi justifikasi atas status jandanya itu. Apa yang jelas dia menjadi janda kerana tidak tahan dengan sikap suaminya (dia berkahwin dua kali dan kedua-duanya berakhir dengan perceraian). Melalui perbualannya dengan Joyah dinyatakannya "... dah dua suami aku, Joyah. Kedua-duanya macam Budin kau juga. Mereka tahu kahwin, tak pula tahu tanggungjawab" (hlm. 62). Mengenai nasib rumah tangganya itu ternyata turut dirasakan oleh Joyah, teman rapatnya, iaitu mempunyai suami yang tidak bertanggungjawab menyebabkan ekonomi rumah tangga mereka tempang dan mereka tidak mengecap hidup bahagia.

Mengenai perkara berkahwin dua kali itu Taksiah begitu vokal dan lantang. Ini adalah kerana dia sangat memahami sikap masyarakat keliling yang kurang senang dengan wanita sepertinya. Mereka menganggap atau lebih menyalahkan isteri jika berlakunya perceraian. Dia sedar kebanyakan masyarakat sekelilingnya beranggapan bahawa kerana perangnya kurang baik maka dia diceraikan. Oleh sebab itulah imej wanita janda yang diceraikan sentiasa buruk tanpa mengetahui sebab di sebalik perceraian itu.

Janda juga dianggap mudah rosak akhlakanya kerana pernah berumah tangga dan akan mudah mencari kepuasan seks. Pandangan stereotaip ini juga sangat difahami Taksiah. Tetapi janda ini tetap mempersoalkan ketidakadilan sikap masyarakat terhadap wanita janda sepertinya. Sikap *double-standard* masyarakat itu ditentangnya seperti pendapatnya kepada Joyah:

Aku ni dah dua kali ... dah dua kali kahwin. Kadang-kadang aku sendiri pun malu. Kau [Joyah] bukannya tak tahu macam mana pandangan orang keliling. Kalau perempuan kahwin selalu orang kata perempuan jahat; tidak pula begitu kalau lelaki kahwin selalu (hlm. 62).

Suara lantang Taksiah itu sengaja diluahkan untuk menyatakan tidak puas hati terhadap sikap berat sebelah ramai ahli masyarakat terhadap golongan janda sepertinya.

Kesedarannya terhadap masalah yang dihadapi wanita yang susah mendapat pekerjaan menyebabkan Taksiah hanya membantu golongan wanita sahaja mencari pekerjaan di kem askar yang berhampiran. Taksiah bertegas, "Aku nak tolong orang perempuan saja. Orang jantan tau kerja sendiri" (hlm. 64).

Taksiah juga sedar dan memahami masalah kewangan yang dihadapi Joyah yang tidak mendapat layanan baik daripada Budin, suaminya. Malah Budin sering tidak pulang ke rumah pada zaman perang itu. Oleh sebab itu Taksiah berasa kurang senang apabila Joyah tidak menerima sahaja pekerjaan yang dicarikannya. Pada Taksiah, dalam keadaan genting seperti zaman perang itu sumber rezeki tidak patut ditolak.

Tetapi seperti gambaran beberapa wanita janda muda lain dalam novel-novel yang telah dibincangkan, Taksiah juga digambarkan menggunakan kelebihan terutamanya *sexual attraction* untuk mendapat pekerjaan. Dia menggunakan taktik itu kerana dia tahu kelemahan kebanyakan lelaki yang mudah lemah hati apabila dirayu oleh wanita, terutama wanita muda (tidak dinyatakan umur Taksiah oleh pengarang). Mengenai hal ini dinyatakan dengan begitu jelas oleh Taksiah:

Kan aku dah kata, tak senang cari kerja. Kita orang perempuan ni tak senang dapat kerja. Tau-taulah gunakan lenggang lenggok kita. Orang lelaki mana boleh dengar suara manja orang perempuan.

Hendak-hendak orang dah lama tak dengar suara perempuan (hlm. 61).

Keberanian Taksiah inilah menyebabkan ramai menganggapnya sebagai janda yang buruk perangai. Kebebasannya sebagai janda dipergunakan untuk menarik perhatian askar-askar yang berkhemah tidak jauh dari kampungnya.

Secara tidak langsung Taksiah juga berkongsi nasib sebagai janda dengan Nafiah, janda dalam novel *Adik Datang*. Imej mereka sebagai janda tercemar kerana dilukiskan mempunyai perangai yang agak agresif dan kadang-kadang agak keterlaluan. Ternyata janda agak muda (sebelum melewati usia 40-an) selalu digambarkan mempunyai sikap negatif hingga merendahkan martabat mereka di kaca mata masyarakat.

Seorang lagi watak janda yang digambarkan mempunyai perangai yang buruk ialah Jenab Begok, watak sampingan novel *Keledang*. Jenab juga seorang janda yang mempunyai sikap suka menyampaikan dan menokok tambah cerita yang didengarnya. Pendek kata jika dia mendengar sesuatu cerita sudah pasti cerita itu tidak boleh dipercayai lagi. Persamaan sikap Jenab Begok dengan Nafiah seolah-olah pengarang mempunyai seseorang model daripada alam realitinya. Sekali gus juga pengarang setia pada realiti dalam melukiskan watak janda. Seperti ramai watak yang diceritakan, pelukisan watak wanita sangat terhad pada nilai moral baik dan buruknya. Jika seseorang watak itu mempunyai perangai dan moral yang baik, dia adalah wanita tradisi yang terhad visi, pergerakan dan persepsinya terhadap hidup ini seperti yang dilukiskan pada watak Suhaidah. Jika pengarang menampilkan watak wanita yang bebas mencari kehidupan, kerap pula maruahnyanya tercemar kerana berperangai buruk.

Daripada empat buah novel yang dibincangkan, belum ada seorang wanita pun yang muncul dapat

dibanggakan kerana mempunyai nilai budaya Melayu dan Islam yang seimbang. Mereka dilukiskan terlalu terkongkong oleh jangkakan masyarakat, terutamanya bagi wanita tradisional. Di sini jelas pengarang lebih berminat menyanjung wanita yang mempunyai sifat tradisi yang selalunya cantik, sabar dan tahan menderita. Seterusnya kita akan melihat pula gambaran watak wanita selepas zaman Perang Dunia Kedua.

WANITA PADA ZAMAN SELEPAS PERANG

Novel *Salina* dan *Ke Mana Terbangnya* merupakan novel A. Samad Said yang paling banyak mengetengahkan wanita sebagai watak penting dalam plot cerita. Tetapi yang paling menarik ialah kebanyakan mereka terdiri daripada wanita yang teraniaya dan menderita hidupnya kerana keadaan dan lelaki.

Dalam kedua-dua buah novel ini watak-watak yang disorot masih di kalangan golongan bawahan yang hidup di kawasan sesak di bandar. Seperti yang telah dibincangkan dalam novel-novel yang lepas, wanita yang hidup di kawasan bandar sering menghadapi cabaran moral yang lebih sengit dibandingkan rakan sejenis mereka yang tinggal di desa. Keadaan ini dipertajam lagi oleh kekurangan pendidikan dan penghayatan agama sebagai benteng segala kemungkaran, sikap masyarakat keliling yang mengamalkan hidup nafsi-nafsi dalam hal ehwal moral dan hidup sebatang kara atau tidak didampingi oleh ahli keluarga terdekat. Suasana dan keadaan seperti ini menunjukkan wujudnya hubungan dengan fungsi keluarga yang semakin longgar terhadap pembinaan dan keutuhan moral ahli keluarga. Malah nilai kekeluargaan semakin pudar fungsinya sebagai institusi yang menjamin kesejahteraan dan kebajikan ahlinya.

Kesan Perang Dunia Kedua juga cuba difokuskan oleh pengarang sebagai penyebab terhadap keruntuhan

institusi keluarga dan kesengsaraan hidup watak-watak yang terlibat. Misalnya Siti Salina kehilangan semua ahli keluarga yang terdiri daripada bapa, ibu tiri dan adik-adiknya, malah kekasihnya, Muhammad Yusuf, juga terkorban dalam perang itu. Siti Salina juga pernah diperkosa Jepun. Begitu juga Katijah yang kehilangan suami dalam satu serangan bom Jepun, Zarina rosak hidupnya pada zaman pemerintahan Jepun apabila seperti Siti Salina dia pernah diperkosa Jepun. Nahidah, Tengku Shaion dan Anidah (dua nama terakhir itu watak dalam *Ke Mana Terbangnya*) pula merupakan mangsa lelaki.

Dibandingkan dengan novel-novel yang telah dibincangkan, yang menarik adalah persoalan kahwin paksa dan kewajipan suami isteri tidak lagi diutarakan sebagai persoalan yang penting. Persoalan kahwin paksa dan kesannya kepada watak wanita seperti yang dialami oleh Zainab, watak novel *Sungai Mengalir Lesu*, tidak diutarakan lagi. Daripada enam watak wanita, iaitu Siti Salina, Nahidah, Katijah, Zarina, Tengku Shaion dan Anidah yang akan dibincangkan, hanya Zarina mengalami kahwin paksa. Tetapi pengalaman kahwin paksa itu tidak difokus sebagai satu-satunya penyebab utama penderitaan hidup Zarina seterusnya.

Dalam dua buah novel ini juga rumah tangga sebagai sebuah institusi keluarga yang normal, iaitu diketuai oleh bapa langsung tidak wujud. Dalam novel *Salina* terdapat dua buah keluarga yang ditampilkan itu diketuai oleh wanita. Keluarga pertama diketuai oleh Zarina dengan ahlinya; Mansur, anak tirinya berumur 18 tahun yang masih menganggur; Nahidah anak gadisnya yang berusia 15 tahun dan Sunarto anak angkat suaminya yang telah meninggal dunia. Keluarga yang kedua pula diketuai Katijah, seorang janda berusia 40-an, dengan anaknya, Hilmy, yang berusia 18 tahun dan masih bersekolah.

Kedua-dua buah keluarga yang diketuai oleh ibu

tunggal (*single mother*) ini mengemukakan keluarga tipikal iaitu miskin. Namun nasib ahlinya berbeza kerana perbezaan tujuan dan sikap ketua keluarga terhadap hidup yang akan dibincangkan di bawah tajuk imej janda.

Fokus penting bahagian ini adalah kepada beberapa orang wanita yang digambarkan menderita hidupnya. Watak wanita ini seramai enam orang (watak penting dan sampingan) dibincangkan di bawah tajuk: Keruntuhan Moral, Wanita Teraniaya, dan Imej Janda. Tajuk pertama dan kedua mempunyai kaitan yang rapat kerana kebanyakan wanita yang mengalami keruntuhan moral ialah wanita yang pernah teraniaya hidupnya.

Keruntuhan Moral

Wanita yang paling menonjol ini ialah Siti Salina (selepas ini akan disebut Salina sahaja). Salina digambarkan sebagai seorang wanita muda kurus tinggi yang cantik paras mukanya (hlm. 7). Pada permulaan plot cerita digambarkan dia telah lama terceburlah dalam lembah pelacuran dan sudah dua tahun pula hidup berseke-dudukan tanpa nikah dengan Abdul Fakar, seorang penganggur yang pernah bekerja sebagai kelasi kapal.

Penceburan diri Salina sebagai pelacur diiringi oleh beberapa alasan yang dapat merendahkan kemampuan Salina bertindak dan berfikir. Secara tidak langsung juga menunjukkan kaitan dengan kesan negatif sosialisasi yang diterimanya sebagai seorang anak perempuan. Melalui teknik imbas kembali dinyatakan Salina berasal daripada keluarga yang kaya kerana ayahnya seorang saudagar intan berlian (hlm. 116). Mereka tinggal di sebuah rumah besar dengan kebun yang luas di belakang rumah. Salina dihantar ke sekolah Ingergis dengan menaiki kereta yang dipandu oleh seorang dre-bar khas. Sebagai anak perempuan sulung, ayahnya

menaruh harapan yang tinggi padanya, dan Salina juga bercita-cita menjadi doktor. Sebagai gadis, Salina menjalani hidup terkurung dan pergaulan sosial yang terhad sama seperti yang dialami oleh ramai gadis tradisi zaman sebelum perang. Selain adik-adik tirinya (ibunya sudah lama meninggal dunia dan bapanya berkahwin lagi dan mendapat dua orang anak) ibu tiri sangat menyayangi Salina. Salina menjalani hidup sepi kerana tidak ada rakan sebaya apabila dia tidak dibenarkan keluar rumah. Lingkungan sosial anak-anak gadis tradisi termasuk Salina hanya terhad pada saudara-mara. Dia digambarkan sebagai mudah jatuh cinta walaupun kepada pemuda yang tidak dikenalnya. Perasaan cintanya berputik terhadap Muhammad Yusup anak muda yang sentiasa berada di hadapan rumahnya setiap kali kereta yang membawa Salina pergi dan pulang dari sekolah. Mereka berutusan surat hingga melarat kepada mengadakan pertemuan rahsia di belakang rumah Salina yang merupakan perbuatan terlarang bagi anak gadis ketika itu. Oleh sebab Salina melanggar larangan adat dia telah dipukul oleh ayahnya.

Dalam menghadapi soal percintaan yang pertama ini, perasaan Salina terhadap kekasihnya digambarkan begitu teguh. Pukulan ayahnya tidak memudahkan kasih sayang dan harapannya terhadap pemuda itu sebaliknya bertambah kukuh. Kesetiaan dan keteguhan kasih sayangnya itu menyebabkan bayangan wajah pemuda itu tidak pernah luput daripada kenangannya. Gambaran kesetiaan Salina terhadap pemuda itu sekali gus membayangkan harapan pengarang bahawa wanita yang baik mesti setia kepada kekasih. Kesetiaan bermakna sanggup mempertahankan kasih sayang itu walau apa pun terjadi. Tambahan pula Muhammad Yusup digambarkan sebagai pemuda yang lemah lembut, romantik dan bertanggungjawab. Sifat-sifat ini mengukuhkan kasih sayang Salina dengan harapan untuk hidup bahagia sebagai suami isteri kelak. Harap-

an Salina untuk hidup bersama-sama pemuda itu hancur berkecai apabila Muhammad Yusup yang menyertai *Malayan Auxiliary Service* mati dalam pengeboman Jepun. Tetapi kesetiaan Salina tetap teguh dan impiannya terus menyala hinggalah dia diperkosa oleh beberapa orang askar Jepun. Dengan perkosaan ini menjadikan dirinya tidak suci lagi. Dalam perang itu Salina hilang segala-galanya; semua anggota keluarganya, rumah besar mereka musnah, Muhammad Yusup meninggal dunia dan Salina hilang keperawanannya. Akhirnya Salina tinggal sebatang kara untuk mengharungi hidup ini.

Situasi yang sedemikian malang bagi seorang anak gadis pingitan seperti Salina adalah suatu penyiksaan yang terlalu besar untuk dipikul seorang diri pada zaman perang itu.

Sebagai gadis pingitan yang tidak ada persediaan mental bergaul dalam masyarakat, ditambah telah diperkosa, dengan mudah diceburkan pengarang ke lembah pelacuran demi mencari sesuap nasi. Selepas pendudukan Jepun Salina menjadi seorang wanita dewasa yang terpaksa mencari kehidupan sendiri. Gambaran cara hidup pada zaman pemerintahan Jepun selepas seluruh ahli keluarganya meninggal tidak diceritakan. Sebaliknya pembaca mengenal Salina sebagai seorang pelacur pada peringkat awal plot cerita, khususnya dalam bab satu lagi.

Penceburan Salina sebagai pelacur dibuat secara mudah tanpa mengambil kira pendidikan Salina yang sampai di peringkat darjah enam sekolah Inggeris di Raffles Girl's School ketika perang meletus. Pendidikan yang dikira tinggi pada zaman selepas perang itu sia-sia sahaja kerana tidak digunakan oleh Salina untuk mencari pekerjaan yang sesuai dengan kelulusannya itu. Mungkin pendidikannya itu hanya sekadar untuk memberi latar belakang keluarga Salina yang kaya-raya itu sahaja.

Dari satu segi yang lain pengarang mengambil sikap mudah untuk menunjukkan kelemahan sikap dan akal Salina sebagai seorang wanita dalam mencorakkan hidupnya sendiri. Salina menjadi pelacur setelah dia kehilangan semua anggota keluarga yang mungkin menentang pilihan kerjanya sebagai pelacur yang bertentangan dengan agama Islam dan budaya Melayu itu. Salina terus menjadi pelacur sehinggalah dia berpindah ke Kelantan mengikut kawannya, Mek Som.

Suatu sebab lagi yang mungkin mendorong Salina menjadi pelacur kerana dia digambarkan tidak suci lagi setelah diperkosa oleh askar Jepun. Bagi wanita Asia amnya, kehilangan keperawanan walaupun kerana diperkosa tetap dipandang hina oleh masyarakat. Tanggapan umum beginilah yang mungkin turut mempengaruhi pengarang menceburkan diri Salina ke dalam lembah pelacuran kerana dia dianggap telah "rosak" yang tidak mungkin lagi dapat menukar atau membersihkan sejarah hidupnya yang malang dan buruk itu.⁵ Gambaran nasib begini lebih didorong oleh keinginan pengarang untuk melukiskan atau meniru kejadian biasa berlaku dalam masyarakat.

Begitu juga dengan harapan dan jangkaan masyarakat terhadap cinta pertama dan wanita hanya bercinta sekali seumur hidup digambarkan berlaku pada Salina. Mengenai hal ini pengarang melukiskan betapa tingginya kedudukan Muhammad Yusup dalam fikiran Salina seperti dalam petikan di bawah:

Tentang Muhammad Yusup ini tidak pernah sepetah pun diceritakan oleh Siti Salina kepada sesiapa. Muhammad Yusup merupakan nama yang suci dan tidak rela ia menyebutnya kalau tidak kerana satu-satu tujuan yang suci juga ... (hlm. 357).

Harapan yang begitu tinggi kepada Muhammad Yusup menyebabkan dia terjerat dalam emosi yang dalam setelah pemuda itu meninggal dunia. Dia tidak pernah

dapat melupakan Muhammad Yusup. Salina hilang pertimbangan apabila terpendang seorang lelaki yang menyerupai wajah Muhammad Yusup, langsung 'memelihara' lelaki itu sebaik mungkin seperti impiannya untuk memelihara Muhammad Yusup. Di sini Salina digambarkan sebagai wanita yang penuh emosi kerana sanggup hidup bergelumang dosa lagi apabila rela untuk hidup bersekedudukan tanpa nikah. Keputusan ini dibuat "... dengan tidak berfikir panjang dia [Salina] mengambil kesimpulan untuk 'memelihara' Abdul Fakar sebagaimana yang pernah diidam-idamkan itu kalaulah dia berumah tangga dengan Muhammad Yusup" (hlm. 362). Sebenarnya tidak ada halangan untuk mereka menjadi suami isteri. Kedua-dua mereka masih belum berumah tangga. Tetapi kerana kerelaan Salina pada peringkat awal perhubungan mereka menyebabkan Abdul Fakar sebagai seorang penganggur dan bersikap oportunist menerima tawaran itu. Tambahan pula Abdul Fakar digambarkan bukanlah seorang lelaki yang mahu memikul tanggungjawab seperti cuainya dia terhadap tugasnya hingga ditinggalkan kapal.

Dalam hubungan mereka berdua itu terjadi suatu keganjilan yang ketara lantaran sikap keterlaluan Salina menumpahkan kasih sayangnya terhadap Abdul Fakar yang dianggapnya jelmaan Muhammad Yusup. Kebiasaan Salina melayan Abdul Fakar dengan sebaik-baik layanan yang mampu diberi oleh seorang isteri kepada suami merupakan dasar hubungan mereka. Di sini jelas Salina memenuhi sifat kewanitaan yang didefinisikan sebagai, "*a term which describes the construction of 'femaleness' by society and which connotes sexual attractiveness to men*".⁶ Antaranya menjalankan fungsi seorang isteri seperti mengemas rumah, memasak masakan enak-enak dan memberi santapan batin. Di samping itu Salina juga berperanan sebagai pencari rezeki. Sedangkan Abdul Fakar hidup dalam segala kemudahan yang digambarkan dengan jelas oleh penga-

rang terutama dari sudut luarannya, "Selepas Salina pergi, Abdul Fakar pula pergi. Macam selalu dia keluar dengan pakaian bersih yang tidak pernah patah kanji ..." (hlm. 103).

Apabila Abdul Fakar ditanya oleh Razman, kawan rapatnya, mengapa dia membiarkan Salina keluar mencari rezeki dengan melacur untuk menanggung hidupnya, Abdul Fakar menunjukkan sikap tidak berfikir panjang dan dayus dengan mudahnya menjawab, "Aku tak mahu bertanggungjawab. Kenapa aku harus menyusahkan diriku sendiri? Aku dah susah sejak kecil dulu" (hlm. 317 dan 318).

Salina merupakan seorang mangsa impiannya sendiri, iaitu mimpi dalam jaga. Impiannya adalah untuk memenuhi ciri-ciri wanita tradisional yang sempurna dan mistik. Menurut Maggie Humm mistik ialah "*the notion that the highest value for a woman is the fulfilment of her own femininity*".⁷ Lantaran terlalu ingin memenuhi ciri mistik kewanitaan ini Salina sanggup hidup dalam dosa walaupun dianiaya oleh Abdul Fakar. Lelaki itu bukan sahaja memperhambakan wanita cantik ini, tetapi turut menganiayanya seperti memukul dan menendang Salina walau hanya kerana kesilapan kecil.

Abdul Fakar juga cuba menguasai dan mengongkong pergaulan Salina dengan jiran-jiran mereka. Antaranya melarang Salina berbaik-baik dengan Hilmy, anak Katijah, jiran barunya. Sedangkan Salina berbaik-baik dengan Hilmy hingga sanggup membiayai perbelanjaan persekolahan Hilmy kerana dia menganggap pemuda itu seperti adiknya, Wan Abd. Karim, yang mati dalam serangan bom Jepun dahulu. Sekali lagi di sini menunjukkan Salina belum dapat melupakan ahli keluarganya yang meninggal dalam serangan bom dahulu. Dia masih menaruh harapan untuk menjadi kakak yang baik kepada adiknya yang secara kebetulan pula Hilmy dan ibunya baru menjadi jirannya. Harapan itulah yang ditumpahkan kepada Hilmy yang masih bersekolah

supaya Hilmy dapat membantunya pula ketika dia memerlukan bantuan kelak. Pergaduhan sering terjadi antara Salina dengan Abdul Fakar kerana Salina membantah larangan Abdul Fakar itu.

Perlakuan ganas Abdul Fakar bertambah sadis apabila hasratnya menguasai wanita pelayan yang dikenalnya di beberapa restoran yang selalu dikunjunginya tidak tercapai. Kemarahan kerana cemburukan wanita pelayan yang disenanginya keluar dengan lelaki lain dilepaskan pada Salina.

Penganiayaan fizikal Abdul Fakar terhadap Salina dalam konteks yang luas menunjukkan kedudukan wanita sebagai golongan kedua (*subordinate*) yang dipandang rendah dan tidak dihargai. Juga penganiayaan lelaki yang lebih kuat fizikal terhadap wanita yang lemah fizikalnya. Penguasaan Abdul Fakar dapat ditafsirkan sebagai kekejaman dan penindasan terhadap Salina.

Menghadapi keganasan Abdul Fakar menyedarkan Salina betapa tidak berharga dirinya pada mata lelaki itu. Kini dia tahu selama dua tahun ini dia memelihara syaitan (hlm. 115). Malah yang paling penting ketika inilah dia menyedari betapa lemah dan tidak bergunanya dia sebagai seorang perempuan seperti yang digambarkan dalam petikan ini:

Kalaulah Abdul Fakar seorang perempuan, tentulah senang dihalau. Perempuan tentulah tidak senang melawan kalau di dalam keadaan serupa itu. Tapi dengan Abdul Fakar kedudukan soalnya berlainan sekali ... tetapi kepada Abdul Fakar tidak pula berani dia mengeluarkan kalimat serupa itu, walaupun haknya ada, apalagi Abdul Fakar tiada hubungan langsung dengannya! Dia tahu bahawa kalau kata-kata serupa itu dihamburkannya kepada Abdul Fakar, Abdul Fakar tidak akan segan-segan menyepaknya, menendangnya, menerajangnya dan mencekiknya, walaupun Abdul Fakar sebenarnya makan hasil orang yang disepaknya, ditendangnya, diterajangnya dan dicekiknya itu (hlm. 115).

Petikan ini sekali gus memperlihatkan betapa besarnya peranan lelaki dalam rumah tangga walaupun bukan dia yang menyara Salina. Struktur dan *sexual politics*⁸ inilah yang difahami Salina.

Hubungan dan kuasa ini lebih dapat dilihat dari segi kekuatan fizikal semata-mata. Oleh sebab kelemahan fizikalnya, Salina menjadi mangsa Abdul Fakar. Di sini menunjukkan Salina tidak akan berjaya mempertahankan haknya terhadap rumah yang disewanya itu dengan cara menghalau Abdul Fakar. Sebaliknya Salina malah yang terpaksa melarikan diri daripada terus menjadi mangsa Abdul Fakar.

Kebergantungan Salina pada orang lain merupakan kesan sosialisasi (terhadap pergerakan sosial dan bertindak) yang diterimanya sejak kecil yang berterusan hingga waktu dia bekerja sebagai pelacur. Kesan sosialisasi ini begitu kukuh dalam jiwanya. Keadaan ini terserlah ketika menghadapi masa depannya. Walaupun dia tidak bergantung pada sesiapa untuk hidup, kerana mempunyai pekerjaan, tetapi dia tidak bijaksana mengendalikan wangnya. Dia digambarkan tidak pernah menabung untuk masa depan. Dia hanya mula menyimpan wang untuk bekalan pada waktu akan datang setelah dinasihati oleh Katijah, jiran barunya, yang mula dianggap seperti kakaknya sendiri. Menurut Salina sendiri, "Aku tahu aku tidak akan insaf kalau Katijah tidak mengingatkan aku tentang masa depanku itu. Aku tidak insaf kalau tidak Katijah mengatakan kepadaku bahawa di suatu hari orang tidak akan memandang aku dengan sebelah matanya pun ketika aku sakit dan di ketika aku tua" (hlm. 109). Setelah mendengar nasihat Katijah itu dikatakan "otaknya tiba-tiba menjadi begitu dewasa sahaja. Otaknya yang menjadi begitu dewasa itu berfikir jauh" (hlm. 109). Di sini digambarkan Salina tidak sepenuhnya pandai mengurus masa depannya yang kabur itu. Secara tidak langsung menunjukkan dia tidak pernah berfikir secara

serius tentang masa depannya sendiri sebelum ini.

Dalam menjalani hidup yang penuh kemelut kerana terus terbelenggu dalam dunia impian untuk hidup bahagia dengan kekasihnya Muhammad Yusup itulah menyebabkan Salina hidup dalam kesesatan. Seluruh jiwa raganya tunduk pada kenangan silam yang belum padam walaupun dia tidak dihargai langsung oleh Abdul Fakar yang dianggapnya jelmaan Muhammad Yusup, walaupun hanya wajah semata-mata. Selama dua tahun itu Salina bergelumbang antara impian dengan realiti. Impian mencurahkan perhatian kepada Abdul Fakar dan realiti pula sanggup menjadi pelacur. Impian itu hanya pecah setelah Katijah menyedarkannya daripada mimpi yang panjang. Katijah dengan penuh hati-hati memainkan peranannya sebagai seorang kakak yang sayang dan kasih akan adiknya Salina. Nasihat dicurahkan hanya setelah memenangi kepercayaan Salina selepas wanita muda itu menceritakan riwayat hidup, latar belakang keluarga dan percintaannya dengan Muhammad Yusup.

Perhubungan Katijah yang berumur 40-an dengan Salina bertambah rapat hingga menimbulkan perasaan persaudaraan di antara mereka. Katijah mengasihani Salina yang sesat dan teraniaya. Perasaan persaudaraan inilah yang mendorong Katijah menasihati Salina. Kepada Salina dinyatakan ciri-ciri lelaki baik untuk dijadikan suami yang perlu ditaati dan dikasihi. Menurut Katijah:

Laki-laki banyak lelaki, Inah. Ada yang boleh dipercayai, ada yang tidak. Ada lelaki benar-benar endakan kita, dia datang meminang kita, kahwin dengan kita, beri kita makan, jaga sakit pening kita, jaga rumah tangga kita, dan kasih pada kita sampai ke mati. Laki-laki begini susah nak dapat. Kalau kita dapat beruntunglah (hlm. 121).

Ciri-ciri lelaki baik yang dihuraikan Katijah itu menye-

babkan Salina mula membuat perbandingan dengan Abdul Fakar yang ternyata tidak mempunyai sedikit pun ciri-ciri itu. Sesungguhnya nasihat Katijah itu "memang pembuka jalan fikirannya" (hlm. 130) dan, mendorong Salina meninggalkan Abdul Fakar dan pergi ke Kelantan.

Setelah kita mengkaji watak Salina sebagai wanita yang runtuh moralnya, kita lihat pula watak Tengku Shaion, watak penting dalam novelet *Ke Mana Terbangnya*. Watak ini berkongsi profesion dengan Salina, iaitu seorang pelacur juga. Tetapi dibandingkan dengan Salina, watak Tengku Shaion ini tidak dibincangkan dengan panjang lebar oleh pengarang. Ini adalah kerana sifat novelet itu sendiri terhadap perkataan dan muka suratnya seperti yang dinyatakan dalam Bab Tiga.

Menurut A. Samad Said, watak Tengku Shaion dan kawan-kawannya tercebur ke lembah pelacuran kerana "penderitaan oleh tangan sendiri".⁹ Semasa plot cerita bermula, Tengku Shaion sudah lama menjadi pelacur tetapi tidak diterangkan secara jelas tempoh masanya. Malah ketika itu dia digambarkan sebagai "seorang wanita separuh umur" (hlm. 2) yang luntur kecantikannya. Frasa ini membawa pengertian yang dalam bagi wanita amnya dan pelacur seperti Tengku Shaion khususnya bahawa hidupnya akan menghadapi masalah kerana kecantikannya atau modalnya untuk hidup sudah tidak ada lagi. Seperti yang telah dibincangkan dalam novel-novel sebelum ini bagi pengarang soal kecantikan digambarkan sangat penting bagi wanita. Tanpa kecantikan suami tidak lagi menyayangi isteri seperti yang berlaku pada Suhaidah dalam *Adik Datang*. Tanpa kecantikan lelaki tidak akan tertarik pada wanita. Kecantikan merupakan unsur terpenting untuk memikat lelaki.

Bagi pelacur, kecantikan itu merupakan modal yang terpenting untuk memikat pelanggan. Hal ini di-

nyatakan Tengku Shaion, "Saya bergantung pada kecantikan saya, perempuan seperti saya semuanya bergantung pada kecantikan; pada muka ini, dada ni, badan ni, betis ni" (hlm. 17).

Tanpa kecantikan itu hidup Tengku Shaion semakin suram. Tetapi kecantikan Tengku Shaion tidak dijelaskan oleh pengarang hanya dinyatakan mempunyai sumbi (hlm. 3). Seperti Salina, Tengku Shaion tercebur ke lembah pelacuran kerana sejarah hidup hitam yang dilaluinya. Latar belakang keluarga Tengku Shaion tidak digambarkan dengan terperinci, terutamanya memandangkan dia berasal daripada keluarga yang bergelar Tengku. Gelaran itu secara tradisi sepatutnya memberi pengaruh kepada imejnya, tetapi tidak memberi kesan pula dalam hidup Tengku Shaion dalam novel ini.

Latar belakang Tengku Shaion dipapar secara ringkas melalui teknik imbas kembali ketika wanita ini terlantar sakit di rumahnya di bahagian pertengahan plot novel ini. Latar belakangnya itu diceritakan kepada kawan baiknya, Anidah, yang tinggal bersama-samanya selama tiga tahun.

Semasa berumur 16 tahun lagi Tengku Shaion sudah terlibat dengan perzinaan dengan Mutalib di kandang lembu. Perbuatan ini menyebabkan dia mengandung. Mutalib tidak bertanggungjawab sebaliknya melarikan diri. Sebagai usaha untuk menghapuskan arang yang terconteng di muka, keluarganya menghantar Tengku Shaion tinggal bersama-sama pak ciknya di Singapura.

Tengku Shaion digambarkan tidak serik dengan pengalaman lalu apabila mengulangi lagi perbuatan buruknya setelah anak yang dikandungnya mati. Dia pernah diperkosa ketika di Singapura, seterusnya ditinggalkan begitu sahaja oleh Karim, kekasihnya. Untuk meringankan beban keluarga pada zaman perang Jepun, pak ciknya merancang mengahwinkannya

dengan Mamak Abdul Ghaffar yang digambarkan "... berkepala botak, berkening tebal, bermisai menerjun, dan berbulu dada - keriting dan beruban" (hlm. 73).

Perkahwinan seseorang gadis lantaran kemerosotan ekonomi keluarga menjadi penentu nasib anak gadis daripada keluarga miskin. Jika gadis itu pada peringkat usia perkahwinan, dia akan dikahwinkan tanpa persetujuan gadis itu sendiri. Tujuannya lebih untuk meringankan tanggungan keluarga. Inilah yang berlaku pada Tengku Shaion. Nasib ini juga yang dialami Zainab seperti yang dibincangkan sebelum ini. Latar belakang ini diceritakan Tengku Shaion kepada Anidah yang menceritakan rancangan pak ciknya itu untuk mengahwinkannya dengan Mamak Abdul Ghaffar. Adakah dia sempat dikahwinkan atau melarikan diri tidak dinyatakan dengan jelas dalam alur cerita. Punca sebenar terceburnya Tengku Shaion ke dalam dunia pelacuran juga tidak dinyatakan dengan jelas. Apa yang dapat dibayangkan hanyalah kerana dia wanita yang memang telah rosak akhlaknya maka mudahlah dia terceburlah dalam alam pelacuran. Tambahan pula dia digambarkan hidup sebatang kara. Besar kemungkinan pelacuran dirinya itu tidak diketahui langsung oleh keluarga yang "membuangnya" itu. Alasan-alasan ini sama dengan yang dialami oleh watak Salina sehingga diceburkan dalam alam pelacuran.

Berbanding dengan Salina yang dibincangkan dengan mendalam dari sudut latar belakang dan penglibatannya dalam plot cerita, Tengku Shaion tidak demikian. Walau bagaimanapun Tengku Shaion mempunyai satu ciri yang sama dengan Salina, iaitu dari sudut kemanusiaannya. Jika Salina digambarkan berbaik hati dan menabur budi kepada Katijah dan anaknya, Hilmy, Tengku Shaion pula pernah membantu Pak Nordin dan Anidah. Kebaikan budi Tengku Shaion diketahui melalui sorotan kenangan Pak Nordin, tukang beca yang membawa pergi dan pulang Tengku Shaion dan kawan-

kawannya ke tempat mereka melacur. Pak Nordin itu pernah diselamatkan oleh Tengku Shaion ketika cuba membunuh diri dengan terjun ke dalam sungai. Tengku Shaion berjaya memujuk Pak Nordin yang putus asa dengan hidupnya. Jasa Tengku Shaion itu sekali gus mengikat Pak Nordin dengannya hingga orang tua itu sanggup tinggal di Kampung Alang Sunti dan bergaul mesra dengan pelacur di situ.

Walau bagaimanapun, sebagai orang Islam yang berumur, Pak Nordin sendiri digambarkan tidak dapat membimbing dan menunjukkan jalan yang lurus kepada Tengku Shaion dan kawan-kawannya. Malah Pak Nordin turut bersubahat dalam penderitaan mereka. Di sini nampak perbezaan nasib yang dialami oleh Tengku Shaion dengan Salina dari sudut orang yang pernah membantu mereka.

Tengku Shaion jua berjasa kepada Anidah dengan membenarkan wanita malang itu untuk tinggal sebilik dengannya. Kisah Anidah akan dibincangkan dalam bahagian wanita teraniaya. Walaupun ternyata mereka tiada mempunyai pertalian darah, mereka dihubungkan oleh pertalian nasib. Mereka pernah teraniaya walaupun caranya berbeza; Tengku Shaion teraniaya kerana digambarkan terlalu mudah percaya pada lelaki hingga sanggup menyerahkan maruah dirinya. Sementara Anidah pula diceraikan suami tanpa kesalahan yang nyata.

Budi baik Tengku Shaion menyebabkan Anidah membalasnya dengan kasih sayang, perhatian dan penuh pengorbanan. Tetapi kerana terlalu menderita lahir dan batin, Tengku Shaion meninggal dunia pada akhir cerita.

Wanita Teraniaya

Dalam kategori ini terdapat dua orang watak yang akan dibincangkan iaitu Nahidah, watak penting novel *Salina*, dan Anidah, watak pembantu novelet *Ke Mana Ter-*

bangnya. Mereka berdua menderita kerana dianiaya oleh lelaki walaupun kedua-duanya merupakan wanita yang baik perangai. Seperti kebanyakan watak dalam novel-novel A. Samad Said, Nahidah merupakan wanita golongan bawahan sedangkan Anidah pula daripada keluarga sederhana. Walaupun Anidah seorang janda tetapi kerana pengalamannya sebagai isteri teraniaya maka watak ini dimasukkan ke dalam kategori ini dan tidak dalam kategori wanita janda.

Nahidah mula diperkenalkan kepada pembaca pada halaman 13 ketika berumur 15 tahun. Nahidah kematian ibu bapa dan kini tinggal bersama-sama ibu tirinya, Zarina, abangnya, Mansur, dan Sunarto, anak angkat arwah ayahnya. Dia yang pernah bersekolah Melayu di Kampung Gelam hingga ke darjah empat digambarkan mempunyai pengetahuan yang agak luas mengenai novel Melayu sezaman seperti novel-novel karya Harun Aminurrashid, dan Abdullah Sidik. Pengetahuan itu (yang bagi beberapa orang pengkritik hanya tempelan dan kurang munasabah kerana isu itu ditimbulkan secara tiba-tiba)¹⁰ membolehkannya menempe-lak Hilmy watak penting *Salina* yang tidak pernah mengenal novel Melayu. Hilmy yang bersekolah Inggeris itu berasa malu kerana berprasangka bahawa sastera Melayu itu rendah mutunya lantaran lebih mengenal sastera Inggeris. Sebagai gadis remaja, Nahidah digambarkan banyak menghabiskan masa di rumah mengurus rumah tangga seperti memasak dan membasuh pakaian. Malah dialah yang mengerjakan kedua-dua tugas itu walaupun ibu tirinya, Zarina, juga ada di rumah. "Nahidah orang rumah tangga" (hlm. 186). Nahidah digambarkan sebagai gadis yang tidak mempunyai cita-cita untuk dirinya sendiri yang sejajar dengan pencapaian pendidikan dan alam sekitarnya hidup di Kampung Kambing yang miskin. Mengenai sikap Nahidah dinyatakan oleh pengarang seperti yang berikut:

Bagi Nahidah, walaupun dia sendiri tidak mempunyai barang-barang perhiasan dan tinggal pun di Kampung Kambing, tidaklah begitu susah, kecuali bila ibunya memarahkan dia dan Sunarto. Baginya kesusahan hanya kemarahan ibunya: kalau ibunya tak marah, itulah kesenangan baginya (hlm. 162).

Selain itu Nahidah digambarkan sebagai anak murid kesayangan Haji Karman, guru mengajinya. Oleh sebab kecerdikannya Haji Karman menaruh harapan yang tinggi kepadanya untuk menjadi manusia yang lebih baik daripada kebanyakan ahli masyarakat Kampung Kambing. Nahidah digambarkan anak perempuan yang taat dan baik moralnya seperti petikan di bawah,

Nahidah senang mendengarkan penerangan [tentang syurga] Haji Karman itu. Dia mengerjakan sembahyangnya tiap-tiap hari lima kali dikerjakannya dengan penuh hati dan penuh harapan yang menyala-nyala untuk ke syurga! (hlm. 185).

Tetapi di tangan A. Samad Said, kealiman Nahidah tidak menjamin kebersihan hidup masa depannya. Nasib malangnya bermula apabila dijerumuskan ke dunia pelayan oleh Zarina, ibu tirinya. Zarina mendesak Nahidah menjadi pelayan kerana menyedari potensi Nahidah yang masih muda dan cantik itu untuk mendapat wang. Pendapatan Nahidah tidak diharapkan untuk menampung perbelanjaan rumah tangga kerana ketika itu Sunarto masih merupakan pencari rezeki tunggal keluarga mereka. Namun pendapatan hasil kayuhan beca Sunarto yang tidak menentu dijadikan alasan yang kuat oleh Zarina mendesak Nahidah bekerja. Sebaliknya desakan itu didorong keinginan Zarina memiliki barang-barang mewah seperti kerabu intan, loket intan, keronsang berlian, jam tangan dan kasut baru buatan H.M. Melati seperti yang dimiliki oleh beberapa orang kawannya yang bekerja sebagai pelayan.

Dalam hal menceburkan diri Nahidah ke lembah

pelayan itu Zarina digambarkan mempunyai pandangan yang sama dan sering diulang-ulang oleh pengarang menerusi beberapa watak wanita yang dibincangkan sebelum ini. Kali ini ungkapan bahawa "modal wanita adalah kejelitaan" merupakan pendapat Zarina terhadap Nahidah yang masih muda itu. Ini kerana Zarina mengakui bahawa "dia tidak boleh mendapat barang-barang perhiasan itu semua kerana modalnya kejelitaan, sudah tiada! Nahidah memang ada modalnya, kejelitannya" (hlm. 158). Oleh sebab Nahidah mempunyai modal kecantikan diikuti sifat materialistiknya sendiri menyebabkan Zarina tidak memikirkan akibat perbuatannya itu pada Nahidah, anak tirinya. Malah alasan inilah yang difikirkan oleh ramai jirannya seperti Razman, Haji Karman dan Hilmy mengapa Zarina tergamak memaksa Nahidah bekerja sebagai pelayan. Mereka yang menentang tindakan Zarina itu faham bahawa "dunia pelayan itu hampir senafas dengan dunia pelacuran" (hlm. 275) akan meletakkan Nahidah dalam bahaya. Penglibatan Nahidah dalam dunia pelayan bermakna berada dalam dunia yang mustahil untuk mempertahankan kesucian diri dan moralnya seperti yang dialami oleh beberapa pelayan yang tinggal di Kampung Kambing seperti Roslinah, Juminah, Zubaidah dan Norhayati.

Bagi Nahidah pula digambarkan walaupun cerdik, memahami dosa pahala dan mengerti keburukan bekerja sebagai pelayan (menerusi cerita Roslinah jirannya), digambarkan agak mudah mengalah kepada kehendak Zarina. Terutamanya sekali apabila Zarina memberi alasan bahawa mereka tidak boleh bergantung pada pendapatan Sunarto sebagai penarik beca dan abangnya Mansur yang belum bekerja itu. Tambahan pula menurutnya mereka perlu bersedia untuk mendapat sebuah tempat tinggal baru kerana Kampung Kambing akan diruntuhkan. Nahidah juga terlalu mudah mendengar alasan Zarina bahawa kerja-kerja

lain seperti menjadi tukang cuci atau amah itu susah dan gajinya kecil jika dibandingkan dengan pelayan yang mudah kerjanya dan mudah pula mendapat wang tambahan. Penerimaannya itu dinyatakan "Idah disuruh, Idah dah bantah, tapi tak boleh, Idah disuruh juga. Jadi Idah terpaksa" (hlm. 187).

Sebaliknya penentangan Nahidah terhadap kerja pelayan itu diteruskan semasa bekerja di sebuah restoran di North Bridge Road (hlm. 180). Nahidah sekadar mengambil dan menghantar pesanan pelanggan dan menentang kehendak pelanggan terutamanya Cik Salim yang cuba memikatnya supaya Nahidah melayannya seperti pelayan lain. Nahidah juga menentang dalam bentuk vokal seperti berbahasa kasar dengan Cik Salim terhadap tugas pelayan hingga menimbulkan pergaduhan di tempat kerjanya. Penentangan Nahidah seterusnya meninggalkan dendam pada Cik Salim untuk "menguasai" Nahidah suatu waktu nanti.

Nahidah juga tidak mendapat perlindungan sepenuhnya daripada dua orang lelaki yang berada di rumahnya, iaitu Sunarto dan abangnya Mansur. Sunarto walaupun pencari rezeki di rumah itu, sangat dibenci Zarina. Sedangkan Mansur pula masih menganggur dan Zarina menganggapnya sebagai beban dalam keluarga. Oleh sebab itu bantahan mereka berdua terhadap desakan Zarina supaya Nahidah bekerja sebagai pelayan tidak dihiraukan. Di sini jelas pengarang menunjukkan walaupun Mansur abang Nahidah tetapi kerana tiada kuasa ekonomi, pendapatnya diketepikan oleh Zarina. Mansur sedar dia dan Nahidah boleh mengelakkan paksaan Zarina itu kalau dia dan adiknya berani mengambil satu langkah yang nekad meninggalkan Zarina "tetapi mereka belum berani lagi" (hlm. 195). Mansur hanya mampu menasihati adiknya itu melalui surat setelah dia menjalani latihan sebagai seorang askar tidak lama kemudian. Secara tidak langsung menunjukkan kerana diketepikan oleh ibu tirinya dia

mengambil keputusan untuk menjadi askar. Akhirnya dia dapat melepaskan diri daripada Zarina, berdikari dan sekali gus mempunyai kuasa ekonomi sendiri.

Nahidah tercebur ke dunia pelayan kerana tidak mampu menolak desakan Zarina, juga tidak mendapat perlindungan daripada abangnya. Tetapi alam pekerjaan dan gaji yang diterima mengubah hidup Nahidah. Mempunyai pendapatan bermakna Nahidah mempunyai autonomi dari segi kewangan. Dia mula memenuhi kehendak ibu tirinya seperti membeli baju baru dan menampung perbelanjaan rumah tangga. Semenjak bekerja juga perawakan Nahidah dan sikapnya terhadap ibu tirinya berubah. Dia digambarkan bertambah cantik setelah bekerja kerana terpaksa bersolek. Juga yang paling penting keyakinan terhadap diri sendiri semakin berkembang hingga bertambah berani membantah pandangan Zarina. Mengenai hal ini digambarkan sebagai:

Sekarang dia sudah tidak setakut dulu lagi. Sekarang apa saja yang terbuku di hatinya dicakapkannya. Malah di suatu ketika sudah dikirkannya hendak melarikan diri. Tetapi kerana memikirkan masih belum ada tempat selamat untuknya menumpang, maka dibatalkannya rancangannya itu (hlm. 269).

Di sini dapat dilihat perbezaan sikap Nahidah semasa masih tinggal di ceruk dapur dengan sesudah bekerja. Dunia pekerjaan yang lebih luas pergaulannya dan mempunyai pendapatan sendiri menyebabkan dia berubah ke arah lebih yakin terhadap dirinya, termasuklah dalam soal hubungan cintanya dengan Hilmy seperti yang diakui sendiri oleh Hilmy (hlm. 281).

Tetapi dari segi percintaan, dia masih mengikut acuan atau keinginan pengarang terhadap sifat wanita tradisional yang menganggap cinta pertama tersangat penting seperti yang dialami Salina. Selepas Nahidah mendapat kepastian bahawa Hilmy menyayangnya

setelah mereka sering berutus surat ketika Hilmy menjalani latihan *cadet* di Nee Soon, telah mula mempersiapkan mental dan sikapnya untuk menjadi isteri yang baik. "Pada waktu itu diri dan hidupnya dianggap bukan lagi kepunyaan dirinya tetapi hak orang lain yang harus dijaganya baik-baik biar apa pun yang akan berlaku" (hlm. 284). Secara tidak langsung digambarkan tujuan hidup Nahidah akhirnya untuk berumah tangga dengan pemuda pilihan hatinya sendiri, iaitu Hilmy. Walaupun ketika itu Hilmy belum tamat persekolahan, mereka berjanji untuk hidup bersama-sama setelah Hilmy tamat belajar kelak.

Namun demikian dalam soal berumah tangga ini Nahidah mempunyai pendapat yang jelas tentang lelaki bagaimana yang wajar menjadi suaminya atau ketua rumah tangganya. Baginya, "rumah tangga dapat memberikan kebahagiaan yang tidak mencemaskan diri masing-masing, asal sahaja manusia yang jadi kepala rumah tangganya itu ialah orang yang benar-benar dewasa dan bertanggungjawab" (hlm. 284). Di sini jelas kematangan fikiran Nahidah terhadap soal rumah tangga dan terhadap pentingnya suami yang bertanggungjawab dalam sesebuah rumah tangga. Ini adalah kerana dia faham, sebagai isteri kelak tugasnya hanya mengikut dan taat pada perintah suami.

Tetapi harapan Nahidah untuk hidup bahagia dengan Hilmy hancur berkecai apabila dia diperkosa oleh Abdul Fakar dan Cik Salim dalam masa yang dekat. Abdul Fakar yang sekian lama mengintai peluang digambarkan memperkosa Nahidah pada suatu malam gelap sepulangnya daripada membasuh kain. Tetapi kejadian itu tidak diberitahu kepada sesiapa sebaliknya Nahidah memendam rasa dan kesal terhadap kejadian itu. Perlakuan ganas Abdul Fakar itu merupakan kemuncak daripada keinginannya untuk mendapatkan Nahidah yang terpendam sekian lama. Abdul Fakar beberapa kali mengganggu Nahidah ketika

gadis itu membasuh kain. Sebelum kejadian itu berlaku digambarkan Nahidah bimbang dan curiga terhadap pandangan tajam dan penuh nafsu Abdul Fakar. Tetapi Nahidah digambarkan mengambil sikap pasif dengan tidak mengadukan kebimbangannya kepada sesiapa seperti Sunarto atau Salina. Keenggannya kerana digambarkan dia sedar Salina terlalu menyayangi Abdul Fakar seperti pengakuan Nahidah, "Kalau Idah cakapkan pada Kak Inah boleh, tapi takkan Kak Inah boleh buat apa-apa. Lagi pula kalau Kak Inah tahu pun, bikin hatinya susah sahaja nanti, sebab dia sayang abang Fakar" (hlm. 146). Sikap terlalu mementingkan perasaan orang lain (Salina) inilah menyebabkan Nahidah sampai diperkosa Abdul Fakar. Di sini juga menunjukkan Nahidah tidak memikirkan dengan mendalam tentang nasibnya. Dari segi pengarang pula sikap pasif Nahidah seolah-olah mempersiapkan suatu ruang yang luas bagi Abdul Fakar dapat menerkam mangsanya tanpa gangguan. Secara ringkas sikap Nahidah sengaja distrukturkan demikian rupa untuk Nahidah menerima nasib buruknya di tangan Abdul Fakar.

Kesan perkosaan pertama terhadap Nahidah digambarkan lebih kepada perasaannya sahaja. Dia menjadi emosional dan tidak waras berfikir lagi. Namun anehnya Nahidah digambarkan tetap pergi bekerja kesokan harinya.¹¹ Tetapi perangainya mula berubah setelah diperkosa. Dia selalu mengikut kawannya Rohaya pergi menonton wayang dan kemudian pula mengikut Cik Salim setelah minum bir hingga mabuk. Setelah itu dia ikut keluar bersama-sama Cik Salim di mana dia diperkosa kali kedua. Perkosaan adalah dasar kepada keganasan dan kerana sikap merendahkan wanita. Sekali gus juga menunjukkan penganiayaan terhadap wanita yang lemah fizikalnya dan tidak berdaya untuk melawan. Keinginan Cik Salim memperoleh Nahidah yang baru bekerja, muda dan cantik merupakan suatu *obsession* semenjak Nahidah mula bekerja

lagi. Cik Salim digambarkan sebagai lelaki kaya yang dengan kekayaannya menguasai ramai pelayan di kedai Nahidah bekerja. Sikap *male-chauvinism*nya tidak dapat menerima penentangan Nahidah yang tidak pernah dialaminya dalam hubungan dengan pelayan yang lain. Oleh itu dia berazam akan “menundukkan” ketegasan Nahidah dengan apa cara sekalipun. Sebagai lelaki Cik Salim berasa egonya tercabar apabila Nahidah menolak keinginannya. Malah penolakan itu melonjakkan perasaan dendamnya terhadap gadis itu.

Keputusan Nahidah mengikut Cik Salim yang telah sekian lama cuba memikat dan menguasainya itu adalah kerana dia digambarkan dalam keadaan mabuk dan tidak boleh berfikir lagi. Segalanya berpunca daripada kekecewaannya yang amat sangat atas kegagalannya untuk menjaga dirinya sendiri sebagai persediaan ke arah berumah tangga. Kini dia tahu dia tidak suci lagi dan “segala harapan anak muda itu [Hilmy] dan harapannya juga, sudahlah musnah; satu kemusnahan yang besar ertinya di dalam hidupnya” (hlm. 309). Oleh sebab itu di akhir cerita Nahidah digambarkan melarikan diri daripada Kampung Kambing kerana malu dan kecewa.

Nahidah digambarkan terlalu cepat mengalah pada nasibnya yang teraniaya hingga membiarkan dirinya dirosakkan lagi bagi kali kedua. Sikap Nahidah ini lantaran pemahamannya terhadap sikap masyarakat sekeliling terhadap nilai dirinya sebagai seorang gadis. Bagi yang menentang desakan Zarina dahulu seperti Sunarto, Razman dan Haji Karman terus menyalahkan Zarina kerana dialah yang menjerumuskan Nahidah ke dalam lembah maksiat itu. Tetapi berat mata memandang, berat lagi bahu memikul kerana Nahidah sedar sikap masyarakat umum yang *double standard* terhadap nasibnya itu, seperti kata Mansur abangnya sebelum pergi meninggalkannya dahulu, “Kau perempuan, biar lelaki yang bersalah ke atasmu pun, tetapi kerana kau perempuan dan pelayan pula, maka kau sajalah

yang akan tetap disalahkan orang" (hlm. 246). Mungkin kata-kata inilah yang menyebabkan Nahidah terlalu kesal dengan kejadian yang berlaku.

Ketika menghadapi musibah itu tidak pula digambarkan reaksi Hilmy. Nahidah tidak memberitahu Hilmy begitu juga pemuda itu tidak mencari Nahidah malah seolah-olah berdiam diri dan tidak turut sama mententeramkan Nahidah yang memerlukan semangat untuk meneruskan hidup. Sikap Hilmy itu ada persamaan nasib dengan Mansur dari segi autonomi kewangan. Oleh sebab belum bekerja maka Hilmy tidak bertindak untuk meyakinkan Nahidah. Atau mungkin juga Hilmy mempunyai sikap sama dengan ramai ahli masyarakat terhadap mangsa rogol, iaitu walaupun bukan kerelaannya (Nahidah) dia tetap dipandang serong oleh masyarakat kerana dia tidak suci lagi.

Tetapi pada akhir cerita, melalui cerita Mansur, diketahui Nahidah hidup bahagia bersama-sama suaminya seorang buruh pelabuhan dengan dua orang anak mereka.

Setelah melihat nasib Nahidah yang teraniaya, kita lihat pula Anidah, watak sampingan dalam novelet *Ke Mana Terbangnya*. Masa plot cerita bermula, Anidah seorang janda bersama-sama anaknya Fidah, enam tahun, telah tiga tahun tinggal bersama-sama Tengku Shaion seorang pelacur di Kampung Alang Sunti. Tidak banyak gambaran tentang perawakan, umur atau latar belakang pendidikan Anidah dinyatakan oleh pengarang. Pembaca mula mengenal Anidah di halaman tujuh ketika digambarkan dia termenung dan terkenang "peristiwa yang selalu ingin disingkirkannya, cuba dilupakannya". Cara pengenalan ini mengingatkan kita kepada gaya bercerita A. Samad Said ketika menampilkan watak Suhaidah dalam novel *Adik Datang*. Secara ringkas dapatlah dikatakan, sama seperti cara Suhaidah ditampilkan, kita juga akan mengikuti latar belakang Anidah dalam bentuk kenangan, khususnya me-

lalui teknik imbas kembali. Sekali gus kita pasti akan membaca kisah duka watak ini kerana dalam novel-novel A. Samad Said yang lalu kenangan adalah sinonim dengan kisah sedih atau kisah duka.

Tetapi dibandingkan kisah Suhaidah, kisah hidup Anidah tidak digambarkan secara terperinci kerana Anidah hanyalah watak sampingan sahaja. Namun demikian ada perbezaan dan persamaan antara kedua-dua wanita ini. Suhaidah kematian suami sedangkan Anidah diceraiakan suami. Kedua-duanya menyimpan kenangan manis dan pahit tentang suami masing-masing. Tetapi dalam hal ini Suhaidah lebih bernasib baik kerana tinggal bersama-sama keluarga, terutamanya abangnya, Mokhsen, yang bertanggungjawab, sedangkan Anidah dan anaknya tinggal sebilik bersama-sama seorang kawan, seorang pelacur dan hidup terus dalam lingkungan pelacur.

Plot cerita bermula setelah Anidah diceraiakan oleh suaminya tiga tahun yang lalu. Anidah tidak faham mengapa suaminya berkahwin lagi dan menceraikannya walaupun mereka telah mempunyai anak. Pengarang juga tidak menyertakan dengan terperinci gambaran tentang suami dan rumah tangga Anidah. Hanya digambarkan Anidah berasa begitu kecewa kerana dia diceraiakan tanpa sebab yang jelas. Bagi wanita seperti Anidah, pengakhiran sedemikian terhadap rumah tangga tempatnya mencurahkan segenap perhatian dan kasih sayang pada suami pilihan sendiri adalah sesuatu yang sukar untuk diterimanya. "Dia benci kepada ingatan atau kenangan pahit itu tetapi rambut ikal dan hidung mancung pada Fidah itu tidak dapat dimusuhihnya" (hlm. 8). Maknanya Anidah tidak dapat melupakan bekas suaminya kerana anaknya Fidah mewarisi wajah ayahnya.

Bagi Anidah, diceraiakan sewenang-wenangnya oleh suaminya itu sungguh menyakitkan menyebabkan dia bertindak secara emosional. Ini adalah kerana baginya

perkahwinan dan rumah tangga adalah segala-galanya. Setelah bercerai itu dia melontarkan dirinya jauh-jauh daripada sanak saudaranya di Ipoh, tempat dia lahir, bermain, dibesarkan, bersekolah, bercinta, berumah tangga kemudian berpisah (hlm. 55) dan datang ke Kampung Alang Sunti. Secara tidak langsung A. Samad Said mencuba menonjolkan kesan buruk kepada moral para bekas isteri akibat diceraiakan sewenang-wenangnya. Keadaan ini lebih buruk kepada wanita yang bergantung sepenuhnya pada suami. Jika mereka tidak mendapat sokongan kuat daripada keluarga atau mempunyai iman yang kuat, ramai di antara mereka akan hidup melarat dan terhina.

Mengenai Anidah selepas berlaku penceraian itu dia masih boleh tinggal dengan ayahnya yang mampu menanggungnya dua beranak. Tetapi Anidah memilih melarikan diri dan tinggal dengan Tengku Shaion daripada ayahnya Sulaiman yang telah berumur 72 tahun itu. Keputusan ini dibuatnya apabila ayahnya itu berkahwin lagi walaupun ayahnya pernah berjanji tidak akan berbuat demikian pada hari ibu Anidah meninggal dunia. Anidah begitu kecewa kerana ayahnya berkahwin lagi dengan wanita muda. Kepedihan hati Anidah demikian terasa kerana mendapati sikap ayahnya lebih buruk daripada bekas suaminya kerana tidak menepati janji.

Tetapi dari segi yang lain, Anidah sebagai ibu didapati lebih mengikut perasaan daripada fikiran. Dia digambarkan sebagai seorang ibu yang tidak mementingkan kesejahteraan, perkembangan sahsiah yang sihat bagi anaknya Fidah yang sedang membesar itu. Dia begitu jahil tentang kesan suasana keliling kepada anaknya. Keadaan buruk itu begitu jelas daripada gambaran perlakuan wanita pelacur yang tinggal serumah dengannya, terutamanya ditinjau dari segi percakapan yang penuh carut-marut, maki dan suara yang tinggi.

Anidah digambarkan sedar bahawa alam sekitar

kampung itu tidak sihat untuk pertumbuhan mental kanak-kanak seperti yang berlaku pada Dorisah anak remaja Apon. Dorisah akhirnya terlibat dengan Ghani seorang samseng kampung itu. Seterusnya mereka melarikan diri. Tetapi Anidah digambarkan tidak memikirkan secara serius gejala buruk itu akan mempengaruhi pertumbuhan sahsiah anaknya. Sebaliknya Anidah lebih banyak memikirkan nasib Tengku Shaion yang sakit itu.

Perasaan marah Anidah terhadap suami dan ayahnya begitu mendalam. Kebahagiaan lain seolah-olah tiada lagi padanya. Ini adalah kerana padanya cinta hanya sekali. Sedangkan pada hakikatnya dia masih muda untuk memulakan hidup baru.

Namun sebab yang mendorong Anidah memilih untuk tinggal bersama-sama Tengku Shaion tidak digalurkan dengan jelas oleh pengarang. Tanpa latar belakang yang jelas sukar kita membuat justifikasi persaudaraan erat di antara mereka. Dari suatu segi seolah-olah Anidah hanya dilontarkan begitu sahaja untuk hidup bersama-sama Tengku Shaion selama tiga tahun itu. Perasaan simpati Anidah kepada Tengku Shaion begitu terserlah ketika Tengku Shaion terlantar sakit sedangkan mereka tidak mempunyai wang simpanan.

Apabila penyakit Tengku Shaion bertambah parah dan dia tidak berdaya melacur, mereka hidup atas gadaian barang kemas Tengku Shaion. Kemudian Anidah mencuba mencari pekerjaan. Kesempitan wang sungguh terasa selepas Tengku Shaion terlantar sakit. Walaupun teman-teman serumah membantu, tetapi mereka juga menghadapi masalah kewangan. Kesulitan itu secara kebetulan pula kerana polis semakin kerap mengadakan serbuan ke tempat pelacuran mereka selain mereka memang tidak mempunyai wang simpanan. Pengorbanan Anidah untuk kawannya itu terlalu besar. Akhirnya dia rela melacur kerana kawannya

itu, daripada pulang ke pangkuan keluarga. Akhirnya Anidah tercebur juga ke alam pelacuran setelah gagal mendapatkan pekerjaan untuk menampung perbelanjaan hidup dan ubat Tengku Shaion.

Begitulah nasib Nahidah dan Anidah yang gagal mencapai cita-cita untuk hidup bahagia dengan orang yang dikasihi. Nahidah menjadi mangsa lelaki ganas sedangkan Anidah pula kerana terlalu kecewa sanggup membiarkan emosi mengatasi segala-galanya. Anidah terlalu sukar memberi maaf kepada ayahnya bagi menjamin hidup yang lebih baik. Sebaliknya dia mengikut kata hati dan berkorban untuk kawannya seorang pelacur hingga dia juga terjebak dalam lembah pelacuran. Anidah wanita lemah dan malang kerana teraniaya. Fikiran dan dunianya terlalu sempit. Hanya Nahidah digambarkan berjaya bangkit daripada kemusnahan cita-cita dan maruah walaupun tidak dapat mengecap hidup bahagia dengan lelaki pertama yang menjadi pilihannya.

Ramai wanita teraniaya akhirnya tercebur ke lembah pelacuran kerana tiada tempat pergantungan dan lemah iman. Keadaan ini digambarkan dialami oleh Roslinah watak latar novel *Salina*, dan Zarina dalam novel yang sama. Riwayat hidup Roslinah penghuni Kampung Kambing ini dinyatakan secara ringkas sahaja oleh pengarang, "Roslinah sudah dua tahun setengah memasuki dunia pelayan, sejak ia menjadi janda setelah hanya tujuh bulan lepas menjadi pengantin, kerana suaminya bermain cinta dengan wanita lain dan terus kahwin dengan perempuan itu" (hlm. 165). Nasib sebagai wanita teraniaya turut dialami Zarina yang dinyatakan pengarang secara ringkas sebelum pembaca mengenali Zarina dengan lebih mendalam. Zarina dinyatakan:

Zarina sendiri sebenarnya datang dari "lembah yang hina". Semasa usianya lima belas tahun dia sudah

dikahwinkan dengan seorang pemuda yang tidak pernah dapat dilihatnya sebelum perkahwinannya itu. Dan semasa dia masih mengandung lagi, dia sudah ditinggalkan oleh suaminya itu (suaminya itu kahwin lagi!). Hidup menjadi semakin sukar dan getir baginya bila anak yang dilahirkannya itu mati waktu dilahirkannya. Dan dengan separuh syukur dan separuh dendam, dia pun melarikan dirinya dari rumah ibu bapanya untuk bekerja di sebuah kedai makan sebagai seorang tukang cuci pinggan mangkuk. Di ketika itu banyaklah yang dipelajarinya tentang lelaki jembalang dan syaitan (hlm. 226).

Dengan menonjolkan nasib wanita seperti Roslinah dan Zarina yang terjebak dalam keruntuhan moral kerana diceraikan sewenang-wenangnya oleh suami mereka, pengarang menunjukkan tanpa persediaan yang cukup seperti pendidikan, kekuatan iman dan sokongan keluarga, wanita akan mudah menjadi mangsa. Sedangkan mereka sentiasa terdedah kepada cabaran hidup yang sukar dihadapi, apatah lagi tanpa persediaan mental dan pengetahuan yang cukup. Keadaan ini selain tiga faktor di atas ada kaitannya dengan proses sosialisasi yang dihadapi oleh ramai anak perempuan itu sendiri seperti yang telah digalurkan dalam Bab Dua. Sosialisasi yang mengarah pada bergantung hidup pada orang lain hanya akan menyebabkan wanita tidak dapat hidup tanpa bantuan orang lain. Kekurangan faktor lain seperti yang telah dinyatakan boleh memburukkan nasib dan keadaan wanita itu sendiri.

Imej Janda

Dibandingkan dengan imej janda yang dilukiskan dalam bahagian awal bab ini imej janda dalam novel selepas perang ini berbeza sedikit. Antara yang paling ketara ialah mereka digambarkan mempunyai anak remaja sama ada masih bersekolah seperti dialami Kati-

jah dalam *Salina*. Begitu juga Zarina watak penting dalam *Salina* seorang janda dimasukkan dalam kategori ini. Zarina digambarkan terpaksa menjadi ketua rumah tangga kepada tiga orang; dua anak tirinya, iaitu Mansur berusia 18 tahun yang masih menganggur, Nahidah berusia 15 tahun tidak bekerja, dan Sunarto, anak angkat arwah suaminya, pencari rezeki tunggal mereka sekeluarga.

Sebagai janda seterusnya menjadi ibu atau ibu tiri kepada anak remaja merupakan cabaran berat kepada kedua-dua wanita ini. Tetapi dalam buku ini fokus terhadap mereka berdua lebih kepada status mereka sebagai janda. Watak Katijah dan Zarina sebagai janda berbeza dengan watak janda tinggal di desa seperti Suhaidah dalam *Adik Datang* yang tidak bekerja setelah suaminya meninggal dunia. Dalam novel-novel yang dibicarakan sebelum ini janda yang tinggal di desa ternyata lebih terjamin kebajikan dan moral mereka. Keadaan ini lantaran masih wujudnya saudara-mara atau jiran yang bertimbang rasa, mengasihani dan melindungi mereka. Situasi begini tidak dapat dinikmati sepenuhnya oleh janda yang tinggal di kota seperti yang dialami oleh Taksiah dalam novel *Di Hadapan Pulau* atau Katijah atau Zarina dalam *Salina*. Mereka terpaksa menghadapi hidup dengan usaha dan kekuatan sendiri.

Katijah berumur dalam lingkungan 40-an ketika plot cerita bermula. Dia menjadi janda setelah suaminya seorang pemandu bas (tidak dinyatakan namanya), meninggal dunia dalam suatu serangan bom ketika berlindung dalam sebuah *shelter*. Kehilangan suami cara ini turut dialami oleh Tuminah, watak penting novel *Sungai Mengalir Lesu* yang suaminya juga seorang pemandu bas mati ketika pengeboman tentera Jepun. Katijah mempunyai seorang anak lelaki bernama Hilmy yang berusia 18 tahun dan sedang belajar di Sekolah Menengah Victoria.

Katijah digambarkan wanita gigih walaupun berpenyakit. Dia mencari nafkah untuk mereka berdua dengan membasuh kain di empat buah rumah serta mengambil upah menjahit pakaian jiran. Kadangkang digambarkan dia menjahit hingga larut malam dengan diterangi pelita minyak tanah. Pengorbanannya sebagai seorang ibu sangat dihargai oleh anak tunggalnya itu. Hubungan mereka berdua beranak sangat rapat kerana Katijah digambarkan sebagai seorang ibu yang penyayang dan memahami sepenuhnya tabiat dan kegemaran anaknya. Mereka berdua sangat simpati dengan nasib Salina, jiran baru mereka yang mula rapat dengan mereka.

Selain tugasnya sebagai ibu, imej Katijah sebagai janda digambarkan memainkan peranan sebagai penasihat yang signifikan kepada Salina, seorang pelacur dan juga jirannya. Katijah digambarkan sangat terkejut apabila mendapat tahu Salina bersekedudukan dengan Abdul Fakar. Pengarang menggambarkan Katijah seorang wanita yang berhati-hati dan bijaksana dalam memberi nasihat. Katijah tidak segera menasihati atau menjauhkan diri daripada Salina sebaliknya menggunakan pendekatan yang sesuai iaitu mendekati dan memenangi hati Salina. Reaksinya ketika mendengar kedudukan Salina itu dijelaskan oleh pengarang seperti petikan di bawah:

Siti Salina bukan isteri. Pengetahuan ini mengejutkan benar-benar pada mulanya dan menimbulkan jijiknya terhadap Siti Salina dan Abdul Fakar. Tetapi sesudah mengetahui kedudukan hal yang sebenarnya maka mulalah dia merasa kasihan kepada Siti Salina - Siti Salina sahaja! (hlm. 130).

Katijah mengambil pendekatan lembut dan memahami situasi dan mula menasihati ketika Salina benar-benar memerlukan nasihat, cadangan dan sokongan moral. Sifat lembut dan perasaannya sebagai kakak itu

menyebabkan Salina menghargai nasihat ikhlas Katijah dan bertindak menjauhkan diri daripada Abdul Fakar.

Imej janda positif Katijah dikontraskan dengan imej janda negatif Zarina. Wanita ini digambarkan lebih muda, iaitu berusia 36 tahun, pesolek dan mempunyai sejarah hidup yang hitam. Selepas bercerai dengan suami pertamanya, Zarina terlibat dengan dunia pelayan, pernah diperkosa Jepun, bersekedudukan dan terlibat semula dengan dunia pelayan sebelum berumah tangga dengan Mutalib, seorang peniaga kecil-kecilan pada zaman Jepun yang seterusnya menjadi askar setelah tamat peperangan. Setelah Mutalib meninggal dunia, dalam pertempuran di Gua Musang, Zarina terus tinggal bersama-sama dua orang anak tiri, dan Sunarto, anak angkat suaminya. Zarina digambarkan bersikap mementingkan diri sendiri, tidak menyayangi anak-anak tirinya yang bergantung kasih padanya menyebabkan imej Zarina berbeza sekali dengan Katijah yang pengasih. Zarina ingin terus memburu kepuasan seks hingga terjebak dengan Abdul Fakar. Dia digambarkan terlalu ingin memikat Abdul Fakar hingga tidak dapat menebak keinginan sebenar Abdul Fakar secara terancang menghasut Zarina supaya membenci dan menghalau Sunarto. Ini adalah kerana Abdul Fakar sedar Sunarto lebih mengambil berat dan bertanggungjawab pada keluarga angkatnya itu, terutamanya kepada Nahidah.

Sikap terlalu mementingkan diri sendirilah menyebabkan Zarina gagal menjadi ketua rumah tangga yang berjaya. Dia juga digambarkan terlalu mengikut kata hati dan ingin memiliki barang-barang mewah seperti kerabu intan, pakaian cantik, dan jam tangan yang di luar kemampuannya. Tetapi dia tidak pula berusaha sendiri untuk mendapatkan barang-barang itu, sebaliknya mengorbankan Nahidah, anak tirinya sendiri. Akhirnya kerana sifat tamaknya Nahidah dimasukkan dan didedahkan dalam kancah maksiat.

Sebagai ketua rumah tangga dia kurang dikasihi kerana sifatnya seperti pendapat Sunarto, "Zarina seorang yang meyakini segala yang dikatakannya betul, dan segala yang dikatakan orang salah" (hlm. 43). Malah kerana sifat materialistiknya juga menyebabkan Mansur, anak tirinya, berasa tersingkir malah disingkirnya daripada keluarga itu. Padanya Mansur hanya beban. Oleh sebab sikapnya inilah Zarina akhirnya ditinggalkan oleh anak-anak tirinya dan Sunarto pada akhir cerita.

Mengenai imej dua orang janda ini dibahagikan oleh pengarang kepada dua; positif dan negatif berdasarkan sifat dan tujuan hidup mereka. Jika mereka mempunyai sifat pengasih, penyayang dan bertujuan ikhlas berkorban untuk keluarga, dia akan dikasihi oleh orang yang dekat dengannya, seperti digambarkan pada watak Katijah. Sebaliknya Zarina digolongkan dalam imej janda yang negatif kerana sifat buruknya seperti mementingkan diri sendiri, materialistik dan terlibat dengan kemungkaran. Tanpa sifat pengasih tidak ada sesiapa yang mengasihinya, malah tidak ada sesiapa yang tahu apa yang terjadi padanya pada akhir cerita.

WANITA PADA ZAMAN SELEPAS MERDEKA

Setelah kita melihat gambaran kedudukan wanita dalam novel-novel sebelum Perang Dunia Kedua, pada zaman perang, dan selepas perang, kini kita akan membincangkan pula watak-watak wanita dalam kategori novel selepas merdeka dalam tiga buah novel A. Samad Said iaitu *Langit Petang*, *Daerah Zeni* dan *Hujan Pagi*.

Jika dibandingkan dengan watak-watak wanita yang telah dibincangkan sebelum ini watak wanita dalam tiga buah novel ini begitu jauh meninggalkan wanita dalam tiga era yang awal itu. Keadaan ini lebih jelas jika ditinjau dari sudut sosial, khususnya pelajaran yang dicapai, kebebasan membuat keputusan ten-

tang masa depan, jodoh dan pilihan pekerjaan. Pencapaian dari sudut pelajaran memberi kesan kepada jumlah wanita terpelajar apabila semakin ramai mendapat pendidikan pada peringkat ketiga sama ada di dalam atau di luar negara. Pendidikan dapat meluaskan horizon pemikiran dan pengetahuan mereka. Dengan pencapaian pelajaran yang baik, peluang mendapat pekerjaan seterusnya kebebasan berdikari dari segi ekonomi, dan dari sudut mencari jodoh menjadi lebih luas. Pencarian teman hidup tidak lagi terletak sepenuhnya di tangan ibu bapa. Sebaliknya pilihan calon teman hidup lebih banyak berdasarkan suka sama suka yang ditemui di tempat kerja, di pertemuan sosial dan lain-lain lagi.

Secara tidak langsung pula hampir semua watak wanita, sama ada watak penting atau sampingan yang ditampilkan dalam era ini, merupakan wanita muda yang mempunyai masa depan yang cerah. Kebanyakan mereka belum berumah tangga menyebabkan ruang pergerakan sosial mereka juga bertambah luas. Dunia watak wanita itu tidak terhad di sekitar dapur sahaja. Malah dunia pengurusan rumah tangga ini semakin kurang diberi perhatian, sebaliknya mereka kerap menyelesaikannya jika terdesak sahaja. Kerja-kerja dapur tidak lagi merupakan satu tugas yang menarik dan mengikat. Sebaliknya perhatian dan tumpuan lebih diberi pada pekerjaan, hubungan sosial dan diri sendiri. Secara tidak langsung mereka mempunyai gaya hidup baru dalam keadaan dan fenomena sosial yang baru. Kesedaran terhadap kebebasan memilih cara hidup begitu luas.

Bagi pertama kalinya dalam novel ciptaannya, A. Samad Said menampilkan watak wanita terpelajar yang bergiat aktif dalam kegiatan pelajar. Niram watak pembantu dalam *Hujan Pagi* seorang pelajar Institut Teknologi Mara digambarkan terlibat beberapa kali dalam demonstrasi pelajar dan akhirnya ditangkap

polis. Penglibatan Niram yang terbuka begini didorong oleh kesedarannya untuk memperjuangkan keadilan sosial. Tetapi sayangnya watak ini tidak dikembangkan walaupun berpotensi menjadi watak wanita moden yang mempunyai wawasan tersendiri mengenai peranan wanita dalam masyarakat. Malah watak ini hilang begitu sahaja dalam plot cerita. Ini adalah kerana kehadiran watak ini dalam plot cerita berkait erat dengan Lajis, watak penting novel ini. Apabila Lajis digambarkan terlalu sibuk dengan masalah Lokman (abangnya) yang sakit dan terpikat pula dengan Narisah, seorang wartawan, watak Niram ini "hilang" begitu sahaja.

Tetapi beberapa perkara menarik yang dapat dilihat dalam tiga buah novel ini, pengarang tidak lagi mengangkat tema beberapa buah novel terdahulu. Antaranya masalah atau akibat kahwin paksa tidak menjadi persoalan besar watak wanita dalam era ini kerana praktis ini digambarkan tidak lagi diamalkan dalam novel-novel ini. Ketiadaan persoalan ini menunjukkan telah berlaku perubahan atau evolusi dalam aspek persoalan yang dihadapi watak wanita dalam novel-novel yang dibincangkan. Ini mungkin ada hubungan dengan pencapaian baik golongan wanita dalam pekerjaan yang membolehkan mereka mempunyai autonomi dalam soalan pemilihan jodoh sendiri. Ketidakhadiran persoalan kahwin paksa ini juga dapat dikaitkan dengan pengarangnya yang mula mengalihkan perhatian kepada watak wanita moden yang terpelajar. Peralihan ini terjadi kerana pengarang peka dengan perubahan yang dihadapi oleh wanita dalam masyarakat sejajar dengan kedudukannya sebagai seorang intelek tanah air.

Selain itu persoalan kewajipan suami isteri juga tidak menjadi fokus utama novel selepas merdeka kerana kebanyakan watak penting wanita belum bermah tangga atau masih dalam proses mencari jodoh. Namun persoalan kewajipan suami isteri digambarkan

sebagai sekadar persoalan sampingan seperti didepani oleh Zeni dan bekas suaminya Mohdi dan Lazri Meon dan isterinya, Fatiyah (yang sudah setahun meninggal dunia ketika plot cerita bermula), dalam novel *Daerah Zeni*. Namun demikian persoalan ini ditampilkan oleh pengarang dengan menggunakan teknik yang sama ketika menampilkan persoalan yang dihadapi watak Suhaidah dalam novel *Adik Datang*, iaitu digambarkan melalui kenangan atau teknik *stream of consciousness*. Tetapi kali ini dengan menggunakan teknik ini pembaca akan mengikuti kenangan daripada kedua-dua belah pihak watak yang terlibat pula.

Begitu juga persoalan wanita teraniaya telah tidak lagi menjadi persoalan dominan dalam novel-novel ini, hanya ditampilkan menerusi pengalaman Syarifah Narsia iaitu watak sampingan novel *Hujan Pagi*. Perbincangan tentang masalah penganiayaan wanita ini secara tidak langsung menunjukkan pengarang belum dapat sepenuhnya melupakan pengalaman yang dilalui oleh ibunya (lihat Bab Satu). Tambahan pula Syarifah Narsia juga seorang suri rumah tangga yang bergantung sepenuhnya pada suami. Kebergantungan ini menyebabkan nasibnya lebih buruk lagi.

Selain itu dalam novel-novel kategori ini juga tidak ada watak janda yang ditemui. Oleh sebab itu kita tidak akan menemui imej janda yang buruk seperti Nafiah atau Taksiah.

Tetapi antara persoalan menarik yang tidak pernah dibincangkan atau ditimbulkan dalam novel-novel A. Samad Said yang dibincangkan sebelum ini ialah hubungan bapa dengan anak perempuan. Persoalan ini ditimbulkan dalam novel *Daerah Zeni*. Kemunculan tema ini dari suatu segi dapat dihubungkan dengan pengarangnya sendiri yang ketika menulis novel ini telah mencapai umur setengah abad dan mempunyai anak-anak yang menanjak dewasa. Tajuk ini penting bagi melihat kecenderungan pengarang kesan dari pengaruh

umurnya. Sebelum ini hubungan bapa dengan anak perempuan bukanlah suatu persoalan yang menarik perhatian pengarang Melayu.¹² Malah dapat dikatakan persoalan ini agak terencil.

Hal ini selaras dengan watak utama novel ini, iaitu Lazri Meon juga merupakan seorang bapa dan pengarang tua yang kesepian. Pada peringkat umur sedemikian Lazri Meon digambarkan lebih banyak merenung ke dalam diri mentafsir pengalaman daripada kesilapan yang dilakukan pada ahli keluarganya termasuk isteri dan dua orang anaknya, iaitu Zeni dan Zedi. Renungan ke dalam diri itulah yang menyebabkan Lazri Meon menyedari kegagalannya memainkan peranan yang lebih baik dalam keluarga, iaitu sebagai suami dan bapa. Oleh sebab itu hubungan bapa dengan anak perempuan ini akan dibincangkan dalam tajuk yang khusus dalam bab ini.

Selain itu persoalan yang dihadapi watak wanita akan dibincangkan di bawah tajuk kewajipan suami isteri, dan keruntuhan moral.

Hubungan Bapa dengan Anak Perempuan

Seperti yang telah dinyatakan, hanya dalam novel *Daerah Zeni* hubungan ini digambarkan berlaku iaitu antara watak utamanya, Lazri Meon, dengan anak-anak perempuannya, Zeni dan Zedi, yang merupakan watak penting dalam novel ini. Kedua-dua wanita ini telah dewasa (tidak dinyatakan umurnya oleh pengarang) malah Zeni seorang guru dan seorang janda ketika plot cerita bermula. Zedi pula lumpuh kedua-dua belah kakinya akibat kemalangan dan sedang dirawat di sebuah pusat pemulihan.

Hubungan anak perempuan iaitu Zeni dan Zedi dengan bapa mereka Lazri Meon dalam novel *Daerah Zeni* ini merupakan hubungan yang tidak pernah disorot dalam novel-novel sebelumnya. Malah hubungan

mesra anak dengan ayah tidak wujud sepenuhnya sebelum ini kerana beberapa sebab. Antaranya watak ayah digambarkan kurang memberi perhatian dan kasih sayang kepada anak-anak seperti Hamid dalam novel *Adik Datang*. Anak perempuannya, Zalifah, lebih mesra dengan datuknya, Rashidi, yang lebih rajin melayannya. Oleh sebab itulah Zalifah lebih merindui datuknya yang tidak pulang daripada belayar terutama setelah Hamid meninggal dunia. Bagi watak ayah yang rajin melayan anak-anaknya, seperti Omar dalam *Keledang*, tidak pula berada dalam plot cerita apabila digambarkan hilang dari rumah.

Perubahan watak ayah yang ditampilkan dalam novel ini sangat ketara. Ayah, iaitu Lazri Meon, bukan watak pemabuk atau pemukul isteri atau buruh biasa seperti watak Budin dalam *Di Hadapan Pulau*, tetapi terlibat dalam kegiatan politik dan merupakan seorang pengarang. Kegiatan dalam politik pula yang menjadi penyebab watak Lazri Meon sebagai suami dan ayah jarang berada di rumah.

Perubahan itu juga jelas kepada anak-anak perempuan yang ditampilkan dalam novel ini, yang merupakan anak-anak yang dewasa, berpelajaran dan berusaha memahami masalah yang dihadapi oleh ayah mereka. Pelukisan watak anak-anak begini sudah pasti menghadapi masalah berbeza dengan yang dihadapi oleh anak-anak kecil seperti yang dilalui oleh Zalifah yang berada dalam usia awal remaja dalam *Adik Datang* atau Rahimah yang masih kecil dalam *Keledang*.

Hubungan bapa dan anak ini sangat menarik. Kasih sayang yang mendalam, simpati anak-anak terhadap ayah makin terserlah setelah Zeni dan Zeni membaca manuskrip novel karya ayah mereka. Maknanya perasaan itu digambarkan timbul melalui perantara (manuskrip novel) yang berjaya mengungkapkan masalah sebenar yang dihadapi oleh Lazri Meon. Peranan

Zeni dan Zedi dalam hubungan dengan bapa mereka adalah pentafsir kepada masalah Lazri Meon. Secara tidak langsung kebolehan mentafsir manuskrip itu sekali gus menunjukkan mereka berdua anak-anak yang bijak. Melalui manuskrip ini, A. Samad Said cuba menunjukkan adanya hubungan yang rapat antara pengarang dan karya itu sendiri yang merupakan antara pengalaman berkarya A. Samad Said sendiri (lihat Bab Satu). Pendapat ini disalurkan melalui watak-watak novel ini antaranya Zirah salah seorang watak sampingan yang membaca manuskrip itu berpendapat "memang manuskrip itu menarik daripada kehidupan dan masalah Lazri sendiri" (hlm. 24). Bagi Zedi pula "banyak karya seni adalah tumpahan atau tafsiran hidup penulisnya" (hlm. 24). Menurut Dr. Emilia yang merawat Zedi, "bahawa dapat dipelajari sesuatu perkembangan atau pergelutan jiwa seseorang dari karyanya" (hlm. 159 dan 160).

Manuskrip ayahnya itu, merupakan gambaran kisah hidup ayahnya sendiri yang antara lain merupakan pembayang sikap, cita-cita dan matlamat hidupnya. Keinginan ayahnya itu disalurkan melalui hasrat watak utama novel ayahnya, iaitu Hamdar, seorang penentang kolonial yang memilih hidup sendirian atau terpencil jauh daripada masyarakat. Hamdar sengaja memilih hidup dalam gerabak kereta api jauh dalam hutan. Hidup bersendirian itu membolehkan Hamdar banyak mempunyai waktu untuk berfikir dan sekali gus memerhati alam yang mendekatkan diri kepada Maha Pencipta.

Menurut Zeni, novel itu sekali gus menerapkan kegemaran ayahnya melihat isi alam yang indah dan sentiasa takjub akan ciptaan Tuhan - air yang ber-kocak, daun-daun kering yang kembali ke bumi, burung yang beraneka jenis dan katak serta ular yang lucu dan bahaya. Oleh sebab itu Zeni dapat memahami mengapa novel ayahnya itu sarat dengan deskripsi subjek-subjek

kecil yang pada sesetengah pembaca tidak penting atau dapat melambatkan jalan cerita.

Zeni dan Zedi percaya bahawa Hamdar adalah watak pendua ayah mereka. Secara tidak langsung melalui watak Hamdar, ayahnya menyatakan ingin berseendirian terutamanya setelah ibu mereka, Fatiyah, meninggal dunia dalam kemalangan jalan raya setahun yang lalu. Semenjak itu juga rutin hidup dan sikap ayah mereka berubah dan jarang pulang ke rumah. Pernah ayah mereka pulang tetapi pergi semula setelah menangis. Lazri Meon pernah tiga bulan tidak pulang ke rumah. Dua minggu sebelumnya empat hari ayah mereka hilang kerana risau akan masalah kematian isteri, runtuhnya rumah tangga Zeni dan lumpuhnya Zedi. Tetapi mereka tidak faham mengapa masalah-masalah itu terlalu membebankan fikiran ayah mereka. Mereka hairan kerana ayah mereka seolah-olah tidak faham dan tidak menerima konsep takdir. Hanya setelah membaca manuskrip itu barulah kedua-dua beradik itu yakin bahawa Lazri Meon memerlukan masa untuk berfikir kerana berasa dia gagal menjadi suami yang baik kepada isterinya dan gagal menjadi ayah yang baik untuk anak-anaknya.

Cara ayah mereka menenteramkan jiwanya adalah dengan mendekati diri kepada ajaran agama seperti membaca kitab dan berguru. Sebagai anak, mereka juga cuba meyakinkan ayah mereka bahawa arwah ibu mereka sangat memahami hakikat yang sebenar.

Dengan membaca manuskrip novel ayah mereka juga mendorong Zeni dan Zedi mengetahui lebih mendalam peranan ayah mereka dalam bidang sastera yang selama ini tidak diketahui dengan jelas, malah kurang diberi perhatian. Setahu mereka novel terakhir ayah mereka terbit pada tahun 1937. Walaupun Lazri Meon tidak melebihi Harun Aminurrashid atau Ishak Haji Muhammad, pengarang Melayu terkenal itu, tetapi beliau tetap menyumbang kepada perkembangan ke-

susasteraan Melayu. Manuskrip novel yang dibaca itu membawa teknik penulisan moden yang menekankan deskripsi subjek merupakan pengaruh pembacaan Lazri Meon dan hasil daripada pengaruh seorang pensyarah muda. Kedua-dua beradik ini berasa bangga kerana ayah mereka mampu menghasilkan novel yang baik dan berjaya memukau pembacanya. Malah melalui manuskrip novel itu juga barulah Zeni dan Zedi tahu ayah mereka pernah terlibat secara aktif dalam pertubuhan politik, dia juga pejuang dan pemimpin kecil, bergiat dalam usaha mencapai kemerdekaan tanah air selain aktif dalam bidang persuratan. Lazri Meon juga peminat muzik semasa seperti nyanyian P. Ramlee dan R. Azmi. Secara ringkas dapat dikatakan Lazri Meon digambarkan sebagai manusia yang penuh warna-warni.

Kedua-dua beradik itu begitu terserap dengan manuskrip novel ayah mereka. Selain dapat memahami lebih lanjut tentang masalah ayah mereka, manuskrip itu juga mendorong mereka lebih banyak berfikir tentang hubungan dengan ayah mereka selama ini. Mereka berdua tidak banyak tahu tentang latar belakang perjuangan ayah mereka dalam politik, sosial, juga bidang penulisan. Malah mereka tidak sedikit pun menunjukkan minat (hlm. 159). Mereka tahu ayah mereka tidak sepenuhnya cuai terhadap tugasnya sebagai ayah. Ayah mereka itu penjenaka, pencerita, pendebat dan disenangi anak-anak (hlm. 109). Gambaran watak ayah ini sangat bertentangan dengan watak ayah yang ditampilkan dalam novel-novel sebelumnya iaitu ayah yang kurang melayan anak yang ada persamaan dengan sikap ayah A. Samad Said sendiri ketika beliau masih kecil (lihat Bab Satu). Hanya semenjak setahun dahulu Lazri Meon berubah lantaran perasaan bersalahnya sebagai suami (akan dibincang lebih lanjut dalam bab ini) dan bapa. Rasa bersalahnya timbul kerana keruntuhan rumah tangga Zeni manakala Zedi pula lumpuh. Pada Lazri Meon, wajah-wajah itu (anak-anaknya) sen-

tiasa mudah mengingatkannya kepada masa lalu yang menyeksakan dan wajah-wajah itu juga mudah membayangkan masa depan yang meragukan (hlm. 53). Rasa bersalah ini muncul kerana kecuaiannya menjadi ayah yang sentiasa menasihati dan mengambil berat tentang kebajikan anak-anak.

Sebelum perubahan kelakuannya itu, Lazri Meon melalui ingatan anaknya banyak memberi nasihat yang bernas dengan caranya sendiri hingga nasihat itu menjadi pegangan hidup anak-anaknya dalam konteks menghadapi hidup sebagai wanita. Lazri Meon menanamkan semangat srikandi pada mereka dua beradik:

Jangan biarkan diri menjadi dayang atau hamba. Jadilah wanita yang sedia berganding bahu "boleh ke dapur, boleh ke lumpur, boleh bertempur sebelum ke kubur" (hlm. 108).

Pesanan itu terus mengingatkan mereka supaya berdiri sebagai wanita bebas seperti petikan "jangan jadi dayang atau hamba". Pada waktu yang sama mereka boleh menjalankan peranan sebagai wanita yang pandai mengurus rumah tangga dan terlibat dalam kegiatan masyarakat.

Dalam mendidik anak-anaknya juga Lazri Meon manusia yang waras, berimbang, gemar akan irama, mesra dengan alam dan kagum akan segala ciptaan Allah. Oleh sebab itu jugalah Zeni dan Zedi mudah meresapkan gambaran alam dalam manuskrip ayahnya itu sebagai ciptaan Allah dan pada waktu yang sama berfungsi menyerlahkan kesepian hidup ayahnya.

Lazri Meon menasihatkan anak-anaknya supaya "kita mesti sentiasa insaf hidup bukannya senang seluruh. Ada kekalahan kita mesti kuat" (hlm. 109). Pesanan itu sangat berbekas dalam hidup Zeni dan Zedi dalam menempuh hidup yang sulit, Zeni sebagai janda dan Zedi yang lumpuh. Mereka berdua berazam tidak mahu menyerah kalah dalam hidup.

Sebagai seorang ayah Lazri Meon juga tidak bertegas atau memaksa Zeni membuat keputusan bagi mengakhiri zaman jandanya. Ini mungkin kerana Lazri Meon menyedari dengan status janda bermakna Zeni tidak wajar dipaksa memilih pasangan hidupnya. Malah Lazri Meon memberi kebebasan sepenuhnya untuk Zeni memilih teman hidupnya sendiri selepas rumah tangga pertamanya itu runtuh.

Sebagai seorang ayah, ternyata Lazri Meon ayah yang disayangi anak-anak. Tidak ada kenangan pedih di antara mereka malah sebaliknya melalui manuskrip novelnya, Zeni dan Zedi mengetahui bahawa ayah mereka memerlukan pemahaman mereka. Ini adalah kerana rasa bersalah ayah mereka terhadap peranannya sebagai seorang ayah amat berat. Dari satu segi, kesalahan ayah mereka itu menunjukkannya seorang manusia yang menyedari kekurangannya tetapi tidak malu-malu pula mengakui dan cuba membaikinya dengan caranya sendiri. Oleh sebab itulah selepas membaca manuskrip novel itu mereka berasa begitu rapat dengan ayah mereka yang tidak pernah dirasakan serapat itu sebelumnya (hlm. 159 dan 127).

Selepas membaca manuskrip itu juga mereka semakin faham bahawa ayah mereka memerlukan teman berkomunikasi bagi mendengar masalahnya. Inilah yang dilakukan Zeni dan Zedi apabila ayah mereka pulang semula ke rumah setelah menghilangkan diri agak lama. Komunikasi antara ayah dan anak digambarkan sangat penting untuk mewujudkan suasana mesra dalam keluarga. Bagi Lazri Meon, penerimaan dan sikap memahami anak-anaknya penting untuk melenyapkan perasaan bersalah pada anak-anak yang kehilangan ibu itu.

Kewajipan Suami Isteri

Daripada tiga buah novel yang dibincangkan dalam

kategori ini hanya *Daerah Zeni* dan *Hujan Pagi* menampilkan persoalan yang rapat hubungannya dengan keluarga. Secara kebetulan pula kewajipan suami isteri yang ditampilkan dalam *Daerah Zeni* agak berbeza coraknya kerana dialami oleh dua pasangan suami isteri daripada dua generasi yang berbeza. Pasangan itu ialah Lazri Meon dan isterinya, Fatiyah, yang meninggal dunia ketika plot novel ini bermula. Pasangan kedua ialah anak Lazri Meon, iaitu Zeni, dengan bekas suaminya Mohdi yang bercerai ketika plot novel ini bermula.

Walaupun Fatiyah telah setahun meninggal dunia dan Zeni sudah bercerai, namun kehidupan pasangan suami isteri itu menarik untuk dibincangkan. Lazri Meon bertukar sifat dan personalitinya setelah isterinya meninggal dunia dalam satu kemalangan jalan raya. Setelah itu Lazri Meon berpendapat dia kehilangan cermin seperti katanya:

Aku rasa kehilangan – tak dikenal. Aku rasa hanya ibumu saja yang mengenalku. Dia teman, dia guru. Aku tak pernah ada cermin dalam hidupku. Dialah cerminnya. Tiba-tiba dia tak ada. Cermin tulen – ibumu cermin tulen. Bukan cermin mengejek. Aku dapat melihat diriku yang sebenar.... Kehilangan tak bercermin, tak ada dia aku rasa terapung (hlm. 54).

Berdasarkan petikan di atas Lazri Meon meletakkan kedudukan isterinya itu begitu tinggi, iaitu sebagai teman dan guru. Tetapi yang paling jelas isterinya sebagai cermin tulen yang bukan cermin mengejek atau cermin yang memantulkan refleksi yang lebih besar atau berlebihan daripada yang sebenarnya. Pada Lazri Meon, isterinya itu jujur tanpa menonjolkan kehebatan suaminya yang memang pernah menjadi pejuang kemerdekaan. Melalui ingatan Lazri Meon, Fatiyah digambarkan sangat memahami perjuangan suaminya itu. Tetapi Fatiyah dengan jujur menyedarkan Lazri Meon bahawa “perjuanganku (Lazri Meon) sudah se-

lesai. Sekarang giliran orang lain. Giliran orang baru" (hlm. 124) dan "janganlah terlalu terlibat. Ada orang baru, ada tenaga baru" (hlm. 123).

Pada Fatiyah, setelah begitu lama Lazri Meon berjuang, sekarang tibalah masanya untuk dia lebih khusyuk beribadat sebagai persediaan menghadapi hari tua. Hal ini wajar kerana sebagai orang Islam mungkin Lazri Meon tidak penuh khusyuk beribadat lantaran terlibat dalam perjuangan. Ingatan dan nasihat isterinya itu menyedarkan Lazri Meon daripada idealismenya terhadap perjuangan bahawa dia sudah tua dan perlu lebih banyak menumpukan masa untuk beramal ibadat. Tetapi kekesalan Lazri Meon begitu besar kerana tidak berbuat seperti cadangan isterinya itu. Malah dia pergi juga menghadiri kongres parti politiknya pada hari isterinya kurang sihat dan kemudian meninggal dunia dalam satu nahas jalan raya. Kematian itu juga bermakna Lazri Meon tidak sempat membawa isterinya menunaikan fardu haji ke Makkah. Namun Lazri Meon berjanji akan menyampaikan niat isterinya itu kelak.

Konsep "cermin" A. Samad Said di sini jelas sangat berbeza dengan konsep cermin Virginia Woolf seorang pelopor golongan feminis yang menghuraikan konsep "cermin" dari sudut feminis. Virginia Woolf mengatakan: "*Woman has served all these centuries as looking glasses possessing the magic and delicious power of reflecting the figure of man as twice its natural size*".¹³

Berdasarkan petikan itu dinyatakan bahawa wanita sering dijadikan alat untuk menonjolkan kehebatan lelaki daripada keadaan sebenar. Tetapi di tangan A. Samad Said, dalam novel ini ternyata Lazri Meon begitu menghargai kehadiran dan kejujuran isterinya yang selalu bertindak sebagai "guru" yang menyedarkannya daripada idealisme zaman mudanya. Fatiyah selalu memberi nasihat terhadap kelalaian Lazri Meon yang menyangkut soal keagamaan, terutamanya

setelah mereka beransur tua. Sebagai isteri, Fatiyah menasihati suaminya dengan lembut dan diterima pula dengan baik oleh Lazri Meon kerana segala yang ditimbulkan oleh Fatiyah jelas kebenarannya.

Kehadiran isterinya yang bertindak sebagai "guru" dan sahabat itu sangat bermakna pada Lazri Meon. Oleh sebab itu kematian Fatiyah bermakna dia kehilangan isteri yang setia dan jujur. Tetapi apa yang sangat dikesali Lazri Meon ialah, dia meninggalkan isterinya yang sakit semata-mata kerana menghadiri kongres parti politik. Isterinya itu meninggal dunia ketika sepeninggalannya. Dia juga kesal kerana selama ini tidak menerima dan mempraktikkan nasihat isterinya secara serius, dan gagal membawa isterinya ke Makkah. Kekesalannya itu menyebabkan dia rasa bersalah dan memilih untuk bersendirian. Perasaan bersalah mendera fikiran Lazri Meon. Mengenai sikap mengasingkan diri untuk dapat berfikir Lazri Meon telah didakwa oleh Shahnnon Ahmad sebagai:

Sesungguhnya Lazri Meon adalah seorang pengecut menghadapi realiti dan dibiarkan keapungan khayalan itu terus-menerus memenjarakan dirinya dan juga hatinya kerana kejahilannya sendiri.¹⁴

Sebaliknya jika dihalusi ternyata perasaan bersalah Lazri Meon itu sangat berasas, kerana sebagai suami dia meninggalkan isterinya ketika sakit. Sebaliknya dia memberi lebih banyak waktu kepada kegiatan politik melebihi tanggungjawab pada rumah tangga dan anak-anak. Secara kebetulan pula rumah tangga anaknya Zeni runtuh dan Zedi pula lumpuh akibat kemalangan. Walaupun nahas itu dapat dianggap sebagai takdir, tetapi Lazri Meon tetap berasa bersalah kerana kecuaiannya terhadap isteri dan anak-anaknya. Sebenarnya dia memerlukan masa untuk bertenang dan berfikir, seterusnya menumpukan perhatian pada agama yang memberinya ketenangan.

Gambaran hubungan suami isteri yang harmoni jelas kepada pasangan yang tua seperti Lazri Meon dan isterinya, Fatiyah. Tetapi bagi pasangan muda seperti Mohdi dan Zeni, hal sebaliknya pula berlaku. Nasib rumah tangga mereka sama seperti rumah tangga beberapa pasangan suami isteri muda yang dibincangkan sebelum ini. Mereka tidak putus-putus menghadapi krisis rumah tangga.

Krisis ini bermula kerana keketekan pengetahuan tentang hukum Islam, terutamanya di kalangan ketua rumah tangga. Mereka kebanyakannya tidak menjalankan tanggungjawab terhadap ahli keluarga sebaliknya merupakan peminum, pemabuk dan pemukul isteri. Oleh sebab kebanyakan isteri bergantung sepenuhnya pada sudut ekonomi dan mereka tidak ada pilihan yang lain, maka ramai isteri yang menderita hidupnya. Tetapi bagi pasangan Zeni dan Mohdi agak berlainan sedikit. Ini adalah kerana digambarkan Zeni sebagai wanita yang terpelajar mempunyai pekerjaan sendiri, tidak rela terus dikongkong oleh suami yang tidak bersifat belas kasihan (*mawaddah*), dan tidak mempunyai kasih sayang (*warrahmah*) pada isterinya.

Secara tidak langsung ada perubahan yang jelas mengenai kedudukan wanita dalam rumah tangga pada era selepas merdeka ini. Perubahan itu begitu ketara pada wanita seperti Zeni yang mempunyai kelulusan pelajaran yang tinggi (lulusan ITM) dan merupakan seorang guru yang dapat menjamin kelangsungan ekonominya.

Rumah tangga Zeni dan Mohdi tidak dapat bertahan apabila perkahwinan mereka masuk ke usia tiga tahun. Dalam tempoh itu Mohdi sedar bahawa, "Zeni bertambah dewasa, dia sendiri [Mohdi] tidak dapat menguasai keadaan. Zeni cepat menjadi penduga, penghujah, penilai dan pengwaras" (hlm. 90). Keadaan ini jauh berbeza ketika mereka bercinta dan baru mendirikan rumah tangga. Ketika itu kerana masih men-

tah, Zeni jarang membantah malah terikat dengan Mohdi, pertanyaan Mohdi sering berakhir dengan jawapannya sahaja. Dalam tempoh itu Mohdi menjadi suami yang terus menguasai atau "mewarnakan segalanya menentukan segala" (hlm. 140). Tetapi sebagai wanita yang semakin matang, layanan Mohdi itu semakin menyakitkan perasaan Zeni. Malah kerana tidak dapat menutup kelemahan dirinya, Mohdi menjadi pemarah dan kejam. Mohdi sebenarnya sudah mempunyai isteri sebelum Zeni dan mempunyai dua orang anak yang tinggal di Kangar yang jarang dijengahnya.

Sifat Zeni sebagai isteri itu sekali gus sangat berbeza dengan sikap Suhaidah dalam *Adik Datang* yang digambarkan penuh kesabaran dan tahan menanggung penderitaan jiwa yang panjang. Suhaidah juga digambarkan sentiasa berusaha untuk menyenangkan hati suaminya (Hamid) walaupun setelah mereka berselisih faham. Tetapi pembaca tidak dapat mengetahui perasaan hati Hamid ketika menghadapi sikap Suhaidah dalam berumah tangga. Keadaan ini adalah kerana pembaca hanya disogokkan dengan pengalaman Suhaidah sebagai seorang isteri dan Hamid telah meninggal dunia ketika plot cerita bermula.

Sebagai lelaki, Mohdi selalu ingin menguasai tanpa menghiraukan perasaan atau keinginan isterinya. Dia mahu setiap wanita yang diinginkannya tunduk kepadanya. Mohdi menuduh Zeni tidak mengenal lelaki malah Mohdi menyatakan terus terang sifat lelaki secara umum dengan bangganya:

Tak ada lelaki yang malaikat. Bagaimana disembunyikannya pun, dia tetap ingin lebih daripada satu - keinginan itu dah tumbuh sini, kata Mohdi sambil menunjukkan dadanya ... dari dalam.... (hlm. 102)

Secara tidak langsung Mohdi menyatakan bahawa memang menjadi naluri lelaki untuk menambah isteri yang mungkin tidak dapat diterima oleh Zeni.

Mohdi juga menganggap kejayaan mendapat wanita yang diidamkan dengan apa cara sekalipun merupakan suatu kepuasan dan suatu kemenangan. Tetapi padanya wanita itu menjadi keinginannya jika mempunyai kerahsiaan seperti katanya "lelaki akan terharu dan muda oleh kerahsiaan" (hlm. 163).

Tetapi dalam hubungannya dengan Zeni ini, Mohdi bersikap zalim apabila berasa egonya tercabar mendengar berita bekas isterinya didekati oleh Ebran, seorang buruh binaan yang lebih muda. Ini adalah kerana Mohdi mengakui Zeni meninggalkan bekas yang mendalam di jiwanya. Dia bertekad "jika dirinya bukan lelaki yang dapat menambat dan memperhamba Zeni, tidak akan ada lelaki lain yang dapat melakukannya" (hlm. 93). Ugutannya itu seolah-olah menafikan kebebasan dan hak Zeni memilih corak dan pasangan hidupnya sendiri. Malah tujuan Mohdi mendekati Zeni semula itu kerana menganggap Zeni akan tunduk pada keinginannya atas keyakinan bahawa sifat keras Zeni "keras kerak nasi" (hlm. 89). Di sini dengan jelas ditunjukkan Mohdi ialah tipa lelaki yang ego dan ingin menguasai.

Mengenai watak Mohdi ini Shahnnon Ahmad pernah mengatakan "Mohdi diperlihatkan sebagai *a very practical man* penuh kelangsungan dalam pendekatannya."¹⁵ Tetapi jika tujuan dia mendekati Zeni hanya untuk menguasai dan memperhamba, ternyata dia seorang lelaki ego, posesif dan mengerikan. Tidak hairanlah jika setiap mengenangkan Mohdi bagi Zeni seolah-olah "aku terbayangkan neraka" (hlm. 95), dan dalam keadaan seperti ini "wajah bekas suaminya itu timbul menyerupai penjajah" (hlm. 175).

Keinginan Mohdi terhadap Zeni itu dipengaruhi oleh impiannya untuk muncul sebagai hero di pentas drama seperti ketika dia masih menuntut dahulu. Kebolehannya berlakon dengan baik menyebabkan dia selalu berlagak sebagai hero yang pernah diminati Zeni

(hlm. 94). Minat ini juga yang membawa mereka mendirikan rumah tangga. Tetapi setelah hidup bersama, ternyata mereka tidak mempunyai persefahaman dan tidak sehaluan. Mohdi terlalu menguasai hingga memelankan Zeni.

Sebuah lagi rumah tangga yang diutarakan dalam kategori ini adalah antara Syarifah Narsia dan Hasmudin yang merupakan watak sampingan novel *Hujan Pagi*. Persoalan rumah tangga mereka juga merupakan kisah sampingan tetapi perlu diutarakan di sini untuk menunjukkan bahawa bagi pasangan suami isteri muda krisis rumah tangga tidak berkesudahan. Selalunya dalam krisis begini wanitalah yang menderita. Persoalan ini juga begitu dominan dalam novel-novel yang dibincangkan sebelum ini.

Sharifah Narsia ditimbulkan dalam plot untuk pertama kalinya di halaman 193. Ketika dia dan suaminya Hasmudin bergaduh, anaknya, Syed Hamid, yang menggelarkan dirinya *Lone Ranger* lari ke rumah Norisah, jiran mereka. Syarifah Narsia datang melihat anaknya kemudian dalam keadaan baju yang koyak dan rambut kusut (hlm. 363). Atas alasan meringankan beban mental dan perasaan dia menceritakan krisis rumah tangganya tanpa diminta kepada Norisah dan kawan-kawannya. Menurutnya penderitaannya bermula apabila mengetahui suaminya seorang kontraktor itu telah mempunyai dua orang isteri sebelumnya, seorang di Johor Bahru dan seorang di Medan.

Syarifah Narsia berasa tertipu. Ini adalah kerana ketika memikatnya Hasmudin sangat rapat dan pandai mengambil hati anaknya, Syed Hamid (hasil perkahwinan pertama dengan Syed Narin). Seperti yang telah dinyatakan, kedua-dua suami isteri ini sekadar watak sampingan oleh sebab itu tidak banyak perkara yang lebih terperinci diketahui. Apa yang jelas krisis rumah tangga mereka timbul kerana Syarifah Narsia berasa dia tertipu. Hasmudin pula terlalu garang hingga sang-

gup mencederakan isteri (hlm. 364). Kegarangannya itu juga diperlihatkan kepada Norisah dan kawan-kawan apabila dia datang mencari Syarifah Narsia. Tetapi kisah ini hilang begitu sahaja dan tiada penyelesaiannya.

Apa yang cuba ditunjukkan di sini adalah krisis rumah tangga tidak terhad pada keluarga miskin seperti Joyah dan Budin dalam *Di Hadapan Pulau* atau Suhaidah dan Hamid dalam *Adik Datang*, malah meliputi keluarga berada seperti Syarifah Narsia dalam novel *Hujan Pagi*. Bagi golongan muda seperti mereka krisis rumah tangga selalunya digambarkan berpunca daripada sikap suami yang tidak menjalankan tanggungjawab sepenuhnya atau beristeri lebih daripada satu. Secara kebetulan pula hampir-hampir semua watak isteri yang ditampilkan seperti Suhaidah, Joyah, Hendon dan Zeni digambarkan sebagai isteri yang patuh dan taat kepada suami. Mereka memang memerlukan kasih sayang (*mawaddah*) dan kasihan (*warrahmah*) suami masing-masing. Dalam kes Syarifah Narsia, dia berasa tertipu kerana Hasmudin tidak pernah berterus terang. Hasmudin hanya berniat untuk menguasai dan memiliki wanita cantik ini sahaja bukan melindungi dan menyayangnya.

Tetapi apa yang menarik dalam mengangkat persoalan kewajipan suami isteri ini dalam *Daerah Zeni*, A. Samad Said menggunakan teknik yang agak berbeza dengan yang digunakan ketika membincangkan tajuk sama sebelumnya. Dalam novel-novel *Adik Datang* dan *Di Hadapan Pulau*, masalah ini yang dihadapi oleh Suhaidah, Rasimah dan Joyah dilihat dari satu sudut sahaja, iaitu sudut mereka sebagai para isteri yang menderita dan tidak berdaya mengubah nasib mereka. Tetapi dalam novel *Daerah Zeni* pembaca dihadapkan dengan pendapat dan masalah daripada kedua-dua pihak, iaitu isteri (Zeni) dan suami (Mohdi). Dengan melihat daripada dua pihak ini masalah rumah tangga

mereka lebih kompleks. Ketidakserasian pendapat dan berlainan keinginan timbul kerana di antara mereka tidak ada kesesuaian. Bagi pihak lelaki dilukiskan terlalu ego (mereka tidak lagi digambarkan peminum dan pemabuk seperti Hamid dalam *Adik Datang* atau Budin dalam *Di Hadapan Pulau*) dan tetap tidak puas dengan hanya seorang isteri. Ini mungkin kerana selaras dengan kata Mohdi "tak ada lelaki yang malaikat" (hlm. 102).

Kekejaman lelaki tidak sepenuhnya pada penderaan fizikal seperti yang dialami Rasimah dan Joyah, tetapi juga penderitaan mental seperti yang dialami Zeni. Sebagai isteri, Zeni dinafikan haknya untuk turut sama berkongsi mencorak dan membuat keputusan untuk rumah tangga. Perasaan belas kasihan dan menyayangi isteri turut lenyap. Tetapi Zeni tidak sanggup menahan penderitaan mental kerana dia ada pilihan lain iaitu pekerjaannya. Malah kemudiannya ternyata dia diminati Eهران seorang buruh binaan yang masih bujang. Eهران tertarik pada Zeni tidak seperti prebet Jiman atau Dzulkipli meminati Suhaidah kerana kecantikan wanita itu tetapi minat Eهران lebih kepada kecerdasan Zeni (hlm. 61). Secara kebetulan pula pengarang tidak menggambarkan kecantikan Zeni, seorang janda seperti yang dilukiskannya kepada Suhaidah. Apabila dikaitkan dengan soal kecantikan, mungkin hanya Zeni di antara watak wanita yang memainkan peranan penting dalam plot cerita tidak dilukiskan mempunyai wajah yang cantik. Sebaliknya Zeni digambarkan sebagai seorang pentafsir yang bijak, terutamanya berhubung dengan perangai bekas suaminya Mohdi dan berhubung dengan perlunya ayahnya diberi ketenangan dalam menghadapi rasa bersalah dalam hidup.

Dengan berpeluang melihat persoalan rumah tangga Zeni dan Mohdi daripada kaca mata mereka berdua, pembaca sendiri bebas membuat justifikasi.

Keruntuhan Moral

Gejala ini ternyata terus melanda watak-watak wanita semenjak zaman perang hinggalah ke zaman selepas merdeka ini. Banyak faktor yang memberi sumbangan kepada gejala ini seperti yang telah dibincangkan dalam tajuk yang sama bagi novel-novel zaman perang dan selepas perang. Antaranya ialah faktor keadaan, kekurangan pengetahuan agama dan keadaan masyarakat sekeliling. Pada zaman perang dan selepas perang, wanita yang terjebak dalam gejala ini digambarkan ialah wanita yang cetek pengetahuan agama juga pendidikan formalnya. Tetapi ternyata gejala keruntuhan moral ini terus berlaku pada wanita yang pernah belajar hingga keluar negara. Tambahan pula digambarkan di luar negara gejala itu lebih berleluasa kerana sikap hidup masyarakat Barat yang individualistik dan bebas. Bagi wanita Malaysia gejala keruntuhan moral boleh berlaku apabila berjauhan daripada keluarga atau tiadanya ejen positif, terutamanya rakan-rakan yang sudi menasihati dan menyedarkan kesalahan moral mereka. Keadaan ini bertambah rumit apabila sikap individualistik meresap ke dalam cara hidup dan cara berfikir masyarakat Malaysia yang tinggal di bandar-bandar besar.

Dalam kategori ini terdapat dua orang wanita yang terjebak dengan gejala keruntuhan moral, iaitu Zakiah, watak penting *Langit Petang*, dan Wendy, watak sampingan *Hujan Pagi* yang kerap bertukar pasangan. Tetapi watak Wendy tidak dibincangkan di sini kerana kegemarannya itu sekadar disebut oleh pengarang dan tidak terlibat dalam arus plot cerita. Semasa plot cerita *Langit Petang* bermula Zakiah digambarkan sebagai seorang wanita yang cantik rupa parasnya, berumur 28 tahun bekerja sebagai seorang pegawai perhubungan awam. Dia tinggal menyewa bersama-sama tiga orang rakannya Rashidah, Maimunah dan Zainab. Zakiah berasal dari Kampung Jeram. Semasa plot bermula Zakiah

telah pun memperdaya 18 orang lelaki.

Keruntuhan moral Zakiah bermula ketika berumur 16 tahun apabila terpedaya dengan pujukan Rosedin yang berjanji akan mengahwininya. Sebagai gadis muda Zakiah terlalu mudah percaya dengan tipu helah Rosedin yang sudah beristeri (tanpa diketahui Zakiah). Oleh sebab terlalu khayal dengan kebahagiaan masa depan, Zakiah terperangkap. Perhubungan mereka menyebabkan Zakiah mengandung tetapi keguguran kemudiannya. Mengenai hal ini pengarang menyatakan:

Bahawa dalam satu keadaan yang begitu mesra dan penuh janji, seorang gadis yang terlalu remaja sudah terlupa segala apa yang terlalu penting bagi dirinya, dan hanya terlalu membayangkan masa depan yang terlalu indah pula. Pengalaman keaharuan dan manis selalu menjerumuskan wanita (hlm. 68).

Berdasarkan petikan di atas jelas menunjukkan bahawa kelemahan jiwa lantaran terlalu dipukau oleh impian remaja menyebabkan Zakiah terjerumus dalam dosa. Tanpa landasan hidup atau pegangan hidup, mudahlah Zakiah hilang pedoman.

Zakiah terjebak sekali lagi apabila meraih gelaran Ratu Permata yang membawanya ke Jepun dan Hong Kong. Di sana dia terperangkap dalam satu sindiket yang menjerumuskannya sebagai pelacur terhormat. Apa yang cuba ditunjukkan di sini, bagaimana seorang wanita muda dan cantik mudah diperdaya dan terperangkap dalam gejala yang tidak sihat. Kebebasan yang tiada hadnya sering dipergunakan oleh pihak tertentu yang mengambil kesempatan.

Semasa berada di London kerana mengikuti kursus perhubungan awam, keruntuhan moral Zakiah semakin parah. Selain tandus perasaan takwa dalam jiwanya, keadaan kota London terus menenggelamkan dia dalam noda dan begitu terbuka kepada keruntuhan hidup. Di

London tiada kawalan rohani dan moral pula sesuatu yang langsung tiada kena-mengena dengan manusia lain.

Di London, Zakiah bersekedudukan dengan beberapa lelaki asing seperti John Kishore, Bernard Marcel, Robert Dorsey dan lain-lain lagi. Mereka semua tertarik dengan kecantikannya.

Tetapi mengenai penglibatannya dengan lelaki yang pertama itu dinyatakan oleh pengarang:

Menyedari bahawa dirinya bukan gadis lagi dan telah pun memerangkap dan diperangkap beberapa lelaki, dia merasa tiada ruginya menerima pelawaan John Kishore untuk tinggal di flatnya di Edgware Road, John Kishore pemabuk dan lima bulan mereka bersama (hlm. 109).

Keputusan Zakiah menerima pelawaan John Kishore itu kerana dia bukan gadis lagi maka terjunlah terus dia dalam lembah maksiat. Hal yang sama juga digambarkan menjerumuskan Salina dan Tengku Shaion dalam lembah pelacuran seperti yang telah dibincangkan. Perhubungan itu tidak kekal lama kerana seperti ramai lelaki lain, John Kishore tidak pernah puas memerangkap wanita lain yang lebih cantik.

Hasil perhubungan inilah mendorong Zakiah berfikir tentang cara lelaki menghargai kecantikan atau sekurang-kurangnya menghormati wanita. Padanya hubungan lelaki dan wanita tidak pernah lama apalagi kekal.

Apa yang menarik dalam novel ini Zakiah digambarkan menemui lelaki-lelaki itu di disko, iaitu tempat pemuda pemudi kesunyian datang untuk mencari hiburan. Tempat-tempat ini juga sekali gus menunjukkan kebebasan Zakiah mencari hiburan.

Semenjak itu Zakiah semakin ingin membalas dendam kepada semua lelaki yang di dampinginya kerana menganggap wanita sepertinya menjadi mainan atau

mangsa lelaki. Dia mula bertanya "Apakah tidak berhak pula wanita memperhambakan lelaki selepas kaum tersebut bertindak sekejam itu dari abad ke abad?" (hlm. 35). Perasaan dendamnya itu terus menyala kerana dia mempunyai "senjata" yang dapat mengalahkan lelaki, iaitu kecantikannya. Malah dengan kecantikannya itulah dia menundukkan lelaki yang mabukkan kecantikannya. Dia berazam "sebelum umur mengalahkan kecantikan dia perlu mengalahkan lelaki dahulu" (hlm. 107). Oleh itu dia ingin mengalahkan dan menukar lelaki yang didampingi sekerap dia menukar kasut. Analogi kasut digunakan untuk menunjukkan betapa rendahnya kedudukan lelaki itu pada anggapannya. Selepas beberapa kali ditipu lelaki, Zakiah digambarkan lebih berani, yakin dan kasar menghadapi hidup (hlm. 38).

Mencipta dan melukiskan watak wanita yang begitu rosak moralnya seperti Zakiah dengan alasan dia mendendam lelaki tidak dapat diterima oleh ramai peminat sastera. Antaranya Shāhrom Mohamad Dom seorang pengarah filem mengatakan:

Watak Zakiah dalam novel itu adalah satu watak yang tidak masuk akal, kerana ia dikatakan sebagai seorang yang membenci lelaki tetapi sekali gus mengorbankan dirinya sendiri kepada lelaki tanpa disedarinya serta mendapat keseronokan di sebalik perbuatannya.¹⁶

Tetapi A. Samad Said berpendapat "watak seperti Zakiah itu pernah wujud".¹⁷ Zakiah juga digambarkan tidak percaya pada kemurnian nilai rumah tangga lagi. Kepercayaan dia hilang kerana sembilan daripada 10 lelaki yang mempunyai hubungan dengannya adalah suami orang. Malah Hashim yang mempunyai tujuh orang anak dan 20 tahun berumah tangga tetap mengaku tidak bahagia.

Zakiah juga turut takut menghadapi hidup beru-

mah tangga melihatkan pengalaman dua orang adik perempuannya sendiri. Seorang diperhambakan dan tidak diberi kebebasan dan seorang lagi dimadukan selepas usia rumah tangga mereka baru menjangkau dua tahun. Namun demikian Zakiah digambarkan tetap memikirkan rumah tangga apabila menyedari umur mengejar dan meninggalkan kejelitaan wanita. Sekali lagi di sini pengarang mengulangi betapa pentingnya kejelitaan pada wanita untuk berumah tangga. Kejelitaan seolah-olah "passport" untuk memulakan sesuatu langkah bermakna dalam kehidupan. Bagi Simone de Beauvoir, seorang tokoh feminis Perancis, kecantikan di kalangan wanita secara tidak langsung mengekalkan kelebihan (dalam pangkat dan kuasa) lelaki.¹⁸ Ini adalah kerana keperluan menonjolkan kecantikan berlebihan hanya akan mewujudkan objek yang "palsu". Bagi Zakiah kecantikannya digunakan untuk memikat lelaki kemudian sengaja meninggalkan mangsanya itu. Namun dari segi yang lain merosakkan dirinya sendiri. Bagi golongan feminis tindakan itu merugikan wanita sendiri yang tidak selaras dengan ideologi feminisme ia-itu, "*women's liberation since intrinsic in all its approaches is the belief that women suffer injustice because of our sex*".¹⁹ Keadaan ini lebih jelas kerana Zakiah sengaja merosakkan dirinya sendiri dan bertindak secara bodoh malah merendahkan dirinya sendiri. Dia membenarkan dirinya dipergunakan oleh lelaki walaupun menurutnya dia mahu merosakkan hati lelaki yang terpicat dengan kecantikannya. Sebaliknya dirinya yang merana malah terus bergelumang dengan dosa dan noda.

Di samping itu melalui pelukisan pengarang, Zakiah digambarkan menyedari bahawa dia sedikit pun tidak mempunyai persediaan untuk berumah tangga, terutamanya yang menyangkut ketrampilan mengemas rumah dan memasak. Selama ini dua perkara ini tidak pernah diberinya perhatian. Kekurangan ini membim-

bangkannya, dan pengarang dengan jelas telah menunjukkan bahawa:

Padanya betapa sayang pun suami suatu hari dia akan tetap menilai semula kesayangannya itu dengan tanggungjawab wanita di rumah (hlm. 35).

Secara tidak langsung kesedaran terhadap kekurangannya itu dinyatakan pengarang terhadap kualiti yang perlu ada pada seorang isteri dalam mengendalikan rumah tangga. Di sini pengarang memberi penekanan betapa pentingnya wanita tahu mengurus rumah tangga jika berkahwin.

Sebagai seorang wanita yang banyak pengalaman dengan lelaki, Zakiah tidak langsung mempercayai lelaki. Tetapi dia menemukan kelainan pada diri Hafiz lelaki yang telah lapan tahun dikenalnya. Perkenalan mereka bermula apabila Hafiz menghantarnya ke hospital akibat keguguran dan selepas itu pemuda itu datang pula melawatnya boleh dikatakan setiap hari. Hafiz dianggapnya lelaki istimewa yang tidak ditemui pada lelaki lain yang mendampinginya. Hafiz tidak pernah mengambil kesempatan terhadapnya sebaliknya menghargainya sebagai wanita. Tetapi yang paling penting Hafiz menasihatinya supaya pulang ke pangkal jalan. Ini adalah kerana pada Hafiz "wanita dikalahkan oleh umur dan dalam dendamnya kepada lelaki wanitalah yang binasa" (hlm. 135). Sekali lagi ungkapan "wanita dikalahkan oleh umur" diulang di sini seperti yang telah disebut ketika membincangkan watak Suhaidah, Tengku Shaion dan Salina. Pengarang seolah-olah percaya bahawa kecantikan adalah satu-satunya modal wanita untuk mengharungi hidupnya. Soal kestabilan ekonomi, kebijaksanaan dan ketrampilan dalam bidang pekerjaan terutamanya wanita selepas merdeka tidak dipertimbangkan.

Bagi Hafiz, wanita hanyalah wajah, begitu juga pemahaman Zakiah terhadap eksistensi seseorang

wanita itu. Di sinilah soal kebijaksanaan Zakiah sebagai pekerja dan berautonomi sendiri terutama dari sudut ekonomi tidak diambil kira. Walaupun dia digambarkan wanita terpelajar, mempunyai sumber kewangan yang kukuh, ternyata pengarang menyamakan tumpuan pemikirannya terhadap masa depan sama seperti Tengku Shaion dan kawan-kawannya di Kampung Alang Sunti yang menggantungkan harapan sumber rezeki kepada kecantikan fizikal semata-mata.

Namun demikian nasihat Hafiz diikuti Zakiah dengan pergi menemui Ariff, yang dianggap sebagai seorang yang sesuai untuk Zakiah meminta pertolongan kerana mempunyai fikiran terbuka dan bersikap memahami keadaan. Hafiz meyakinkannya bahawa "Arif macam bapa, penunjuk, penasihat, penyayang" (hlm. 115). Hafiz meyakinkan Zakiah bahawa "setiap orang ada riwayat buruknya. Sungai tidak lurus bagi kita semua, lautan juga tidak sentiasa tenang bagi kita semua" (hlm. 115).

Berdasarkan petikan di atas ternyata A. Samad Said menerusi watak Hafiz mempunyai sikap yang jelas terhadap Zakiah, iaitu bersimpati pada wanita muda ini. Hal ini sama dengan sikap simpatinya terhadap Salina. Kedua-dua wanita ini tidak boleh disalahkan begitu sahaja tetapi harus ditimbangkan sebab-sebab mengapa mereka menjadi begitu. Menerusi Hafiz pengarang menyatakan, "memang tidak boleh dinilai Zakiah dari hujung jalan saja, segala-gala perlu disusuri dari pangkal jalan" (hlm. 137). Dan yang paling penting adalah orang seperti Zakiah mestilah didekati dengan semangat setia kawan dan membawanya ke jalan yang lurus. Zakiah yang tidak mempercayai kejujuran lelaki (yang suka mengambil kesempatan), harus diyakini bahawa dia akan diterima semula oleh masyarakat. Wanita ini memerlukan bimbingan daripada orang yang jujur. Keadaan ini jelas kerana dalam jiwa-

nya masih terdapat keinginan untuk hidup bersih dan bermakna.

Sebagai kesimpulan, dapatlah dirumuskan watak-watak wanita dalam novel A. Samad Said mengalami perubahan kedudukan yang jelas. Perubahan ini lebih jelas apabila dilihat pada era sebelum perang, semasa perang, selepas perang dan selepas merdeka. Peranan wanita dalam era sebelum merdeka ini digambarkan banyak terikat oleh kebiasaan adat yang menyebabkan ramai wanita tidak bahagia hidupnya. Mereka dipaksa kahwin dengan lelaki pilihan keluarga. Kebahagiaan tidak berterusan apabila kebanyakan lelaki itu tidak menjalankan tanggungjawab sebagai suami yang baik. Lebih ramai wanita menderita kerana hidup mereka bergantung sepenuhnya pada suami dan rumah tangga. Pengarang banyak bersimpati dengan wanita-wanita itu kerana mereka digambarkan tidak berupaya mengubah hidup sendiri hasil daripada sosialisasi yang dialami mereka. Hal ini mempunyai kaitan dengan pengalaman A. Samad Said sendiri seperti yang dibincangkan dalam Bab Satu.

Pada zaman perang ramai wanita dianiaya dan dirosakkan kehidupan mereka oleh askar Jepun. Kesengsaraan hidup pada zaman pemerintahan Jepun menyebabkan keruntuhan moral kerana ramai watak yang tidak mampu menguasai keadaan. Dengan tenaga fizikal yang lemah dan hidup dalam kemiskinan, keutuhan moral mereka langsung tidak terjamin, terutamanya bagi wanita yang tinggal di bandar-bandar besar dan tiada keluarga atau saudara-mara yang boleh membantu dan menyokong mereka.

Pada zaman moden pula apabila lebih ramai wanita digambarkan mendapat pendidikan tinggi dan mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh, masih ramai yang hidup dalam kemungkaran. Antara yang ketara ialah Zakiah yang memilih cara hidup yang salah. Pelajaran tinggi hingga ke seberang laut pun seolah-olah

bukan jaminan hidup mereka akan bahagia. Sebaliknya banyak bergantung pada sikap mereka sendiri.

Tetapi yang nyata wanita moden tidak terbelenggu lagi dalam perkahwinan paksa. Ini adalah kerana semakin ramai wanita yang bebas memilih pasangan sendiri. Namun ideologi pengarang yang menyenangi ciri wanita tradisional mewarnai nasib ramai watak wanitanya. Tetapi pengarang tidak membiarkan watak-watak itu tinggal hitam sebaliknya dibimbing ke arah hidup yang lebih baik. Dalam hal inilah pengarang tetap meletakkan kedudukan lelaki lebih tinggi, seperti Pak Ariff, untuk menjalankan tugas hakiki lelaki bagi membimbing Zakiah ke arah jalan hidup yang lebih positif.

Kesimpulan

SETELAH mengkaji latar belakang A. Samad Said dan hubungannya dengan keluarga, wanita, masyarakat, zaman dan ciptaannya, ternyata kesemuanya mempunyai pertalian yang erat. Faktor-faktor ini secara tidak langsung mempengaruhi pelukisan watak wanita dalam novelnya. Tambahan pula landasan karyanya merupakan pengalamannya sendiri yang membentuk persepsi terhadap watak wanita itu. Pertalian itu turut dipengaruhi oleh persepsinya terhadap peranan lelaki dan wanita dalam masyarakat.

Sebagai seorang pengarang ternyata A. Samad Said mempunyai persepsi sendiri terhadap ciri wanita yang disenangi atau sebaliknya. Tanpa disedari persepsi ini turut memberi sumbangan terhadap pelukisan watak wanitanya. Secara jelas wanita yang mempunyai ciri kewanitaan timur diketengahkan. Pengarang sangat setia kepada pelukisan wanita stereotaip. Sebagai contoh, pada era sebelum perang wanita yang mempunyai ciri tradisilah yang ditonjolkan. Kebanyakan watak wanita pada era itu merupakan wanita yang tidak mendapat pendidikan formal, bergantung hidup pada keluarga dan tidak aktif di luar rumah tangga. Mereka terdedah kepada penganiayaan suami walaupun kebanyakan mereka mempunyai ciri-ciri wanita tradisi yang unggul seperti cantik, berbudi bahasa dan isteri yang

taat. Hidup mereka tidak bahagia terutamanya apabila digambarkan tidak mendapat pasangan hidup yang menghargai taat setia mereka. Pelukisan wanita yang kurang bernasib baik ini mempunyai kaitan dengan nasib ibunya sendiri seperti yang telah dibincangkan dalam Bab Satu.

Namun demikian pengarang memberi peluang luas kepada wanita yang teraniaya itu untuk menyuarakan bantahan terhadap nasib buruk mereka. Tetapi mereka tidak berdaya mengubah nasib buruk yang dilalui kerana kesempitan ruang bergerak yang terbuka kepada mereka. Tambahan pula mereka terdiri daripada wanita tradisi yang dibesarkan di desa-desa yang terpencil. Hasil sosialisasi yang diterima, digambarkan mempengaruhi cara berfikir dan bertindak mereka yang terkongkong oleh adat dan kebiasaan.

Bagi wanita pada zaman perang pula, mereka menjadi mangsa perang seperti dirogol, dinafikan hak kemanusiaan seperti sukar mendapat makanan dan terjebak dalam keruntuhan moral kerana mereka digambarkan tidak berdaya meletakkan diri mereka sebagai golongan yang mampu bertahan pada era yang penuh penderitaan itu.

Bagi wanita pada zaman selepas merdeka pula, walaupun telah maju dari segi pencapaian pendidikan, masih tidak ada yang berjaya hidup bahagia. Kebahagiaan tetap tidak dimiliki oleh watak-watak wanita ciptaan A. Samad Said. Ini adalah kerana mungkin A. Samad Said taat kepada model realiti yang pernah dikenalnya. Juga pengarang melukiskan watak wanita biasa seperti yang dinyatakan di atas kerana karyanya berlandaskan pengalaman. Oleh sebab itu wanita-wanita beginilah, iaitu yang mempunyai ciri-ciri stereotaip yang diketengahkannya. Wanita yang ditampilkan dalam novel-novel A. Samad Said tidak ada yang menjangkau sempadan stereotaip wanita dalam masyarakat. Pelukisan ini ada kaitannya dengan kecenderungan A. Samad

KESIMPULAN

Said meniru daripada model realiti seperti yang dibincangkan dalam bab Pendahuluan.

Selain itu kesetiaan kepada prapersepsinya sendiri terhadap wanita mempengaruhi gambaran watak wanita yang ditampilkan. Walaupun A. Samad Said ada mengetengahkan wanita yang progresif pemikirannya, agak luas pergerakannya (dibandingkan dengan watak lain dalam novel-novelnya), tetapi watak itu tidak dikembangkan dengan baik. Watak yang dimaksudkan ialah Niram watak dalam novel *Hujan Pagi*.

Suatu kecenderungan A. Samad Said adalah menekankan kecantikan wanita itu sebagai modal utama untuk wanita mendapat kedudukan yang baik dalam rumah tangga dan masyarakat. Kecantikan dijadikan faktor penting dalam diri wanita. Tanpa kecantikan digambarkan wanita tidak akan dihargai, dan tidak mempunyai peluang untuk memulakan hidup baru. Secara kebetulan pula kerana kebanyakan watak wanita yang ditampilkan ialah wanita muda yang masih luas masa depannya. Oleh sebab itulah kecantikan digambarkan faktor yang sangat penting. Pekerjaan dan ketrampilan tidak pernah menjadi jaminan atau kekuatan wanita untuk mengharungi hidup.

Seterusnya watak-watak lelaki matang turut digambarkan dalam novel-novel yang dihasilkan pada tahun 1980-an. Penampilan watak begini, seperti Lazri Meon dalam novel *Daerah Zeni* dan Lokman dalam *Hujan Pagi*, mempunyai kaitannya dengan A. Samad Said sendiri. Namun watak-watak penting wanitanya merupakan wanita muda yang terus bergelut mencari tapak kebahagiaan yang tidak pasti.

Nota

Pendahuluan

- 1 A. Teeuw, "Ulasan Buku *Salina*," *Dewan Bahasa*, November 1964, hlm. 517-624.
- 2 Hamdi, "Buku, Penulis dan Pembaca: *Salina*," *Dewan Bahasa*, Disember 1962, hlm. 570-575.
- 3 *Dewan Sastera*, Jun 1987, hlm. 27.
- 4 Semenjak 1960-an - 1994, A. Samad Said telah menghasilkan 11 buah novel tetapi untuk kajian ini novel *Bulan Tak Bermadu di Fatehpur Sikri* (1966) dan *Cinta Fansuri* (1994) tidak dimasukkan. Berlakunya hal demikian kerana novel pertama itu berlatarbelakangkan India dan novel ke-2 itu diterbitkan ketika kajian ini hampir selesai ditulis. Novel-novel yang akan dikaji ialah *Salina*, *Sungai Mengalir Lesu, Ke Mana Terbangnya, Keledang, Di Hadapan Pulau, Adik Datang, Langit Petang, Daerah Zeni*, dan *Hujan Pagi*.
- 5 *Dewan Sastera*, Jun 1987, hlm. 30.
- 6 A. Samad Said, *Dari Salina ke Langit Petang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlm. 26.
- 7 *Ibid.*, hlm. 26.
- 8 A. Samad Said, *Warkah Kepada Salmi Manja*, Kuala Lumpur: Federal Publications, 1965, hlm. 67. Lihat juga *Wawancara Sastera*, A.M. Thani (ed.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984, hlm. 33.
- 9 Temuramah dengan A. Samad Said di rumah penulis di Bandar Baru Bangi pada 10 Mei 1990.

- 10 A. Samad Said, "Potret Diri" dlm. *Antara Bulan dan Wira*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989, hlm. 3-22.
- 11 Olga Kenyon, *Women Novelists Today: A Survey of English Writing in Seventies and Eighties*, Brighton: Harvester, 1988, hlm. 2.
- 12 Kathleen Morner dan Ralph Rausch, *NTC's Dictionary of Literary Terms*, Lincolnwood: National Textbook, 1994, hlm. 82.
- 13 Dipetik daripada Toril Moi, *Sexual/Textual Politics*, London: Methuen, 1985, hlm. 34.
- 14 Lihat Olga Kenyon, *Women Novelists Today: A Survey of English Writing in Seventies and Eighties*, Brighton: Harvester, 1988, juga Rosnah Baharudin, "The Image of Women in Selected Malaysian Novel", tesis M. Phil., University of Kent, 1988 dan juga Wahab Wahidun, "Salina dan *Badai Semalam* Dari Pendekatan Feminis", Latihan Ilmiah, Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1990/91.
- 15 Dipetik daripada Cheri Register, "American Feminist Literary Criticism: A Bibliographical Introduction" dlm. Josephine Donovan (ed.), *Feminist Literary Criticism*, Lexington: Kentucky University Press, 1975, hlm. 5.
- 16 Hashim Awang, "Kritikan Psikologi: Satu Pengenalan", dlm. *Kesusasteraan Melayu dalam Kritikan dan Sejarah*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, 1984, hlm. 75-78.
- 17 Lihat Al-Qur'an surah An-Nisaa' yang membicarakan undang-undang dan hal ehwal berkaitan wanita. Lihat juga Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, *Wanita dalam Al-Qur'an*, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, Bab 2, 3 dan 4.
- 18 A. Wahab Ali, *Imej Manusia Dalam Sastera*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989, hlm. 123-124.
- 19 *Ibid.*, hlm. 124.

Bab Satu: Riwayat Hidup A. Samad Said

- 1 Karen Horney, *New Ways in Psychoanalysis*, New York: W.W. Norton and Co., 1939, hlm. 113.

- 2 Abu Hassan Othman, "Struktur Famili dan Tingkah Laku Kekeluargaan di Selemak: Satu Kajian Kes", *Akademika*, Bil. 1, Julai 1972, hlm. 37.
- 3 Untuk keterangan lanjut tentang Singapura sila baca Nabir Abdullah, "Pelajaran Orang Melayu Singapura Dari Awal Hingga Tahun 1920: Satu Kajian Terhadap Dasar Pelajaran Inggeris, Pengaruh Kemasyarakatan dan Peranan Agama Ke Atasnya", Tesis Sarjana Sastera, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1982.
- 4 A. Samad Said, *Dari Salina ke Langit Petang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlm. 3 dan 26. A. Samad Said menggambarkan keadaan rumah kediamannya sekeluarga dalam satu wawancara seperti petikan ini: "Pada masa itu [ketika menulis *Salina*] kehidupan saya sebenarnya agak menyepit kerana ibu, ayah, abang dan dua orang adik saya, kami berenam semuanya terpaksa duduk dalam rumah yang rata-ratanya bocor dan biliknya satu". Lihat A.M. Thani (peny.), *Wawancara Sastera*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984, hlm. 33.
- 5 Salmi Manja atau nama sebenarnya Saleha Abd. Rashid juga seorang penulis waktu itu. Beliau mendapat pendidikan agama, Melayu dan Inggeris dan banyak menghasilkan sajak dan cerpen dan mendapat bimbingan dalam lapangan penulisan daripada Harun Aminurrashid, Pak Sako dan Usman Awang. A. Samad Said dan Salmi Manja mendirikan rumah tangga pada 9 April 1959. Sebelum berumah tangga Salmi pernah menjadi wartawan di akhbar *Semenanjung*. Sepanjang tahun 1960-an Salmi telah menghasilkan enam buah novel. Novel-novel itu ialah *Hari Mana Bulan Mana* (1960), *Dari Mana Punai Melayang* (1961), *Hendak Hujan Hujan Sekali* (1967), *Entah Mengapa Hatiku Duka* (1968), *Rindu Hilang Di Tapak Tangan* (1968), *Sayang Ustazah Sayang* (1968). Beliau juga menghasilkan dua buah cerita panjang yang diantologikan bersama iaitu *Badan Piatu Di Rantau Orang* (1965).
- 6 Gambaran ini seiras dengan gambaran yang dilukiskan oleh Salmi Manja dalam novelnya yang berbentuk semi-autobiografi iaitu *Hari Mana Bulan Mana* (ketika menu-

lis itu Salmi Manja masih bertunang dengan A. Samad Said), seperti petikan berikut:

Kampung tempat tunang saya tinggal ini Kampung Udang Galah [nama fiksi] mempunyai beberapa buah rumah atap yang besar dan di dalam rumah-rumah inilah tinggal beberapa keluarga pelbagai bangsa. Yang paling banyak sekali ialah orang-orang India (hlm. 49).

- 7 Tetapi bagi A. Samad Said, suasana begitu dicernakan dengan baik dalam beberapa karyanya seperti tergambar dalam cerpen "Longkang" yang diterbitkan dalam antologi *Di Tepi Jalan*. Kemudian diterbitkan semula dalam antologi *Hati Muda Bulan Muda* (1993). Cerpen ini mengutarakan suasana kehidupan sekelompok manusia yang tinggal di kawasan sesak di kota yang berhadapan dengan suasana keliling rumah yang kotor dan bisung.
Salmi Manja dalam novel semi-autobiografinya *Hari Mana Bulan Mana* (1960) menggambarkan suasana keliling rumah Shamsul (A. Samad Said) tunangnya itu, "Sejak jam sembilan mulanya saya datang ke rumah Shamsul pagi tadi, suara orang bergaduh masih tidak putus-putus kedengaran" (hlm. 161).
- 8 A. Samad Said, 1979, *op. cit.*, hlm. 50.
- 9 Lihat Marilyn D'Cruz, "Samad the Great Divide", *The Star*, 16 Mac 1986 dan surat kepada penulis bertarikh 7 Disember 1991.
- 10 A. Samad Said, *Antara Bulan dan Wira*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989, hlm. 4.
- 11 Surat kepada penulis bertarikh 7 Disember 1991.
- 12 *Ibid.*
- 13 A. Samad Said, *op. cit.*, hlm. 52.
- 14 *Ibid.*, hlm. 52. Tambahan pula bidang penulisan waktu itu bukan suatu bidang yang menjanjikan pulangan kewangan yang lebih diperlukan oleh mereka sekeluarga.
- 15 Surat kepada penulis *op. cit.* Kakaknya meninggal ketika kecil, abangnya meninggal ketika berumur 37 tahun, adik lelaki dan perempuannya sepanjang masa berada di Singapura.
- 16 A. Samad Said, 1989, *op. cit.*, hlm. 4.

- 17 A. Samad Said, 1979, *op. cit.*, hlm. 24. Juga lihat *Mingguan Wanita*, "Samad Sasterawan Unik", 7 Mac 1986.
- 18 *Ibid.*, hlm. 4-5.
- 19 *Ibid.*, hlm. 5.
- 20 Joan E. Cass, *Literature and the Young Child*, Harlow: Longman, 1984, hlm. 52. Juga Tony Bradman, *Will You Read Me A Story?* Rochester: Thorsons Pub., 1987, hlm. 20-21.
- 21 Sebahagian kecil daripada wang itu disedekahkan oleh guru darjahnya yang memahami minatnya membaca, *Berita Harian* edisi Singapura, 17 September 1987.
- 22 A. Samad Said, 1979, *op. cit.*, hlm. 24.
- 23 A. Samad Said, 1989, *op. cit.*, hlm. 17.
- 24 A. Samad Said, 1979, *op. cit.*, hlm. 52.
- 25 A. Samad Said, "Manusia Besar Kerana Berani Menghadapi Rintangan", *Dewan Siswa*, Januari 1991, hlm. 46-47. Kegagapannya itu berlarutan sehingga A. Samad Said bekerja di *Fikiran Rakyat* dan *Utusan Melayu*. A. Samad Said pernah menemui *speech therapist* di England ketika beliau berkursus di sana pada tahun 1975. Tetapi cara paling berkesan mengatasi masalah gagapnya ialah teknik bercakap melawan ombak. Lihat juga Mansor Ahmad Saman, "Cara A. Samad Mengatasi Masalahnya - Bercakap dengan Ombak", *Dewan Sastera*, Mei 1979, hlm. 27-28.
- 26 A. Samad Said, 1989, *op. cit.*, hlm. 4.
- 27 *Ibid.*, hlm. 14.
- 28 Surat kepada penulis bertarikh 7 Disember 1991. Lihat juga Meran Abu Bakar, "A. Samad Said Memuja Wanita", *Wanita*, Mac 1995, hlm. 136-139.
- 29 Salmi Manja, *Hari Mana Bulan Mana*, 1960, hlm. 150.
- 30 Percakapan telefon penulis dengan Salmi Manja pada 1 Oktober 1992.
- 31 *Ibid.*
- 32 Lihat A.M. Thani (peny.), *Wawancara Sastera*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984, hlm. 37. Lihat juga Ahmad Kamal Abdullah (peny.), *Jambak I*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hlm. 18.
- 33 *Ibid.*, hlm. 36 dan hlm. 5.

- 34 Lihat *Keluarga*, November 1990, hlm. 15.
- 35 *Utusan Malaysia*, 4 Februari 1994.
- 36 *Jambak I*, 1993, *op. cit.* hlm. 17.
- 37 *Ibid.*
- 38 Lihat *Diari Kembara*, Shah Alam: Marwilis Publisher, 1989, hlm. 28. Rashidah diminta menyemak tarikh terbit rencana-rencana suaminya di Arkib Negara yang akan diterbitkan dalam sebuah antologi. Di hlm. 62 pula, Rashidah menelefon suaminya yang ketika itu berada di Sabah mengenai urusan deklamasi puisi yang akan disertai oleh A. Samad Said.
- 39 Semasa A. Samad Said berada di Sabah selama sebulan dari 27 Februari – 27 Mac 1989, beliau lebih kerap menghubungi Rashidah dan anak mereka di Ampang. *Ibid.*, hlm. 28, 56, 59 dan 62.
- 40 A. Samad Said, *Warkah Eropah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.
- 41 Surat-surat A. Samad Said itu berjumlah 49 pucuk yang dapat dipecahkan kepada 19 pucuk kepada Rashidah, Salmi Manja, 4. Untuk anak-anaknya: Az 13, Sita Dini 5, Sina Raihan 2, Helmy 2, Siti Senja 2.
- 42 Sharom Ahmat, "The Singapore Malay Community", *Journal of Historical Society*, University of Singapore, 1971, hlm. 40.
- 43 Sharon Siddique dan Nirmala Puru Shotam, *Singapore's Little India: Past, Present and Future*, Singapura: Institute of SEA Studies, 1982, hlm. 7.
- 44 San Swee Hock, "The Population Trend in Singapore", *Journal of SEA History*, 10. 1. University of Singapore, 1969, hlm. 39.
- 45 Ismail Hussein, "Pengarang-pengarang Melayu di Singapura Selepas Perang Dunia II (1945–1958)", *Bahasa*, 1965, PBMUM, No. 7, hlm. 6.
- 46 David L. Sills (ed.), *International Encyclopedia of Social Sciences*, New York: The Mac Millan Co. and the Free Press, 1972, Vol. 9 hlm. 365.
- 47 Mokhtar Abdullah, "Nilai Pelajaran Melayu di Singapura", *Intisari*, Jilid III, No. 3, t.th., hlm. 19.
- 48 Untuk keterangan lanjut sila rujuk Sharon Siddique dan Nirmala Puru Shotam, *op. cit.* Buku ini melihat dari

- sudut sejarah penempatan orang India di Serangoon Road dan daerah sekitarnya yang termasuklah Rangoon Road.
- 49 Malungun lahir pada 26 November 1938 di Chemor, Perak. Beliau merupakan penulis yang mempunyai pelbagai pengalaman pekerjaan daripada seorang guru kepada Pengelola Rancangan Melayu Siaran ke Sekolah-sekolah Radio Malaya, penyunting di Dewan Bahasa dan Pustaka, di samping menjadi wartawan di beberapa buah pejabat akhbar ternama tanah air. Beliau menghasilkan novel antaranya *Gempar* (1966), *Kiambang Bertaut* (1966), *Malang Si Malim I*, *Malang Si Malim 2*, *Rahsia di Sebalik Wajah* (1990). Malungun juga menulis cerpen yang disiarkan dalam antologi bersama *Angin Retak* (1966), *Panorama* (1966) dan *Tinta Pena* (1981).
- 50 Lihat Ahmad Kamal Abdullah (peny.), *Jambak I*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hlm. 137 dan 139.
- 51 A. Samad Ismail, "Halaman Sastera Juga Penting", *Berita Harian*, 24 Julai 1993. Rencana ini ialah ucapannya dalam majlis forum bertajuk "Hak dan Kewibawaan Serta Etika Editor Sastera" yang diadakan di Sudut Penulis, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 16 Julai 1993.
- 52 PENA (Persatuan Penulis Nasional) ditubuhkan pada 12 Januari 1961. Pertubuhan ini diasaskan oleh A. Samad Ismail, Said Zahari, Keris Mas, Asraf, Ali Haji Ahmad, Syed Husin Ali dan disahkan pendaftaran oleh kerajaan pada 2 September 1962. Tujuannya ditubuhkan adalah seperti yang berikut:
- (a) Menyatupadukan penulis-penulis tanah air dari semua peringkat dan segala aliran pendapat.
 - (b) Berusaha seluas-luasnya dalam lapangan bahasa, kesusasteraan dan ilmu pengetahuan, bersesuaian kepentingan-kepentingan nasional dengan tidak terikat kepada dasar-dasar politik kepartian atau terke luar daripada undang-undang negara.

Untuk keterangan lanjut sila baca, Li Chuan Siu, *Ikhtisar Sejarah Pergerakan dan Kesusasteraan Melayu Moden 1945-1965*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1986 hlm. 252-265.

- 53 Siri ceramah yang berisi lapan tajuk sekitar genre sastera telah dibukukan dan diterbitkan dengan judul *Kursus Penulisan*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1964.
- 54 Yahaya Ismail, "A. Samad Said: Kesan Seorang Dalam", *Dewan Masyarakat*, Mei 1966, hlm. 47.
- 55 Lihat Aziz Desa, "Mogok A. Samad Said Timbulkan Banyak Kekeliruan", *Berita Harian*, 4 November 1989. Sebenarnya petikan di atas dinyatakan sebagai salah satu antara sebab A. Samad Said melancarkan Mogok Seni di mana beliau tidak akan berceramah atau menghadiri sebarang kegiatan sastera sama sekali bermula 23 Julai 1989 selama lima tahun. Namun Mogok Seni dibatalkan setahun selepas dilancarkan.
- 56 A. Samad Said, *Diari Kembara*, 1989, *op. cit.*, hlm. 201.
- 57 Lihat A. Samad Said, "Saya Rasa Terhina", *Mastika*, Januari 1990, hlm. 14-16, Wahba, "Samad Said Hurai Sebab Sebenar Mogok Seni", *Mastika*, Januari 1990 hlm. 16-18. Zakariya Ahmad, "Mogok Seni A. Samad Said Ibarat Lilin Membakar Dirinya", *Mingguan Malaysia*, 24 Disember 1989. Kassim Ahmad, "Samad Ajak Semua Kalangan Berfikir", *Berita Harian*, 23 November 1989. Shahnnon Ahmad "Langkah A. Samad Said Menggambarakan Martabat Sastera", *Berita Minggu*, 29 Oktober 1989 dan *Berita Minggu* 5 Oktober 1989.
- 58 A. Ghani Abdullah, "Laila Majnun A. Samad Said", *Mastika*, September 1990, hlm. 10.
- 59 *Laporan Panel Anugerah Sastera Negara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985, hlm. 4.
- 60 A. Samad Said, "Manusia Besar Kerana Berani Menghadapi Rintangan", *Dewan Siswa*, Januari 1991, hlm. 45-47.
- 61 A. Samad Said, *Diari Kembara*, 1989, *op. cit.*, hlm. 80.
- 62 *Ibid.*, hlm. 14.
- 63 Wawancara Suhaimi Haji Muhammad dengan A. Samad Said dalam A.M. Thani (peny.), *op. cit.*, hlm. 33. Lihat juga *Jambak I*, hlm. 2.
- 64 A. Samad Said, 1979, *op. cit.*, hlm. 60.
- 65 A. Samad Said, *Diari Kembara*, 1989, *op. cit.*, hlm. 80.
- 66 A. Samad Said, *Antara Bulan dan Wira*, 1989, *op. cit.*, hlm. 12 dan 364.

- 67 Lutfi Abas, "Claude Simon, Nouveau Roman dan A. Samad Said", *Dewan Sastera*, Disember, 1985, hlm. 18-24.
- 68 Wawancara A. Rahman Yusof dengan A. Samad Said, *Dewan Sastera*, Jun 1987, hlm. 30.
- 69 Wahba, "Samad Said Hurai Sebab Sebenar Mogok Seni", *Mastika*, Januari 1990, hlm. 14-16.
- 70 *Dewan Sastera*, Jun 1987, *op. cit.*, hlm. 30.
- 71 A. Samad Said, *Antara Bulan dan Wira*, 1989, *op. cit.*, hlm. 33.
- 72 *Ibid.*, hlm. 34.
- 73 Temu bual dengan penulis pada 11 Februari 1991 di Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, dan lihat juga Nasrudin Bahari, *Bahasa*, No. 7, 1965, hlm. 65.
- 74 Catherine Belsey, *Critical Practice*, London: Routledge, 1980, hlm. 5.
- 75 Pierre Macherey, *A Theory of Literary Production*, London: Routledge & Kegan Paul, 1978, hlm. 41.
- 76 Cerpen terjemahan pertama A. Samad Said berjudul "Kolutsha" karya Maxim Gorky yang tersiar dalam *Mastika*, Jun 1956.

Selepas itu beliau telah menterjemah 13 buah cerpen karya beberapa orang pengarang terkenal Timur dan Barat yang terkumpul dalam buku *World Prizes Stories*. Terjemahannya banyak tersiar dalam majalah *Mastika*, *Bintang*, *Kehidupan*, dan *Utusan Zaman*.

Cerpen-cerpen terjemahan itu memberi kesan kepada karya-karya A. Samad Said sendiri. Cerpen-cerpen yang dipilih untuk diterjemahkan merupakan karya yang sesuai dengan jiwa muda dan pengalamannya sendiri terutama cerpen yang memberi pemusatan pada perwatakan dan situasi yang diakhiri dengan tragis.

- 77 A. Samad Said, 1979, *op. cit.*, hlm. 19.
- 78 *Ibid.*, hlm. 54.
- 79 *Ibid.*, hlm. 18.
- 80 *Op. cit.*, hlm. 4.
- 81 Lihat *Dewan Sastera*, Februari 1986, hlm. 42-45 dan *Berita Harian*, 26 September, 1990.
- 82 Temu bual dengan penulis di Bandar Baru Bangi pada 10 Mei 1991.

- 83 *The Star*, 16 Mac 1986. Juga Meran Abu Bakar, "A. Samad Said Memuja Wanita", *Wanita*, Mac 1995, hlm. 137.
- 84 Elizabeth Wright, *Psychoanalytic Criticism: Theory and Practice*, London: Methuen, 1984, hlm. 107.
- 85 Surat A. Samad Said kepada pengkaji bertarikh 7 Disember 1991.
- 86 Temu bual dengan penulis pada 10 Mei 1991.

Bab Dua: Wanita dalam Masyarakat

- 1 Henry Betts, "Multiracialism, Meritocracy and the Malays of Singapore", Tesis Ph.D., Massachusetts Institute of Technology, 1975, hlm. 52.
- 2 Mary Turnbull, *A History of Singapore 1819 - 1975*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1977, hlm. 131.
- 3 Untuk mengetahui hal ini dengan lebih mendalam sila baca, Khazin Mohd. Tamrin, *Orang Jawa di Selangor Penghijrahan dan Penempatan 1880-1940*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987.
- 4 Di Singapura sebuah syarikat kepunyaan keluarga Alsagoff telah menawarkan peluang kepada bakal haji dengan memberi wang tambang perjalanan. Tawaran ini diberi dengan syarat bakal haji itu menandatangani satu perjanjian, sama ada membayar balik jumlah wang pinjaman tersebut ataupun bekerja di kawasan ladang Alsagoff itu hingga jumlah wang hutang selesai dibayar (*Ibid.*, hlm. 48) Lihat juga Raden Soenarno, "Malay Nationalism", *JSEAH*, Vol. I, Mac 1960, hlm. 1-28.
- 5 Wan Ab. Kadir, *Budaya Popolar Dalam Masyarakat Melayu Bandaran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988, hlm. 45.
- 6 *Warta Malaya* dibiayai oleh Syed Hussein bin Ali Al-Sagoff, lihat Zulkifli Mahmud, *Warta Malaya Penyambung Lidah Bangsa Melayu 1930-1941*, Universiti Kebangsaan Malaysia: Jabatan Sejarah, 1979 hlm. 2.
- 7 William Roff, *The Origin of Malay Nationalism*, Kuala Lumpur: University Malaya Press, 1974, hlm. 41. Lihat juga Judith Djamour, *Kekeluargaan dan Perkahwinan*

- Orang Melayu Singapura*, (terjemahan), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlm. 5-6.
- 8 *Ibid.*, hlm. 58.
 - 9 Wan Ab. Kadir, 1988, *op. cit.*, hlm. 55.
 - 10 Khoo Kay Kim, *Malay Society: Transformation and Democratisation*, Petaling Jaya: Pelanduk, 1991, hlm. 167.
 - 11 Caroline Gerhold, "Factors Relating to Educational Opportunities for Women Residents of the Malay Peninsula", Disertasi Ph. D., Cornell University, 1971, hlm. 29.
- Sebagai contoh ialah Kontek Kamariah bt. Ahmad, anak seorang penghulu dan Tom Ab. Razak, anak seorang majistret yang kemudiannya menjadi setiausaha sulit Sultan Sulaiman iaitu Sultan Selangor. Kedua-dua wanita ini bersekolah Melayu dan Inggeris seterusnya menjadi guru selepas tamat sekolah rendah. Kontek Kamariah pernah menjadi penyelia sekolah Melayu Selangor pada tahun 1932 - 1945. Tom pula pernah menjadi penolong guru besar di Sekolah Perempuan Inggeris Kampung Bharu, Alor Setar pada tahun 1929. Lihat *Berita Harian*, 12 Februari 1985 dan 11 April 1985, juga *Utusan Malaysia*, 3 Mac 1984 dan 21 April 1984. Lihat juga *Biografi Wanita Malaysia*, Kuala Lumpur: Pertiwi, 1983, hlm. 65 dan 157.
- 12 Syed Sheikh Al-Hadi, *Hikayat Faridah Hanom* atau *Hikayat Setia Asyik kepada Maasyuknya*, Pulau Pinang: Jelutong Press, 1925 dan Jilid II pada tahun 1926 dalam tulisan Jawi. Dicitak semula tahun 1964 dan 1985 oleh Pustaka Antara, Kuala Lumpur.
 - 13 Zabedah Awang Ngah, *Renongan: Antologi Esei Melayu dalam Tahun 1924-41*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1964. Lihat Bahagian Wanita, hlm. 162-187. Lihat juga Fairrose Shamsudin, "Penulis-penulis Guru Wanita: Satu Analisis Berdasarkan *Majalah Guru 1924-41*", Latihan Ilmiah, Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1992/93.
 - 14 Lihat Rosliah Mahamud, "Majalah *Bulan Melayu*" Latihan Ilmiah, Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1984. Lihat juga Shaharom Hussein, "Peranan *Bulan Melayu* dan Tokoh-tokohnya Dalam Perkembangan Bahasa dan Persuratan Melayu", Mimeograf

- Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, t.th.
- 15 Turnbull, 1977, *op. cit.*, hlm. 145. Lihat juga Judith Dja-mour, 1979, hlm. 8-11.
 - 16 Christine Inglis, "Education Policy and Occupational Structures in Peninsular Malaysia" dalam C. Jackson dan Martin Rudner (ed.), *Issues in Malaysian Development*, Singapura: Heinmann, 1979 hlm. 222. Lihat juga Lenore Manderson, "A Woman's Place: Malay Women and Development in Peninsular Malaysia" dalam C. Jackson dan Martin Rudner (ed.), *Issues in Malaysian Development*, Singapura: Heinemann, 1979, hlm. 255.
 - 17 Awang Had Salleh, *Malay Secular Education and Teacher Training in British Malaya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlm. 54.
 - 18 Johan Jendul, "Inteligensia Didikan Melayu Negeri Melaka 1920 - 41: Sumbangan Mereka Dalam Kegiatan Penulisan dan Pertubuhan Sosial dan Ekonomi", Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1973, hlm. 56-62.
 - 19 *Ibid.*, hlm. 61. Lihat juga Fatimah Haji Musip, "Kenangan Manis di Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka", *Pendidikan Guru*, Terbitan Khas Sempena Perayaan Jubli Intan, 29 November, 1982, hlm. 27-36.
 - 20 Zabedah Awang Ngah, 1964, *op. cit.*, hlm. 162-187.
 - 21 *Berita Harian* dalam ruangan Bila Sauh Di Labuh, 9 November 1988.
 - 22 *Berita Malai* ialah gabungan penerbitan *Warta Malaya* dan *Utusan Melayu* yang diletakkan di bawah agensi "Malai Syinbun Sya" Syarikat Persuratkhabaran Melayu.
 - 23 Majalah ini merupakan majalah yang diterbitkan dua kali seminggu dalam tulisan rumi. Tetapi pada Mei 1944 diambil alih oleh "Malai Syinbun Sya" atas alasan untuk berjimat cermat kerana masalah kekurangan kertas, lihat Kamaruzzaman Kadir, *Nasionalisme Dalam Puisi Melayu Moden 1933 - 1957*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982, hlm. 59.
 - 24 Hamidah Hassan dilahirkan di Singapura pada 17 Disember 1926 dan mendirikan rumah tangga dengan A. Samad Ismail tahun 1945. Dalam perjuangan kemerdekaan

- beliau bergerak cergas dalam gerakan UMNO Singapura. Menjadi ketua Gerakan Kaum Ibu UMNO Singapura 1953 hingga 1958. Beliau juga seorang novelis yang menghasilkan *Meniti Pelangi* (1964) lihat *Berita Minggu* 15 Julai 1990.
- 25 Diceritakan oleh Adibah Amin dalam autobiografinya *Tempat Jatuh Lagi Dikenang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983, hlm. 26. Lihat juga He Wen-Lit, *Syonan Interlude*, Singapura: Mandarin, 1992, hlm. 8.
 - 26 Halinah Bamadhaj, "The Impact of the Japanese Occupation of Malaya on Malay Society and Politics (1941-45)", Tesis M.A., University of Auckland, New Zealand, 1975, hlm. 53.
 - 27 Turnbull, 1977, *op. cit.*, hlm. 178. Lihat juga He Wen-Lit, *op. cit.*, hlm. 1-35. Lihat juga Danaraj, *Japanese Invasion of Malaya and Singapore: Memoirs of a Doctor*, Kuala Lumpur: Danaraj, *op. cit.* hlm. 56-103.
 - 28 Abdul Samad Ahmad, *Sejambak Kenangan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981, hlm. 149. Lihat juga Danaraj, *op. cit.*, hlm. 72.
 - 29 Turnbull, 1977, *op. cit.* hlm. 185.
 - 30 Adibah Amin, 1983, *op. cit.*, hlm. 27. Lihat juga Anwar Abdullah, *Dato Onn*, Petaling Jaya: Pustaka Nusantara, 1971, hlm. 91.
 - 31 Halinah Bamadhaj, 1975, *op. cit.*, Bab Satu.
 - 32 Barang catuan ini sebagai tambahan bagi pendapatan pegawai-pegawai kerajaan yang dikeluarkan sebulan sekali termasuklah beras, garam dan gula serta rokok. Kuantiti yang diberi berubah-ubah mengikut suasana perang. Semakin lama Jepun memerintah semakin kurang catuan yang diterima. Sila lihat Ahmad Boestamam, *Lambaian Dari Puncak*, Kuala Lumpur: Mahakarya 1983, hlm. 2. Lihat juga He Wen-Lit, *op. cit.*, hlm. 154-156.
 - 33 Abdul Samad Ahmad, 1981, *op. cit.*, hlm. 188. Mariah ialah anak gadis Hj. Nordin guru pertanian Maktab Perguruan Sultan Idris yang pernah mendapat pendidikan di Maktab Perguruan Matang Perak. Akhirnya Mariah menjadi isteri Abdul Samad Ahmad, Hamidah Hassan juga pernah menjadi guru bahasa Jepun di Singapura. Lihat

- Wan Sabariah Sheikh Ali, "Cik Sri Siantan Dalam Kenangan", *Berita Minggu*, 15 Julai 1990.
- 34 Pada zaman perang, wanita sering menjadi mangsa kekejaman askar-askar seperti yang dialami oleh pelarian Rohingya yang melarikan diri dari Burma ke sempadan Bangladesh, lihat *Newsweek*, 20 Januari 1992, hlm. 39. Lihat juga He Wen-Lit, *op. cit.*, hlm. 108.
- 35 A. Samad Ismail, "Mencari Rahsia Rumah Pangsa di Lorong 12" dalam ruangan "Bila Sauh di Labuh", *Berita Harian*, 1 Februari 1992. Bilangan mereka yang terlibat tidak diketahui kerana belum ada kajian tentangnya dilakukan. Pada zaman perang di Korea ramai gadis muda dipaksa menjadi pelacur yang digelar "*comfort woman*" untuk menghiburkan askar-askar Jepun yang menakluki Korea. Lihat *Newsweek*, 20 Januari 1992, hlm. 36-37. Lihat juga He-Wen-Lit, *op. cit.*, hlm. 88-91. *Op. cit.*, *Berita Minggu*, 12 September 1993, pengakuan seorang bekas hamba seks di Kota Bharu, Kelantan yang pernah dibawa ke Burma.
- 36 Menurut *Malai Sinpo* 29.7.03 terdapat 50 orang wanita Melayu bekerja di pejabat kerajaan Johor, dipetik daripada Halinah Bamadhaj, 1975.
- 37 Propaganda ini dapat dilihat dalam *Semangat Asia*, Januari 1944 juga dalam *Syonan Shimbun*, 10.2.04 dan *Perubahan Baru*, 15.1.05. *Ibid.*
- 38 Lee Ting Hui, "Singapore Under the Japanese 1942-45", *Journal of the South Sea Society*, XVII, April 1962, hlm. 49. Lihat juga Danaraj, *op. cit.*, hlm. 112-113.
- 39 *Perubahan Baru* 15.1.05, dipetik daripada Halinah Bamadhaj, 1975.
- 40 Halinah Bamadhaj, 1975, *op. cit.*, Bab Satu.
- 41 *Ibid.*, Lihat juga Lee Ting Hui, *op. cit.*, hlm. 43.
- 42 Turnbull, 1977, *op. cit.*, hlm. 209.
- 43 Lee Ting Hui, 1962, *op. cit.*, hlm. 66 dan *ibid.*, hlm. 218.
- 44 Department of Social Welfare, *A Social Survey of Singapore*, Singapore, 1947 hlm. 75.
- 45 Aishah Ghani, *Memoir Seorang Pejuang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 123.
- 46 Rokiah Talib, "Wanita dan Pengaruh Sosial", *Dewan Masyarakat*, November 1987, hlm. 9.

- 47 Abu Hassan Othman, "Struktur Famili dan Tingkah Laku Kekeluargaan di Selemak: Satu Kajian Kes", *Akademika*, Julai 1972, hlm. 30.
- 48 Noeleen Heyzer, *Working Women In South-East Asia: Development, Subordination and Emancipation*, Milton Keynes: Open University Press, 1986, hlm. 15.
- 49 Rokiah Talib, "Jalinan Hubungan Sosial di Kampung Bandaran" dalam Zainal Kling (ed.), *Masyarakat Melayu Antara Tradisi dan Perubahan*, Kuala Lumpur: Utusan Melayu Publications, 1977, hlm. 216 dan 218.
- 50 *Ibid.*, hlm. 217.
- 51 Abu Hassan Othman, 1972, *op. cit.*, hlm. 32.
- 52 Pauline Hunt, *Gender and Class Conciousness*, London: Macmillan, 1980, hlm. 15.
- 53 Zainal Kling, "Bentuk Organisasi Keluarga di Kampung Melayu", dalam *Masyarakat Melayu Antara Tradisi dan Perubahan*, Kuala Lumpur: Utusan Melayu Publications, 1977, hlm. 75.
- 54 Carol Laderman, "Putting Malay Women in Their Place" dalam *Women of Southeast Asia*, Penny Van Esterik (ed.), Occasional Paper No. 9, 1982, Northern Illinois University Center for SEA Studies, hlm. 97.
- 55 Frank Swettenham, *The Real Malay*, London: John Lane, 1918 (ed. 2), hlm. 269-270.
- 56 Zaharah Nawawi, "Wanita Menuntut Hak", *Mastika*, Disember 1975, hlm. 64-71.
- 57 *Ibid.*
- 58 Judith Djamour, *Kekeluargaan dan Perkahwinan Orang Melayu Singapura* (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlm. 195.
- 59 Heather Strange dalam kajiannya dalam tahun 1970-an tentang tradisi dan perubahan orang Melayu di kampung Rusila Terengganu mendapati praktis ini masih dijalankan. Lihat Heather Strange, *Rural Malay Women in Tradition and Transition*, New York: Praeger, 1981.
- 60 Khadijah Muhammad, "Wanita Melayu dan Pekerjaan", Tesis Sarjana, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1969.
- 61 Abbas Mahmoud Al-Akkad, *Wanita Dalam Al-Qur'an*,

- (terj.) Chadidjah Nasution, Jakarta: Bulan Bintang, 1976, hlm. 21.
- 62 Al-Qur'an, surah adz-Dzaariyaat, ayat 56.
- 63 Al-Qur'an, surah an-Nisaa', ayat 34.
- 64 Al-Qur'an, surah ar-Ruum, ayat 21.
- 65 Anis Ahmad dan Muslim Sajjad, *Muslim Women and Higher Education: A Case For Separate Institutions and A Work Plan For Women's University*, Islamabad: Institute of Policy Studies, t.th., hlm. 68.
- 66 *Ibid.*, hlm. 76.
- 67 Al-Qur'an, surah al-Mujaadalah, ayat 11.
- 68 Syed Sheikh Al-Hadi, *Alam Perempuan*, Pulau Pinang: Jelutong Press, 1930.
- 69 Syed Sheikh Al-Hadi, *Hikayat Faridah Hanom* atau *Hikayat Setia Asyik kepada Maasyuknya*, Pulau Pinang: Jelutong Press, 1925 dan 1926 (2 jilid). Novel ini diterbitkan semula dalam tulisan rumi oleh Pustaka Antara, Kuala Lumpur, pada 1964 dan 1985 *op. cit.*
- 70 Perbincangan lanjut mengenai kedudukan Syed Sheikh Al-Hadi sebagai ulama, modenis dan novelis sila baca, Ibrahim Abu Bakar, "Islamic Modernism In Malay As Reflected In Hadi's Thought", Disertasi Ph.D., Mc Gill University, 1992. Juga, Talib Samat, *Syed Sheikh Al-Hadi - Sasterawan Progresif Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992. Juga, Idrus b. Md. Jani, "Faham Pembaharuan Syed Sheikh Al-Hadi Seperti Tercermin dalam Novelnya *Hikayat Faridah Hanom*: Satu Penilaian". Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1978/79. Juga Au Yong Geok Lian, "Satu Analisis Sosiologikal Penulisan Tokoh-tokoh Sasterawan Lelaki Pro-Feminis Dekad 1920-40-an: Tumpuan Khusus kepada Penulisan yang Berhubung dengan Emansipasi Wanita", Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1993.
- 71 Syed Sheikh Al-Hadi, 1964, *op. cit.*, hlm. 117.
- 72 Mahmud Saedon Awang Othman, "Membahagikan Kasih Sayang Dalam Poligami", *Berita Harian*, 14 September 1993.
- 73 Al-Qur'an, surah an-Nisaa', ayat 129.

Bab Tiga: Konteks Zaman dan Masyarakat Manusia dalam Novel A. Samad Said

- 1 Shlomith Rimmon-Kenan, *Narrative Fiction: Contemporary Poetics*, London: Methuen, 1983, hlm. 69.
- 2 *Ibid.*, hlm. 69.
- 3 *Ibid.*, hlm. 70.
- 4 Seniwati Roekiah digelar sebagai "Dorothy Lamour of Indonesia" dilahirkan di Bandung dalam tahun 1917 di tengah-tengah keluarga opera dan main wayang. Dia ialah primadona Opera "Palistina" yang kemudiannya menjadi Ratu Filem Indonesia pada zaman awal industri filem Indonesia pada tahun 1930-an. Roekiah seorang bintang yang mengangkat nama dunia filem Nusantara termasuk Malaysia. Roekiah cukup popular pada tahun 1930-an dan 1940-an dan dianggap sebagai pelopor kemajuan filem Indonesia. Nama Roekiah sebagai Ratu Layar Perak terangkat tinggi dalam filem "Terang Bulan" yang diterbitkan dalam tahun 1937. Dia juga berlakon dalam filem "Gagak Hitam" (1939), "Siti Akhbari" (1939), "Sorga ke Tujuh" (1940), "Roekiahati" (1941) "Poesaka Terpendam" (1941), "Koeda Sembarani" dan "Keseberang" (1945). Roekiah meninggal dunia pada tahun 1945 meninggalkan lima orang anak dan salah seorang menuruti jejaknya bergiat dalam filem ialah Rahmat Kartolo. Untuk keterangan lanjut rujuk Osman Abadi, "Roekiah: Primadona Filem Indonesia Perkenal Lagu Terang Bulan", *Suara Finas*, Bil. 6, November 1991, Tahun 1, hlm. 11. Lihat juga Tengku Syed Abdul Kadir dan Zen Rosdy, *Sejarah Seni-Drama*, Singapura: Pustaka Melayu, 1963, 156-159.
- 5 Safian Hussain *et al.* (peny.), *Glosari Istilah Kesusasteraan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988, hlm. 219.
- 6 Rimmon-Kenan, 1983, *op. cit.*, hlm. 6.
- 7 Safian Hussain *et al.*, (peny.), 1988, *op. cit.*, hlm. 114.
- 8 Norman Friedman, *Form and Meaning in Fiction*, Athens: The University of Georgia Press, 1975, hlm. 80.
- 9 *Ibid.*, hlm. 81.
- 10 Lihat Ting Chew Peh, *Konsep Asas Sosiologi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlm. 59.

- 11 Lihat *blurb* buku *Antara Bulan dan Wira*, 1989, dan *Berita Minggu*, 4 Mac 1990 halaman "Tokoh Sastera".
- 12 A. Samad Said, *Dari Salina ke Langit Petang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlm. 60.
- 13 *Ibid.*, hlm. 63.
- 14 Rimmon-Kenan, 1983, *op. cit.*, hlm. 66.
- 15 Menurut Ting Chew Peh, kawalan sosial ialah cara yang digunakan oleh masyarakat kelompok untuk mempengaruhi tingkah laku anggotanya supaya mereka mematuhi norma-norma, tradisi dan pola-pola tingkah laku yang mustahak bagi melicinkan perjalanan masyarakat kelompok itu. Satu bentuk kawalan sosial yang lebih asas adalah bergantung pada internalisasi individu mengenai norma sosial, nilai dan jangkauan rol (*role expectations*) melalui proses sosialisasi. Untuk keterangan lanjut lihat *op. cit.*, 1979, hlm. 48.
- 16 Kewibawaan merupakan kuasa yang telah disah dan diinstitusikan dalam sesuatu masyarakat atau sistem sosial. Ting Chew Peh, 1979, *op. cit.*, hlm. 60-61.
- 17 A. Samad Said, 1979, *op. cit.*, hlm. 60.
- 18 Antara kritikan awal terhadap novel ini adalah oleh Prof. A. Teeuw. Beliau memberi ceramahnya yang berjudul "Sastera Melayu Moden yang Saya Baca" diadakan di bilik kuliah B, Universiti Malaya pada 21 September 1964 atas anjuran PENA. Kemudian pendapat beliau itu disiarkan dalam majalah *Dewan Bahasa*, November, 1964 hlm. 517-524. Ceramah Prof. A. Teeuw dikupas oleh Usman Awang (lihat *Dewan Masyarakat*, November, 1964, hlm. 40-43) dan oleh Harun Aminurrashid (Lihat *Medan Sastera*, Mac 1965, hlm. 124-134). Untuk keterangan lanjut lihat Li Chuan Siu, *Ikhtisar Sejarah Pergerakan dan Kesusasteraan Melayu Moden 1945-1965*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1986 hlm. 442-444.) Setelah itu antara rencana dan kajian yang mengupas novel *Salina* ialah:
 - i. Laurent Metzger, "Salina; Sebuah Hasil Autobiografi", *Dewan Sastera*, Julai 1972, hlm. 6-9.
 - ii. A. Bakar Hamid, "Arah Perkembangan Kesusasteraan Melayu", *Dewan Bahasa*, Ogos 1973.
 - iii. Shahnnon Ahmad, "Siti Salina: Sebuah Renungan Kembali", *Dewan Sastera*, Oktober 1979, hlm. 47-51.

- iv. Kassim Ahmad, "*Salina - Kesan-kesan Naturalisme dan Materialisme*", *Dialog Dengan Sasterawan*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pena, 1979.
 - v. Ungku Maimunah Mohd. Tahir. "Perihal Kesusasteraan Novel *Salina* Satu Undangan untuk Merenung Kembali Tradisi Kritikan Kita", *SARI* Jilid 11 Julai 1993, hlm. 47-61.
 - vi. Wahab Wahidun, "*Salina dan Badai Semalam* dari Perspektif Feminis", Latihan Ilmiah, Jabatan Peruratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989/90.
- 19 Lihat Keris Mas, *30 Tahun Sekitar Sastera*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlm. 190-194. Lihat juga A. Samad Ahmad, *Sejambak Kenangan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981, hlm. 296-299.
 - 20 Pengakuan A. Samad Said ketika ditemu bual oleh Marilyn D'Cruz, "Samad Over the Great Divide", *Star*, 13 Mac 1986.
 - 21 A. Teeuw, "Ulasan Buku Umum: *Salina*", *Dewan Bahasa*, November 1964, hlm. 517-524.
 - 22 Novelet ialah cereka yang ukuran panjang pendeknya adalah antara ukuran cerpen dan novel mengandungi antara 15 000 hingga 50 000 perkataan. Novelet mengutamakan persoalan tentang perkembangan watak walaupun bilangan wataknya terbatas, ruang waktu yang relatif pendek dan mengandungi satu renteran peristiwa sahaja. Safian Husain *et al.*, 1988, *op. cit.*, hlm. 219.
 - 23 *Sejarah Kesusasteraan Melayu II*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hlm. 264. Novel A. Samad Said iaitu *Sungai Mengalir Lesu* pertama kali diterbitkan oleh sebuah penerbit baru iaitu Pustaka Gunung Tahan pada tahun 1967.
 - 24 Lihat A. Samad Said, *Diari Kembara*, Shah Alam: Marwilis Pub., 1989, hlm. 80. Lihat juga bab satu kajian ini iaitu Hubungan dengan Ciptaannya.
 - 25 Sepanjang yang dikaji terdapat hanya dua kritikan yang membincangkan novelet ini iaitu Ismail Ahmad, "Novel *Ke mana Terbangnya Si Burung Senja* Khayal?" *Utusan Zaman*, 21 Ogos 1966 dan "Analisa Novel *Ke mana Ter*

- bangnya Si Burung Senja* dijawab: Novel Samad Said bukan *Hikayat Seribu Satu Malam*", *Utusan Zaman*, 4 September 1966.
- 26 Shahnnon Ahmad, "Siti Salina: Sebuah Renungan Kembali", *Dewan Sastera*, Oktober, 1979, *op. cit.*, hlm. 50.
- 27 Wawancara Siti Zaleha Hashim dengan Johan Jaaffar, "Mana Drama Tempatan", *Dewan Budaya*, September 1986, hlm. 51-55.
- 28 Shahnnon Ahmad, 1979 *op. cit.*, hlm. 51. Juga pendapat A. Teeuw, *op. cit.*, hlm. 517-524.
- 29 *Ibid.*
- 30 *Ibid.*
- 31 *Ibid.*
- 32 A. Samad Said, *Antara Bulan dan Wira*, 1989, *op. cit.*, hlm. 15.
- 33 Colette Dowling, *The Cinderella Complex: Woman's Hidden Fear of Independence*, New York: Pocket Books, 1981, hlm. 21.
- 34 Kisah kesengsaraan hidup pada zaman pemerintahan Jepun itu dialami oleh Hanafi, watak sampingan novel *Langit Petang*. Hanafi seorang bekas guru lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris mengimbas kembali kesengsaraan hidupnya itu pada Hafiz. Menurut penilaiannya penderitaan hidup zaman itu tiada bandingannya dengan pengalaman menempuh banjir ketika itu. Pada zaman Jepun dia pernah makan bangkai kucing kerana ketiadaan makanan. *Langit Petang*, 1980, hlm. 92-96.
- 35 Lutfi Abas, "Claude Simon, Nouveau Roman dan A. Samad Said", *Dewan Sastera*, Disember 1985, hlm. 18-24. *Nouveau Roman* atau *new fiction* ialah pendekatan baru bagi penulisan novel yang muncul di Perancis pada sekitar 1950-an. Antara pengarang yang menulis novel begini ialah Michel Butor, Allain Robbe-Grillet dan Nathalie Sarraute. Mereka digolongkan sebagai *French New Wave*. Tujuan mereka ialah meninggalkan metode penulisan lama (seperti naratif yang berurutan, perwatakan yang tersusun dan yang paling penting komen pengarang) untuk melahirkan fiksi baru yang sesuai untuk zaman baru. Teknik *avant-garde* dalam karya mereka meliputi naratif yang beranjak (*dislocated narrative*), penekanan

- yang berlebihan pada perkara remeh atau perincian yang tidak berurutan. Antara penulis terbaik untuk golongan *French New Wave* ini ialah novelis Marguerita Duras. Di luar Perancis penulis yang menggunakan teknik ini ialah Jorge Luis Borges, Lawrence Durrell dan Gunter Grass. Lihat Kenneth Mc Leish (ed.), *Guide to Human Thought*, London: Bloomsbury, 1993, hlm. 513.
- 36 Johan Jaaffar, "Is Hujan Pagi Really Good?" *New Straits Times*, 25 Mac 1992. Lihat juga Johan Jaaffar, "Tentang A. Samad Said dan Hujan Pagi", *Mingguan Malaysia* dalam ruang "Selayang Pandang", 29 November 1992.
 - 37 Nurul Ain Rosdik, "Dunia Kewartawan dan Hujan Pagi", *Bacaria*, 19 Ogos 1987.
 - 38 Johan Jaaffar, *New Straits Times*, 1992, *op. cit.*
 - 39 Gabriel Marquez merupakan pemenang Hadiah Nobel tahun 1982. Novelnya ini telah diterjemahkan ke bahasa Melayu oleh Mokhtar Ahmad dan Zulkifli Ahmad dengan judul *Sumpah Tujuh Keturunan*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993. Untuk keterangan lanjut mengenai novelis ini lihat *World Literature Criticism 1500 to the Present*. Jilid 3, Detroit: Gale Research, hlm. 1355-1372.
 - 40 Johan Jaaffar, *Mingguan Malaysia*, 1992, *op. cit.*
 - 41 A. Samad Said, "Antara Salina dan Hujan Pagi Pengalaman dan Proses Penciptaan", *Dewan Sastera*, Ogos 1993 hlm. 72.
 - 42 *Ibid.*
 - 43 Johan Jaaffar, *Mingguan Malaysia*, 1992, *op. cit.*
 - 44 A. Wahab Hamzah, "Novel ke Filem: Hubungan yang Mencurigakan?", *Dewan Sastera*, September 1992, hlm. 7.
 - 45 Akta ini telah diperkenalkan pada tahun 1971 setelah berlaku beberapa siri demonstrasi mahasiswa beberapa pusat pengajian tinggi di Kuala Lumpur. Demonstrasi ini tercetus kerana mahasiswa berasa turut terlibat menyatakan tidak puas hati terhadap beberapa isu semasa seperti dakwaan berlaku kebuluran di Baling, Kedah dan penganiayaan umat Islam di Selatan Thailand. Dalam demonstrasi 3 Disember 1974, 1100 mahasiswa telah ditangkap. Dengan berkuatkuasanya akta ini pada tahun 1975 bermakna mahasiswa dilarang berdemonstrasi lagi.

- Lihat Mohd. Adilan Jusuh, "Akta Universiti dan imej mahasiswa: Mampukah Memberi Nafas Baru", *Dewan Masyarakat*, Mei 1996, hlm. 43-44. Lihat juga Muhammad Abu Bakar, *Mahasiswa Menggugat*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1973.
- 46 Temuramah dengan A. Samad Said di rumah penulis di Bandar Baru Bangi pada 10 Mei 1991.
- 47 Norazit Selat, "Masyarakat Dalam Langit Petang", *Dewan Sastera*, Januari 1989, hlm. 39.
- 48 A. Wahab Hamzah, 1992, *op. cit.*, hlm. 7.
- 49 A. Samad Said, 1979, *op. cit.*, hlm. 68-76.
- 50 Lihat Safian Hussain, *et. al.*, *op. cit.*, 9.
- 51 A. Wahab Hamzah, 1992, *op. cit.*, hlm. 7.
- 52 Lutfi Abas, 1985, *op. cit.*, hlm. 22.
- 53 Selain tanpa plot konvensional, ciri-ciri *Nouveau Roman* adalah dari segi tema merupakan rakaman pengalaman metafisis, kehancuran fikiran rasional, hidup sementara manusia di dunia dan kegagalan individu. Dari segi watak-watak pula digambarkan tanpa huraian fotografis, tanpa menolog dalaman, tanpa analisis kejiwaan. Dari sudut kejadian pula hanya beberapa kejadian sahaja (*snapshots*) dalam sesebuah novel, gerak yang lambat hampir seperti lukisan (*slow motion, animation*) dan tanpa pendapat penulis (*meta-narration*). Untuk keterangan lanjut lihat nota kaki no. 35 dan 52, dan John Fletcher, *Claude Simon and Fiction Now*, London: Clader and Boyars, 1975, hlm. 19-55.
- 54 Bab I, hlm. 1-5.
 Bab II, hlm. 15-20.
 Bab III, hlm. 29-34, hlm. 41-47.
 Bab VI, hlm. 66-70, hlm. 78-86.
 Bab X, hlm. 112-117, hlm. 127-132.
 Bab XII, hlm. 148-155.
 Bab XIII, hlm. 165-173.
- 55 Ungku Maimunah Mohd. Tahir, "Penilaian dan Pengujian Novel serta Cerpen", kertas kerja Seminar Kebangsaan Pengajian dan Penilaian Kesusasteraan, di Maktab Perguruan Perempuan Melayu Durian Daun, Melaka, 17-18 Disember 1993, hlm. 16.
- 56 Fatimah Busu, *Daerah Zeni: Kolaj Novel Malaysia Masa*

- Depan, *Dewan Sastera*, Oktober 1992, hlm. 83.
- 57 Lihat nota kaki 35 dan 53.
- 58 Fatimah Busu, 1992, *op. cit.*, hlm. 84.
- 59 Alain Robbe-Grillet, *In the Labyrinth*, New York: Grove Press, 1965.
- 60 Umar Junus, "Daerah Zeni Daerah Spekulasi", *Dewan Sastera*, Februari 1986, hlm. 38.
- 61 Wawancara A. Rahman Yusof dengan A. Samad Said, "Tidak Mustahil Negara Kecil Menghasilkan Sastera yang Besar", *Dewan Sastera*, Jun 1987, hlm. 30.
- 62 Fatimah Busu, 1972, *op. cit.* hlm. 84.
- 63 Shahnon Ahmad, "Tassawur Sasterawan Lazri Meon dalam Daerah Zeni", *Dewan Sastera*, Ogos 1986, hlm. 55.
- 64 Lihat nota kaki 45.
- 65 Johan Jaaffar, *Mingguan Malaysia*, 1992, *op. cit.*
- 66 Sahlan Mohd. Saman, "Hujan Pagi: Antara Ilusi dan Realiti", *Dewan Sastera*, September 1988, hlm. 66.
- 67 Dipetik daripada rencana Alina Rane, "Hujan Pagi in the Shadow of Salina", *New Straits Times*, 14 Ogos 1987.

Bab Empat: Wanita dalam Novel

- 1 Pendapat A. Samad Said dalam temuramah dengan penulis di Bandar Baru Bangi pada 10 Mei 1992. Pendapat ini dinyatakan lebih awal dalam novel kanak-kanak beliau *Jalan Retak*, Kuala Lumpur: Pustaka Melayu Baru, 1980, seperti petikan "... bahawa semakin diketahui liku-liku hidup moden, dan semakin dimintanya atau dituntutnya dari sesuatu perkahwinan.... Orang pandai selalu meminta lebih banyak dari seorang" (hlm. 30).
- 2 Maggie Humm, *The Dictionary of Feminist Theory*, Hemel Hempstead: Harvester Wheatsheaf, 1989, hlm. 211.
